



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KEDUA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

30 APRIL 2019 (SELASA)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

30 APRIL 2019 (SELASA)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	5 - 7
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 11 – Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil)	8
Soalan No. 12 – Ahli Kawasan (YB. Nor Hafizah Binti Othman)	9
Soalan No. 13 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)	11
Soalan No. 14 – Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah)	13
Soalan No.16 – Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad)	14
Soalan No. 17 – Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim)	19
Soalan No. 18 – Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq)	20
Soalan No. 19 – Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee)	23
Soalan No. 21 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	26
Soalan No. 23 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	27
Soalan No. 25 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)	29
PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)	30

Kandungan	Muka Surat
PERBAHASAN USUL TERIMA KASIH KE ATAS UCAPAN PERAMSIAN T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG	
Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	31
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	36
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	44
DEWAN DITANGGUHKAN	
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	52
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	58
Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	69
Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	75
Ahli Kawasan BeraPIT (YB. Heng Lee Lee) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	78
Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	85
Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	90
Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	95

Kandungan	Muka Surat
Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	101
DEWAN DITANGGUHKAN	
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	106
DEWAN DITANGGUHKAN	

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 30 APRIL 2019 (SELASA)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
9.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
10.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
11.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
12.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
21.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
22.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
25.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
26.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
27.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
28.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
29.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
30.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
31.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
32.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
33.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
34.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
35.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
36.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
37.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
38.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
39.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
40.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Tuan Norazmi Bin Mohd Narawi	Penasihat Undang-Undang Negeri

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy

-

Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi

-

Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.
Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Bacaan Doa”

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung dengan soalan lisan. Sila Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Dengan izin Dato’ Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 11.

No. 11. Nyatakan mekanisma yang diambil oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk memastikan dan mewajibkan teks khutbah Jumaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Mufti dibaca oleh setiap khatib di masjid-masjid seluruh Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Assalamualaikum Warahmatullah. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Kepada soalan YB. Permatang Pasir yang meminta dinyatakan mekanisma yang diambil oleh Majlis Agama Islam untuk memastikan dan mewajibkan teks khutbah Jumaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Mufti dibaca oleh setiap khatib di masjid-masjid seluruh Pulau Pinang. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha menjaga kemuliaan mimbar Jumaat dengan menyediakan dan mengedarkan teks khutbah pada setiap Jumaat kepada semua masjid.

Pelbagai pendekatan dibuat bagi memastikan teks khutbah yang dikeluarkan dibaca oleh khatib dengan mengadakan pemantauan serta perjumpaan dengan pengurusan masjid. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang juga akan memanggil dan memberi nasihat kepada pengurusan masjid yang berkaitan sekiranya terdapat aduan penyalahgunaan mimbar Jumaat. Sehingga kini majoriti khatib menggunakan teks khutbah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih. Dato’ TKM 1, kita sedar bahawa kita dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita bawah konsep *rahmatan lil ‘alami* sebagai satu agenda kerajaan bahawa Islam ini sifatnya rahmah. Islam ini sifatnya kasih sayang. Islam ini mengajak kepada keharmonian kemakmuran. Dato’ menyebut tadi tentang majoriti. Maksudnya majoriti ini bukan satu perkara yang menyeluruh bukan keseluruhan, bukan secara *consensively* semua masjid membaca khutbah bermaksud ada lagi masjid-masjid memanggil khatib-khatib membaca khutbah yang bukan disediakan oleh Jabatan Mufti yang kita percaya tidak membaca agenda yang dimahu angkat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Jadi pemantauan dibuat tapi masih lagi perkara ini berlaku di kawasan saya dan juga kawasan-kawasan lain. Jadi adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menguatkuasaan apa-apa peruntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang termasuk perkara yang melibatkan peruntukan mengajar tanpa tauliah membawa kesalahan di bawah Enakmen Syariah untuk memberikan satu penegasan dan juga satu mekanisma *preventive action* atau *measure* supaya perkara-perkara yang dibaca dalam khutbah itu tidak mewujudkan suasana yang tidak harmoni, memecah belah masyarakat ataupun tidak membawa satu pemikiran yang dapat membangunkan rakyat untuk memahami bahawa Islam ini sebagai satu *rahmatan lil 'alami* dan bukannya satu agama yang membawa perpecahan tidak menghormati hak dan kepentingan kaum lain. Minta penjelasan daripada Dato'. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Pada pandangan Kerajaan Negeri peruntukan-peruntukan di dalam Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Qariah Dan Pegawai Masjid 1997 sudah mencukupi untuk menangani apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih seterusnya Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 12.

No.12. Kepupusan hasil sungai.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meminda Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) Negeri Pulau Pinang seperti yang dibuat di WP Kuala Lumpur/Labuan supaya ancaman ikan-ikan pemusnah seperti keli yang dilepaskan dalam sungai dapat ditangani?
- (b) Apakah tindakan untuk menghalang kepulusan hidupan sungai (udang galah/ikan kecil) ini?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan dan juga Yang Berhormat Permatang Berangan. Kerajaan Negeri sebenarnya memberikan perhatian kepada isu penjagaan hasil sungai di negeri ini. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan taklimat awal berhubung pindaan kaedah-kaedah perikanan atau *aquaculture* perikanan darat bagi negeri Pulau Pinang dengan Pihak Berkuasa Tempatan, jabatan dan juga agensi berkaitan pada 23 Januari 2019.

Susulan daripada taklimat yang dilaksanakan satu bengkel pemurnian deraf bagi kaedah-kaedah tersebut telah ditetapkan pada 2 hingga 4 April 2019. Persiapan akhir deraf tersebut sedang dilaksanakan sebelum dikemukakan untuk semakan Penasihat Undang-Undang Negeri dan seterusnya ke peringkat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Apabila kaedah-kaedah perikanan, *aquaculture* perikanan darat ini dikuatkuasakan kelak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang akan dapat melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan dengan lebih berkesan khususnya dalam menangani isu pelepasan sepsis-spesis bukan asli ke perairan umum seperti keli africa, ikan buaya, pacu dan lain-lain.

Bagi menghalang kepupusan kehidupan sungai ini juga, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan program pemeliharaan sumber perikanan sungai melalui pelepasan benih-benih ikan dan udang galah ke sungai-sungai terpilih di negeri ini yang bertujuan untuk memulih dan menambahkan stok-stok ikan sedia

ada. Dari tahun 2016 sehingga 2018 sejumlah 1.293 juta benih ikan telah dilepaskan di sungai-sungai terpilih di negeri ini seperti perincian berikut:

413,000 ekor pada tahun 2016;

680,000 ekor pada 2017; dan

200,000 ekor pada tahun 2018.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Apakah tindakan ke atas mereka yang menangkap ikan menggunakan teknik sistem empang dengan meletakkan jaring bersaiz kecil bagi menangkap udang dan ikan semasa air surut sehingga menyebabkan benih ikan dan udang pupus?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya kena minta maaf kepada Yang Berhormat Permatang Berangan sebab dalam soalan ini dia tanya pasal pelepasan ikan. Ini tangkap ikan pula jadi kita tidak *prepare*. Saya akan *come back* pada Yang Berhormat tentang perkara itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Isu pelepasan ikan-ikan yang diimport daripada luar yang karnivor yang makan benih-benih ikan telah berlaku sekian lama. Mengapa undang-undang ataupun kaedah ini baru hendak dilaksanakan sebab sudah banyak sangat ikan *flower horn* dan sebagainya yang dilepaskan? Habis makan ikan-ikan lain, anak-anak ikan yang lain di dalam sungai.

Kedua, berkaitan dengan isu pelepasan ikan keli di Sungai Perai dulu. Adakah ia masih berlaku? Saya dengar tidak berlaku tapi hendak *confirm* daripada EXCO, adakah masih berlaku kerana pelepasan ikan keli ini dulu memusnahkan habitat semula jadi ikan-ikan dan udang di dalam Sungai Perai? Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Untuk makluman Yang Berhormat, undang-undang ini baru di rangka di peringkat Persekutuan pun. Jadi sebab itu kita sedang ambil dan untuk gunapakai di setiap negeri sebab itu enakmen ini sedang dibawa masuk, yang pertama tetapi itu tidak bermakna Jabatan Perikanan dan juga pihak berkuasa tidak terus *engaged* berjumpa dengan mereka yang terlibat. Di kawasan Sungai Perai ini saya ingat Yang Berhormat berdua maklum tentang ada beberapa rumah ibadat yang menggunakan ikan-ikan ini sebagai sebahagian daripada usaha untuk dalam ritual ibadat mereka itu yang mana dilepaskan. Bahkan pembekal-pembekal ikan pun saya difahamkan sebagai contoh pembekal-pembekal ikan keli ini mereka seronok bila jual kepada rumah-rumah ibadat ini sebab dapat jual kali banyak dan dilepaskan di situ.

Saya sendiri telah pergi ke beberapa rumah ibadat ini dan dengan sendiri berjumpa dengan mereka untuk melihat supaya tidak lagi dilepaskan ikan-ikan sebegitu dan menggantikan dengan ikan-ikan lain. Ikan puyu dan beberapa ikan jenis yang lain. Saya percaya perkara itu ada berkurang tetapi adakah seratus peratus saya tidak dapat berikan jaminan itu. Saya kena semak dengan pihak jabatan tetapi pemantauan berterusan itu sedang kita lakukan. Kalau ikut sebab kawasan saya berada di *downstream* daripada

rumah-rumah ibadat ini. Saya lihat masih ramai lagi orang-orang yang memancing itu dapat ikan keli di kawasan itu. Jadi populasi itu saya yakin memang masih besar ikan-ikan keli ini sangat *carnivores* makan semua jenis yang ada di situ. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya nombor 13.

- No. 13. Sila peincikan jumlah penjawat dalam agensi atau syarikat milik Kerajaan Negeri (selain PDC,PBA) seperti Penang Institute, PGC dan sebagainya, mengikut kumpulan jawatan eksekutif, bukan eksekutif dan pecahan kaum.
- (a) Adakah apa-apa piawaian digunapakai oleh agensi dan syarikat milik Kerajaan Negeri untuk memastikan proses perjawatannya seimbang dari segi kaum dan gender?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Bagan Dalam. Jumlah penjawat awam dalam agensi atau syarikat milik Kerajaan Negeri selain PDC dan PBA mengikut kumpulan jawatan eksekutif, bukan eksekutif dan pecahan kaum adalah seperti berikut, tapi sebelum ini saya mahu minta maaf sebab rasa maklumat perincian dari segi jawatan ini saya rasa memang saya tahu tapi ini saya rasa tidak begitu tepat. Jadi saya minta maaf mungkin saya boleh sampaikan maklumat yang lain tapi ini saya perlu sampaikan kepada wakil daripada ADUN daripada Bagan Dalam mungkin selepas mungkin dalam sehari dua hari.

Jadi, pergi kepada *Penang Women Development Corporation (PWDC)* sehingga jumlah kakitangan adalah 22 dan pecahan mengikut kaum adalah Melayu 15, Cina enam (6) orang dan India seorang. *Penang Youth Development Corporation (PYDC)* pecahan mengikut kaum adalah mempunyai seramai empat (4) orang kakitangan, Melayu seorang dan Cina tiga (3) orang. *Invest Penang Berhad* mempunyai seramai 20 orang kakitangan dan pecahan kaum itulah saya ada masalah tentang jawatan-jawatan yang tertentu mungkin saya mahu semak apa yang saya dapat mungkin saya rasa ada yang mungkin tidak begitu tepat jadi ada Melayu 10 orang, Cina 12 orang dan India dua (2) orang. George Town World Heritage mempunyai 29 orang kakitangan Melayu 8 orang, Cina 15 orang, India satu (1) orang dan lain-lain lima (5) orang. Penang Global Tourism mempunyai seramai 23 orang kakitangan, Melayu enam (6) orang, Cina tujuh (7) orang dan India empat (4) orang. Penang Institute dengan jumlah adalah 44 orang kakitangan. Saya ingat ini termasuklah apa ini cawangan di Kuala Lumpur. Saya ingat la cawangan di Kuala Lumpur dan pecahan kaum adalah iaitu Melayu 12 orang, Cina 22 orang, India empat (4) orang dan lain-lain enam (6) orang. Dan Penang Convention & Exhibition Bureau (PICED) 13 orang kakitangan. Melayu satu (1) orang, Cina lapan (8) orang, dan India 4 orang. Penang Tech Centre mempunyai seramai 25 orang, Melayu 4 orang, Cina 12 orang dan India 9 orang. Penang Science Cluster mempunyai 17 orang kakitangan pecahan kaum adalah Melayu 4 orang, Cina 11 orang dan lain-lain 2 orang. Island Golf Properties mempunyai 17 orang kakitangan pecahan kaum adalah Melayu 15 orang dan Cina 2 orang. Penang International Halal Hub (PIHH) Development Berhad ada 11 kakitangan yang semua ada. Yang semua daripada...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Perai. Saya nak pengesahan. Tadi Yang Berhormat Perai kata jawapan ini tidak begitu tepat dan anda akan...(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Cuma mana yang tak tepat adalah jawatan-jawatan tertentu....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Maka apa yang di sebut yang ini tepat, faktanya. Ya sila. Cuma saya nak pengesahan sahaja.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Pecahan kaum. Saya ingat tepat. Cuma jawatan-jawatan tertentu itu saya rasa, saya memang ada tapi saya mau pastikan lagi sekali. Betul tak betul.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Halal Hub adalah 11 orang kakitangan dan semua adalah daripada masyarakat Melayu. Terima Kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Perai.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Dato' Speaker soalan tambahan. Apakah kaedah yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan, soalan saya tadi piawaian untuk memastikan proses perjawatan itu seimbang dari segi kaum dan juga gender dan apa pula kaedah yang digunapakai dalam proses promotion ataupun naik pangkat yang digunapakai untuk memastikan prosesnya adalah seimbang dan juga adil untuk semua gender dan juga kaum. Itu soalan tambahan saya Dato' Speaker.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Bagan Dalam. Pada tahun 2009 Kerajaan Negeri telah mengadakan satu dasar di mana dalam Bahasa Inggeris izinkan saya, *balance employment policies* dapat dibentangkan dalam EXCO dimana *balance* daripada segi kaum dari segi gender dan sebagainya. Mungkin apa ni OKU dan sebagainya. Jadi sejauh mana dasar ini dapat dilaksanakan memang saya rasa ada beberapa apa ini masalah. Satu adalah apa ini agensi-agensi itu dia menggunakan kriteria-kriteria tertentu walaupun saya pun tak pasti sama ada mereka faham apa itu dasar memang apa ini PBT memang mengikuti PDC mengikuti, PBA mengikuti tapi agensi-agensi yang saya rasa bukan begitu besar dan kecil sama ada mereka mengikuti dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Inilah dasar yang kita kemukakan dan dapat dibentangkan dalam EXCO pada tahun 2009 apabila kita tidak terdapat bahawa tidak seimbang jadi tapi agensi-agensi yang besar seperti PDC, PBA dan juga apa itu PBT, MBPP, MPPP dan juga agensi lain saya tak begitu pasti tapi memang mereka tak boleh menafikan kita ada dasar tentang apa ini dasar pengambilan sumber manusia tetapi agensi-agensi yang saya sebut tadi memang kita *ready* mungkin dari segi kaum, pengambilan kaum boleh dipertikaikan dan saya rasa itu adalah bahawa memang satu masa ketika saya memang ada saya tak pasti kita bahawa ingatkan semua agensi ini supaya apa ini mematuhi kepada dasar Kerajaan Negeri dan saya memang tidak ada dasar seperti ini di negeri-negeri lain. Di mana pengambilan sumber manusia mesti adil dari segi keseimbangan dari segi kaum dari segi wanita, OKU dan sebagainya. Jadi inilah saya rasa saya minta bahawa kita akan minta semua agensi dibawah Kerajaan Negeri ini mematuhi apa ini dasar Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan telah terus dikekalkan dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Perai. Penaga sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya, soalan nombor 14.

No. 14. Adakah Kerajaan sedar bahawa bangunan Grace Residence Jelutong mempunyai lampu berbentuk lambang salib yang sangat besar dan terang sehingga boleh menggugat sensitivity umat islam?

- (a) Mengapakah lampu berbentuk salib itu dibina?
- (b) Apakah tindakan pihak kerajaan untuk mengatasi isu ini?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker, Terima Kasih rakan saya daripada Penaga. Yang bertanyakan soalan berkenaan satu lampu berbentuk lambang salib yang sangat besar di atas satu bangunan di kawasan Jelutong.

Dato' Speaker untuk makluman Kerajaan Negeri hanya menyedari tentang perkara ini selepas berita mengenainya tersebar luas di media social. Sehubungan dengan itu Dato' Speaker pihak Kerajaan Negeri telah meminta Majlis Bandaraya Pulau Pinang supaya mendapatkan maklumbalas berkenaan lampu berbentuk lambang salib di bangunan Grace Residence Jelutong daripada pihak arkitek perunding. Untuk makluman semua berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak arkitek perunding pada 14 Januari tahun ini, perkara tersebut adalah satu perkara yang merupakan satu kebetulan dan tidak disengajakan oleh pihak mereka. Seterusnya Dato' Speaker Kerajaan Negeri telah mengarahkan MBPP mengadakan perbincangan dengan pihak arkitek perunding dan mengemukakan cadangan penyelesaian secara menyeluruh mengenai isu lambang salib tersebut kerana ia melibatkan sensitiiviti agama. Dan untuk makluman semua pihak arkitek perunding kini dalam proses untuk mengemukakan cadangan kepada pihak MBPP sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Soalan tambahan. Terima kasih pada Datok Keramat di atas penjelasan yang telah diberi dan saya melihat perkara ini dan semua kita juga melihat isu ini adalah isu yang amat sensitif menimbulkan kebimbangan dan juga keresahan khususnya di kalangan orang Islam sebab itu Kerajaan harus peka dan saya kira respon yang diberi oleh Jabatan Mufti pada 11 Januari sangat bertepatan boleh meredakan sedikit kemarahan dan keresahan masyarakat Islam dan saya nampak sudah tiba masanya konsep *Rahmatan Lil Alamin* yang dibawa dan yang nak diterapkan oleh Kerajaan hari ini perlu diperluaskan termasuklah dalam soal pembinaan bangunan dan seumpamanya. Sebab ia amat sensitif kerana sebab lampu salib yang besar itu besar bukan dipasang ataupun dibuat di gereja. Kalau di gereja mungkin tak sensitif sebab itu rumah ibadah. Tetapi ini di apartment kawasan kediaman ataupun perumahan 44 tingkat dengan 800 unit lebih rumah kediaman. Jadi sepatutnya perkara ini perlu dilihat lebih awal oleh Kerajaan Negeri supaya dengan mudah kita sebut sediakan payung sebelum hujan. Sebab saya juga menghadapi masalah bila isu ini dibangkitkan soalan-soalan..(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penaga soalan?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Soalan-soalan. Jadi soalan tambahan saya, saya melihat kepada apa yang telah disebutkan juga oleh Tuan Yang Terutama (TYT) mungkin perkara ini tidak disedari dalam ucapan perasmian dia untuk memastikan supaya konsep *Khairul Ummah* atau *Rahmatan Lil Alamin* ini di Pulau Pinang ini khususnya dalam aspek urusan Islam itu sendiri sudah sampai masa saya kira jawatankuasa ataupun Majlis Syura yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan

Negeri bukan hanya pada namanya sahaja tetapi peranan dan fungsinya perlu di garab atau perlu diberi fokus supaya mereka lebih berperanan. Jadi saya minta sikit penjelasan ataupun pencerahan daripada EXCO apakah mesyuarat ini perlu diketengahkan khususnya dalam soal menilai pelan pembangunan untuk di Pulau Pinang sebelum daripada ianya diluluskan di peringkat Majlis Bandaran. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dato' Speaker sepertimana saya nyatakan tadi dalam hujah daripada Penaga kalau ada apa-apa tohmahan bahawa Kerajaan Negeri ada apa peranan di dalam lambang salib tersebut terjadi saya ingat saya hendak jelas itu langsung tidak benar dan tidak tepat sama sekali. Apabila kita lihat ia di viralkan dalam media social kita telah pun memanggil pihak arkitek dan pihak pemaju untuk memberi penjelasan dan seperti mana saya jawab tadi memang mereka kata itu adalah satu kebetulan.

Apa pun kita telah pun mengarahkan mereka supaya selesaikan isu ini dan itu sedang dilakukan sekarang. Tetapi berkenaan soalan tambahan tadi berkenaan peranan Majlis Syura mungkin saya tidak dapat bantulah Penaga mungkin rakan saya Dato' TKM 1 nanti soalan itu boleh ditunjukkan kepada beliau tetapi balik kepada soalan pokok iaitu berkenaan lambang salib tersebut yang sememangnya tidak dinafikan memang membangkitkan isu sensitiviti agama. Dan oleh yang sedemikian kita telahpun, MBPP telahpun mengarahkan mereka cuba kemukakan satu cadangan untuk selesaikan masalah tersebut.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Sedikit-sedikit tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan ka tambahan, tambahan tak perlu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Soalan. Ataupun sedikit penjelasan sebab isu ini agak sensitive diluar sana jadi saya bertanggungjawab untuk menyampaikan dalam dewan ini banyak demonstrasi minta saya turut serta tapi saya tak terlibat sebab kita menggunakan Dewan yang mulia ini untuk penjelasan. Saya rasa jawapan yang diberikan oleh EXCO mewakili Kerajaan Negeri saya berpuas hati dan sememangnya kita terlepas pandang apa pun alasan yang diberikan oleh pihak pemaju kita boleh terima tetapi kita takut kena ada tersirat di sebalik apa yang dibuat. Kerana kalau kita melihat apa yang gambar diberi kepada saya memang amat jelas. Memang nampak jelas lampu itu seolah memang dirancang terlebih awal. Jadi untuk memastikan perkara ini tidak berlaku dimasa hadapan Kerajaan Negeri seharusnya peka dan kalau boleh dirujuk terlebih dahulu sebagaimana saya sebut perkara-perkara ini kepada Majlis Syura yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Pulau Betong. Pulau Betong. Pulau Betong tak ada. Soalan dilangkau. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 16.

No. 16. Dunia masa kini banyak memperkatakan mengenai Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)

- (a) Nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memberi pendedahan kepada orang ramai dan langkah-langkah persediaan menghadapi situasi ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih daripada rakan Telok Air tawar. Pada masa ini fokus Kerajaan Negeri adalah untuk memperkasakan pembelajaran sains, teknologi, engineering dan matematik (STEM) di Negeri Pulau Pinang seiring dengan perkembangan revolusi industry 4.0. Justeru, pendedahan kepada orang ramai juga menjurus ke arah pembelajaran dalam bidang STEM. Untuk memupuk minat terhadap pembelajaran STEM dan memberi pendedahan kepada orang ramai, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut.:

- (i) Menubuhkan Penang Science Cluster untuk orang awam belajar, berinteraksi dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan bidang sains. PSC menganjurkan Penang International Science Fair (PISF) yang merupakan acara tahunan sejak tahun 2011 dan melaksanakan bengkel sains dan teknologi kepada pelajar dan orang awam. Sehingga kini tiga (3) buah *Science café* telah dibuka iaitu di Krystal Point, Wisma Yap Chor Ee dan di Pusat Perniagaan Alma;
- (ii) Menubuhkan *Creative Animation Trigger (@CAT)* untuk mempromosikan bidang sains, teknologi dan animasi kreatif di negeri ini, @CAT bertempat di Wisma Yap Chor Ee dan berfungsi mempercepatkan penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat baharu kreatif berasaskan teknologi, memupuk bakat baru dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, *big data analytics* (BDA) dan *internet of thing* (IOT);
- (iii) Menubuhkan *Penang Math Platform* (PMP) di Karpal Singh Penang Learning Center (KSPLC) yang menumpukan kepada pembelajaran matematik. KSPLC bekerjasama dengan organisasi seperti Penang Skills Development Center (PSDC), PSC, Penang Tech Dome dan @CAT dalam memupuk dan melibatkan golongan muda menghadapi revolusi industry 4.0;
- (iv) Menubuhkan Tech Dome Penang di KOMTAR bagi menanam minat dalam bidang sains, inovasi teknologi dan keusahawanan. TDP menyediakan platform kepada semua lapisan masyarakat untuk meneroka keajaiban sains teknologi serta menganjurkan program-program seperti kem sains, bengkel pendidikan, seminar, *team building* dan pameran sains melibatkan pelbagai lapisan masyarakat untuk menerokai keajaiban sains dan teknologi serta menganjurkan program-program seperti kem sains, bengkel pendidikan, seminar, *team building* dan pameran sains yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan
- (v) Menubuhkan Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) pada Oktober 2016. Berikutan sambutan yang menggalakkan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 2 (PDL-P2) di bangunan kuarters Kerajaan Negeri di Jalan Masjid Negeri yang telah mula beroperasi pada Januari 2019. Kerajaan Negeri juga akan membangunkan sebuah perpustakaan digital di kawasan *Butterworth*, Seberang Perai yang dikenali sebagai *Butterworth Digital Library* untuk membolehkan penduduk di kawasan Seberang Perai mendapat peluang untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan digital. BDL ini dijangka akan siap dilaksanakan pada akhir tahun 2019 dan akan dibuka kepada orang ramai pada awal tahun 2020. Selain itu, Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang (*Penang Islamic Digital Library – PIDL*) akan dibangunkan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan dijangka siap pada akhir tahun 2019 dan dibuka kepada orang ramai pada awal tahun 2020.

Selain itu, untuk memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai Revolusi Industri 4.0, Kerajaan Negeri telah mewujudkan *Focus Group Discussion* yang diketuai oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan dianggotai oleh pelbagai jabatan dan agensi bagi melaksanakan siri-siri program advokasi secara berperingkat kepada

masyarakat mengenai perkembangan teknologi serta termasuk Revolusi Industri 4.0. Antara program yang dianjurkan ialah *Penang: Beyond Smart Government* dan *Smart Network for A Better World* yang diadakan pada 12 Mac 2019 di Hotel Equatorial, Bukit Jambul untuk menwar-warkan informasi mengenai Bandar Pintar kepada ADUN, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua Jabatan dan Agensi.

Antara langkah-langkah persediaan oleh Kerajaan Negeri untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 adalah:

- (i) Memastikan bahawa infrastruktur dan kemudahan yang disediakan di dalam kawasan pembangunan mampu memenuhi keperluan pembangunan infrastruktur bersesuaian dengan kehendak dan piawaian keperluan IR 4.0 untuk menarik pelabur. Antaranya ialah dengan pembangunan semula bangunan GBS Mayang di mana ia memenuhi tahap status *Tier 1* piawaian *Multimedia Super Corridor* (MSC) dan lain-lain bangunan GBS yang sedang dalam rancangan PDC;
- (ii) Menyediakan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) di seluruh Pulau Pinang dengan kelajuan minimum dan menara telekomunikasi untuk memberi kemudahan 5G yang akan dilaksanakan kemudian.
- (iii) Melatih sumber manusia dalam pelbagai bidang kemahiran melalui *Penang Skills Development Center* bagi memenuhi kehendak industri berasaskan teknologi tinggi di negeri ini. Kerajaan Negeri juga telah membangunkan sistem pendidikan vokasional ala negara Jerman iaitu *Malaysian Meister Program* (MMP) di negeri Pulau Pinang dan memberi penajaan sebanyak RM2 juta kepada PSDC bagi melaksanakan program *German Dual Vocational Training* (GDVT) yang dibangunkan menerusi kolaborasi PSDC dengan *German-Malaysian Institute* (GMI) untuk melatih pelajar menghadapi Revolusi Industri 4.0;
- (iv) Menganjurkan kelas-kelas dan program-program berkaitan *robotic*, *coding*, *arduino* dan matematik kepada pelajar-pelajar sekolah; dan
- (v) Menggalakkan sektor keusahawanan melalui program sokongan untuk *startup* dan memberi bantuan melalui projek *@CAT (Accelerator for Creative, Analytics & Technology)* untuk meningkatkan peluang pekerjaan. *@CAT* berfungsi mempercepatkan penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat baharu kreatif berasaskan teknologi, menanam bakat-bakat baharu dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, *big data analytics* dan *Internet of Things*. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Perai.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Soalan tambahan, boleh? Terima kasih Dato' *Speaker*. Mengenai inisiatif Kerajaan Negeri dalam mempromosikan STEM dan juga IR 4.0, saya lihat kebanyakan usaha tertumpu di kawasan Pulau dan saya ingin tanya Kerajaan Negeri, adakah sedia untuk melabur sebab saya lihat di sini RM2.0 juta baru-baru ini telah diberi kepada PSDC untuk membangunkan program yang ada hubung kait dengan *skills in Germany*. So ada tak Kerajaan Negeri sedia untuk melabur untuk mendirikan satu lagi pusat seperti PSDC, mungkin *Butterworth Skill Development Center* di bahagian Seberang. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Bagan Dalam. Jadi RM2.0 juta ini adalah *seed money* yang telah diberi kepada PSDC saya ingat tiga (3) atau empat (4) tahun yang lalu. Ini bukan yang baru-baru ini dan jawab kepada soalan sama ada kita menumpukan kawasan Seberang Perai, saya

ingat ini, saya rasa mungkin sejarah begitulah. Tapi saya rasa masa depan Pulau Pinang adalah Seberang, bukan Pulau. Jadi kita nampak bahawa inilah memang permulaan dan saya rasa Kerajaan Pulau Pinang baru-baru ini dalam 10 tahun dan mungkin telah dipergiatkan dalam masa ini di mana *the future of development is really in Seberang, not in Penang*. So jadi janganlah bimbang bahawa kita ini pinggirkan Seberang Perai. Saya rasa itu tak betul, cuma inilah akan dijadikan kawasan yang kita rasa mempunyai satu potensi untuk membangunkan Pulau Pinang secara keseluruhan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tambahan. Saya ada soalan tambahan yang kalau bolehlah nak minta *something on jawapan* yang lebih konkrit. Dari segi tadi yang *the story is the Germany* ialah di PSDC tetapi sekarang ni kita sudah ada inisiatif-inisiatif yang seperti yang *teaching factory*, yang dilakukan walaupun kilang itu di Bayan Lepas tetapi mereka yang diambil itu adalah anak-anak kampung di Seberang sebagainya, di Permatang Pauh dan di Penanti. Jadi sekarang ini, semua itu ditaja, dibiayai oleh pihak syarikat dan juga ada sedikit daripada Jabatan Tenaga Kerja rasanya. So syarikat bagi elaun RM1,100.00. Kalau kita nak menambahkan lebih ramai pelajar-pelajar untuk terus belajar di dalam kilang, belajar dan mendapat diploma di dalam kilang, dalam *in this case* dalam *places and dream culture*, diploma kejuruteraan automasi industri dengan elaun RM1,100.00 dan mereka mengambil pelajar-pelajar lepasan kampung yang B40 dan juga selain daripada *places*, juga ada beberapa syarikat yang *even* hari ini...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti, maka soalan?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya, soalnya, saya nak jawapan kalau boleh bagi secara konkritlah daripada *just* menyokong ke cara macam Kerajaan Negeri ada nak bagi insentif ke ataupun nak bagi *some* peruntukan ke untuk menambah bilangan pelajar. Yang terbaru dibuat oleh *Kulim Advance Technology Center* dalam *CMC machining, robotics and automation, sheet metal fabrication* dan juga *in quality control* untuk even budak-budak yang tak ada SPM, yang hanya boleh menulis, membaca dan mengira. Jadi boleh tak Kerajaan Negeri macam bagi *some commitment* sebab ini membantu memberi pekerjaan, membantu syarikat-syarikat sebab semua pelajar-pelajar ini pergi kepada 80% pergi kepada syarikat-syarikat di Pulau Pinang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih rakan daripada Penanti. Saya rasa apa yang jawapan saya ini bukanlah satu kita juga perlu faham bahawa Negeri Pulau Pinang merupakan satu-satu negeri yang telah berdepan dalam bidang apa ini, katakan menerusi ataupun menghadapi cabaran industri 4.0. PSDC adalah satu contoh yang baik dan saya rasa Dato' Seri Anuar Ibrahim selalu bagi contoh bahawa PSDC. Ini merupakan boleh dicontohi di negeri-negeri lain. Saya tidak tau adakah seperti PSDC di negeri lain tapi jangan ingat bahawa cuma PSDC saja. Baru-baru ini dan pejabat saya, kita telah mengadakan hubungan dengan apa ni, ILP dan juga apa ini, IKBN supaya bagaimana kita bagi peluang kepada pelajar-pelajar lepasan SPM, mereka lulus atau tak lulus pun tak penting. Apa yang penting ini mereka dapat pendedahan dalam kursus satu (1) minggu macam *repair, repair* apa itu, *handphone* ke apa ke, memang ini telah diusahakan. Saya rasa, *first batch* ini kita akan hantar kepada IKBN. Kalau minta konkrit, ini satu konkritlah. Selain daripada semen dan sebagainya.

Jadi program yang kita adakan dengan ILP, kita memang sedang usaha untuk hantarkan pelajar-pelajar sebab masalah ILP adalah masalah biro kredit. Kalau saudari faham bahawa kemasukan pelajar ini telah ditentukan oleh UPU untuk ILP. Sekarang kita minta bahawa ILP buka kepada masyarakat tempatan supaya tak payah mereka mohon satu tahun sekali tapi boleh mohon apabila mereka ada peluang dan mereka boleh masuk ILP, kita ada empat (4) ILP. Selain daripada institusi-institusi yang lain. So kita sedang usaha supaya

pelajar-pelajar tempatan boleh masuk ILP sebab ILP ini adalah *course* semua ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Jadi memang mereka ada kursus-kursus yang baik sekali tetapi sebab oleh kerana selama 10 tahun, kita pun tidak ada apa-apa hubungan dengan ILP. Sekarang saya rasa peluang ini dibuka.

Sama juga dengan kilang-kilang yang besar di mana mereka jadikan kelas-kelas dalam kilang sendiri seperti yang disebutkan oleh itu. So itupun saya rasa satu yang sedang diusahakan. Jadi cabaran yang kita hadapi adalah cabaran semasa, bukan sahaja di Pulau Pinang dan juga dihadapi oleh negeri-negeri lain apatah lagi, Malaysia menghadapi cabaran Revolusi 4.0. Tetapi di Pulau Pinang permintaan apa konkrit, banyak dijalankan. Saya tidak boleh melaporkan semua apa yang kita jalankan secara konkrit cumanya apa dasar kita macam mana kita menghadapi cabaran. Ini memang saya rasa sangat kabur juga, Industri 4.0 kemudian digital dan sebagainya. So maka kita juga perlu lihat macam mana kita, sebab itu kita wujudkan STEM inisiatif. STEM Inisiatif mengandungi beberapa *cluster* seperti saya sebutkan *Tech Dome*, PSDC, *Digital Library*, kemudian *Mathematic Center*, PSC. PSC mengadakan satu apa ini, pameran sains yang tidak pernah diadakan di mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia, cuma di Pulau Pinang. Jadi inilah antara usaha-usaha. Walaupun nampak ini, semua usaha-usaha ini tidak ada satu koordinasi tetapi memang ini satu kita perlu menghadapi pada masa sekarang. Kita tidak boleh wujudkan satu koordinasi yang terbaik sebab begitulah, itulah saya rasa cara perkembangan sains dan teknologi.

Masalah kita seperti saya ingat mungkin rakan saya boleh faham sebab tenaga mahir di Pulau Pinang ada lebih kurang 32% sahaja. *We don't have a highly skills force, who will create this problems? 60 years* selepas merdeka, kita tidak ada kemahiran. Kilang-kilang besar, syarikat-syarikat besar datang sini minta bolehkah kita bekalkan 100, 200 *technicians, engineers*, mana kita ada? USM, kurikulum universiti pun perlu ditukar, perlu *direvamp*. Cuma bukan apa ni, kasut, warna kasut dan apa ni, berat beg sahaja. Kita tidak boleh apa ni, bawa satu dasar matrikulasi yang terbaik cuma kita ikut BN.

So maka apa yang saya sentuh sini adalah masalah yang terbesar. Sama ada kita bersedia ataupun tidak. Sama ada, apa tu, birokrasi kita, *if* universiti-universiti kita bersedia untuk menghadapi cabaran. Sama ada Kerajaan Negeri menghadapi cabaran. Lihat kepada USM, USM ini mereka terpaksa sekarang adakan rundingan dengan syarikat-syarikat besar. Tengok dasar pendidikan kita...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Try dipendekkan jawapan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ini penting.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terlalu panjang. Dia tanya pendekkan sikit.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Dasar pendidikan kita. Sikit, 2 minit. Dasar pendidikan kita. Kita bagaimana kita salurkan pelajar-pelajar kita kepada vokasional. Mereka yang gagal dalam sains, mereka yang lemah, kita masuk, salurkan dalam vokasional. Ini perlu ditukar sekarang. Isu STEM ini, bukan semua sains. Memang kita juga menerapkan apa ni, *arts*, budaya dan sebagainya. So jadi minta maaf saudari, saya rasa isu ini, projek STEM, projek yang saya rasa begitu besar sekali dan saya rasa apa yang kita perlu adalah dasar-dasar di mana kita boleh memudahkan kita menghadapi cabaran ini. Saya rasa isu pokok adalah, isu konkrit, gunakan perkataan saudari, adalah isu ini kita tidak ada kemahiran. Terimalah itu. Kita tidak ada kemahiran, kita tidak boleh bawa syarikat-syarikat *high end* sebab kita tidak ada kemahiran. Universiti-universiti kita semua gagal untuk menghadapi cabaran industri. Terima kasih

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya no.17.

No. 17. Adakah Kerajaan Negeri akan memohon peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyegerakan fasa seterusnya pembinaan jambatan merentasi Sungai Kerian (Jalan Persekutuan) ang menghubungkan DUN Jawi dan DUN Sungai Aceh kerana kesesakan semakin teruk di jalan tersebut?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Sungai Aceh. Yang Berhormat, soalan yang ditanya adalah berkait dengan projek penaiktarafan ataupun pembinaan jambatan merentasi Sungai Kerian dan seperti mana Yang Berhormat maklum ini adalah sebenarnya sebahagian daripada projek besar penaiktarafan jalan FT001 di SPS. Dan sebelum ini telah pun siap fasa 1 hingga 4. Dari tahun 2013 hingga 2017 dengan jumlah besar sebanyak 294 juta ringgit dan kini dalam pembinaan adalah fasa 5 iaitu di kawasan Permatang Keling projek bernilai RM116 juta ringgit yang dijangka siap pada bulan Disember 2020. Bagi fasa 6 yang disebut oleh Yang Berhormat dalam soalan, skopnya adalah menaiktaraf jalan 2 lorong 2 hala kepada 4 lorong 2 hala sepanjang 1.15 kilometer.

Ini sebenarnya adalah skop yang telah pun dikurangkan sebab pada awalnya apabila dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi skop yang asal adalah sebanyak sepanjang 11 kilometer dan kemudian kerana kos yang terlalu tinggi RM850 juta maka dikurangkan kepada 1.15 kilometer juga termasuk dalam skop adalah jejambat di persimpangan FT001, FT283 iaitu jalan menghala ke USM dan juga pembinaan ataupun pembesaran jambatan ya di atas Sungai Kerian. Sukacita dimaklumkan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya telah pun mengemukakan permohonan peruntukan di bawah Rolling Plan 4, RMK 11 kepada cawangan jalan JKR Malaysia pada 8 Januari tahun ini dan telah pun diangkat ke Kementerian Kerja Raya pada 19 Mac bagi cadangan menaiktaraf jambatan yang merentasi Sungai Kerian yang kita namakan sebagai fasa 6 lah ya yang menghubungkan DUN Jawi dan DUN Sungai Aceh. Pembinaan jambatan berkenaan akan dimulakan sekiranya peruntukan tersebut diluluskan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Soalan tambahan. Terima kasih pada Yang Berhormat, EXCO. Soalan saya iaitu apakah kajian yang atau bancian daripada JKR sekiranya jambatan yang dibina oleh Kerajaan Negeri yang menghubungkan antara Tanjung Berembang ke Ladang Victoria siap nanti akan mengurangkan penggunaan ataupun pengguna lalu lintas di kawasan yang sedia ada iaitu di *Federal Road* yang sedia ada sekarang ini.

Dan soalan ke-2 saya, sekiranya pengurangan berlaku di jalan tersebut apakah cadangan sekarang ini, JKR untuk menutup laluan ke kanan di setiap simpang persimpangan *traffic light* ke USM itu hanya menggunakan laluan kiri ini akan dibuka semula untuk kemudahan pengguna lalu lintas. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih atas soalan tambahan. Saya jawab soalan yang ke-2 dahulu sebab lebih berkait dengan soalan asal. Ya betul, seperti mana Yang Berhormat maklum projek yang dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya itu, Kerajaan Persekutuan itu kita tidak pasti lagi sama ada akan diluluskan atau tidak. Maka satu penyelesaian jangka masa pendek

diperlukan. Jadi antara cadangan yang telah dikemukakan oleh JKR adalah untuk melaksanakan *left in, left out* ya, *left in, left out* khususnya di persimpangan FT283, FT001. Namun begitu, saya difahamkan Kampung Haji Umar ya, yang akan apa ini di kawasan tersebut akan terjejas apabila dilaksanakan *left in, left out* itu maka susah orang kampung itu nak merentasi jalan terpaksa membuat *u-turn* mungkin di simpang 9 ataupun di Bukit Panchor.

Namun begitu, apa-apa pelaksanaan *left in, left out* pun akan bergantung kepada kelulusan di peringkat Jawatankuasa Lalulintas MPSP dan juga apa ini satu tempoh percubaan selama tiga (3) bulan kita akan cuba dulu sekiranya dapat melancarkan trafik di kawasan tersebut maka baru akan dilaksanakan secara penuh. Tapi sekiranya kita boleh dapat kelulusan ya, peruntukan untuk membuat fasa 6, maka kita boleh kaji semula cadangan *left in, left out* di kawasan tersebut.

Untuk soalan yang pertama mengenai Jambatan Tanjung Berembang, ini sebenarnya adalah satu projek Kerajaan Negeri maka TIA tidak disyaratkan. Oleh itu saya tidak boleh bagi angka yang tepat mengenai kajian trafik. Namun begitu, secara amnya boleh dikatakan bahawa kita boleh kurangkan trafik dalam anggaran sebanyak 60% lah di kawasan tersebut. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Satu lagi soalan tambahan yang tertinggal. Sekiranya pelaksanaan *left in, left out* itu, JKR telah memberikan jumlah kadar RM100,000. Adakah wang tersebut akan digunakan melalui wang negeri ataupun *federal*?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Ya. Jalan FT001 itu adalah Jalan Persekutuan maka segala pelaksanaan projek di kawasan di jalan tersebut perlu kita membuat peruntukan daripada memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Pun begitu, saya ada cadangan dalam Jawatankuasa MMK sekiranya apa ini kos projek tidak begitu besar, mungkin kita boleh bincang dengan Ahli Parlimen kawasan tersebut ya. Sebab saya difahamkan sekarang ini Ahli Parlimen mempunyai peruntukan yang boleh tahan juga yang boleh digunakan mungkin ya, untuk membantu untuk projek-projek kecil di kawasan mereka. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bertam. Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Yang di-Pertua Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 18. Terima kasih.

No. 18. Apakah perancangan EXCO Kesihatan untuk memastikan masalah menunggu yang terlalu lama dan kekurangan kakitangan hospital di Hospital Kepala Batas dapat di atasi? Hampir setiap hari rungutan mengenai masalah ini ditimbulkan oleh orang ramai.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Bertam atas soalan ini. Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang baik disediakan di seluruh negeri termasuklah di Hospital Kepala Batas., Bagi mengatasi masalah menunggu lama di Hospital Kepala Batas, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah pun menaik taraf Hospital Kepala Batas kepada Hospital Berpakar Minor sejak tahun, sejak hujung tahun 2015 dan memperkenalkan konsep Hospital Kluster Seberang Perai.

Melalui inisiatif ini, kolaborasi beberapa hospital berpakar dan tanpa pakar yang terletak di dalam negeri yang sama dan kawasan geografi yang berdekatan telah dilaksanakan dan sumber sedia ada seperti perkhidmatan kepakaran, peralatan, sumber manusia serta kemahiran akan dapat digemblengkan untuk semua hospital yang terdapat dalam kluster ini. Buat masa ini, kepakaran yang disediakan di Hospital Kepala Batas adalah Kepakaran Kecemasan dan Trauma, Kepekaran Perubatan, Kepekaran Kanak-Kanak, Kepekaran Obstetrik dan Ginekologi dan Kepekaran Anestesiologi. Dalam pada itu, bagi memastikan rawatan dapat diberikan dengan segera, seorang pakar perubatan dan beberapa pegawai perubatan telah ditempatkan di setiap jabatan pada setiap hari. Selain itu, hospital turut menerima bantuan pakar perubatan dan pegawai perubatan di Hospital Seberang Jaya selaras dengan konsep Hospital Kluster.

Bagi memastikan rawatan dapat diberikan kepada pesakit selepas waktu pejabat, pihak hospital telah menyediakan pegawai perubatan untuk menjalankan *locum* di Jabatan Kecemasan, Hospital Kepala Batas. Pesakit yang mendapatkan rawatan akan terlebih dahulu disaring berdasarkan kepada kes iaitu zon merah untuk kritikal, zon kuning (separa kritikal) dan zon hijau (tidak kritikal). Melalui kaedah ini, masa menunggu untuk pesakit mendapatkan rawatan dapat dikurangkan berdasarkan keutamaan.

Dari segi kekuatan sumber manusia pula, sehingga 31 Disember 2018 perjawatan di Hospital Kepala Batas telah pun diisi sebanyak 98.6%. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang memfokuskan kepada jawatan yang kritikal dan diperlukan walaupun melebihi perjawatan sebagai contoh, pakar perubatan yang sepatutnya ditempatkan di Hospital Kepala Batas adalah berjumlah enam (6) orang tetapi sejumlah tujuh (7) orang pakar perubatan telah ditempatkan.

Bagi pegawai perubatan pula, kini terdapat 90 orang bertugas di Hospital Kepala Batas berbanding 70 perjawatan sahaja sepatutnya. Dalam pada masa yang sama, permohonan penambahan kakitangan juga telah dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan penambahan sumber manusia sedang dilaksanakan secara berperingkat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima Kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Seberang Jaya. Yang Berhormat, mula-mula sekali terima kasih atas macam-macam kepakaran yang disediakan di Hospital Kepala Batas bersama dengan doktor *local*. Namun rungutan yang kerap kali didengar adalah ketiadaan doktor pakar pada masa-masa yang tertentu. Dan kerap kali pesakit terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan ataupun nasihat daripada doktor pakar. Oleh itu, apakah langkah proaktif yang dapat diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah tersebut? Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya faham mungkin maksud Yang Berhormat ini adalah apabila mereka nak berjumpa pakar mereka kena tunggu. Selalunya rutin pakar ini pagi mereka terpaksa buat bukan terpaksalah, memang rutin mereka harus melakukan *ward round*. Untuk melihat pesakit-pesakit dalam wad dulu kemudian menjelang pukul 9.00 ke atas baru mereka akan dapat masuk untuk berjumpa dengan pesakit di klinik. Dan selalunya pakar-pakar ini akan mengambil masa yang sedikit lebih lama berbanding perjumpaan dengan doktor yang biasa kerana banyak perkara yang akan dibincangkan. Jadi sebab itu akan mengambil sedikit masa yang lama.

Isu masalah menunggu lama ini saya ingat sangat subjektif lah ya kepada pesakit-pesakit itu sendiri. Selalunya banyak klinik-klinik yang akan memberikan anggaran waktu, bila

yang mereka akan dapat berjumpa dengan doktor. Mereka datang ambil nombor dan mereka boleh diminta untuk pergi dulu ke tempat lain.

Saya ingat perkara ini bukan sahaja berlaku di hospital kerajaan, bahkan juga di hospital swasta juga sekarang sedang berlaku perkara yang sama termasuk di Pulau Pinang. Saya tidak ada formula ajaib untuk perkara ini tetapi saya rasa untuk kes-kes yang mana memerlukan perhatian segera yang kritikal itu saya ingat tidak ada istilah tunggu menunggu lah. Tetapi kalau kes itu boleh tidak begitu kritikal, kes itu adalah kes *follow up* atau rujukan atau untuk rawatan susulan selalunya memang akan mengambil sedikit masa untuk menunggu. Saya ingat di hospital swasta pun. Saya sendiri kadang pagi pergi kalau nak bawa anak saya, pagi pergi ambil nombor dulu bawa balik rumah dahulu lepas itu baru pergi balik. Saya ingat *that's how the practice* sekarang ini berlaku. Bahkan di hospital swasta.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Cuma saya melihat bahawa Hospital Kepala Batas ini merangkumi kawasan yang agak luas. Sampai Sungai Petani, Tikam Batu sehingga Padang Serai dan sebagainya. Dan dia semakin bertambah dari segi *patient*. Jadi kalau boleh dimasukkan dalam senarai tambahan untuk dibuat wad tambahan. Cuma ada dua (2) wad sahaja. Wad lelaki 3A wad perempuan 3B. Katilnya pun agak terhad. Kalau boleh dimasukkan untuk masa depan. Tambahan wad untuk lelaki dan juga untuk perempuan. Dan juga untuk ICU. Terdapat kes baru ini orang kampung saya dia kena hantar pergi ke Alor Setar ataupun Sungai Petani sebab ICU di situ cuma ada empat (4) katil saja. 4 katil dan tak mencukupi. Seberang Jaya penuh, Penang penuh, Kulim penuh terpaksa dia pergi ke Alor Setar ataupun Sungai Petani yang ada kosong. Jadi kalau boleh tambah lah mungkin lagi 5 katil ke untuk ICU. Mana tau esok Bertam kena ICU ke dia kena hantar pergi jauh...(Ketawa)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Menyakitkan hati.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Takut Sungai Dua dulu la...(ketawa). Tak ada, Yang Berhormat saya ingat soal...(ketawa). Soal menyediakan perkhidmatan kesihatan ini memang *concern* atau keresahan mana-mana kerajaan pun. Untuk makluman Yang Berhormat, sebab itu diwujudkan Hospital Kluster ini. Bermakna Hospital Kluster ini *resources* yang kita ada sumber yang kita ada itu kita kongsi. Jadi ini soal *asset management* dan juga bagaimana kita menguruskan sumber yang ada. Saya faham kenapa sebahagiannya terpaksa dihantar ke Alor Setar kerana mungkin kekurangan ICU yang ada di situ. Bahkan memang ada pengalaman-pengalaman kita bila Hospital Pulau Pinang tak dapat laksanakan tak dapat berikan rawatan kita terpaksa hantar keluar.

Tapi untuk makluman Yang Berhormat, buat masa sekarang dalam tempoh setahun ke dua tahun daripada sekarang yang akan mula siap adalah hospital pertambahan unit *multi block* di Hospital Seberang Jaya. Yang itu juga akan siap tak lama lagi. Yang itu akan saya percaya dapat menampung masalah yang kita hadapi di di kawasan Seberang. Keduanya Hospital Kepala Batas, *Alhamdulillah* sebenarnya bermula tahun 2015 itu, asalnya daripada sebelum itu Hospital Kepala Batas ini tidak begitu padat. Tidak begitu mendapat apa kemasukan pesakit yang ramai. Sehingga bila ketika itu Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Kesihatan Negeri berbincang supaya Hospital Kepala Batas ini dijadikan hospital berpakar. Bermakna ada kepakaran-kepakaran tertentu. Jadi sekarang ini hospital saya difahamkan pun Hospital Kepala Batas pun semakin sibuk sehinggakan ada kadang-kadang terpaksa di kawasan lorong ya, pejalan kaki terpaksa meletakkan pesakit ya. Jadi sebab itu memang kita telah bincangkan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri juga untuk melihat permohonan untuk sama ada menaik taraf wad atau menambah wad kerana Hospital Kepala Batas ini mempunyai ruang tanah yang sangat besar lagi. Jadi itu antara perkara yang sedang kita rancangkan. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Berapit sila.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 19.

- No. 19. Dengan peningkatan kes sengatan obor-obor berbahaya yang semakin membimbangkan, apakah tindakan Kerajaan Negeri dari segi mempertahankan aktiviti pelancongan dan juga sukan air / laut?
- (a) Adakah peningkatan mendadak ini berpunca dari aktiviti pembangunan bandar? Nyatakan punca.
 - (b) Apakah usaha yang perlu dilakukan dan akan dilakukan untuk meningkatkan kesedaran?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan dan juga Yang Berhormat Berapit. Kerajaan Negeri memang memandang serius kes sengatan obor-obor berbahaya yang mampu menjejaskan aktiviti pelancongan dan sukan air atau laut. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memberikan dana berjumlah RM10,000 kepada Pusat Kajian Samudera dan Pantai (*Centre for Marine & Coastal Studies*), Universiti Sains Malaysia untuk membuat pemantauan taburan dan kepadatan obor-obor berbahaya di perairan Pulau Pinang khususnya di Teluk Bahang, Batu Ferringhi, Tanjung Bunga, Tanjung Tokong dan Pantai Bersih dan Pantai Robina.

Kajian pemantauan taburan dan kepadatan obor-obor sedang dijalankan bagi tempoh dua (2) tahun yang akan berakhir pada hujung tahun 2019. Fenomena obor-obor ini tidak terhad kepada perairan Pulau Pinang tetapi keseluruhan pantai barat termasuk Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor. Peningkatan kes sengatan obor-obor berkemungkinan besar disebabkan oleh pertambahan jumlah obor-obor dalam perairan negeri. Banyak faktor yang mempengaruhi peningkatan ini antaranya:

- (i) Penghijrahan obor-obor dari tempat lain kerana perubahan cuaca. Penghijrahan ini adalah fenomena lazim bagi hidupan laut, faktor kekurangan oksigen dalam air laut, fitoplankton, suhu dan kemasinan mempengaruhi populasi obor-obor.
- (ii) Eutofikasi iaitu keadaan di mana perairan terlalu kaya dengan nutrien yang mana menyebabkan pertumbuhan plankton yang pesat. Ini menyebabkan populasi obor-obor berkembang.
- (iii) *Overfishing* di mana spesies ikan yang menjadikan obor-obor sebagai sumber makanan mereka telah berkurangan menyebabkan populasi obor-obor tidak dikawal secara biologi; dan
- (iv) Kemasukan spesis asing ke perairan melalui air *ballast* daripada kapal, terdapat beberapa kes di mana obor-obor yang ditemui berasal dari perairan asing seperti spesis *Portuguese Man of War* dan *Box Jellyfish*.

Kesemua faktor ini boleh dipengaruhi oleh keadaan semula jadi dan juga antropogenik atau dipanggil sebagai buatan manusia. Tidak dinafikan bahawa aktiviti pembangunan boleh menyebabkan *Jellyfish Bloom* dan juga dapat mempercepatkan peningkatan tersebut. Kajian yang lebih terperinci adalah diperlukan supaya punca utama boleh ditentukan dan seterusnya langkah-langkah pencegahan atau mitigasi dilaksanakan sewajarnya.

Usaha-usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memaklumkan kaedah menyelamatkan diri apabila disengat obor-obor.

Misalnya cepat balik ke pantai, keluarkan tentakel yang masih melekat pada mangsa, bilas dengan air laut, jangan sentuh luka, jangan letakkan apa-apa bahan seperti cuka, urin, ammonia dan spirit seperti yang ditularkan dalam media kerana ia mungkin akan menyebabkan peningkatan racun keluar dari tentakel.

- (ii) Sekiranya perlu, satu program kesedaran boleh dijalankan untuk memberi maklumat kepada orang awam dan industri tentang cara menangani isu ini. Ia boleh dilakukan dengan pengedaran brosur atau poster.
- (iii) Pihak Berkuasa Tempatan boleh mempertimbangkan untuk mendirikan papan tanda amaran di pantai yang sering ditemui obor-obor bagi memastikan para pengunjung berwaspada akan kehadirannya; dan
- (iv) Berkerjasama dengan *Centre for Marine & Coastal Studies*, Universiti Sains Malaysia bagi kajian ke atas pemantauan taburan dan kepadatan obor-obor khususnya musim pembiakan serta faktor yang menyebabkan peningkatan obor-obor boleh ditentukan dan seterusnya langkah-langkah pencegahan boleh dicadangkan.
- (v) Pejabat saya akan berkerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meneliti cara-cara pembersihan untuk mengurangkan pembiakan obor-obor. Sekian.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Soalan tambahan. Terima kasih kepada fakta daripada Yang Berhormat Paya Terubong yang begitu *complete* tapi agak keliru di sini apa yang saya dapat maklumat daripada Pusat Samudera dan Pantai USM bahawa cuka merupakan satu bahan yang paling berkesan semasa mangsa diserang oleh obor-obor adalah berbeza daripada Yang Berhormat Paya Terubong akan tetapi soalan saya di sini, apakah SOP yang akan diperkenalkan kepada orang awam di laut dan mengenal pasti waktu yang sesuai untuk menganjurkan sukan air dan juga waktu terbaik waktu untuk mengabaikan obor-obor? Adakah papan tanda dididikan di tepi pantai waktu apa yang paling banyak obor-obor supaya orang awam boleh elak masa itu pergi main air. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Technically isu ancaman obor-obor ini bukan hanya boleh bergantung kepada pejabat saya sahaja. Ini memerlukan satu usaha holistik daripada beberapa agensi dan juga termasuk daripada Pejabat EXCO lain, seperti Pejabat EXCO Kerajaan Tempatan, Pejabat EXCO Alam Sekitar dan juga agensi-agensi Persekutuan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, *there more than 2,000 different type of jellyfish around the world*, lebih kurang 2,000 jenis tetapi ada saintis menyatakan bahawa *there could be as many as 300,000 species* yang masih belum *yet to be discovered*. Daripada 2,000 *species* diketahui ini cuma hanya 70 *that can be harmful to the human being* yang paling bahaya *the most dangerous Australia Box Jellyfish (Chironex Fleckeri)* yang boleh membunuh seorang dewasa dan di Pulau Pinang ini mengikut itu Pusat Kajian Samudera dan Pantai *there are two (2) specis that discovered in Penang*. Yang pertama...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat balik ke soalan yang ditanya.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

No no I'm answering the question...(gangguan). I don't know how to pronounce the...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

That why I ask you to go back to the soalan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Dan kedua Mobaka *this is easier to pronounce Mobaka there are two (2) specis that discover in Penang then* ia tidak berbahaya seperti *Australian Box Jellyfish* yang boleh membunuh seorang dewasa tetapi dia masih bahaya kepada seorang kanak-kanak atau orang tua. Jadi memang untuk SOP, SOP untuk memberi amaran supaya aktiviti-aktiviti tidak diadakan pada musim *peak season Jellyfish* memang saya memerlukan kerjasama daripada *Local Council* untuk *put the signboard* untuk pantai ini untuk orang ramai...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Soalan Tambahan?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Belum habis kot.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Oh sorry, sorry.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dengan peringatan dari Seri Delima tolong pendekkan jawapan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Okey dan memang ini pendapat daripada *Centre For Marine And Coastal Studies* ini akan selalu diperolehi untuk mengenalpastikan bilakah masa yang tidak sesuai untuk mengadakan aktiviti.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya. Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Soalan tambahan terima kasih, sebenarnya fenomena obor-obor ini bukan sesuatu yang baru (minta maaf) tapi agak orang kata memang dah wujud dah lama dah lah dan mengenai papan tanda itu saya rasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang pun akan mendirikan papan tanda di persisiran pantai dan soalan saya sekarang ini memandangkan sekarang ini ada *there is hype* mungkin kita boleh dari pihak EXCO dan sebagainya dapat melakukan bengkel ataupun kempen untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai isu-isu mengenai obor-obor inilah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Seperti yang saya menyebabkan tadi isu obor-obor ini bukan hanya berlaku di Malaysia sahaja dia telah menjadikan satu *Marine Ecological Disaster* di global dunia ini bukan hanya Malaysia berlaku ancaman ini termasuk juga Thailand di Phuket atau di Koh Samui pun ada ancaman macam ini juga termasuk Jepun, Cina, Denmark pun ancaman obor-obor ini terlalu banyak sehingga saintis di Denmark mencadangkan obor-obor dijadikan *chip* untuk dimakan. Buat masa ini *from the research that is no definate solution to tackle* obor-obor ini. Jadi cadangan Seri Delima untuk bengkel-bengkel ini memang dialu-alukan untuk memberi lebih pengetahuan bukan sahaja local termasuk juga kepada pelancong-pelancong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Paya Terubong.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Soalan tambahan?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah. Sila duduk. Saya nak mempersilakan soalan seterusnya soalan 20 daripada Air Putih memandang Air Putih tiada dalam Dewan, soalan ini dilangkau dan seterusnya Yang Berhormat Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 21.

No. 21. Apakah jenis-jenis bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri kepada pelajar bukan warganegara di Sekolah Kerajaan yang berstatus miskin bandar?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Pulau Tikus. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan Program Kewarganegaraan Pulau Pinang sejak 1 Februari 2013 bagi membantu penduduk Pulau Pinang yang tidak mempunyai taraf Kewarganegaraan Malaysia. Saya sebagai Pengerusi Program Kewarganegaraan telah dilantik melalui EXCO pemantau program, saya sebagai pemantau program manakala seramai lima (5) orang pegawai Pembantu Kewarganegaraan telah dilantik bagi setiap daerah di Pulau Pinang untuk menjalankan tugas-tugas membantu individu tanpa taraf kewarganegaraan dalam membuat permohonan daftar lewat sijil lahir, daftar lewat kad pengenalan, permohonan kewarganegaraan, permohonan berkaitan kes-kes imigresen dan juga lain-lain permohonan yang berkaitan dengan status kewarganegaraan Malaysia.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui program tersebut hanya membantu murid bukan warganegara yang menghadapi masalah permohonan kemasukan ke sekolah termasuk permohonan Kewarganegaraan di semua sekolah selaras dengan Perkara 15(A) Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan kerajaan mendaftarkan mana-mana orang di bawah umur 21 tahun sebagai Warganegara jika memenuhi syarat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Saya ingin menarik perhatian sedikit tentang isu bukan warganegara yang bersekolah yang tidak ada kemudahan dan sebagainya. Saya nak minta penjelasan ataupun tindakan daripada pihak EXCO ada anak-anak angkat yang diambil oleh keluarga angkat melalui JKM bukan warganegara tulis kat kad itu bukan warganegara dan perlu memohon warganegara dalam proses permohonan dan belum dapat kelulusan dan anak dah nak sekolah dan ini kadang-kadang timbul masalah dia nak ke sekolah timbul masalah dia tak boleh sekolah, sekolah tak terima tapi akhirnya diterima. Cuma peringkat awal tak terima hingga ada kekosongan saat akhir baru terima dan kemungkinan lepas ini selagi tak dapat warganegaraan ini dia akan dikenakan cas-cas dan sebagainya bapa angkatnya adalah orang Malaysia. Jadi mohon penjelasan dan juga tindakan masalah ini diselesaikan yang anak angkat yang bukan warganegaraan ini yang diperlihora oleh orang-orang tempatan. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ketua Pembangkang. Saya bukan Menteri Dalam Negeri. Jadi masalah yang dihadapi oleh mereka untuk mendapat kad pengenalan, sijil kewarganegaraan, kemasukan sekolah adalah masalah hari-harian yang kita hadapi ataupun pejabat saya hadapi. Saya ada lima (5) pegawai. Saya cuma boleh menghubungi dengan Imigresen, hubungi dengan apa ni, Kementerian Pendidikan, Kementerian Dalamn. Saya ingat saya sudah tulis beberapa surat apabila kita hadapi masalah apabila seorang murid, anak angkat ke, ibunya bukan warganegara Malaysia ini mungkin ada batasan-batasan kemasukan mereka ke sekolah. Jadi banyak rayuan yang saya sendiri buat, ada yang berjaya, ada yang

tak berjaya, saya rasa dasar pun tak begitu jelas mengenai kemasukan pelajar-pelajar macam tadi Yang Berhormat tanya anak angkat ini yakni masalah yang besar. Macam mana kita memastikan siapa dia ibu, siapa dia bapa dan sebagainya.

Jadi inilah adalah masalah yang kita hadapi, jadi kita punya ini, jawatankuasa-jawatankuasa macam *task force* sukarela, cuma kita membantu mereka je. Kita tidak boleh memohon secara langsung apa ni kepada JPN cuba buka pejabat, sekarang kita ada pejabat di Tingkat Tiga, KOMTAR dan juga pejabat-pejabat ADUN mungkin dia akan menghubungi kita. Cuma kita bantu dan untuk melicinkan proses.

Tapi saya rasa apa kita buat, saya rasa JPN ni, saya rasa mereka ini sama macam dulu. Ini kita bangkitkan kepada dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kita berjumpa beberapa bulan. Kita ada 3,500 mereka yang layak dari segi undang-undang untuk mendapat kewarganegaraan dan Tun pun setuju bahawa ini perlu dilepaskan. Tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa keputusan. Di mana permohonan ini sangkut? Sama ada di pejabat apa ni, di Pejabat Menteri Dalam Negeri ataupun di Pejabat JPN dan sebagainya.

Jadilah saya rasa bukan kemasukan mereka yang tidak ada kewarganegaraan murid-murid tapi masalah yang besar, mereka di mana, mereka sudah capai umur 70, 80. Saya dengar baru sampai umur lapan puluh baru dapat sijil kewarganegaraan. Jadi saya rasa inilah masalah yang kita hadapi. Saya rasa sangat-sangat ini satu tragedi kepada mereka yang benar-benar layak. Mereka ini, saya rasa mereka ini walaupun mereka bukan warganegara, murid-murid sampai umur 70, 80, dia mesti, saya rasa sedikit perikemanusiaan bagi dia peluang masuk sekolah, apa salah? Apa kerajaan ini zalim ke? Apa birokrasi ini zalim ke? Apa-apa sebab? Memang saya kata, apa ni saya bersimpati dengan soalan tadi dan kita sudah cuba beberapa kali, saya rasa lebih 100 surat saya sudah hantar.

Tiap-tiap hari saya hantar surat sekarang, *matriculation* pun sudah hantar surat tapi Putrajaya tak bergerak, ya memang saya dalam Pakatan Harapan. Saya pun rasa macam ini rasa serba-salah. So, jadilah saya harap bahawa pemimpin ini di Putrajaya apa ini mendengar kes-kes macam ini dan memberi laluan terutama kepada kes-kes murid, kanak-kanak yang perlu bersekolah walaupun mereka tidak ada dokumen-dokumen, jadi inilah masalah yang saya rasa dari segi ini saya tidak ada apa-apa masalah idea yang bercanggah dengan Ketua Pembangkang. Saya rasa dia lebih baik dia ketua penyokong Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya saya ingin persilakan soalan 22 daripada Yang Berhormat Pantai Jerejak. Memandang Pantai Jerejak tak ada dalam Dewan, soalan ini dilangkau dan soalan 23. Saya jemput Yang Berhormat Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB Lim Siew Khim):

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya soalan 23.

No. 23. Inisiatif yang progresif dalam menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada awal tahun 2019 patut dipuji sebab tidak pernah ada jawatankuasa sedemikian di Malaysia.

(a) Adakah pelantikan Jawatankuasa JPWK di semua KADUN telah disempurnakan?

(b) Apakah status pelaksanaan JPWK di Pulau Pinang? Huraikan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Pinang yang bertanya mengenai Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga. Pelantikan anggota Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga ataupun dalam pendek JPWK di 40

KADUN Negeri Pulau Pinang telahpun diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 1 Februari 2019 dan dengan penglibatan seramai 596 orang anggota. Pelaksanakan JPWK bermula setelah semua anggota menerima watakah pelantikan pada 16 Februari dan 6 April 2019. Pada peringkat permulaan satu bengkel pengurusan program telah diadakan kepada semua Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari serta tiga (3) orang ahli untuk memberi pengetahuan dan latihan mengenai proses pelaksanaan sesuatu program serta merancang belanjawan yang diperlukan bagi setiap program.

Semasa bengkel tersebut juga semua anggota telah diberikan buku Panduan Operasi, Borang Penyertaan Projek dan templet Kertas Cadangan Projek yang akan digunapakai apabila sesuatu program dirancang untuk dilaksanakan. Seterusnya Bengkel Pembangunan Kapasiti JPWK juga telah diadakan dan sehingga kini terdapat 6 siri Bengkel Pembangunan Kapasiti yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Mac dan April bertempat di Seberang Perai dan bahagian Pulau. Seramai 418 orang daripada 596 orang anggota JPWK telah hadir bengkel tersebut. Sementara itu sehingga 13 Mac 2019 sebanyak 23 JPWK telah pun menganjurkan pelbagai program di KADUN masing-masing.

Selain itu, satu sistem telah dibangunkan untuk membantu pengurusan program agar lebih efisien dan efektif oleh PWDC. Sistem ini juga turut membantu memodalkan pengurusan kertas cadangan dan belanjawan di samping memudahkan pemantauan JPWK dalam memenuhi indeks prestasi utama atau KPI yang telah ditetapkan. Pasukan pelatih PWDC juga telah mengenal pasti calon-calon berpotensi dari JPWK untuk melalui latihan kepimpinan yang lebih lanjut. Ini akan membantu meningkatkan perwakilan wanita dalam membuat keputusan untuk masa hadapan.

Selain daripada pembangunan kepimpinan JPWK, PWDC juga mengadakan sesi dialog setiap suku tahun bersama semua Pengerusi JPWK. Sesi dialog tersebut adalah satu platform bagi Pengerusi-Pengerusi JPWK berkongsi pengalaman dalam menyelesaikan masalah dan mencetus idea dalam melaksanakan program dan projek JPWK dengan lebih berjaya. *Thank You.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Padang Lalang. Seterusnya saya nak mempersilakan Yang Berhormat, nak tanya bangunlah, mana tau saya. Sila Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan saya, saya tengok Padang Lalang membuat banyak sangat kemajuan yang tidak pernah dilakukan di Malaysia seperti polisi, betul. Polisi *inclusive* gender, tak ada, tak ada satu negeri pun dan juga GRBP polisi dan terbaru ini Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga. Jadi soalan saya kepada Kerajaan Negeri, disebabkan dia seorang satu satu *out of 10 EXCO, 11, which is only 10%* tapi Padang Lalang *has achieve so much and then*. Soalannya pada Kerajaan Negeri bolehkah apa yang nak dicapai oleh Padang Lalang, 40% pembuat keputusan supaya polisi-polisi yang sangat penting untuk PRU 15 di mana lebih daripada 50% adalah pengundi wanita. Dan bolehkah Kerajaan Negeri mengada lebih ramai seperti Padang Lalang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Penanti. Saya rasa pencapaian Kerajaan Negeri ini juga termasuk usaha Penanti. Kerana saya, ini tak dapat dilaksanakan sekiranya hanya Padang Lalang seorang. Ini adalah Kerajaan Negeri. *Collective* usaha yang khasnya Yang Aamat Berhormat Ketua Menteri yang berpandangan jauh kepada *inclusiveness*. Itulah dia punya Wawasan Penang2030 pun berorientasikan *family focus*. Ini saya rasa dia ada perbezaannya kerana beliau belajar *social science* apabila dalam universiti. Jadi ini adalah penting saya rasa masa depan akan juga, *we are going to shake the future of Penang, we also the women*. Jadi di Pulau Pinang, kita sudah mencapai beberapa dasar dan saya rasa kita kalau

kita terus berusaha dengan sokongan semua ahli-ahli di sini, saya rasa kita boleh mencapai 40:40:20 itu. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Padang Lalang. Saya masih ada masa untuk panggil, jemput Yang Berhormat Telok Bahang. Telok Bahang pun tak ada di Dewan. Soalan dilangkau dan saya nak minta Yang Berhormat Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya soalan 25.

No. 25. Apakah tahap persediaan dan SOP sedia ada Kerajaan Negeri untuk menghadapi bencana atau memastikan tragedi pencemaran kimia toksik yang berlaku baru-baru ini di Sungai Kim Kim tidak berlaku di Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Tengah. Izinkan saya menjawab. Kerajaan Negeri sentiasa bersiap-siaga dalam menghadapi apa jua kemungkinan bencana yang akan berlaku. Bagi bencana pencemaran alam sekitar yang melibatkan bahan kimia atau toksik, Kerajaan Negeri akan merujuk kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) Jabatan Alam Sekitar (JAS). JAS juga mempunyai Prosedur Tetap Operasi (PTO). Penyiasatan Pelupusan Haram Buangan Terjadual sebagai rujukan dalam menjalankan siasatan dan tindakan bagi menangani kes pembuangan dan pelupusan sisa toksik/berbahaya secara haram.

Di samping itu, JAS juga mempunyai bilik kawalan yang beroperasi 24 jam di Ibu Pejabat JAS Putrajaya di mana orang ramai boleh menghubungi melalui talian bebas tol 1-800-88-2727. Setiap aduan atau maklumat yang diterima akan disalurkan terus kepada JAS Negeri yang berkaitan agar tindakan segera dapat diambil bagi mengawal pencemaran yang berlaku. Orang ramai juga boleh membuat laporan secara atas talian melalui email aduan_k@doe.gov.my atau datang terus ke mana-mana pejabat JAS di seluruh negara. Bagi pencemaran yang serius dan diklasifikasikan sebagai bencana, maka Arahan Nombor 20, Dasar dan Mekanisma Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, di bawah Majlis Keselamatan Negara akan diguna pakai dan penyeliaan akan diambil alih oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA Malaysia).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Boleh tanya satu soalan tambahan lagi?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, ada lagi sedikit masa.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Terima kasih Dato' *Speaker*, Soalan saya berpandukan kepada apa yang berlaku di Sungai Kim Kim dan sebab pencemaran di sana yang berlaku tragedi itu adalah satu *wake up call for the country* dan juga negeri kita. Jadi soalan saya, dalam soalan saya ini adalah persediaan Kerajaan Negeri untuk menghadapi satu bencana seperti yang berlaku di Sungai Kim. Saya difahamkan bahawa kini tidak ada lagi SOP yang lengkap, yang kita ada SOP *to deal generally with jerebu or banjir and this is under the agency* Pengurusan Bencana Negara (NADMA). So sama ada negeri kita juga mungkin boleh menyediakan satu Pelan Tindakan Pengurusan Bencana yang lengkap yang akan merangkumi pencemaran kimia biologi dan radiologi sekiranya sesuatu bencana ini berlaku di Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih, memang siap sedia untuk menghadapi perkara itu. Dan kami lebih minat sebelum kejadian daripada hanya selepas kejadian. JAS senaraikan kilang-kilang yang ada ni kimia-kimia yang terjadual dan juga telah dibagi makluman dan bagi nasihat kepada kilang-kilang bahawa Kerajaan Negeri tidak akan beragak-agak jikanya sesiapa membuang sisa-sisa toksik secaranya. Satu kes yang saya ingin menarik perhatian bahawanya memang JAS telah berusaha iaitu kata kebakaran satu kilang kimia di Nagasari. Iaitu, beberapa tahun dahulu apabila kilang itu sedang membakar JAS kejadian ada bersama saya Bomba Sukarela kami telah lihat bahawa kimia telah timpa masuk ke perparitan terus mereka telah ambil *sandbag* tutup semua perparitan dan ambil kemudahan dan kerjasama dengan lain-lain agensi untuk hisap keluar itu semua kimia-kimia yang telah masuk pergi di apa ni dia punya perparitan.

This is one good example how we react di mana kami *coordinate*. Juga di sana pada masa itu macam mana kita *have to do the evacuation of the* orang-orang yang duduk di sana. Ini memang serupa dengan Sungai Kim Kim iaitu kata sebelum jadi kami telah ada satu kejadian dan kejadian telah membuktikan kemampuan JAS, kemampuan agensi segerakan untuk menggunakan MK Arahan 20 untuk mengawalkan satu krisis bencana yang terjadi iaitu kes kebakaran kilang kimia perparitan disumbat di Nagasari di SPT.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Sungai Puyu. Ahli-ahli Yang Berhormat 1 jam 30 minit untuk Soalan Lisan telah pun tamat selaras dengan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletakkan di atas meja Ahli-ahli yang bertanya dan dimasukkan dalam Penyata Rasmi dan juga Dato' Yang di-Pertua selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 30 April dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah pun mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ni 30 April 2019 hari Selasa sehingga jam 10.00 malam.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya perlukan penyokong sebelum saya buat.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Maka Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Sebulat suara dipersetujui. Terima kasih kepada semua. Ahli-ahli Yang Berhormat kita masih berada dalam seisi perbahasan usul ucapan terima kasih kepada T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Saya nak menjemput Permatang Berangan, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bacaan doa.* Salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua serta wakil-wakil jabatan dan agensi, para media, para pemerhati seterusnya hadirin hadirat yang dihormati sekalian. Alhamdulillah terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi atas izin-Nya yang memungkinkan saya berada di sini untuk bersama dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Sidang DUN Pulau Pinang kali Keempat Belas.

Permatang Berangan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bagi ucapan perasmian yang telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 26 April 2019 yang lalu. Ucapan syabas dan tahniah ditujukan kepada semua urus setia dari anggota pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutama Bahagian Dewan Undangan Negeri yang dapat menyediakan persiapan apabila menjelangnya Mesyuarat DUN. Kali ini di Dewan Sri Pinang biarpun berpindah tempat, susunan dalam mesyuarat adalah mirip di Dewan Undangan Negeri yang kini sedang diubahsuai.

Dato' Yang di-Pertua, Permatang Berangan menjunjung kasih serta menyambut baik saranan dan pesanan yang diunjurkan oleh Tuan Yang Terutama Tun terutama sekali dalam usaha memastikan perancangan serta pembangunan negeri yang berkualiti agar dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Pulau Pinang. Hadis Rasulullah S.A.W menyebut (*Bacaan Hadis*) "Sebaik-baik manusia adalah orang yang memberi manfaat kepada orang lain". Justeru dalam perkara ini, Permatang Berangan ingin memberi pandangan dan cadangan dengan melihat beberapa perkara sepanjang tempoh menjelangnya setahun dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang pastinya rakyat Pulau Pinang mengharapkan agar janji-janji dalam manifesto Kerajaan Pakatan Harapan dapat ditunaikan serta direalisasikan dengan efisien. "Kata dikota". Oleh yang demikian, apabila terdapat isu-isu yang dibangkitkan Kerajaan Negeri wajar mengambil langkah agresif bagi memastikan isu-isu tersebut dapat diselesaikan ataupun paling tidak menanganinya dengan lebih berhemah dan efektif.

Dato' Yang di-Pertua, dalam mesyuarat terdahulu saya ada menyebut isu pengedaran Bible yang merupakan antara isu yang menyentuh sensitiviti umat Islam. Isu ICERD dan Statut ROM termasuk perarakan LGBT dalam Sambutan Hari Wanita sedikit sebanyak menyentap jiwa umat Islam di Malaysia. Di Pulau Pinang, isu pemasangan lampu berbentuk salib di bangunan Grace Residence Jelutong dan penghinaan kepada agama Islam dengan mempersendakan Nabi Muhammad S.A.W adalah antara isu yang menyentuh sensitiviti umat Islam. Apa yang berlaku seolah-olah Islam dibuli dan tidak selamat dalam pentadbiran Kerajaan Malaysia Baharu.

Tidak bertepatan dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dan konsep *rahmatan lil 'alamin'*. Oleh yang demikian, Permatang Berangan berpendirian tegas dan meminta supaya Kerajaan Negeri dapat memantau aktiviti sebegini agar semua bangsa dapat menghormati serta menjaga sensitiviti agama masing-masing sepertimana Islam menjaga dan menghormati anutan dan amalan agama-agama lain...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan. Boleh? Okey. Dato' Yang di-Pertua, saudari daripada Permatang Berangan menyatakan tentang seolah-olah semua yang berlaku ini ada kaitan dengan kerajaan, tetapi kes-kes sebegini yang menghina agama bukan sahaja baru dari dulu lagi pun memang berlaku dan kes yang dinyatakan menghina Nabi Muhammad adalah kes yang berlaku di Sarawak dan mereka yang berbuat demikian adalah juga, kalau saya tak silap, dua daripada mereka adalah beragama Islam juga.

So kita perlu jangan memberikan satu konteks seolah-olah orang Islam ataupun agama Islam itu sendiri '*under siege*' dalam pentadbiran Kerajaan Baharu. Ini adalah satu persepsi buruk yang cuba dibawa oleh *the extremist force*...(dengan izin) dalam Malaysia Baharu ini, yang tidak boleh terima bahawa Malaysia Baharu sudah pun lahir dan saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan di Persekutuan yang sedang berbuat, membuat apa-apa yang sedaya upaya untuk menyelamatkan institusi yang berkaitan dengan agama Islam seperti Tabung Haji sendiri. Mereka telah merompak Tabung Haji dan diselamatkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan baharu. RM18 bilion disuntik ke dalam Tabung Haji untuk menyelamatkannya. So, saya minta Yang Berhormat Permatang Berangan tolong jangan, *Lawyer* lagi. Okey.

Jangan ulang apa-apa persepsi buruk yang sedang dikeluarkan oleh *extremist force* di luar sana, di dalam Dewan yang mulia ini juga. Juga sebab itu adalah tidak benar, terima kasih. Dan satu lagi sahaja bukan sahaja agama Islam tetapi mana-mana agama tidak patut dihina dan saya pun berharap saudara akan bersetuju dengan saya ada juga pihak-pihak yang di luar sana sengaja menghina agama lain untuk memulakan satu kekacauan ataupun kekeliruan di dalam negara ini. Kita perlu kutuk semua mereka yang menghina semua agama tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam. Saya bersetuju dengan apa yang disebutkan. Cuma saya ingin menyatakan perkara ini pernah berlaku dulu, tetapi sekarang semakin menjadi-jadi. Jadi sekarang saranan saya, saya tidak pun menuduh kepada Kerajaan Negeri yang menyebabkan ini mungkin ada pihak-pihak tertentu yang mencetuskan isu ini. Cuma tadi saya ada menyebut maksudnya bukan sahaja Islam tetapi mana-mana agama perlu dihormati sepertimana Islam menghormati agama-agama lain. Jadi kita ada pelbagai agama, pelbagai bangsa di Malaysia jadi kita perlu saling menghormati bagi meneruskan keharmonian jadi itu jawapan saya. Saya teruskan.

Dato' Yang di-Pertua, usaha Kerajaan Negeri mencukupkan pembinaan rumah kepada warga Pulau Pinang wajar dipuji dan perlu diteruskan. Bagaimanapun agak terkilan apabila berlakunya pengusiran 22 keluarga dari penduduk PPR Taman Manggis baru-baru ini. Kegagalan Kerajaan Negeri menangani serta mengambil tindakan segera untuk menempatkan penduduk yang diusir ke penempatan sementara memperlihatkan kelemahan pentadbiran Kerajaan Negeri. Ia disifatkan menjurus kepada kezaliman...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jalan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Apabila terjadi, saya sendiri urus untuk mereka di Anjung Sinar. 2 bilik untuk mereka. Tawar pada mereka kejadian hari Khamis saya telah dimaklum hari Jumaat sebelum tengah hari saya sudah siap sediakan tetapi mereka enggan. Apabila kita nak buat satu kenyataan saya merayulah *check facts and figure before you mislead* Dewan yang mulia ini. Jangan kata Kerajaan Negeri, "tidak".

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Puyu. Saya cuma nak menimbulkan isu kekalutan yang berlaku bila ada isu-isu pengusiran. Saya rasa sebelum ini tidak ada berlaku pengusiran penduduk-penduduk PPR jadi sepatutnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jalan. Saya mintalah bahawanya semak fakta-fakta jikanya seorang ia ada bayar ini dia apa ni ada bayar dia punya sewaan jika dia tidak langgar-langgar syarat siapa nak ambil tindakan dan juga ada berapa lagi orang yang sedang menunggu, orang yang sudah mampu bagi peluang pada lain orang. Oleh yang demikian saya merayu pada Yang Berhormat, *do your homework first*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Sungai Puyu, Permatang Berangan, sila sambungkan saya tak nak orang ganggu Yang Berhormat dengan peraturan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya teruskan. Kegagalan Kerajaan Negeri menangani serta mengambil tindakan segera untuk menempatkan penduduk yang diusir ke penempatan sementara memperlihatkan kelemahan pentadbiran. Ia disifatkan menjerus kepada kezaliman kerana menggunakan kekerasan tanpa belas kasihan. Mana sikap prihatin Kerajaan Negeri apabila lebih tiga (3) hari penduduk bermalam di ruang legar KOMTAR malah tidak langsung mengendahkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dato' Speaker, ini bukan fakta, fakta itu dia sudah *mislead the assembly*, iaitu kata saya ada bukti-bukti bahawa surat hendak bagi sama dia, dia tidak mahu terima, faham tak? Jangan *mislead the assembly*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu. Sila. Tapi saya hendak peringatkan jugalah, fakta itu kena lebih tepat dan rasional. Tapi yang lain-lain nanti gulunglah, kalau fakta itu betul saya akan izinkan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah binti Othman):

Saya cuma hendak menyebut sedikit tentang isu yang berlaku di situ apabila mereka terpaksa menunggu, ada isu yang menyentuh wanita Islam khususnya kerana mereka tiada tempat yang tertutup untuk bersolat dan menyusukan anak di kawasan yang terbuka. Jadi kalau boleh ada perbincangan awal ataupun ada perancangan yang lebih baik untuk mengeluarkan mereka daripada kawasan itu. Okey, saya terus ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Get the facts. Mereka ada bagi notis tak? Sudah ada bagi tetapi mereka tidak buat rayuan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Bagi saya cakap dulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bukan, saya tidak mahu Ahli Yang Berhormat kerana tidak menggunakan fakta, apa yang betul dia tak kata apa yang dia tipu dia nak cakap sini. Sudahlah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu, sudah. Saya dengar lagi ada belakang dia, hujah dia ..(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Saya ada sikit saja lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dia tidak patutlah, *she has been misleading the State Assembly, I pointed to you, I pointed to you, I pointed to you.*

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Okey saya sudah habis semua, saya ada sikit saja pesanan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya sayang pada anda, saya tak mahu anda jadi seorang *a liar in the State Assembly*. Cakap fakta, tak tau saya bagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu, tolong perhatikan perkataan yang digunakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah binti Othman):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya cuma hendak mengharapkan agar kelemahan tidak berulang di masa hadapan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang ini boleh.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Itu sahaja. Dato' Yang di-Pertua, pertemuan saya bersama wakil Penduduk di Padang Menora dalam sesi dialog bersama wakil-wakil dari PDT SPU, JPS, Jabatan Pertanian dan MPSP pada 22 Mac 2019 lalu, menunjukkan kerisauan penduduk tentang isu tambakan tanah sawah di Padang Menora. Permatang Berangan amat berbesar hati sekiranya Kerajaan Negeri dapat melihat perkara ini dengan lebih serius kerana isu ini melibatkan pengusaha sawah yang mencari rezeki melalui tanaman padi semata-mata. Sekiranya tambunan tanah diteruskan akan menyebabkan mata pencarian mereka terjejas. Apakah tindakah yang lebih tegas selain membayar denda yang rendah? Adalah amat wajar sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengkaji keperluan meminda perundangan dengan peruntukan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang terlibat dalam isu tambakan tanah sawah yang mengakibatkan kepupusan kawasan tanah sawah bendang dan menganiayai pengusaha sawah padi.

Dato' Yang di-Pertua, YB. Ketua Pembangkang telah mengupas banyak isu berkaitan pembangunan dan impak kepada alam sekitar dalam projek PIL 1, PSR dan terowong dasar laut. Usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Pintar, Hijau Dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasi Negara Menjelang Tahun 2030 amat berkait dengan kebersihan alam sekitar, selesa dan selamat pada rakyat seluruhnya. Adalah amat dihargai sekiranya Kerajaan Negeri dapat memantau aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pencemaran seperti pembuangan sampah haram serta mengkaji aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pencemaran laut dan sungai serta memberi impak negatif kepada kehijauan bumi di Pulau Pinang.

Bagi KADUN Permatang Berangan, pemantauan dan pencucian secara berkala bagi membersihkan Sungai Kecil Pokok Machang dan Sungai Kereh amat dialu-alukan. Selain menghindari bau najis babi, kebersihan dan pencucian berkala mampu mengatasi banjiriran malah lebih sedap mata memandang dan tiada lagi bau yang tidak enak. Selain itu, isu kepupusan benih ikan dan udang galah akibat pelepasan spesis ikan seperti keli yang memakan benih ikan dan udang galah tersebut perlu diperincikan supaya mata pencarian nelayan sungai tidak terjejas.

Dato' Yang di-Pertua, sebagai usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Permatang Berangan, saya ingin mengutarakan beberapa perkara untuk pertimbangan dan tindakan Kerajaan Negeri sewajarnya. Antara lain, keperluan infrastruktur adalah penting bagi membolehkan kejayaan negeri Pulau Pinang dipacu dengan lebih lancar.

Permatang Berangan boleh bersetuju dengan ungkapan Cina yang bermaksud "Nak Kaya Bina Jalan Raya".

Adalah amat dihargai sekiranya Kerajaan Negeri melalui agensi terlibat dapat mengamati beberapa jalan di dalam KADUN Permatang Berangan yang perlu dinaik taraf bagi memberi keselesaan kepada pengguna. Selain jalan utama, jalan-jalan kampung perlu dinaik taraf bagi membolehkan penduduk menikmati keselesaan berulang-alik di sekitar kawasan kejiranan mereka. Menaik taraf laluan utama serta jalan-jalan kampung termasuk mencahayakan kawasan gelap dan terpencil amat perlu untuk keselesaan pengguna setiap hari. Selain jalan yang baik dan lampu yang terang, sistem lampu isyarat dapat membantu mengurangkan kesesakan malah mampu mengurangkan risiko kemalangan.

Saya ingin bertanya berkenaan pemasangan lampu isyarat di Simpang Tiga Taitong seperti yang diluluskan oleh YB.EXCO dalam mesyuarat lalu. Bilakah pemasangannya akan dilaksanakan? Jika ada jawapannya bolehlah saya menjawab pertanyaan penduduk sekitar kawasan tersebut apabila ditanya. Ada juga permintaan saya dalam mesyuarat terdahulu berkenaan perkhidmatan bas CAT, pembinaan perhentian bas baru serta kemudahan *parkir* bertingkat di kawasan KTM Tasek Gelugor. Apakah statusnya? Saya mohon pihak EXCO untuk memberikan jawapannya nanti.

Selain itu, kemudahan dewan orang ramai amat penting untuk aktiviti kemasyarakatan termasuk kenduri-kendara. Terdapat 23 dewan orang ramai dalam KADUN Permatang Berangan tetapi sedih sekali kerana banyak dewan yang rosak dan tidak dapat digunakan kerana tidak diselenggara. Soalan saya kepada Kerajaan Negeri, bagaimanakah kerajaan mengambil langkah untuk menguruskan kerja-kerja menyelenggara dewan-dewan tersebut?

Dato' Yang di-Pertua, selain risaukan isu keselamatan tentang kecurian dan pecah rumah, kes dadah dan narkotik, pembiakan nyamuk aedes sedikit sebanyak merisaukan jika wabak denggi merebak. Terdahulu saya pernah menyuarakan kerisauan tentang kacau ganggu oleh kera dan ancaman babi di KADUN Permatang Berangan. Lebih menyedihkan dua (2) minggu selepas Mesyuarat Pertama Penggal lalu, kejadian penduduk Kampung Padang Chempedak disondol babi hingga menyebabkan kecederaan serius kepada tiga (3) orang penduduk amat merisaukan. Seorang terkoyak di paha, seorang luka di belakang pinggang dan lebih mendukacitakan, seorang lagi terputus jari akibat digigit ketika bergelut dengan binatang tersebut. Mohon penjelasan bagaimanakah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhilitan dapat membuat pemantauan dan apakah tindakan yang lebih efektif untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang.

Dato' Yang di-Pertua dan Sidang Dewan yang dihormati, Permatang Berangan menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan bidang pendidikan. Selain pembelajaran STEM, TVET dan penyediaan perpustakaan digital, pemberian khidmat WIFI percuma kepada sekolah amat dihargai. Hasrat ini disuarakan oleh beberapa sekolah agama rakyat dan SABK di dalam KADUN Permatang Berangan untuk kemudahan WiFi percuma bagi menikmati kemudahan pembelajaran yang lebih *up to date*...(dengan izin). Selain itu, Permatang Berangan berbesar hati sekiranya Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan pembinaan laluan basikal dan pejalan kaki untuk sekolah menengah baru Tasek Gelugor yang sedang dibina bagi mengelakkan kesesakan di waktu puncak.

Dato' Yang di-Pertua, belia adalah tunjang negara. Mereka merupakan pelapis generasi akan datang. Usaha ke arah memperkasakan belia amat wajar dengan pendedahan tentang kursus, latihan kemahiran dan peluang-peluang pekerjaan yang boleh digarap sebaik tamat pembelajaran. Ini akan dapat mengurangkan masalah pengangguran di masa hadapan. Soalan saya, apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memberi penekanan untuk menerapkan jati diri kepada belia-belia serta memberi mereka peluang pekerjaan bagi mengelakkan mereka dari terjebak dengan gejala-gejala yang negatif? Selain itu saya ingin bertanya kepada EXCO yang berkenaan berkaitan pembinaan stadium mini di KADUN Permatang Berangan termasuk dengan menaik taraf gelanggang futsal dan saya mohon YB. EXCO untuk memberikan status pembinaannya.

Dato' Yang di-Pertua, rakyat menyambut baik usaha dan janji Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan dan peniaga kecil khususnya dari golongan wanita. Apa yang membimbangkan beberapa peniaga kecil yang berniaga di pinggir-pinggir jalan adalah isu pengusiran dan tindakan PBT untuk meroboh serta merampas tapak perniagaan yang selama ini menjadi punca pendapatan mereka sejak bertahun-tahun. Kerisauan ini disuarakan oleh penduduk Kampong Simpang Tiga tatkala notis mengosongkan premis perniagaan diajukan kepada mereka. Adakah Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan pembinaan pusat-pusat perniagaan ataupun astaka di kawasan Permatang Berangan bagi membolehkan peniaga-peniaga kecil yang tiada premis perniagaan untuk berniaga di situ. Harapan mereka adalah pihak Kerajaan Negeri dapat memikirkan usaha untuk membantu dan menyelesaikan masalah tersebut.

Dato' Yang di-Pertua, bagi penduduk N.04 DUN Permatang Berangan, saya menyambut baik saranan Tuan Yang di-Pertua Tun supaya usaha Kerajaan Negeri untuk memartabatkan institusi Islam dan memperkemaskan urusan tadbir hal ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang dapat diteruskan. Adalah amat dihargai kepada Kerajaan Negeri yang selama ini memberi elaun kepada Imam, Siak dan Bilal serta elaun kepada tenaga pengajar guru-guru KAFA. Tambahan kepada itu, Permatang Berangan ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat mengkaji untuk memberi elaun kepada petugas-petugas masjid seperti penggali kubur dan petugas mandi jenazah lelaki dan perempuan. Mereka selama ini menjalankan tugas fardhu kifayah tanpa sebarang bayaran. Adalah wajar jika mereka diberi peluang menikmati sedikit upah bagi tugas yang mulia itu.

Akhir sekali adalah diharapkan agar segala permohonan dan saranan yang diutarakan oleh Permatang Berangan dapat diamati dan dikaji oleh pihak Kerajaan Negeri supaya dapat dimanfaatkan untuk penambahbaikan kepada penduduk Pulau Pinang dan kepada penduduk Permatang Berangan khususnya secara menyeluruh. Teruskanlah usaha murni untuk memenuhi janji-janji manifesto Kerajaan PH kepada rakyat. Sebelum saya mengundurkan diri saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Pekerja esok pada 1 Mei 2019 dan selamat menyambut Ramadan al-Mubarak 1440 Hijrah kepada semua umat Islam. Sekian, terima kasih, *Assalamualaikum w.b.t.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Permatang Berangan. Saya ingin menjemput Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Speaker. Salam Sejahtera, Salam Harapan, Salam Malaysia Baru. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri. Sempena sambutan ulang tahun kemenangan rakyat dan terbentuknya Malaysia Baru, kita berdepan dengan pelbagai cabaran. Khususnya ketidakpuasan hati dan juga keresahan rakyat ke atas prestasi Kerajaan Persekutuan.

Rakyat kini kurang kesabaran dan ingin melihat dan merasai perubahan dengan kadar yang segera. Dan memang tiada juga *honeymoon* untuk Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Bagi saya cabaran yang terbesar bagi kita semua sebagai Wakil Rakyat Pulau Pinang adalah menyatupadukan rakyat berbilang kaum untuk berdepan dengan pelbagai ancaman seperti hubungan etnik yang tegang, *crimes changed*, rasuah, kemiskinan dan pencemaran alam sekitar. Saya percaya semua ini adalah matlamat yang dipersetujui dan didokong oleh semua ADUN dan juga Ahli-Ahli politik dalam DUN ini. Kita ada banyak idea-idea yang bernas dan membina, kita semua juga amat sayangi kepada negeri Pulau Pinang.

Namun tujuan kita berada di sidang DUN ini, yang mulia ini bukan sekadar apa yang kita boleh lakukan sebagai ADUN. Malah kita boleh membawa suara rakyat di negeri Pulau Pinang ini untuk membuat sesuatu perubahan yang lebih baik untuk kita semua.

Penang2030. Hari ini Pulau Pinang, pekerja kita adalah antaranya yang paling produktif di negara kita. Kilang dan syarikat kita di Pulau Pinang juga antaranya yang paling inovatif dan berdaya saing di Malaysia. Kita ada banyak pencapaian-pencapaian yang begitu membanggakan, cuma kita apakah *what legacy do we want to live to the next generation. How to live up, live Penang up to the next level* and inilah masa untuk kita berfikir bersama, apa yang kita nak mencapai pada masa akan datang.

Sekiranya kita hanya membuat sesuatu *business as usual*, maka kita akan ya, hanya *stuck* dalam keadaan slogan '*Penang Leads*'. So, kita sentiasa perlu mengingatkan diri kita sendiri, bahawa kita adalah wakil rakyat dan tidak boleh berada dalam keadaan yang *complexion* atau masih ada yang dalam keadaan yang, yang keadaan *honeymoon*. Jangan sekali-kali kita ada sikap keangkuhan kuasa atau *arrogant of power* atau *out of touch* dengan akar umbi kita golongan yang sedang berjuang, bersusah payah untuk mencari kehidupan.

Maka, kita perlu mengurus harapan tinggi daripada rakyat terhadap Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang yang telah masuk ke penggal ketiga. Satu pencapaian yang cemerlang ya, namun kita juga tahu banyak ada juga terdapat suara-suara yang *sceptical* yang *cynical* terhadap kerajaan. Dan juga mereka suara-suara ini juga dengan mempengaruhi *narrative* dan perbincangan dalam sosial media seperti Facebook, Whatsapp, Instagram dan lain-lain. Persepsi orang ramai terhadap kerajaan dan ahli politik ini juga, dipengaruhi atau dimanipulasi untuk mencapai agenda politik sesetengah orang.

So, maka *engagement* bersama rakyat itu perlu dipertingkatkan selaras dengan *Penang2030* yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan perkara ini perlu dilaksanakan bukan dari segi dasar tetapi dalam pembentukan dan pelaksanaan program-program yang *completed* untuk rakyat.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang saya nak bangkit seterusnya adalah pembuangan sampah haram yang perlu ditangani dengan lebih efisien dan berkesan. Sekiranya kita nak mencapai *Penang2030, we need to fix it first*. Ya kita perlu, perlu membaikinya dengan kadar yang segera. Sementara program-program kesedaran dan pengasingan sisa di punca dijalankan, kita tidak boleh membiarkan kegiatan pembuangan sampah haram berterusan khususnya dalam skala yang besar-besaran.

Saya ingin merakamkan ya, penghargaan saya terhadap Kerajaan Negeri serta *Penang Green Council* yang telah berusaha menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai satu negeri yang hijau dan bersih. Namun usaha-usaha ini dengan senangnya telah dimusnah ya, telah dimusnah oleh segelintir kecil orang yang tidak bertanggungjawab dengan membuang sampah haram di merata-rata termasuk yang berlaku di kawasan Bukit Teh. Dan kegiatan pembuangan sampah oleh lori besar seolah-olah mereka tidak ada ketakutan kepada pihak yang berkuasa, dan malah seolah-olah ada kebenaran untuk membuang sampah di kawasan yang tidak boleh, yang kawasan bukan tapak pelupusan sampah yang sah.

Ya, kenapa masalah ini berterusan sampai sekarang. Ya, sampai sekarang perkara ini masih berlaku bukan sekadar di Bukit Teh, kemungkinan Bukit Teh sudah ada pemantauan, tapi sekarang mereka pergi ke tempat lain ya. Ada yang kata di DUN Penanti juga ada berlakunya dan Bagan Dalam juga ada menerima aduan-aduan. Dan saya difahamkan di Bertam juga ada perkara-perkara sedemikian.

Maka kita perlu mencari ya, mencari kenapa perkara ini boleh berulang-ulang. Ya, boleh berterusan dan sampai sekarang tuan tanah ke atau orang-orang yang membuang sampah tersebut tidak diambil tindakan. Ya, maka apabila kita tau apabila kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan yang memberi kompaun atau notis kepada tuan tanah untuk memulih, memulihkan kawasan tersebut.

Ya, kita saya nak tanya kepada Kerajaan Negeri. Adakah kita bagi garis panduan tentang cara-cara untuk membersihkan kawasan tersebut. Atau hanya notis saja. Apa yang saya difahamkan di kawasan Bukit Teh, jika kita nak minta tuan tanah untuk membersihkan ya, yang keluasan yang lebih enam (6) padang bola sepak keluasan yang lebih daripada enam

(6) padang bola sepak itu, adakah tuan tanah itu mampu untuk memulihkan kawasan tersebut.

Sekiranya kita hanya bagi notis, tetapi tidak ada penguatkuasaan dari segi memastikan tuan tanah tersebut untuk memulihkan kawasan tersebut, maka masalah itu akan terletak di sana juga. Dan bila ada wartawan pergi ambil gambar, masalah itu masih berada di sana. Tidak ada usaha daripada tuan tanah untuk memulihkan kawasan tersebut.

Oleh itu, kenapa kita kata perlu ada tindakan yang lebih tegas. Ya, kerana sudah lama kita kata memang saya, saya akui kita kerajaan memang bertindak tegas kepada pembuangan sampah haram. Tetapi sampai sekarang tidak ada satu orang pun yang telah diambil ke mahkamah atau tidak ada tuan tanah yang membersihkan kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi.

Maka kepakaran teknikal diperlukan semasa nak membersihkan dan memuliharkan kawasan tersebut dan siapa yang akan membiayai kos ya, jika kerajaan yang perlu pergi membiayai kos untuk memuliharkan kawasan yang telah dibuang oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Ya, maka ini akan secara tidak langsung akan membiarkan perkara ini akan berlarutan lagi. So, kenapa saya dalam Sidang DUN beberapa kalilah saya telah mencadangkan, memang kita perlu mengkaji balik Akta atau Kanun Tanah Negara yang hari itu dalam jawapan saya, jawapan YB. Datok Keramat kepada saya iaitu kita tidak dapat rampas balik tanah, lot-lot tersebut di Bukit Teh kerana ia adalah tanah yang berstatus *first grade* dan tidak tertakluk di bawah KTN 1965, kerana tiada sebarang syarat guna tanah tertentu itu, dia tidak melanggar apa-apa syarat.

Maka perkara ini, saya rasa adalah sampai masanya untuk Kerajaan Negeri untuk mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk meminda KTN ya, sekurang-kurangnya kita ambil balik tanah itu. Kita kerajaan boleh memulihkan kawasan tersebut. Dan juga kawasan tersebut boleh dijadikan untuk tempat kegunaan orang awam. Ya, dan inilah yang saya rasa kita perlu mencari jalan untuk menanggapi isu ini. Sebab sekarang tiada tuan tanah itupun tidak takut, sebab tidak ada apa-apa yang diminta untuk selain daripada minta dia untuk memulihkan, dia tidak memulihkan. Saya pun tidak tau ada apa-apa tindakan yang seterusnya. Ya, so saya harap Kerajaan Negeri dapat membawa isu ini untuk kita buat, minta di Parlimen buat pindaan ke atas Kanun Tanah Negara termasuk tanah yang atas syarat *first grade* ini, jika dia tidak jaga dengan baik, dia perlu. Ya, dia akan menghadapi tindakan rampas balik oleh kerajaan. *Okey, silakan.*

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, untuk kes ini, pihak berkuasa tempatan MPSP telah buat laporan polis untuk menyiasat bahawa *syndicated*, iaitu *syndicated* kerana kami dapat lihat beberapa kontena dan lain-lain. Siasatan sedang dijalan, bukan hanya di Bukit Teh, akan tetapi di lain-lain tempat. Memang cadangan tu baik, kami akan ambil perhatian dan kita memang akan bersatu supaya mengkawalkan menanggapi masalah ini. *So, we need some space of time and you will be informed the action.*

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan saya ada soalan. Saya...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya. Nak minta perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana isu ini dalam mesyuarat semalam pun telah panjang lebar. Dan dalam soalan lisan pun telahpun jawab. Soalan tambahan pun telah pun dijawab oleh EXCO panjang lebar. Dan kalau boleh saya nak pendek, ringkaskan isu ini dan kita tunggulah EXCO untuk buat penggulungan nanti. Yang lain, saya rasa tidak perlulah. Machang Bubuk, sila. Masih dalam isu yang sama, saya mohon supaya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya nak tanya daripada pihak ADUN. Sebab dia berapa *football field*. 6 ha, 6 *football field* jadi kalau 6 *football field*. Berapa lamakah tempoh yang masa yang diambil oleh tuan tanah untuk buang sisa sampah haram ni di, di toksik ni di 6 *football field*. Sebelum itu, tidakkah ada aduan dan pihak MPSP ka ataupun orang yang polis ka siapa-siapa terus *stop*. Sebab kalau kita mau memulihkan balik tanah tu, akan mengambil kos dan masa yang panjang. Dan kita kena *inn act* undang-undang baru. Tapi kalau kita boleh pencegahan, maknanya aduan telah dibuat, terus tindakan diambil. Itu soalan dia.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kepada Sungai Puyu dan juga Penanti dan saya juga setuju dengan apa yang telah disebutkan oleh Dato' Yang di-Pertua perkara ini memang dibincangkan cuma tadi apa yang kita saya sebut tadi adalah untuk penambahan. Perkara ini perlu diambil dengan lebih serius tentang isu ini, kerana saya rasa dalam sidang DUN kita banyak membincangkan tentang agensi penguatkuasaan kita yang seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Penanti. Kerana kita kena memperkasakan agensi penguatkuasaan kita untuk memastikan kegiatan-kegiatan haram ini tidak berleluasa dan ini juga macam isu sisa plastik yang masuk juga. Kita bukan sekadar untuk tangani di kilang-kilang sahaja tetapi kita kena juga menangani di mana sumber dia datang. Mengapa dia boleh masuk dalam negara kita? Kenapa Kastam tidak memeriksa dengan lebih awal untuk menghentikan kemasukan sisa-sisa plastik dari luar negara ini. So semua ini adalah agensi penguatkuasaan perlu diperkasakan, sekiranya ada ke ada *loophole* dalam undang-undang maka perlu membuat pindaan. Penasihat Undang-Undang boleh cadangkan adakah kita boleh buat, kuasa ada pada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat apa yang boleh kita buat untuk pastikan perkara itu dapat dibendung dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin membangkit suatu perkara yang juga berkenaan dengan isu sampah juga. Ini isu sampah ini adalah sisa yang berbahaya iaitu sebenarnya saya ada bawa usul membawa usul ini ke dalam sidang DUN tetapi telah ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua, maka saya masukkan perkara ini dalam perbahasan saya. Saya minta supaya Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kita dengan sebulat suara supaya boleh meminta Kerajaan Persekutuan untuk mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam menangani masalah sisa berbahaya atau *household hazardous waste* yang semakin serius serta memudaratkan keselamatan alam sekitar.

Setakat ini, tiada sistem pengutipan sisa berbahaya di Malaysia yang berkesan, tiada satu (1) sistem yang berkesan. Pihak Berkuasa Tempatan juga tidak mempunyai kapasiti dan juga kepakaran untuk mengendali sisa berbahaya ini. Sisa berbahaya ini macam *e-waste*, macam itu lampu kalimantang semua ini adalah kekurangan kesedaran di antara orang awam terhadap implikasi sisa-sisa berbahaya ini dan kebanyakan adalah terus dibuang ke tempat tapak pelupusan sampah atau *landfill*.

So seluruh Semenanjung Malaysia hanya ada satu (1) kemudahan untuk pelupusan sisa berbahaya ini yang dikendali oleh Kualiti Alam ia terletak di Negeri Sembilan. Kos pengangkutan dan juga pelupusan yang amat tinggi perlu ditanggung oleh Kerajaan Tempatan untuk mengendalikan sisa berbahaya ini.

Maka saya mengambil kesempatan ini untuk meminta supaya Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan satu (1) kemudahan untuk rawatan dan pelupusan sisa berbahaya ini di Zon Utara Semenanjung Malaysia agar negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara juga boleh mengurus sisa berbahaya ini dengan berkesan dan profesional demi kesejahteraan dan keselamatan orang ramai...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebelum ini nanti saya ingin mengangkat kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran dua (2) rakan kita daripada Tamil Nadu India daripada MDMK oleh tiga (3) parti daripada India. Selamat hadir di Dewan Undangan Negeri, sila sambung.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Perkara yang seterusnya yang saya ingin bangkit adalah penjimatan kerajaan. Pemberian sumbangan kewangan kepada rakyat telah selama ini telah meningkatkan budaya kebergantungan rakyat terhadap kerajaan. Kerajaan Negeri perlu ada satu (1) dasar kebajikan yang berjangka masa panjang dan bukan sekadar memberi *hand out* sahaja. Satu (1) *system social security social safety net* bersifat *holistic* perlu diwujudkan. Saya setuju langkah-langkah yang di ambil oleh kerajaan untuk mengkaji semula amalan pemberian sumbangan yang sedia ada. Ya, pastikan kumpulan-kumpulan sasaran atau golongan B40, M40 ini dapat menerima manfaat daripada dasar kebajikan dan juga dasar yang berteraskan *social safety net*. Saya tidak menyokong potongan bajet atau potongan bajet ke atas isu-isu kebajikan sosial, perubatan dan juga pendidikan. Ya, atas juga saya tidak sokong tidak setuju dengan potongan bajet atau atas nama penjimatan ini. Perkara-perkara yang asas ini telah diabaikan.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa bantuan kewangan RM3 juta Kerajaan Negeri kepada sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan untuk tahun 2019 telah dipersetujui. Namun saya juga ingin di sini meminta supaya Kerajaan Negeri memberi maklumat terperinci tentang keanggotaan Jawatankuasa Khas Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan. Dimanakah penglibatan ADUN kawasan dalam proses kelulusan permohonan tersebut bantuan tersebut. Sebab saya rasa ramai ADUN-ADUN di sini juga didatangi oleh ramai pihak sekolah-sekolah untuk meminta bantuan daripada ADUN-ADUN supaya dapat membantu mereka dari segi menaik taraf bangunan atau kerosakan yang telah dihadapi oleh sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan, okey. Terima kasih Dato' Speaker, mengenai perkara ini, sebelum 9 Mei 2018, para ADUN di negeri Pulau Pinang tidak langsung dibenarkan masuk ke dalam sekolah-sekolah ataupun institusi pendidikan yang milik Kerajaan Persekutuan. Tetapi setelah lahirnya Malaysia Baharu dan kini kita didatangi sendiri oleh pihak sekolah, PIBG, Guru Besar datang minta bantuan daripada para ADUN. Di kawasan saya sahaja saya ada tujuh (7) sekolah, so memang macam-macam bantuan yang diminta daripada kita sebagai ADUN dan Kerajaan Negeri buat pertama kalinya sudah pun mengumumkan RM3 juta untuk disalurkan kepada sekolah kebangsaan dan adakah Yang Berhormat Machang Bubuk bersetuju jika saya minta Kerajaan Negeri tambah Peruntukan 02 kepada para ADUN supaya kita boleh lebih membantu sekolah-sekolah dan lain-lain institusi kerajaan yang datang minta bantuan dengan kita. Terima kasih, minta tambah lagi RM100,000.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Dalam. Saya setuju dengan apa yang telah dibangkitkan memang sekarang selepas 9 Mei dalam satu (1) tahun ini kita telah dibanjiri oleh semua dengan pelbagai surat-surat permohonan untuk peruntukan dan memang kita tidak ada peruntukan yang mencukupi untuk menangani permintaan yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak dia, oleh pihak sekolah ini. Oleh itu, saya rasa tindakan daripada Kerajaan Negeri itu memang baik. Walaupun pendidikan ini di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan tetapi Kerajaan Negeri telah mengambil satu inisiatif. Inilah tunjukkan bahawa sekolah-sekolah di negeri Pulau Pinang ini juga telah dijaga kerana saya setuju pelaburan dalam sektor pendidikan ini memberi peluang kepada semua orang untuk berjaya. Namun itu kita bukan sekadar menaburkan wang kepada sektor pendidikan tapi kita, saya rasa kita juga perlu memberi cabaran kepada semua sekolah untuk menghasilkan sesuatu perubahan yang inovatif serta mencapai bersaing untuk mencapai prestasi yang terbaik. Jika kita mahu

membuat sesuatu produk yang paling baik maka kita perlu melabur dalam idea-idea paling baik ini.

So Tuan Yang di-Pertua, saya bangga dengan George Town World Heritage ini. Status Warisan UNESCO George Town memang sesuatu yang membanggakan kita semua. Ramai pelancong-pelancong luar dan dalam negara telah datang ke Pulau Pinang untuk melancong di kawasan George Town World Heritage ini. Namun mengikut pemerhatian saya, aset warisan ini tidak diintegrasikan dalam silibus pembelajaran para murid-murid di sekolah di Pulau Pinang. Jika kita pergi ke negara lain macam di Jepun atau negara Amerika Syarikat, mereka murid-murid mereka atau pelajar-pelajar mereka telah di mengadakan lawatan sambil belajar ke kawasan-kawasan yang berdekatan dengan sekolah itu. So saya rasa kerjasama dengan sekolah dan World Goergetown, nanti saya bagi George Town World Heritage Incorporated itu perlu diadakan untuk mempertingkatkan keupayaan rakyat Pulau Pinang untuk menilai menghargai nilai warisan serta sejarah negeri Pulau Pinang ini. Sila.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Minta laluan, terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk kerana telah menyentuh satu perkara yang saya amat setuju jika sememangnya patutnya kita memasukkan silibus berkenaan dengan khususnya harta warisan yang khususnya dan uniknya kepada negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, sebenarnya pihak GTWHI pun telah mengadakan sesi *engagement*. Sebenarnya pihak GTWHI turut menerima jemputan daripada sekolah-sekolah sebelum sebenarnya sebelum 9 Mei dan selepas Pilihan Raya Umum ke 14 ini. Memandangkan kita kini mempunyai akses yang lebih banyak untuk memasuki sekolah jadi sebenarnya mereka pun menerima banyak jemputan dari kalangan sekolah. Tapi saya yakin kalau kita bergantung sahaja kepada sumber yang ada pada GTWHI ini, sememangnya susahlah untuk kita memenuhi semua jemputan sekolah ini. Jadi saya bersetujulah dengan cadangan Yang Berhormat Machang Bubuk untuk memasukkan ia sebagai sebahagian silibus mungkin dalam mata pelajaran sejarah di dalam sekolah. Agar khususnya anak-anak kita dapat menghayati dan memahami dengan lebih mendalam harta warisan yang kita ada di negeri Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Pengkalan Kota, yang memberikan satu cadangan yang baik dan saya harap perkara ini dapat diusahakan oleh GTWHI dengan Jabatan Pendidikan Negeri untuk supaya boleh menggalakkan lebih ramai lagi para murid-murid dapat menyaksi dan sendiri menghayati nilai-nilai warisan yang ada di Pulau Pinang ini dan perkara ini juga bersangkutan paut...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Machang Bubuk, boleh bagi laluan?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Boleh.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Saya amat tertarik, terima kasih atas isu cadangan untuk memasukkan Penang Heritage dalam silibus sekolah-sekolah akan tetapi saya merasa memang juga ada sekatan dari segi kebolehan Kerajaan Negeri untuk memasukkan silibus ini dalam sekolah-sekolah. Apabila bidang kuasa yang menjaga sekolah-sekolah ini berada di peringkat Kementerian Pelajaran. Jadi baru-baru ini pun, Penang Institute ada dalam majalah *Issues Mac 2019*. Juga ada mengeluarkan satu artikel oleh Professor Woo Wing Thye yang bertajuk *Decentralisation is the Best Pro-Growth and Pro-Poor Economic Strategy for new Malaysia* dan di dalam sini salah satu daripada cadangannya adalah untuk *to decentralize decision making in the education system*. Dan dicadangkan di sini bahawa memang di setiap negeri ada ciri-ciri dan karakter yang unik kepada negeri itu. Dan untuk perkara itu, boleh dimasukkan dalam silibus

ataupun kurikulum sekolah. Inilah adalah di antara sebab yang saya rasa *over sight* sekolah-sekolah sebahagian kuasa itu daripada *federal* harus diberi kepada negeri-negeri supaya mereka boleh mengeluarkan dasar-dasar ataupun membuat dasar-dasar mengenai pendidikan sekolah *to suit the suitability of the individual state* seperti di Pulau Pinang. Dan juga di sini memang dicadangkan bahawa *funding of public education should be decentralize*. “*Every school age child should be seen education voucher from the government annually and that the parents of the child could then redeem the voucher at the school with the curriculum that they think is best for their child*”. Maksudnya negeri-negeri akan memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan pendidikan dalam negeri mereka. Apa padangan Machang Bubuk?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cuma saya nak peringatkan Machang Bubuk telah pun 30 minit.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Saya rasa terima kasih Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jaga *timing* anda.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Ya, ya. Saya, saya setuju dengan apa yang telah dibangkitkan oleh ADUN Bukit Tengah dan termasuk semalam telah mencadangkan satu (1) suruhanjaya yang bebas untuk mengkaji balik perkara-perkara yang terletak dalam *concurrent list* ini dan juga yang terletak dalam *federal* punya, semangat federalisma itu perlu bagaimana kita boleh dilaksanakan dalam peringkat negeri ini supaya isu-isu seperti pendidikan ini dapat ditangani dengan lebih baik dan lebih bersesuaian dengan keadaan setempat di dalam negara kita.

Dato' Speaker, Singapura telah mencalonkan budaya makanan jalanannya ke UNESCO. Usaha Kerajaan Negeri lebih perlu, lebih agresif ia memandangkan kerana penjaja jalanan makanan ini juga merupakan salah satu tarikan pelancong ke Pulau Pinang. Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan Negeri dalam menjawab soalan saya yang ke 19. Di mana Kerajaan Negeri telah menghantar satu (1) surat rasmi ke Jabatan Warisan Negara agar mensyorkan, mensyorkan agar jabatan tersebut membuat dominasi gabungan dengan Singapura di bawah nama kebudayaan penjaja di Singapura dan Malaysia. Cuma saya ada pertanyaan di sini, kenapa ia perlu digabungkan sebab perkara makanan jalanan ini adalah khas dari Pulau Pinang. Tetapi kita guna kebudayaan penjaja di Singapura dan Malaysia ini, adakah nanti ia akan menjadikan keseluruhan Malaysia dan Pulau Pinang tidak dapat *dihighlightkan* dalam perkara ini. So saya berharap nanti EXCO yang berkenaan boleh memberi jawapan dengan lebih lanjut lagi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga membawa beberapa isu penting kawasan saya dalam sidang DUN. Antaranya adalah pelebaran Jalan Permatang Tinggi. Saya rasa itu perkara yang saya sering kali bangkit dalam sidang DUN ini, kemalangan yang berlaku termasuk kemalangan maut semakin meningkat. So, saya harap pelebaran jalan untuk Permatang Tinggi walaupun ia adalah jalan di Persekutuan, tetapi saya juga telah meminta supaya JKR Pusat untuk meluluskan permohonan dari yang telah dikemukakan oleh JKR Negeri. Dan juga cadangan untuk menaiktaraf Jalan Kulim yang telah dikemukakan sejak 2008 sehingga kini kita nampak masih tidak ada peruntukan atau kelulusan ke atas Jalan Kulim ini.

Dan ketiga adalah isu jalan tar dan cerun bukit yang runtuh di Taman Eko Rimba Bukit Mertajam iaitu Cherok Tok Kun. Perkara ini juga saya telah bangkitkan dalam sidang DUN tetapi sehingga sekarang disebabkan kos itu begitu tinggi sehingga tidak ada satu (1) tindakan yang menyeluruh untuk membaiki cerun dan juga jalan tar tersebut.

Akhir sekali, saya juga ingin membangkitkan tentang bandar pintar yang ada, yang perlu kita *fibrelisation* di kawasan-kawasan taman perumahan. Semalam saya telah *menuploadkan* satu (1) jawapan yang telah di, dijawab oleh EXCO Tanjung Bunga ke Facebook saya dan senarai yang telah diberikan itu dalam jawapan bertulis yang 30 itu.

Senarai taman-taman perumahan KADUN Machang Bubuk yang mempunyai rangkaian fiber sehingga 31 Mac dan saya telah mendapati banyak respon di mana masih ada banyak yang, ada 34 taman di sini, yang disebutkan ada rangkaian fiber padahal mereka tidak ada. So saya rasa maklumat-maklumat ini perlu dikemaskini atau perlu di *verified* kerana banyak yang, yang dijawab di sini adalah macam di Taman Impian Indah. Ada ramai yang kata di sana belum ada fiber optik lagi. So, bagaimana ada jawapan yang kata Taman Impian Indah ini sudah ada. Dan satu (1) lagi macam Taman Selamat. Dia kata sudah dua (2) tahun mereka penduduk pergi *apply* daripada TM. Tetapi TM kata belum sampai lagi fiber tapi di sini dia sudah tengok, Taman Selamat sudah ada. So, saya harap EXCO Tanjung Bungah boleh memberilah pencerahan kepada kita semua kerana *I think* kerana permintaan untuk *fibrelisation* ini adalah semakin tinggi, ya, dan permintaan jalur lebar ini juga merupakan keperluan seharian untuk penduduk-penduduk di semua di kawasan perumahan...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Just tambah sikit. Selain daripada yang jawapan tadi, saya nak minta juga, *for example other utility company* macam PBA juga kalau bagi jawapan kata soalan saya untuk di kawasan Penanti, dimanakah paip-paip yang telah dinaik taraf. Saya tak nak jawapan di kawasan lain. *I mean* sebab ini Penanti. Jadi jangan letak Bukit Indra Muda la, semua dekat Permatang Pasir la, semua daerah, apa Berangan lah. Saya *just* nak jawapan untuk Penanti sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu kes kisah benar? Betul? Betul ke?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Dalam jawapan bertulis memang dia jawab senarai macam tu juga la tapi bukan dalam Penanti.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

So saya mintalah EXCO perlu memberi perhatian yang lebih serius bila menjawab jawapan, eh soalan yang ditanya. Kalau boleh, kalau adanya timbul kekeliruan nanti minta EXCO juga buat penjelasan bersabit dengan jawapan. Sila Machang Bubuk. Sikit lagi.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Akhir kata.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Bukan pendek kata. YB. Cheah Kah Peng tak ada. Okey. Akhir kata, semalam YB. Air Putih juga ada sebut tentang satu (1) perkara yang menarik perhatian saya iaitu penyampaian adalah segala-galanya. Saya sangat setuju dengan pandangan beliau. Ya, kerana sektor perkhidmatan awam adalah asas untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat dan sektor perkhidmatan awam ini perlu menjadikan kerajaan yang lebih efisien dan juga lebih efektif, lebih mesra pengguna dan lebih *responsive* terhadap keperluan rakyat. Dan prestasi atau persepsi rakyat memang akan menilai tentang penyampaian yang mereka akan berdepan, berdepan dengan keperluan seharian mereka. So memang, memang sukar untuk mengatasi ketidakpercayaan terhadap kerajaan. Ada, ada yang ramai yang diluar mungkin tidak percaya kepada *the mistrust* yang berada di sini. Tetapi kita juga perlu mara ke depan dengan berani,

dengan jujur, dan dengan penuh azam dan benar-benar memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

So dengan akhir ini, dengan kata-kata itu, saya ingin berkongsi dengan satu (1) *codes* daripada bekas Presiden United States iaitu Thomas Jefferson. Iaitu kita, '*I hope that our wisdom will grow with our power, and teach us that less we use our power the greater it will be*'. So dengan kata-kata itu memohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk. Seterusnya saya ingin persilakan Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan seperjuangan saya dalam Pakatan Harapan yang telah merealisasikan Malaysia yang baru dan pimpinan Pembangkang yang saya hormati dalam arena politik.

Teks ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang disampaikan hari Jumaat yang lalu telah menyentuh beberapa isu yang pada pendirian saya, memang penting dan bersesuaian dengan keadaan yang kini dihadapi khususnya cadangan baru berkenaan dengan Pusat Pentadbiran Negeri di Bangunan KOMTAR yang disampaikan kepada Kerajaan Negeri. Tuan Yang Terutama telah mengambilkira kejadian kebakaran baru-baru ini yang telah mengakibatkan suasana yang panik dan kurang selesa yang juga telah menonjolkan kelemahan yang ketara apabila berlakunya kecemasan di KOMTAR.

Kejadian ini sepatutnya diambil sebagai satu (1) peluang keemasan bagi semua pihak yang terbabit untuk meneliti kelemahan dalam mengikut SOP, *Standard Operating Procedure*...(dengan izin), semasa berlakunya kecemasan. Saya menyeru agar kelemahan yang tertonjol khususnya dalam pengabaian mengikut SOP kecemasan ini mestilah diberi perhatian yang serius dan semua kakitangan kerajaan di KOMTAR wajib diberi latihan yang secukup-cukupnya. Isu ini penting kerana ramai antara kakitangan kerajaan kekurangan *sense of urgency* ataupun berasa cemas ketika loceng berbunyi. Malah, ramai antara kakitangan kerajaan di KOMTAR dan juga peniaga-peniaga atau *customer customer* yang rela terus dengan tugas masing-masing. Saya berharap melalui pengajaran daripada kejadian ini, semua kakitangan kerajaan di KOMTAR akan lebih berwaspada dan menerima latihan dalam mengikut SOP kecemasan yang akan menyelamatkan nyawa.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

Di Pulau Pinang adanya KOMTAR yang ikonik,

Pusat Pentadbiran yang masyur dan dikenali,

Berpindah atau tidak kini masalah yang unik,

Lebih-lebih lagi ramai mencari rezeki di sini.

Bangunan KOMTAR yang pada suatu ketika dahulu merupakan bangunan yang tertinggi di Asia Tenggara dan satu (1) lambang kebanggaan Pulau Pinang. Cadangan untuk memindahkan pusat pentadbiran negeri daripada KOMTAR seperti yang dicadangkan oleh Tun Yang di-Pertua perlu diberi pertimbangan. Isu-isu berkenaan dengan kos, keperluan dan sebagainya patut diberi pertimbangan yang secukup-cukupnya sebelum keputusan yang muktamad diambil. Lebih-lebih lagi, dalam situasi atau iklim ekonomi yang tidak begitu merangsangkan, segala perbelanjaan dan perancangan kewangan oleh Kerajaan Negeri perlulah diteliti terlebih dahulu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam urusan kebajikan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang banyak menghulurkan bantuan kepada rakyatnya termasuk keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan dan golongan warga emas serta golongan yang kurang berupaya. Memandangkan bilangan warga emas di Pulau Pinang semakin meningkat, penjagaan warga

emas akan menjadi masalah yang serius dalam masa depan. Golongan yang paling memerlukan bantuan adalah keluarga kurang berkemampuan. Maka, di sini saya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan langkah dalam arah ini iaitu penjagaan golongan warga emas. Jabatan Kebajikan Masyarakat dirayu supaya memperluaskan bantuan sara hidup kepada lebih ramai warga emas yang kurang berkemampuan. Jika program kebajikan hanya melibatkan bantuan kewangan, adakah ia mencukupi? Adakah Kerajaan Negeri perlu menambahkan bilangan rumah warga tua ataupun melepaskan tanggungjawab ini kepada pihak swasta sahaja? Hasil daripada pemerhatian kita menunjukkan ramai warga emas yang tidak berkeluarga ataupun tinggal bersama dengan anak yang berpendapatan rendah, mereka langsung tidak mampu membiayai kos perubatan yang tinggi jika kesihatan warga tua merosot.

Kerajaan Negeri perlu mendirikan lebih banyak pusat penjagaan warga tua yang lebih selamat, bersih dan selesa bagi warga tua yang kurang berkemampuan dengan bayaran yang minima jika perlu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, golongan yang sangat membimbangkan adalah juga golongan orang yang kurang upaya (OKU). Terdapat banyak kes dimana warga OKU yang bergantung kepada penjaga sahaja. Sangat menyedihkan adalah penjaga mereka yang sudah tua atau mereka yang tiada ahli keluarga yang lain. Kita sebagai Kerajaan Negeri perlu mengambil kira keperluan golongan OKU ini akan memikirkan cara yang berkesan dan ber sistematik untuk mengurangkan bebanan mereka.

Bagaimanakah kita dapat mengatasi masalah penjagaan jika penjaga mereka meninggal dunia? Selain daripada memberi bantuan kewangan kepada golongan OKU, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat digalakkan mendirikan lebih banyak rumah jagaan atau rumah OKU untuk golongan ini melalui bantuan yang boleh mengatasi masalah keperluan fizikal mereka.

Malah golongan OKU yang juga jadi mangsa keperitan hidup seharian juga sepatutnya diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan Negeri. Mahu pun kebanyakan mereka dalam golongan ini hidup kasi pagi makan pagi, kais malam makan malam. Sepatutnya satu sistem yang lebih menyeluruh patut diadakan untuk meringankan beban ibu bapa ataupun ahli keluarga yang juga bertanggungjawab sebagai penjaga.

Sebagai seorang ADUN yang telah seringkali mengendalikan kes-kes sedemikian, adalah menjadi impian atau matlamat saya supaya penjagaan yang rapi dapat dirancang untuk golongan yang kurang bernasib baik ini, supaya walaupun betapa susahnyanya, kehidupan seharian yang dialami, harapan tetap ada bahawa perubahan yang lebih baik akan berlaku jikalau sistem yang prihatin dan teratur akan diadakan oleh pihak yang berkuasa.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri telah menghulurkan bantuan kepada golongan ibu tunggal dari segi Program Ibu Tunggal serta bantuan-bantuan lain. Program ini dapat meringankan beban mereka dan menonjolkan ciri-ciri sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin dan peka terhadap kesusahan rakyat.

Bagaimanapun, terdapat juga bapa tunggal yang menghadapi masalah penjagaan anak atau kehidupan harian. Saya sangat berharap Kerajaan Negeri dapat turut memberi perhatian kepada golongan bapa tunggal dengan memberi bantuan sara hidup atau bawucer bantuan makanan bulanan sebagai bantuan jangka masa pendek. Memang kita perlu fikirkan bahawa golongan yang kurang bernasib baik ini atau yang kurang berkeupayaan ini. Bagaimana kita boleh memberi bantuan kepada mereka?

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri juga menggalakkan lebih ramai kaum wanita tampil ke medan pekerjaan. Masalah yang dihadapi oleh kaum wanita yang bekerja adalah penjagaan anak-anak mereka. Salah satu sebab yang merumitkan kerelaan kaum ibu menghantar anak mereka ke pusat jagaan kanak-kanak ialah perbelanjaan yang agak tinggi.

Lebih-lebih lagi, pusat jagaan kanak-kanak yang lebih selamat, berkualiti dan dengan yuran yang berpatutan supaya mampu dibayar oleh keluarga sangat-sangat diperlukan dan ini adalah matlamat Timbalan Perdana Menteri kita, iaitu Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Ibu bapa akan mendapat ketenangan fikiran dan dapat tumpu perhatian kepada kerjaya mereka jikalau pusat jagaan kanak-kanak yang berkualiti dan selamat sedia ada. Pusat jagaan yang berdaftar dengan yuran mampu bayar akan meringankan beban keluarga terutamanya mereka yang mempunyai ramai anak, ibu atau bapa tunggal.

Timbalan Perdana Menteri kita menggalakkan agensi kerajaan mengadakan pusat jagaan kanak-kanak di tempat pentadbiran masing-masing untuk kesenangan ibubapa yang bekerja. Syabas diucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah memulakan pusat jagaan kanak-kanak di KOMTAR, iaitu taska D' KOMTAR.

Saya berharap matlamat ini dapat menggalakkan industri tempatan serta semua sektor swasta mengikut langkah yang sama. Pusat jagaan kanak-kanak berdekatan dengan tempat kerja ibu bapa akan mengeratkan hubungan anak dengan ibu bapa.

Dengan ini diharapkan Kerajaan Negeri dapat menggalakkan pusat jagaan kanak-kanak dalam negeri membuat pendaftaran dengan agensi tertentu untuk memastikan keselamatan dan kualiti jagaan yang baik. Tentu sekali, Kerajaan Negeri perlu memastikan pendaftaran tidak merumitkan mereka.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan memberi insentif atau subsidi kepada pengusaha-pengusaha Pusat Jagaan Kanak-kanak atau ibu-ibu yang bekerja kerana anak-anak merupakan harapan kita pada masa depan dan penglibatan ibu-ibu dalam medan pekerjaan akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Di sini, saya juga ingin sentuh sedikit tentang Pusat Jagaan Ibu Bersalin dan Bayi atau lebih dikenali sebagai *Confinement Center*. Saya amat terkejut dengan jawapan bertulis untuk soalan bertulis saya nombor ke-23 mengenai *Confinement Center* bahawa percayakah tiada satu pun *Confinement Center* yang berlesen di kawasan MBPP. Tiada satu pun. Mengikut jawapan yang diberi, terdapat sembilan (9) buah *Confinement Center* berlesen di kawasan MPSP iaitu di Seberang Perai, manakala dua (2) buah tidak berlesen. Tetapi, tiada satu (1) pun *Confinement Center* yang berlesen di bawah, di Pulau ini. Kami semua tahu bahawa perkhidmatan *Confinement Center* telah wujud lama, telah wujud lama. Berpuluh tahunlah. Kalau di Taiwan lebih 20 atau 30 tahun. Tetapi di Pulau Pinang saya rasa kurang-kurangnya ada 20 tahun. Tetapi, tetapi ia telah menjadi satu keperluan perkhidmatan *Confinement Center* telah menjadi satu keperluan dan *trend* untuk keluarga yang perlukan perkhidmatan untuk menjaga ibu-ibu yang baru bersalin dan bayi-bayi yang baru dilahirkan. Dan kita tahu *Confinement Center* memainkan peranan penting kerana ia melibatkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Sungai Pinang, minta laluan. Dato' Speaker. Adakah dalam jawapan bertulis tersebut menyatakan mengapa tiada satu *Confinement Center* yang berlesen di MBPP?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Bukit Tambun. Jawapan dalam... jawapan yang diagihkan adalah Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan sedang mempertimbangkan Pusat Jagaan Ibu Bersalin dan Anak menggunakan Garis Panduan Pengawalan Tukar Gunaan Bangunan Kediaman Kepada TASKA, TADIKA, Pusat Jagaan Kanak-Kanak, Pusat Jagaan Ibu Bersalin dan Anak, dan Pusat Jagaan Orang Tua di Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Dan garis panduan tersebut telah diterima pakai oleh MBPP sejak 26 November 2015. Dan dia kata Kerajaan Negeri sehingga kini masih belum mempunyai sebarang peruntukan undang-undang yang mewajibkan latihan khusus tertentu kepada pengusaha Pusat Jagaan Ibu Bersalin dan Anak. Dan sebab, secara *general* akan ada tindakan Kerajaan Negeri untuk kawalan keselamatan pusat *Confinement Center* jika tidak berlesen akan ambil tindakan.

Cuma saya rasa memang semua tidak berlesen dan kenapa masih tak ada usaha atau tindakan yang patut diambil sehingga ke hari ini. Dan, saya, saya adalah seorang ibu kepada lima (5) orang anak. Kita tau bahawa kesihatan dan bila pada bulan pantang kita perlukan perkhidmatan, kita perlu satu keadaan, satu kawasan yang selesa untuk ibu dan untuk bayi. Cuma, adakah, *Confinement Center* yang ada ini selamat untuk mereka? Sebab ia melibatkan kesihatan dan keselamatan ibu-ibu dan bayi-bayi. Jadi dengan ini, saya rasa perkara ini perlu diambil serius oleh pihak Kerajaan Negeri supaya langkah yang lebih proaktif, jangan tunggu, kita tak nak.

Dulu, sebelum itu, saya masih ingat, pernah ada kes bahawa ada bayi yang dijangkit penyakit ka atau, ya, saya dah lupa lah. Memang ada kes sedemikian berlaku. Cuma tindakan yang proaktif perlu diambil. Apakah langkah yang lebih, yang boleh menambahbaik undang-undang kita? Jadi, supaya ibu-ibu dan bayi-bayi kita lebih terjamin, keselamatan mereka lebih terjamin. Dan *Confinement Center* lebih terkawal dan teratur. Sokongkan?

Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):

Sungai Pinang, boleh tak saya mencelah?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Okey.

Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):

Dato' Yang di-Pertua, saya amat menyokong apa yang telah dibangkitkan oleh YB. Sungai Pinang. Saya ingat isu-isu ini bukan lagi isu-isu yang baru. Saya ingat jabatan-jabatan yang terlibat, ataupun EXCO-EXCO yang terlibat ataupun daripada menteri yang terlibat. Kenalah lihat isu-isu ini yang amat penting. Saya ingat semasa saya masih lagi seorang Ahli Majlis, kita telah bangkitkan isu-isu ini. Tapi ia masih tolak sana, tolak sini. Dikatakan Kementerian Kesihatan Malaysia tidak mempunyai satu *guideline* untuk Majlis mengikut. So, majlis tolak ke KKM, KKM tolak ke Kebajikan. So, ditolak, ditolak sana, ditolak sini, sehingga sekarang tidak ada lagi satu garis panduan dibuat. Saya ingat *is very serious...*(dengan izin), saya ingat ia amat penting. Saya haraplah apa yang telah dibangkitkan oleh YB. Sungai Pinang diambil berat oleh jabatan-jabatan yang terlibat, ataupun EXCO-EXCO yang terlibat ataupun dibawah sampai ke Menteri Kesihatan Malaysia. Ia adalah nyawa manusia. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih kepada Batu Lanchang. Ia memang, saya nak ambil kesempatan ni untuk baca, sebab sebelum ni dia kata "*Confinement Center adalah di bawah pemantauan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang namun sejak 2016, merujuk kepada surat bernombor rujukan KKM 600 30/3/4 bertarikh 5 September 2016, yang telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia mengarahkan pemberhentian perkhidmatan perawatan *postnatal* oleh anggota jururawat kesihatan awam KKM kerana isu keselamatan pesakit dan perundangan *medical legal*".*

Saya tidak faham, memang isu ini telah berbangkit, masalah ini telah bertahun-tahun. Jadi, perlu ada agensi ke atau jabatan, EXCO Kesihatan ke, mana-mana kementerian yang perlu mengambil serius isu ini. Saya rasa semua akan sokong, bahawa *Confinement Center* akan kalau boleh di *legalize*, kalau boleh diberi bantuan supaya mereka boleh beroperasi dengan lebih teratur dan terkawal.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kawasan Sungai Pinang kerap dibanjiri air selepas hujan lebat. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang Fasa 3 telah diumumkan tahun lepas. Kos projek dianggarkan RM150 juta dan terlibat sepanjang 1.5 kilometer Sungai Pinang.

Berita ini dinanti-nantikan oleh rakyat Pulau Pinang terutamanya mereka yang tinggal di kawasan sekeliling Sungai Pinang, P. Ramlee, Kampung Rawa. Sebagai ADUN Sungai Pinang saya sangat berharap projek ini dapat bermula mengikut rancangan dan berjalan dengan lancar tanpa berlakunya sebarang kelewatan.

Selain daripada banjir, Sungai Pinang juga sentiasa mengalami pencemaran sehingga air berwarna hitam dan berbau busuk. Projek penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Pinang menggunakan teknologi iQPR bermula bulan Mei 2014 tetapi dia dah tamat pada bulan Mei 2017. Walaupun kualiti air di Sungai Pinang bertambah baik dengan teknologi iQPR, tetapi masih banyak cabaran pencemaran masih wujud sampai sekarang. Sumber pencemaran masih tidak ditangani seperti industri kecil dari hulu hingga ke hilir Sungai Pinang melepaskan sisa bahan kimia, minyak terguna ke dalam sungai. Air hujan membawa sampah atau bahan kimia, fertilizier dan lain-lain bahan, daun, ranting pokok, air buangan dari longkang yang berasal dari rumah kediaman. Sikap penduduk setempat yang membuang sampah ke dalam sungai.

Program jangka masa panjang untuk mengurangkan pencemaran dan menambahkan kualiti air perlu diadakan dengan kadar segera. Saya sangat berharap projek pemulihan sungai dapat terus dijalankan sebahagian tindakan berjaya mengurangkan atau menghentikan sumber pencemaran telah diambil oleh agensi kerajaan termasuk Jabatan Alam Sekitar dan *task force* Negeri Pulau Pinang dan saya juga berharap pihak kerajaan akan menggalakkan sektor swasta mengambil bahagian dalam projek pemulihan sungai. Tapi di sini saja ingin sentuh, semalam sahaja sebagai satu contoh, semalam sahaja penduduk di kawasan Bukit Dumar, mereka temui semua ranting, dahan, pokok, sisa-sisa pokok yang telah dicantas dibuang ke dalam *monsoon drain* di mana *monsoon drain* ini kalau hujan ia akan tersumbat dan ini adalah tempat di mana berlakunya berkali-kali banjir di kawasan Bukit Dumar. Mujurlah, *lucky* kita ada MPKK Bukit Dumar dan kakitangan JPP yang telah temui kegiatan ini dan telah membersihkan, keluarkan ranting-ranting, dahan-dahan dalam longkang yang begitu besar ini. Sikap yang tidak bertanggungjawab ini oleh pihak tertentu akan menyusahkan rakyat jelata di sekitaran. Jadi saya rasa janganlah, janganlah buang sampah, buang apa-apa yang kamu tidak ingin. Kamu tidak ingin, orang pun tak nak. Betul tak? Kita kata dalam *Chinese... (cakap cina)*. Maksudnya "Kalau kamu sendiri tidak suka, jangan beri kepada orang. Ini akan berbalik kepada kamu suatu hari nanti", fikirkanlah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang menyinggung perasaan dan menyakitkan hati penduduk di sekitar Jalan Tengku, Solok Van Praagh, Jalan Sir Ibrahim dan Jalan Van Praagh adalah masalah banjir yang berlaku sejak projek penaiktarafan parit bawah tanah di Solok Perak dan Jalan Tengku.

Insiden banjir pada malam 30 Januari 2019 paling menyakit hati. Air kotor, bolehkah *imaginekan...* (dengan izin) dari parit setinggi air kotor, air yang kotor bukan hujan, bukan air hujan. Ia adalah air kotor setinggi 2 lebih, 2 kaki lebih masuk rumah dalam masa tidak sampai 20 minit lepas hujan turun. Penduduk di Kampung Pokok Asam dan dan Kampung Bukit Dumar mengalami kerugian besar pada harta benda mereka sebab iaitu ia adalah lima (5) hari sebelum Tahun Baru Cina. Penduduk di Bukit Dumar mereka bersuka ria, sedang membuat persiapan untuk menyambut Tahun Baru Cina. Perkakas mereka seperti sofa baru, tilam baru dan lain-lain. Semuanya rosak akibat dibanjiri air longkang yang kotor. Ada penduduk pula yang memasuki hospital, yang telah dimasukkan ke hospital akibat jangkitan bakteria iaitu *infection due to dirty water*. Dengan ini saya ingin tegaskan bahawa kecuaihan pihak yang tertentu atau konsultan tertentu yang mengakibatkan banjir sebanyak tujuh (7) kali, tujuh (7) kali di Pokok Asam perlu dipandang serius. Ini bukan *act of God* tetapi jelas sekali adalah kecuaihan manusia.

Akibat kecuaihan manusia, penduduk-penduduk pula yang merana. Bukan sahaja kehilangan harga benda tetapi juga tekanan jiwa sebanyak tujuh (7) kali. Ini memang dasyat. Saya sedih sekali bila saya melihat wajah dan air mata mak cik warga tua yang terlantar, yang terlantar yang tidak dapat bergerak dan saya sedih melihat pak cik-pak cik yang tua duduk di

dalam rumah cedok air longkang dari rumah. Kecuaian ini telah mengakibatkan lebih seratus rumah. Kalau termasuk rumah di Solok Van Praagh. Ini bukan sekali sahaja, sudah berkali-kali. Mak cik-mak cik tua menangis. Mereka jumpa saya. Saya turun ke padang pada hari itu, pada malam itu, mereka tertanya YB. apakah telah berlaku ke dalam, telah berlaku ke kampung kita? Bayangkanlah sebagai seorang wakil rakyat, kita perlu berdepan dengan wajah yang pilu dan saya perlu memberi jawapan kepada pertanyaan mereka. YB. Batu Lanchang tahu bagaimana perasaan kita. Saya perlu menyuarakan isi hati saya kali ini untuk kebaikan penduduk, maaf. Mangsa-mangsa tertanya-tanya di manakah nilai Akauntibiliti yang dikatakan amalan Kerajaan Negeri. Siapakah yang bertanggungjawab dan adakah pampasan ke atas kerugian mereka? Ramai yang berpendapat bahawa amalan Akauntibiliti tidak wujud dalam masalah ini.

Sebagai wakil rakyat tempatan bersama dengan Yang Berhormat Batu Lanchang dan Yang Berhormat Jelutong yang juga mengalami masalah ini. Kami dimarahi, kami dimaki tapi saya rasa kami berkongsi dengan perasan mereka. Siapa yang tidak marah jika rumah mereka dilanda banjir berkali-kali. Kami turun padang, kami hantar makanan, hantar tilam dan barangan keperluan seharian dan juga kita perlu mendapatkan *man power* untuk membantu membersihkan rumah mereka. Di manakah pihak yang bertanggungjawab? Siapa yang bertanggungjawab dan apakah pampasan diperlukan untuk mengantikan kerugian mangsa-mangsa banjir. Saya berharap pihak berkuasa dan bertanggungjawab perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memberi titik noktah terhadap kesengsaraan mereka. Biarlah kali ini buat kali yang terakhir bagi mimpi ngeri ini yang disebabkan banjir.

Berdasarkan hujah yang telah saya sampaikan, saya berharap Kerajaan Negeri lebih prihatin terhadap golongan yang susah khususnya mereka yang kerap kali menjadi mangsa banjir. Bukan sekali-sekali tetapi yang sering kali berasa risau, takut serta kehilangan harta benda apabila berlakunya hujan lebat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan. Di Penanti kita pun sering mengalami apa yang dialami oleh YB. Sungai Pinang. Hanya saya nak mohon betul-betul sebab banyak kali saya bangkitkan dalam sebagai contoh di Kampung Tok Elong, apabila rumah-rumah besar, taman residensi di Bukit Noning dibina dan baru-baru ini pada 20, *sorry* pada 16 April apabila pembotakan bukit yang diluluskan oleh MPSP telah dilakukan. Ini boleh menyebabkan banjir itu bertambah teruk. Hanya bila saya bangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, perasaan hampa dan sedih saya ialah macam saya dah bentang, saya dah buat *slide*, saya dah tunjuk gambar-gambar yang kesengsaraan penduduk 15 rumah, 23 rumah di kawasan Tanah Liat dan juga Kampung Tok Elong. Tapi *everytime* dalam mesyuarat nanti bila tanya adakah *weird* ataupun kolam telah dibuat ataupun di taman residensi sebab taman residensi adalah tempat orang kaya-kaya, banglo-banglo. Longkang dia cantik tapi nanti pergi ke Sungai Semambu semua jadi sempit. Ini menyebabkan *a few factor* dan baru-baru ini disebabkan akibat pembotakan bukit di Berapit. Jadi, saya nak minta sangat, memang saya tahu MPSP semua selalu datang, saya kesian. Pegawai, staf MPSP yang datang cuci. *The lower level* pekerja itu mereka bantu cuci, bersihkan *all the effect* tetapi kita tidak perlu, tak perlu kalau bila kita telah buat aduan, kita dah tunjuk gambar-gambar sebagai ADUN buat sesuatu di *upstream*, dipunca, dipunca banjir itu seperti yang disebutkan oleh ADUN. Sebab kalau kita dah berlaku kemusnahan dah berlaku, kesengsaraan dah berlaku. *Then*, benda itu sudah terjadi.

Jadi, saya nak mohon sangat-sangat. Kalau kita bangkitkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, *please. all the people*, yang bos-bos ini ataupun wakil-wakil. Jangan buat gelak-gelak macam kita ADUN ni macam ada lagi Penanti, ada lagi isu. Saya bawa di mesyuarat itu sebab ini perkara yang betul-betul berlaku. Jadi yang paling penting sekarang, saya harap Kerajaan Negeri bersama dengan semua ketua-ketua jabatan dan agensi-agensi fokus kepada punca banjir. *Stop* punca banjir itu. Yang itu yang sangat penting sebab. Macam yang saya kata, staf MPSP saya memang tabik, saya terima kasih sebab mereka masuk ke *monsoon drain* semua cuci semua. Memang saya sangat berterima kasih. *All the* MPKK semua

sampai patah-patah kaki, sakit kena jangkitan kuman lagi. *All my staf* pergi cuci penduduk, 24 penduduk tetapi punca itu seperti apa yang berlaku baru ini penggondolan bukit di depan Mengkuang Dam, 18 ekar. Jadi itu akan menyebabkan. JPS sudah kata kalau hujan 4 jam ia akan menyebabkan banjir lumpur di Kampung Mengkuang Titi dan di belakang kampung di belakang Masjid Mengkuang. Kita nak tunggu hujan baru nak berlaku ka? Saya berharap *please* fokus, hentikan punca banjir.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih kepada Penanti yang juga ada kongsi perasaan dengan kami yang betul seperti yang apa yang dikatakan. Bila rombongan kami turun ke padang, tetapi banjir berlaku lagi. Jadi penduduk kata tolong jangan tunjuk muka dan wayang lagi. Kalau selagi kamu tidak dapat menangani isu banjir ini. Jangan turun ke kampung kita...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):

Beri laluan boleh?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Okey.

Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin nak berkongsi apa yang telah dibangkitkan oleh Sungai Pinang. Saya ingat isu-isu ini amat penting. Jabatan yang terlibat, JPS. Ambillah, buatlah kerja-kerja kamu dengan baik. Saya ingat Ketua Jabatan yang ada itu perlu bertanggungjawab kalaulah di sebuah negara yang bertanggungjawab, saya ingat Pengarah itulah yang perlu bertanggungjawab pasti dia kena letak jawatan, saya ingat apa yang telah kita bangkitkan dan kita telah turun ke padang bersama, hanyalah kakitangan sahaja, saya pun tidak pernah nampak pengarah turun bersama. Walaupun YB. EXCO yang ambil berat turun bersama dengan saya untuk melihat kawasan kami tetapi pengarah tidak langsung hirau ataupun tidak ada apa-apa seperti tiada apa-apa yang terjadi. Tanpa satu suara ataupun jawapan dalam mesej kita. Ada tak kami sebagai wakil rakyat ini tidak *up to the par* untuk Pengarah menjawab kami.

We are in the what's app group. Baik EXCO yang ambil berat tanya saya. Boleh tak kita buat satu hari untuk lihat bersama apa yang terjadi. Saya ingat SUK yang ada di Dewan ini, SUK yang dapat mengambil tindakan tegas. Kita memang susah dua-dua orang ini, turun ke padang dimarah tujuh (7) kali. Saya turun ke padang kena lima (5) kali. Faham juga keadaan yang kami hadapi. Tempat kami tidak pernah berlaku banjir. Tetapi dengan sebab kerja-kerja manusia yang tanpa *planning*, yang tanpa *planning* yang baik telah menyebabkan kawasan yang tak pernah banjir selama ini banjir berlaku. Saya ingat kalau apa yang *planning* itu *failed* itu haraplah pengarah ataupun *planner*, konsultan buat sesuatu yang menyelesaikan masalah-masalah penduduk di kawasan kami. Saya ingat selalu banjir berlaku di Kawasan P.Ramlee tapi tujuh (7) kali ini P.Ramlee tidak pernah berlaku. Kawasan kami yang kena banjir.. Saya berharap yang bertanggungjawab itu kenalah bertanggungjawab. Ambillah sebagai kerja kamu selesaikan masalah kami.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebelum Sungai Pinang dan KOMTAR saya rasa anda semua minat dalam isu ini. Saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri juga ingin angkat kesempatan ini untuk memperingatkan kepada semua khususnya kepada cabang eksekutif jangan sesekali perlekehkan peranan wakil rakyat ataupun *legislator* di dalam Dewan ini di sementara kita memuji prestasi Kerajaan Negeri ke semua wakil rakyat ini peranan mereka, tanggungjawab mereka, mandat mereka perlu diambil berat dan serius oleh cabang eksekutif. Dan saya tidak nak bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang di sini sebagai *legislator* ada perasaan bahawa mereka pandangan mereka kerja mereka diperlekehkan. Sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya ingin pesan kepada cabang eksekutif. Sila sambung.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Minta laluan. Semalam saya juga bangkitkan isu tentang projek-projek naik taraf. Saya kongsi di sini ada gembira ada bimbang ini adalah apa yang dibimbangkan dan saya cadangkan ada KPI untuk agensi pelaksana dan juga pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Kami wakil rakyat akan diundi oleh pengundi lima (5) tahun tetapi pegawai-pegawai ini mungkin mereka tidak perlu dan tidak perlu menghadapi orang ramai macam projek-projek di Chowrasta, beberapa kali saya kena di tanya oleh peniaga, dibangkit oleh pihak Pembangkang bukan sini, hari ini tidak ada di belakang, so kami perlu jawab. So ada projek kami gembira ada kami bimbang dan susah. So harap cadangan saya KPI untuk agensi pelaksana dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih KOMTAR.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya juga hendak peringatkan masa jauh lebih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Sikit habis dah. Terima kasih kepada Dato' Speaker yang beri pesanan yang begitu bernas dan saya rasa bersama-samalah tanggungjawab kita adalah untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat jelata di Pulau Pinang bukan sahaja satu komitmen yang begitu penting. Jangan kata itu adalah kerja itu adalah tugas dan komitmen masing-masing untuk agensi kamu yang tertentu.

Dato' Speaker, saya ingin sentuh tentang wanita. Penglibatan wanita dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan negara telah dizahirkan melalui galakan oleh kerajaan dan ia telah bergerak sebagai satu pasukan melalui pertubuhan ataupun persatuan sosial. Tujuan adalah ke arah permuafakatan sebagai usaha mengembelikan tenaga dan minda wanita secara sistematik. Perasaan bangga memenuhi hati tadi ialah pilu, sekarang saya rasa bangga kerana telah dibuktikan bahawa Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang perintis dan komited dalam pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender. Dasar Keterangkuman Gender terbukti apabila kaum wanita dan lelaki diberi peluang yang sama untuk mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan melalui nisbah 40:4:20 sebagai penanda aras atau *benchmark* iaitu seperti yang selalu yang dikatakan oleh YB. Padang Lalang kita ada 40% lelaki, 40% wanita dan 20% sama ada lelaki atau wanita supaya tidak ada satu *gender* yang mendominasi proses membuat keputusan.

Polisi Kerajaan Negeri yang mesra wanita serta melalui kemudahan sosial yang wujud, kaum wanita sepatutnya bersiap sedia secara aktif dalam program komuniti yang boleh memperkasakan pelbagai kemahiran yang dapat membantu wanita maju ke hadapan. Kerajaan Negeri kini menumpukan kepada keseimbangan dalam melaksanakan dasar-dasar di semua lapisan masyarakat dan perlu dikatakan di sini bahawa Pulau Pinang kini menerajui dalam agenda memajukan pembangunan wanita dan ini selaras dengan visi negeri iaitu Penang2030 yang memberi fokus terhadap institusi kekeluargaan Negeri Pintar dan Hijau. Selain itu naungan *Penang Lead* terbukti sekali lagi terdorong melalui pembentukan Jawatankuasa Pembangunan Wanita Dan Keluarga (JPWK) di semua 40 KADUN di Pulau Pinang yang mempunyai hala tuju untuk mensasarkan pembinaan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk wanita dan keluarga dalam pelbagai aspek seperti pengurusan kewangan, kesihatan mental dan fisiologikal keibubapaan dan kepimpinan.

Sekali lagi saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita dan juga EXCO kita, EXCO Wanita dan Keluarga kita iaitu ADUN Padang Lalang walaupun dia adalah satu daripada 11. Dia selalu perlu bermesyuarat seorang wanita dengan 10 lelaki tetapi kejayaan yang di capai memang perlu dipuji, patut dipuji dan patut disokong.

Akhir kata, syabas Pulau Pinang dan marilah kaum lelaki dan wanita berganding bahu menuju ke depan mencapai Visi Penang2030 bersama Ketua Menteri kita. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang. Hari ini saya hendak menanggung Dewan sekarang dan Ahli-ahli Yang Berhormat kita bersidang semula pada jam 2.00 petang nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.55 tengah hari.

Dewan bersambung semula pada jam 2.00 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat – Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan. Dipersilakan Yang Berhormat Bukit Tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Barisan EXCO, rakan-rakan seperjuangan, Ketua-ketua Jabatan, para media dan sidang hadirin sekalian. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri yang Ke-14.

Baru-baru ini Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang iaitu (PDC) telah menyambut ulang tahun ke-50. Ini bererti sudah dekat 50 tahun Pulau Pinang bergantung sepenuhnya terhadap sektor elektrik dan elektronik iaitu E&E. Walau bagaimanapun kini sektor E&E menghadapi pengubahan kitaran dimana telah menyebabkan penyusutan jumlah pelaburan dari RM10.8 bilion pada Tahun 2017 kepada RM5.7 bilion pada tahun ini. Kini tibalah masanya kita membangunkan sektor baru seiring dengan kehendak pasaran antarabangsa agar kita tidak tercicir dalam arus pembangunan global.

Sehubungan itu, saya menyokong penubuhan Majlis Penasihat Pelaburan Strategik Pulau Pinang yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk memberi tumpuan kepada pembangunan dan promosi pelaburan menarik pelabur. Pada masa yang sama PDC di bawah kepimpinan yang baru perlu membuat perancangan yang lebih komprehensif dan dinamik ke atas bank tanah yang ada di Batu Kawan dan sekitarnya. Era Perindustrian E&E yang dipelopori oleh Ketua Menteri Pulau Pinang Yang Kedua mendiang Tun Lim Chong Eu sejak 50 tahun yang lalu perlu di *transform*. Visi Penang2030 yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Tuan Chow Kon Yeow pada Sabtu yang lalu iaitu “Negeri Berorientasikan Kekeluargaan, Hijau dan Pintar untuk Inspirasi Negara” tepat pada masanya.

Tuan Timbalan Speaker, pada ketika sektor E&E menghadapi perubahan kitaran, sektor pelancongan memainkan peranan lebih penting dalam menjana ekonomi negeri. Selaras dengan tema (B) dalam Visi Penang2030 iaitu *Upgrade The Economy to Raise Household Income...*(dengan izin). Sektor pelancongan bukan sahaja menjadi pemangkin kepada sektor penghotelan, pengangkutan, pemandu pelancongan dan restoran malah mewujudkan peluang pekerjaan dan aktiviti pembuatan produk setempat seperti di Pulau Aman, belacan, kerepek, buah sukun dan juga ikan masin.

Dengan penjenamaan Jawatankuasa Pelancongan kepada (PETACH) kini pelancongan bukan lagi terhad kepada pelancongan tradisi tetapi diperluaskan kepada seni kebudayaan dan warisan. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan Negeri untuk memajukan Agro dan Akua Pelancongan di Seberang Perai. Namun begitu pemajuan sektor ini memerlukan sokongan daripada pelbagai Jabatan seperti LKIM yang di pengrusikan oleh Yang Berhormat Permatang Pasir perlu melakukan sesuatu di Pulau Aman. Surat permohonan untuk menaiktaraf jeti telah dilanjutkan oleh Pegawai Daerah kepada LKIM. Jabatan Perhutanan di Taman Negeri Bukit Panchor dan lain-lain lagi. Kongres WCIT, iaitu World Congress Information Technology 2020, yang akan diadakan pada 13 sehingga 16 September Tahun 2020 merupakan satu forum yang bakal menarik pelancong *elite* atau *high end tourist...*(dengan izin). Penganjuran persidangan sedemikian perlu dipertambahkan.

Timbalan Yang di-Pertua, penduduk Negeri Pulau Pinang dan Negara Malaysia terus meningkat sedangkan keluasan tanah untuk pertanian untuk menghasilkan makanan semakin berkurangan. Oleh itu, Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk mengekalkan tanah pertanian sedia ada terutamanya sawah padi, kebun sayur, dan kawasan ternakan. Kini sektor pertanian bukan saja untuk mengeluarkan hasil tanaman dan ternakan tetapi wajar menghasilkan benih tanaman, baka ternakan dan juga industri asas tani. Perjanjian persefahaman antara Kerajaan, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dengan Syarikat pengeluaran benih di Belanda pada baru-baru ini akan mentransform kalau di Netherland dia gunakan perkataan *TransFarmasi, Farm* itu iaitu kita bukan lagi sekadar untuk mengeluarkan padi, mengeluarkan sayur, mengeluarkan daging ayam tetapi kita juga perlu mengeluarkan benih. Sebab yang mahal itu adalah benih dan benih yang dihasilkan melalui teknologi yang tinggi akan menjamin produktiviti yang berlipat ganda.

Sehubungan dengan itu. Taman Kekal Pengeluaran Makanan Ara Kuda...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Bukit Tambun. Sedikit celah.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Okey, boleh.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Saya amat tertarik kepada ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan benih sayuran, benih tani dan sebagainya. Dan cuma nak kongsi semasa trip baru-baru ini ke Belanda bersama dengan YB. satu kg kita difahamkan satu kilogram *seed* tomato, Timbalan Speaker berharga 80 ribu Euro. Satu kilogram. Dan di Netherland mereka menganggap itu nilai bijian itu lebih mahal daripada *gold bar*. Minta pandangan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Memang sebenarnya kita di Malaysia juga ada mengeluarkan benih tomato di Suak dekat Kuala Kangsar iaitu satu hasil daripada NCIA dan sebelum kena jalan memang telah dimaklumkan harga benih tomato ini lebih mahal daripada harga emas. Dan ini telah dibuktikan semasa lawatan ke *Tomato World*.

Sehubungan itu, Taman Kekal Pengeluaran Makanan Ara Kuda wajar di jenamakan semula sebagai Taman Agro Pulau Pinang atau *Penang Agro Valley*...(dengan izin). Sebab kita bukan lagi akan mengeluarkan makanan sahaja sebab kalau di Netherland keluaran hasil pertanian walaupun terkenal sebagai negara antara salah satu negara pertanian hasil pertanian hanya menyumbang kurang daripada 5% daripada KDNK Netherland. Sebenarnya dia mengeksport teknologi pertanian sama juga dengan tebatan banjir mereka bukan eksport *pump*, mekanikal *pump* tetapi mengeskport teknologi tebatan banjir. Harga taman ini bukan terhad kepada pengeluaran hasil tanaman sahaja. Dengan pembangunan Penang Agro Valley ini Pulau Pinang akan menjadi Hub Benih Seranta.

Mengenai isu pencerobohan tanah sawah ini merupakan satu gejala yang telah berlaku berpuluh-puluh tahun. Dalam perkara ini kita tidak dapat menyalahkan Pihak Berkuasa Tempatan disebabkan, pertama seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Datok Keramat pada kelmarin iaitu undang-undang kita tidak ketat untuk menjalankan penguatkuasaan kepada penceroboh ini.

Dan kedua Pulau Pinang masih lagi merupakan satu-satu saja negeri yang belumewartakan Rancangan Tempatan. Oleh itu, dalam jawapan bertulis kepada saya, Yang Amat Berhormat Padang Kota memaklumkan bahawa Rancangan Tempatan Seberang Perai dijangkakan akan diwartakan pada penghujung tahun ini. Mengikut Seksyen 12 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 Akta 172 permohonan perlingkungan semula tidak dibenarkan oleh Kerajaan Negeri selepas pewartaan Rancangan Tempatan. Dengan ini tuantuan tanah ataupun pemaju-pemaju perumahan tidak akan lagi cuba tambun dulu lepas tu kita buat perlingkungan semula masuk Kebenaran Merancang. Saya berharap dengan pewartaan Rancangan Tempatan ini kita akan menurunkan titik noktah kepada gejala-gejala ini. Sebab kita perlu memelihara tanah pertanian sedia ada terutamanya sawah padi di Kawasan DUN Sungai Acheh, Kawasan Parlimen Permatang Pauh, Kawasan Tasek Gelugor dan Parlimen Kepala Batas. Berbalik kepada...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan berkaitan dengan isu tambakan tanah sawah dan juga mengurangkan kawasan tanaman padi. Dan apa yang saya lihat, perkara ini sering berlaku kerana isu dari segi tanah *first grade* dan juga isu penguatkuasaan. Jadi setuju dak Bukit Tambun jika keputusan dalam Mesyuarat PAC kita rumuskan enam (6) syor terus diangkat dan dikuatkuasakan di peringkat Kerajaan Negeri kerana ini merupakan keputusan yang kita buat yang perlu dikuatkuasakan walaupun belum sempat lagi Rancangan Tempatan digazetkan tetapi kita kena ambil tindakan awal untuk mencegah daripada tanah sawah ini terus ditambun dahulu sebelum pelan merancang, pelan urusan kerja tanah diluluskan terus menambun ini merupakan masalah yang kalau kita tak ada sekatan dia akan terus berlaku. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Mengenai dengan penguatkuasaan, memang berdasarkan pengalaman saya semasa empat (4) *term* jadi Ahli Majlis di MPSP dan juga berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara, Akta Jalan Parit, memang dari segi undang-undang memang wujudnya kelemahan untuk melakukan penguatkuasaan dan mengenai syor PAC, pihak PBT boleh mengambil maklum dan mengambil tindakan mengikut lunas undang-undang sedia ada.

Dan tentang *first grade*, di sini saya ingin meminta Yang Amat Berhormat Padang Kota sebagai EXCO Tanah, perlu dengan mendapat nasihat daripada PTG dan semua pegawai pentadbir tanah bagi memberi penjelasan tentang tanah *first grade* ini. *First grade* bukan lesen untuk sesiapa, bukan untuk semua tuan tanah boleh melakukan sewenang-wenang ke atas sesuatu tanah. *First grade* bukan kita boleh buat sesuka hati. Saya memperjuangkan isu ini sejak tahun 2010. *First grade* hanya membenarkan kita semasa mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang tidak perlu melalui proses ubah syarat. Bukan *first grade* kita boleh buat apa. Kalau *first grade* berada dalam *zoning*, di luar *zoning* pembangunan,

masih lagi perlu melalui proses perlingkungan semula. Dalam SPC yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, selepas itu perlu mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang kepada OSC, kedua-dua PBT.

Oleh itu, mungkin sebagai seorang jururancang bandar, apa yang diperkatakan oleh saya mungkin tidak diterima oleh semua. Oleh itu, semalam semasa waktu rehat saya telah, sebenarnya telah meminta Yang Amat Berhormat Ketua Menteri perlu secara formal memperjelaskan sekali lagi tentang definisi *first grade* dan *first grade* juga jangan dijadikan alasan oleh semua jabatan atau agensi penguatkuasaan sebagai alasan untuk tidak boleh melakukan tindakan penguatkuasaan kepada sesetengah pencerobohan tanah. Itu amat penting...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Mohon laluan. Terima kasih Bukit Tambun. Saya nak tanya Bukit Tambun pandangan berkaitan dengan isu tanah yang mana yang melibatkan kawasan sawah padi yang tidak aktif. Bukan baru tapi yang mungkin dalam satu tempoh yang panjang, mungkin 30 tahun, 40 tahun, yang tidak diusahakan dengan tanaman padi, terbiar, jadi hutan ataupun kebun kelapa. Sekiranya tuan tanah menjual tanah tersebut dan dimasukkan untuk di *zoning* kembali, apakah pandangan Yang Berhormat sebab ada juga petani yang merungut bahawa apabila tanah-tanah ini tidak diusahakan dia mendatangkan masalah kepada lot-lot di sebelah dengan binatang berbisa ataupun makhluk perosak yang merosakkan tanaman padi mereka itu. Apa pandangan Bukit Tambun?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Aceh. Kita sekarang pihak MPSP, MBPP dan semua pentadbir tanah kita mempunyai *Google*. *Google* dapat menunjukkan kegunaan tanah semasa dari masa ke masa. Kita ada bukti, kita ada bukti boleh menunjukkan sesuatu tanah sama ada telah terbiar atau tidak diusahakan untuk satu tempoh. Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Aceh. Pada satu dekad yang lalu, memang ada usaha, saya tak tau dari siapa, banyak tanah pertanian atau petani digalakkan untuk tanam kelapa sawit. Kalau di Sungai Aceh saya pernah nampak, digalakkan untuk tanam kelapa sawit. Selepas itu mungkin tidak membuahkan hasil yang setimpal dan tanah tersebut telah dibiarkan. Apabila dibiarkan memang dia akan terdedah kepada ancaman terutamanya tikus, kepada lot-lot bersempadan.

Oleh itu dalam perkara ini, kini kita dalam proses penyediaan rancangan tempatan. Perunding yang dilantik oleh PEN Malaysia Persekutuan, perlu betul-betul turun ke padang mengenalpasti guna tanah semasa sebelum membuat cadangan guna tanah dalam rancangan tempatan. Itu yang penting. Salah satu sebab rancangan tempatan tidak digazetkan pada tahun 2009 adalah berlaku kepincangan dalam deraf rancangan tempatan yang disediakan. Banyak guna tanah yang dicadangkan adalah silap. Sesuatu tanah pertanian di tapak sudah ada kilang, ada perumahan tetapi dalam rancangan tempatan kita masih lagi mencadangkan pertanian. Kalau di DUN Sungai Aceh, kilang beras sudah wujud sebelum merdeka tetapi dalam pelan besar dalam JPS atau Pejabat Daerah masih lagi jelapang padi, *zoning* di MPSP, Rancangan Struktur Pulau Pinang yang digazetkan pada tahun 2007 juga menunjukkan jelapang padi. Oleh itu bila dikemukakan permohonan perlingkungan semula, perkara ini juga dipersoalkan oleh PAC, mengapa jelapang padi ditukar kepada industri tetapi sebenarnya kilang beras itu sudah ada sebelum merdeka, sebelum saya lahir. Oleh itu dalam perkara ini, saya menyeru, pihak yang bertanggungjawab terutamanya PEN Malaysia dan juga MPSP perlu memantau perunding yang dilantik agar menghasilkan satu rancangan tempatan yang berkualiti.

Dalam ucapan Tuan Yang Terutama, beliau telah menyentuh tentang mobiliti pintar. Oleh yang demikian, dalam perancangan PTMP, pihak perunding dan pelaksana perlu mengambil kira elemen hijau dan pintar seperti yang termaktub dalam Visi Penang2030. Bagi merealisasikan matlamat 40% penduduk Pulau Pinang menaiki pengangkutan awam, saya

bercadang agar perkhidmatan rel yang menghubungkan bahagian Pulau dan Seberang Perai dimulakan pada Fasa Satu. Untuk bersambung atau dilaksanakan bersama dengan laluan KOMTAR – Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, berbentuk satu T. Perkhidmatan rel ini perlu dimulakan pada Fasa Satu disebabkan saya mempunyai data melalui jawapan bertulis kepada saya tentang kenderaan yang melalui Seberang Perai ke Pulau Pinang melalui feri, Jambatan Pulau Pinang dan juga Jambatan Kedua Pulau Pinang menunjukkan kita perlu ada perkhidmatan rel hubungkan kawasan sesuai *Penang Sentral* ke Jeti Lama, Bagan Dalam kemudian disambungkan kawasan paling sesuai adalah Karpal Singh Drive dan bersambung kepada laluan KOMTAR ke *airport*.

Dalam perkara ini, bagi memudahkan penduduk-penduduk di bahagian Seberang Perai Selatan, saya sekali lagi mencadang bahawa perkhidmatan bas *either* CAT atau bas berbayar menghubungkan kawasan Batu Kawan ke *airport* ke Terminal Bas Sungai Nibong dan juga ke KOMTAR. Kawasan Seberang Perai Selatan mempunyai tiga (3) tempat yang sesuai untuk konsep *park & ride*. Pertama di *Design Village* Batu Kawan, C-Mart Nibong Tebal dan juga C-Mart Bandar Tasik Mutiara. Disebabkan kawasan ini, ketiga-ketiga premis ini menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi seperti di *Design Village*, 2,265 petak dan pada waktu pagi iaitu daripada pukul 8.00 hingga pukul 6.00 petang memang tiada orang pergi bershopping. Ini merupakan waktu bekerja dan memang sesuai untuk kenderaan *park* di sana dan menaiki bas awam ke bahagian Pulau.

Berbalik kepada isu-isu tempatan dalam kawasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya ada soalan tambahan pasal yang cadangan rel. Saya pernah membuat cadangan yang sama dalam sidang ini dan juga dalam, masa tu dalam Majlis Pengangkutan Awam tapi jawapan yang saya terima ialah jambatan kita kena buat lagi satu pula jambatan semata-mata untuk rel. Sebab itu dalam sidang kali ini saya tanya, boleh tak buat BRT? BRT *because* kalau BRT dia bukan rel maknanya tak payah buat rel. So soalan saya ialah kalau rel adakah ia perlu satu jambatan lagi ataupun kita buat BRT menggunakan *existing* sedia ada jambatan dan jambatan sedia ada?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Tentang perkara ini, sebenarnya telah dibincangkan dalam MMK Pengangkutan yang saya dengan Yang Berhormat KOMTAR dan juga Yang Berhormat Berapit sebagai anggota. Memang kita pernah membincangkan dan dalam PTMP itu, Fasa Kedua atau Ketiga tetapi di sini saya memohon untuk mendahulukan dalam Fasa Pertama. Dan tentang cadangan BRT memang ada, termasuk dalam rancangan dengan menggunakan Jambatan Pulau Pinang sedia ada tetapi setelah mengambil maklum akan menggunakan sekurang-kurangnya dua (2) laluan sedia ada mungkin akan menyebabkan kesesakan kepada Jambatan Pulau Pinang sedia ada. Oleh itu, pihak konsultan yang terlibat akan mengkaji dengan lebih teliti lagi.

Berbalik kepada isu-isu tempatan, di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Bunga kerana FT149 iaitu Jalan Bukit Tambun di bawah kuasa Persekutuan, baru-baru ini telah dilaksanakan. Sebab dipohon sejak Dato' *Speaker* menjadi ADUN Bukit Tambun dan baru-baru ini semasa saya tak ada, telah diturap semula. Terima kasih diucap kepada Yang Berhormat Tanjong Bunga dan kedua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Jermal kerana telah turun ke padang membuat lawatan tapak futsal, tapak untuk naik taraf gelanggang bola keranjang di Taman Gamelan Indah, tapak futsal di Dewan Simpang Empat. Saya berharap kedua-dua fasiliti ini dapat dilaksanakan sebelum hujung tahun ini.

Mengenai sektor agro-pelancongan dan akua-pelancongan, saya memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Padang Kota untuk menyediakan satu peruntukan *specific* dalam belanjawan tahun depan, disebabkan belanjawan ini perlu dimuktamadkan pada bulan Oktober, saya berharap dapat dimasukkan satu peruntukan *specific* untuk mempromosi atau

untuk membangunkan sektor agro dan *aqua-tourism* di Bukit Juru, Kuala Juru, Pulau Aman, Bukit Tambun, Sungai Chenaam dan juga Sungai Kerian di bawah DUN Jawi. Di sini juga saya meminta jasa baik Kerajaan Negeri atau pun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberi peruntukan khas atau peruntukan kecemasan kepada MPSP untuk membeli lori sampah dan *skylift*. Sepanjang lapan (8) hari di saya di luar negara, mendapat aduan daripada penduduk setempat tentang isu pengambilan sampah tetapi saya difahamkan dalam masa serentak terdapat tujuh (7) buah lori sampah telah masuk bengkel dan setelah meneliti saya difahamkan dapat dikenalpasti bahawa usia lori-lori ini memang telah menjangkau usia.

Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri atau pun KPKT dapat membantu sebab sekarang di bawah satu kerajaan sama, memberi peruntukan kecemasan kepada MPSP untuk membeli lori sampah dan juga *skylift*. Bagi *skylift*, adalah tujuan pemangkasan pokok-pokok. Sebab kebanyakan pokok sudah agak tinggi dan tidak boleh ditangani dengan jentera atau peralatan sedia ada.

Mengenai tentang pada sidang semalam, Dato' Speaker telah memaklumkan bahawa bekas ADUN Sungai Bakap merangkap bekas Ahli Parlimen Nibong Tebal yang juga EXO Pulau Pinang dan juga bekas Timbalan Menteri Pertanian, Dr. Goh Cheng Teik yang telah meninggal dunia pada tahun ini. Oleh itu, di sini saya mencadangkan Jalan Badak Mati iaitu sempadan DUN Bukit Tambun dan Sungai Bakap, sebenarnya dulu kawasan Bukit Tambun dan Sungai Bakap adalah di bawah satu DUN yang sama. Kawasan tersebut dinamakan sebagai Jalan Dr. Goh Cheng Teik. Sebab 'Badak Mati' ini tidak sedaplah dan badak pun sudah tak ada. Seperti Jalan Gajah Mati sebelum itu di Machang Bubuk ada permohonan untuk ditukar nama. Di sini, sebagai menghargai jasa seorang ahli politik yang terkenal iaitu bekas Timbalan Menteri, bekas EXCO, bekas Ahli Parlimen dan juga bekas ADUN.

Mengenai hasil Kerajaan Negeri. Berdasarkan kepada ucapan Tuan Yang di-Pertua, hasil Kerajaan Negeri telah menurun, bukan hasil, *first time* berlaku defisit selepas Kerajaan Pakatan menjadi kerajaan dan pada masa yang sama sekiranya rancangan tempatan diwartakan pada penghujung tahun ini, tahun depan di bawah Seksyen 12, Kerajaan Negeri tidak boleh menerima permohonan perlingkungan semula secara individu atau secara *lot by lot*. Ini bererti, apabila perlingkungan semula tidak dibenarkan, memang banyak tanah tidak boleh menjalankan urusan ubah syarat. Dalam perkara ini, pendapatan daripada peningkatan hasil perlingkungan semula, *premium* ubah syarat tanah dan juga kepada caj pembangunan yang akan dikenakan kepada pembangunan juga akan berkurangan. Saya juga dimaklumkan bahawa hasil daripada hasil tanah adalah meliputi 40% daripada pendapatan negeri. Oleh itu, seperti yang dibahaskan oleh saya sebentar tadi iaitu kita perlu mempelbagaikan industri sedia ada, memperkasakan sektor pelancongan, memodenkan industri pertanian untuk kita menghadapi rintangan yang lebih mencabar pada mulai tahun 2020.

Sebelum saya mengundur diri, di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada dari pihak Dato' Seri SUK sehingga ke semua ketua-ketua jabatan terutamanya di kawasan saya, Pentadbir Daerah Seberang Perai Selatan, Pengarah JKR dan juga JD SPS, JD JPS, JD JKR, Dato' YDP MPSP dan juga semua ketua jabatan dalam majlis. Di kawasan SPS sebenarnya tidak berlaku masalah antara ADUN dengan pegawai kerajaan. Memang dalam Mesyuarat Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, memang selalu diadakan lebih kurang tiga (3) jam merangkumi semua sektor, semua jabatan dan pada mesyuarat yang lepas kami meminta Pegawai Daerah untuk menjemput masih ada jabatan yang tercicir seperti KEMAS, seperti Jabatan Perpaduan, Jabatan Penerangan, ini penting sebab dalam Mesyuarat Tindakan Daerah bukan bincang tentang isu tanah dan isu pembangunan sahaja, isu sosial dan sahsiah ini amatlah penting dan juga isu perpaduan. Pilihan raya sudah lepas satu (1) tahun, isu politik tidak perlu lagi dibawa sehingga ke peringkat akar umbi. Kita perlu melaksanakan agenda rakyat. Peduli rakyat di setiap peringkat terutamanya akar umbi. Bukan sahaja perpecahan antara kaum, perpecahan antara kaum yang sama tidak sepatutnya berlaku. Perbalahan politik perlu terhad sekadar dalam tempoh 13 hari pilihan raya.

Kita sebagai ADUN dan semua jabatan kerajaan perlu berkhidmat kepada setiap warga Pulau Pinang itu amatlah penting. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan kerana memang kalau MPSP pukul 12.00 mereka pergi kutip sampah kalau ada komplek, kalau berlaku ribut dalam tempoh 1 jam memang sampai. Tiada masalah hubungan antara MPKK, Ahli Majlis, ADUN, Ahli Parlimen, semua peringkat dah begitu sempurna dan kini pula kita ada JPWK untuk wanita. Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Lalang kerana buat sejarah Malaysia, negeri pertama yang menubuhkan JPWK dan bagi JPWK Bukit Tambun, memang hebat, sudah menganjurkan beberapa program wanita dan keluarga. Saya...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, *injury time* pun dah habis dah.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Okey. Dengan itu, saya..*last* memang untuk Sungai Bakap, jawapan bertulis kepada saya iaitu jejambat Jalan Tasik Mutiara II berhubung ke Jalan Persekutuan, dalam jawapan bertulis memang dimaklumkan bahawa pemaju tidak dikenakan syarat untuk melebarkan jejambat tersebut tetapi mengikut kajian yang dibuat oleh Jabatan Kejuruteraan MPSP, pada waktu puncak dalam satu jam itu terdapat 1247 isi padu trafik dan Timbalan Ketua Menteri II memang tiap-tiap hari juga terlibat dalam kesesakan tersebut. Oleh itu, saya memohon jasa baik Yang Berhormat Tanjung Bunga sekali lagi, minta jasa baik untuk membantu sebab Yang Berhormat Tanjung Bunga memang hebat. Apa yang saya minta semua dah selesai. Sekarang minta yang baru di kawasan sempadan. Itu sahaja...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Dato' Timbalan Speaker, saya tau sebelum...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Saya tak bagi laluan, banyak orang masuk celah dan waktu lari..saya bagi kelebihan 2 minit pasal dia sentuh tentang Sungai Bakap. Itu sahaja. Okey sila.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Okey sebelum mengundur diri, saya memohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun. Dipersilakan Yang Berhormat Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, saya memang dah tunggu lama lah. Tak apa. Salam sejahtera dan Salam Harapan Dato' Timbalan Speaker. Izinkan saya mulakan bicara. Walaupun belum datuk. Akan?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Cucu belum ada lagi.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Mungkin akan dapatlah. Tak lama lagi. Izinkan saya mulakan bicara mengucapkan Selamat Hari Pekerja, tanggal 1hb Mei Pulau Pinang meraikan bersama. Para pekerja merupakan tulang belakang ekonomi sesebuah negara dan sumbangan dan pengorbanan seseorang pekerja kepada pembangunan negara mesti dihargai. Tanpa sumbangan dan pengorbanan mereka, negara tidak akan maju jaya. Oleh itu, menjelang 1hb Mei, saya menaruh harapan supaya nasib pekerja akan terus terbela yang mana gaji minima pekerja akan turut dinaikkan.

Tema tahun ini berbunyi “Malaysia Untukmu Kami Berkhidmat” memberi gambaran yang amat tepat dan bermakna kerana khidmat seseorang pekerja terhadap negaranya adalah tidak terbatas dan tidak terhingga. Perasaan cinta kepada negara inilah yang kita mesti terus mengambil berat demi menjana sebuah masyarakat yang sihat, harmoni, penyayang dan bersatu padu.

Timbalan Speaker, Hari Kebebasan Media ataupun *Press Freedom Day* jatuh pada 3 haribulan Mei setiap tahun. Di sini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih khasnya kepada para wartawan yang bertungkus lumus siang malam dalam usaha mereka untuk melaporkan kebenaran dan isu-isu semasa termasuklah sesi Dewan Undangan kali ini.

Yang di-Pertua Timbalan Speaker, tidak ketinggalan juga adalah sambutan Hari Guru pada 16 Mei 2019. Kita semua perlu juga mengenang budi dan menghargai jasa guru-guru dalam menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara kita. Bahkan tiga daripada datuk dan nenek saya juga adalah mantan guru. Dengan izin Timbalan Speaker, *three of my grandparents were also teachers*. Maka gelaran para guru sebagai “Obor Hemah Menyinari Pertiwi” cukup tepat untuk tema Hari Guru tahun ini. Sebagai Malaysia baru isu kuota untuk Kolej Matrikulasi sepatutnya tidak timbul sebagai isu sekiranya lebih banyak universiti dapat dibina untuk para pelajar yang berkelayakan. Sementara itu, untuk tujuan penyelesaian isu kekurangan tentang matrikulasi saya cadangkan bahawa STPM kalau boleh gantikan peperiksaan, bukan, STPM digantikan dengan peperiksaan Matrikulasi.

Dan sekarang ini saya ingin masuk ke dalam topik ekonomi negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat Timbalan Speaker, saat-saat yang dinantikan tanggal 1 Mei ini pasti ada kena mengena dengan gaji minima pekerja. Walaupun gaji minima pekerja sekarang telah dinaikkan kepada RM1,050 di Semenanjung Malaysia, ini pun belum mencapai sasaran kita pada RM1,500 mengikut Manifesto Pakatan Harapan. Saya berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat *leads the way* dalam perkara ini dengan menaikkan gaji minima pekerja sektor awam kepada RM1,200 terlebih dahulu seperti yang selalu dilaung-laungkan oleh Kerajaan Pulau Pinang terutamanya oleh bekas Ketua Menteri kita, *Penang Leads*. So, saya pun mencadangkan kalau boleh *Penang lead* dalam isu ini. Naikkan gaji semua kakitangan sektor awam ke RM1,200. *That's a minimum pay*.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, iklim dan suasana ekonomi di Pulau Pinang sesuai dengan produk yang berkonsep pintar dan mesra alam memandangkan negeri kita adalah negara negeri pertama yang mengamalkan *No Plastic Bag Day*, *No Polysterine* dan juga *No Single Use Plastic*. Negeri kita juga merupakan negeri pertama yang mengamalkan konsep *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*. Justeru itu, saya berpendapat bahawa anak-anak muda Pulau Pinang boleh terus diberi motivasi dan digalakkan untuk menceburi dalam bidang penciptaan dan inovasi untuk bersama-sama menangani *climax change*...(dengan izin). Peningkatan minat pelajar-pelajar dalam bidang STEM yang sering diwar-warkan baru-baru ini bakal melahirkan sebuah generasi saintis muda yang juga peka kepada alam sekitar. Dalam konteks ini saya amat bersyukur kerana dengan bantuan dana dan kerjasama Bahagian Kemasyarakatan MBPP telah berjaya menganjurkan satu program untuk anak-anak yatim dari Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Pulau Pinang untuk melawat sambil sambil belajar di Tech Dome, KOMTAR baru-baru ini. Di mana program ini telah menerima sambutan yang amat memberansangkan daripada anak-anak yatim piatu yang berpeluang. Antaranya belajar membuat sabun serta mempelajari pelbagai aspek sains secara (dengan izin)...*imperial* semasa mengunjungi Tech Dome tersebut.

Penggunaan *apps* yang sangat berleluasa pada masa ini juga merupakan sejenis kemudahan bagi kita semua dan kita perlu memperbanyakkan lagi kelas *coding* untuk anak-anak muda kita supaya kita tidak akan ketinggalan dalam arus teknologi ini. Pada bulan yang lalu, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Wan Azizah pernah memberi pernyataan bahawa satu kajian yang menyeluruh berhubung dengan isu gaji rendah graduan baru yang melangkah ke alam pekerjaan. Berita yang baik ini amat menggalakkan memandangkan kadar pengangguran di negeri Pulau Pinang agak rendah maka untuk mengatasi masalah

pengangguran di negeri kita adalah tidak sebegitu rumit dan susah berbanding dengan negeri lain. Pihak Pembangkang pernah membangkitkan isu pengangguran di mana menurut data dari SOCSO, 1,429 pekerja didapati kehilangan kerja pada bulan November yang lepas di Pulau Pinang. Daripada jumlah angka ini, pihak Pembangkang mendakwa bahawa 45% ataupun 643 daripada mereka telah ditawarkan dengan VSS manakala yang lain telah diberhentikan kerja.

Dato', Timbalan Speaker, izinkan saya merujuk kepada data-data terkini daripada petikan surat khabar mengenai ekonomi negara kita. Mengikut UOB *Research* kelulusan pelaburan Malaysia telah meningkat 0.5% daripada RM201 bilion kepada RM202 bilion pada tahun 2018. Dan potensi pelaburan langsung asing ataupun FDI bersih di antara RM120 bilion dan RM130 bilion dapat dicapai dengan 129,780 jawatan kosong untuk diisi. Tabung Kewangan Antarabangsa ataupun dikenali sebagai IMF, *International Monetary Fund* mengunjurkan ekonomi Malaysia akan tumbuh pada kadar 4.7% tahun ini dan kemungkinan berkembang kepada 4.75% dalam tempoh masa jangka sederhana. Data AmBank Research menunjukkan kadar pengangguran telah kekal di sekitar 3.3 sehingga 3.4% berbanding dengan tempoh masa yang sama untuk tiga (3) tahun yang lepas berturut-turut. Dengan izin Timbalan Speaker, *if we follow the international standard* kalau tahap kadar pengangguran adalah di bawah 5% *if the unemployment rate is under 5% is consider...*(dengan izin) *full employment*. So, untuk negeri Pulau Pinang kita tidak menghadapi masalah ini.

Seterusnya, Malaysia Employers Federation (MEF) menyatakan bahawa siswazah yang memegang diploma dibayar gaji RM1,661 pada tahun 2018 berbanding dengan RM1,458 pada tahun 2010, manakala pemegang Ijazah sarjana Muda dibayar gaji RM2,393 dibandingkan dengan RM1,993 lapan (8) tahun dahulu.

Berdasarkan Statistik Guna Tenaga Suku Tahun Keempat 2018 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan 1 Mac lalu, jumlah jawatan yang ditawarkan oleh sektor swasta meningkat kepada 8.54 juta pada suku keempat 2018 berbanding 8.48 juta pada suku tahun yang sama sebelumnya. Perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan Negeri China ada memberi sedikit sebanyak manfaat kepada Malaysia terutamanya negeri Pulau Pinang dalam sektor pembuatan seperti elektronik, mesin, kayu, kertas, plastik dan getah dari segi relokasi kilang-kilang dari China ke Malaysia. Oleh itu, dengan adanya MMK Perdagangan Antarabangsa dan Perniagaan, *investPenang* dan lain-lain agensi yang senantiasa peka kepada perkembangan ekonomi di negeri Pulau Pinang saya percayai negeri Pulau Pinang tetap *on the right track* untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke negeri kita supaya lebih banyak lagi peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Tambahan pula, dengan adanya program-program untuk menimba ilmu terutamanya dalam bidang ICT seperti kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, anak-anak muda Pulau Pinang pasti tidak ketinggalan zaman semasa permohonan untuk kerja di mana-mana jua. Laporan daripada surat khabar menyatakan bahawa graduan hari ini tidak mendapat gaji yang tinggi kerana tidak cukup celik dalam pengetahuan digital yang mana kekurangan ini dapat diatasi dengan mudah di Pulau Pinang.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, ada keperluannya juga sektor perniagaan kita mengurangkan kebergantungan kepada tenaga asing dan menawarkan gaji yang lebih menarik kepada pekerja-pekerja tempatan. Ini akan mengurangkan pengaliran mata wang kita ke luar negara supaya mata wang kita terus mantap dan kukuh. Di samping itu, nasihat pemimpin-pemimpin negara kita mesti diikuti iaitu "Belilah Barangan Malaysia atau Produk Buatan Malaysia". Di sini....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon, mohon laluan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Ya, boleh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tadi saya nak tanya pasal statistik itu, yang tadi yang disebut, saya nak ambil peluang ini sebab Pinang Tunggai, YB. Pinang Tunggai ada di sini so saya nak tanya. Ada, sekarang di Penanti saya ada buat satu program bersama dengan Kulim High-Tech saya ada beritahu kan Techno Centre dan mereka yang tak ada SPM bila masuk program ini tiga setengah bulan belajar di Techno Centre dalam *sensing machining, automation robotics* tak ada SPM ada hanya boleh membaca, menulis, mengira selepas itu bila dia masuk saya tengok gaji-gaji mereka RM2,600, RM2,400. Maknanya pelajar-pelajar asnaf, nak sebut, yang kita buat program ini di Penanti ialah untuk anak-anak asnaf maknanya kita bukan hanya bagi *hamper*, maknanya kita ada peluang untuk orang yang tak pergi universiti yang tak ada diploma juga boleh mendapat gaji-gaji yang tinggi jika mereka lulus dapat sijil dalam bidang yang sebut tadi.

So, saya harap Zakat Pulau Pinang boleh beri lebih, sekarang kita buat untuk 20, boleh bagi lebih *seat* untuk untuk program ini. Dan juga Kerajaan Pulau Pinang boleh bagi lebih *seat* untuk *Teaching Factory*. Sama juga dalam program *Teaching Factory*, mereka yang dapat C and D boleh masuk dapat *Diploma in Automation Engineering* dan gaji yang lebih banyak. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Terima kasih Yang Berhormat Penanti. Memang Penanti banyak aktif dalam pelbagai program yang dikagumi lah oleh Kebun Bunga. Dan juga nanti saya akan sebutkan beberapa program yang telah dilaksanakan, mungkin akan terlaksana juga di Kebun Bunga. Dan saya juga menerima baik bahawa program-program seperti yang disebutkan tadi oleh Penanti dan saya berharap Penanti juga akan bagi sokongan padu kepada Kebun Bunga untuk kalau ada pelajar-pelajar yang tercicir yang belum ada sijil atau diploma untuk mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang tinggi juga. Terima kasih ya.

Okey, Yang Berhormat Timbalan, saya akan teruskan tadi okey, saya berhenti di..., okey. Kita mesti ikutlah nasihat pemimpin-pemimpin kita "Belilah Barangan Buatan Malaysia". Di sini, saya juga ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini kepada perana syarikat awam ataupun dikenali LLC (*Limited Liability Companies*), MNC (*Multi-National Companies*), SMI (*Small Medium Industries*) dan juga SME (*Small Medium Enterprises*) dalam pembangunan ekonomi kita di mana pelaburan langsung asing ataupun *Foreign Direct Investment* mempunyai impak yang amat besar kepada negara kita.

Menurut *investPenang*, kita mempunyai lebih daripada 300 MNC dan 3,000 SME di negeri Pulau Pinang yang mana pada tahun 2018 sektor pembuatan menyumbang 45% kepada GDP Pulau Pinang dan bakinya daripada sektor lain seperti pelancongan dan perkhidmatan. *investPenang* juga memetik laporan daripada MIDA bahawa dalam tahun 2018, 64% atau pun RM3.693 bilion adalah pelaburan langsung asing FDI dan 36% atau pun RM2.088 bilion adalah daripada pelaburan domestik, untuk tahun 2018 pelabur yang terbesar dari segi FDI adalah Negara Jepun diikuti dengan China dan Amerika Syarikat.

Perdana Menteri dalam ucapannya baru-baru ini telah menekankan betapa pentingnya untuk negara kita untuk menjalinkan perhubungan yang baik dengan China, pihak China telah pun respon bahawa banyak lagi pelaburan yang menanti di pintu MIDA. Dalam aspek ini Pulau Pinang sememangnya mempunyai banyak potensi untuk menarik pelaburan daripada China disebabkan pelbagai faktor dan kelebihan sedia ada kita seperti tenaga kerja yang masih dan separuh mahir termasuk infrastruktur, sistem dan logistik yang bersepadu. Kita mesti ambil peluang keemasan ini untuk mempromosikan dan memasarkan negeri Pulau Pinang kepada pelabur-pelabur asing yang berpontensi untuk *partnership*...(dengan izin) jangka masa panjang demi memperkasakan industri-industri SME kita mengikut kelebihan-kelebihan masing-masing.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya sekarang ini saya nak beralih ke topik kemampunan di Pulau Pinang. Baru-baru ini saya telah mencadangkan kakitangan kerajaan diberikan subsidi sebagai galakan untuk menggunakan kenderaan awam akan tetapi ini disambut dengan serangan beberapa individu di media sosial, ini bukan sekadar orang awam yang ingin berkongsi pandangan tetapi sepakat *cyber troopers* yang aktif di laman Facebook khususnya untuk memantau dan menfitnah sesiapa yang mereka label sebagai anti PTMP dengan ini saya memohon supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang membantu menjelaskan kepada rakyat peranan rasmi *cyber troopers* Pakatan Harapan Kerajaan Negeri, jika *cyber troopers* Pakatan Harapan tidak wujud...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Maaf Dato' Speaker, saya minta laluan. Ini adalah, Kebun Bunga saya minta Kebun Bunga tarik balik *cyber troopers* Pakatan Harapan dan ada kaitan dengan Kerajaan Negeri seolah-olah Kerajaan Negeri yang sedang ataupun *feed info feed the cyber troopers to attack yourself so...*(dengan izin)..(gangguan) .

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Saya belum bagi laluan lagi. Timbalan Speaker,

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Peraturan mesyuarat *la then*.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

So this is miss leading the Dewan dan juga tuduhan jahat, minta Timbalan Speaker buat *ruling* dan minta tarik balik terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Timbalan Speaker, *I think he hasn't listen to my whole speech...*(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

So you complete dan habiskan perbahasan kamu.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Yes, let me speech then only you can understand, okay terima kasih. Okay di sini saya kata jika *cyber troopers* Pakatan Harapan tidak wujud maka kita perlu menubuhkan satu pasukan *cyber troopers that why you haven't ...*(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Don't jump the gun.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Yes, don't jump the gun, yang boleh membela reputasi Kerajaan Pakatan Harapan di alam maya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Sekarang saya minta laluan adakah setuju kalau kita pun gunakan *cyber troopers* yang macam boss yang perompak itu? (gangguan) Itu pandangan kita berbeza.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Kalau kita ada *Army* juga kalau depa ada *Army*....(gangguan)

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh seorang duduk ke?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Okey terima kasih, saya akan teruskan kalau *cyber troopers* yang asyik menyerang bukan daripada Pakatan Harapan maka kita juga perlu memberi amaran kepada orang ramai, beberapa orang ini tidak mewakili Pakatan Harapan dan tidak sepatut menghasut, menfitnah dan berpura-pura menyokong Pakatan Harapan tetapi pada hal mereka ini yang cuba memburuk-burukkan imej Pakatan Harapan seperti gunting di dalam selimut.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Kerajaan Reformasi bukan setakat menjadi sebuah kerajaan yang telus dan bersih sahaja malahan Kerajaan Pakatan Harapan merupakan sebuah kerajaan yang prihatin terhadap kehendak dan keperluan rakyat ini termasuklah mengambil maklum pelbagai aduan dan perasaan tidak puas hati terhadap projek PTMP.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh bakal Perdana Menteri kita Dato' Seri Anwar Ibrahim baru ini bahawa rakyat berhak mengkritik pemimpin-pemimpin yang sombong tapi mengkritik pun secara konstruktif, bernas bukan kritik dan menfitnah dan mencaci orang, itu yang dimaksudkan oleh Dato' Seri Anwar dan Yang di-Pertua Timbalan Speaker izinkan saya ingin menekankan di sini bahawa saya bukan menolak projek PTMP tetapi sebagai seorang wakil rakyat ia merupakan tanggungjawab saya untuk membangkitkan kebimbangan rakyat dan pelbagai pihak persatuan dan badan bukan kerajaan kepada pihak eksekutif Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sini juga saya nak minta Kerajaan Negeri atau Dewan ini juga memberi laluan dan peluang kepada terutamanya Timbalan Speaker yang juga sebagai Wakil Rakyat Sungai Bakap supaya diberi peluang untuk bersuara. Boleh tak? Yang Berhormat-Yang Berhormat menyokong hujah saya ini supaya Timbalan Speaker sebagai Wakil Rakyat juga diberi peluang untuk menyuarakan pandangan dan juga mengetengahkan isu-isu kawasan Sungai Bakap. Terima kasih Penanti.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Ya, mungkin peraturan kita kena buat pindaan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Sesi kedua, penggal kedua.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Mungkin.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Okey terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Kalau tidak tidak adil untuk rakyat penduduk-penduduk Sungai Bakap tak diberi peluang untuk bahas tak adil kan?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Terima kasih, Timbalan Speaker. Okey sebagai seorang wakil rakyat saya terpanggil untuk mengemukakan pelbagai pertanyaan kepada pihak eksekutif Kerajaan Negeri untuk isu-isu penting terutamanya yang membabitkan projek-projek mega.

Kemampuan negeri Pulau Pinang dalam menangani keadaan jalan raya yang semakin hari semakin sesak juga perlu diteliti dari beberapa sudut seperti tempat parkir

kereta. Adakah Kerajaan Tempatan sudah bersiap sedia dalam menyediakan tempat parkir yang mencukupi untuk kereta-kereta di kemudian hari? Apakah manfaatnya sekiranya kita membina lebuh raya untuk melicinkan perjalanan dan aliran trafik tetapi tidak ada rancangan untuk tempat letak kereta? Adakah Kerajaan Negeri sudah mempunyai perancangan masa depan untuk tempat letak kereta itu pun akan tertakluk kepada kesediaan ruang lapang di tempat awam. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menggalakkan penggunaan kereta di negeri ini yang akan meningkatkan pencemaran udara dan bunyi? Ataupun adakah Kerajaan Negeri lebih menggalakkan penggunaan kenderaan awam supaya penggunaan kereta swasta boleh dikurangkan?

Saya tidak menolak PTMP, secara peribadi saya menyokong PTMP tetapi saya mewakili rakyat meminta penjelasan daripada pihak eksekutif supaya suara rakyat dapat dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Saya percaya pihak eksekutif dapat memahami bahawa projek PTMP menelan kos yang tinggi iaitu sebanyak RM46 bilion dan oleh sebab itu rakyat berhak untuk mengetahui sumber pembiayaan projek ini dan sama ada projek mega ini adalah *sustainable* dalam jangka masa yang panjang yang sudah tentu melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi.

Pelaksanaan PTMP adalah tepat pada masa sekiranya keadaan ekonomi dan kedudukan kewangan kita adalah kukuh dan mengizinkan. Yang Berhormat Timbalan Speker, setahu saya Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang tidak diberi bantuan kewangan oleh Kerajaan Pusat. Maka kita perlulah berhemah dan berhati-hati dalam melaksanakan projek mega ini. Demi memegang kepada prinsip demokrasi dan seterusnya reformasi, saya menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya Ketua Menteri kita untuk mempertimbangkan semula pelan PSR dan juga Pelan Terowong Dasar Laut ataupun tangguh terlebih dahulu, KIV dua (2) komponen projek tersebut memandangkan populasi, pembangunan dan pemajuan Negeri kita belum sampai ke tahap Singapura dan Hong Kong yang telah lama menjadi bandaraya antarabangsa yang terkenal sebagai hab kewangan...(gangguan). Silakan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Minta laluan, terima kasih Yang Berhormat Kebun Bunga cuma nak tanya satu soalan saja. Pertanggunghan yang telah dikatakan Yang Berhormat Kebun Bunga kalau kita tangguh lagi seperti yang saya bahas semalam saya bimbang atas bakat-bakat muda kita yang semakin yang mencari rezeki di tempat lain kalau kita menanggung kita tak sampai macam tahap Singapura atau Hong Kong mungkin bakat-bakat akan pergi ke Singapura atau Hong Kong atau negara-negara lain untuk mencari rezeki. Boleh minta penjelasan?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Terima kasih, Pulau Tikus. Kebimbangan yang dibangkitkan oleh Pulau Tikus juga merupakan kebimbangan saya sendiri. Cuma untuk menangani *brain drain*, atau *human capital brain drain* bukan sekadar boleh diselesaikan dengan adanya pembinaan projek sebesar ini. *The brain drain problem...*(dengan izin) ada sebab di Pulau Pinang ini ada tahap seperti yang saya sebutkan tadi, *we are not like Singapore and Hong Kong as a financial hub* dan kita belum sampai ke tahap itu, populasi kita PUN belum sampai. *That why the situation is different we are just a state, Hong Kong have been a free trade such of like a country because it was handed over back to the country...*(gangguan) keadaannya adalah berbeza dan walaupun sebelum untuk makluman Dewan ini, sebelum pembinaan atau pun selepas pembinaan kita pun belum pasti bahawa orang-orang muda tak akan pergi ke luar negeri *there is no guarantee even is PTMP is build. PTMP will help...*(dengan izin) akan membantu tetapi buat masa ini yang kerisauan sesuatu pelbagai pihak ialah *where do we find funding* sumber kewangan kita itu sahaja *that why I minta maybe just KIV* sehingga keadaan ekonomi kita mengizinkan. Ya, silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Soalan tambahan, Kebun Bunga, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, saya menyebut isu ini dalam ucapan saya berkaitan dengan projek mega...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Ketua Pembangkang dah isu ini dah dibawa dalam perbahasan kamu dan *now you* ulang balik isu yang serupa.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Nak minta pandangan apa yang nak dikatakan oleh Kebun Bunga, kebimbangan yang disebut oleh Kebun Bunga adalah kebimbangan yang saya hadapi. Berkaitan dengan Alam Sekitar, berkaitan dengan nasib-nasib nelayan dan sebagainya dan juga berkaitan dengan kos yang begitu tinggi yang mungkin kita kena lihat kalau kata diluluskan dengan 56 syarat, perlu 56 syarat itu dibentangkan diakses oleh semua rakyat supaya rakyat boleh lihat apa 56 perkara ini sama ada dipenuhi ataupun tidak termasuklah 18 perkara berkaitan dengan PSR. Ini juga perlu telus dalam kita nak menyelesaikan isu ini supaya masyarakat rakyat lihat kita boleh selesaikan termasuk isu-isu yang berkaitan alam sekitar yang kita cukup risau tentang pembangunan yang akan dibuat, alam sekitar dan kos yang akan ditanggung oleh Kerajaan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Terima kasih, Permatang Berangan saya percayai Kerajaan Pakatan Harapan akan memenuhi syarat....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Sungai Dua, *sorry* Sungai Dua sebab sebelah tepi sahaja jiran kan? Sungai Dua terima kasih saya percayai Kerajaan Pakatan Harapan akan memenuhi semua syarat-syarat yang adalah yang telah ditetapkan sekiranya projek mega ini dilaksanakan pada masa yang akan datang.

So Dato' Timbalan Speaker, isu kemampunan sememangnya merangkumi keseimbangan alam semula jadi dengan pembangunan dan pemajuan. Buat masa ini ratio ketumpatan penduduk di sebelah Pulau adalah dua kali ganda ratio ketumpatan Seberang Perai. Kebelakangan ini saya telah menerima permohonan pemaju untuk meningkatkan ketumpatan daripada 15 unit seekar kepada 30 unit seekar. Ini merupakan kali kedua permohonan dibuat di mana lima (5) unit seekar sebelum ini telah dinaikkan kepada 15 unit seekar. Memandangkan pasaran rumah kini menghadapi (dengan izin)....*overhang* sebanyak 3,445 unit, oleh yang demikian pembangunan di sebelah pulau mesti disusun semula dan diseimbangkan dengan Seberang Perai supaya bekalan pasaran hartanah perumahan tidak melebihi permintaan di kedua-dua tempat.

Masalah-masalah terkini yang juga berkait dengan kemampunan adalah penyelenggaraan bangunan. Walaupun akta-akta sedia ada seperti Akta Pengurusan Strata 2013 dan Peraturan Pembangunan Strata 2015 telah berkuatkuasa, malahan masih terdapat banyak lagi masalah yang tidak dapat diselesaikan di antara pihak pembeli dan pemaju. Di kawasan Kebun Bunga, pelbagai maslaah telah dibangkitkan oleh penduduk di flat Batu Bukit dan juga pembeli rumah Tri Pinnacle. Ini belum termasuk masalah berterusan dan berpanjangan di rumah pangsa Padang Tembak kerana mengikut Akta Pengurusan Strata 2013, sebuah *management corporation*...(dengan izin) sepatutnya ditubuhkan oleh penduduk-penduduk untuk tujuan pengurusan.

Mengenai Bahagian Perumahan, kakitangan yang ditugaskan sebagai *building...*(dengan izin), *building supervisor* sepatutnya lebih peka kepada aduan rakyat yang menduduki di PPR dan perlu bersiap sedia dihubungi pada bila-bila masa. Terutamanya semasa waktu kecemasan apabila berlakunya kerosakan seperti lif, lampu, pemutusan bekalan air dan elektrik (dengan izin), Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada terutamanya *building supervisor* atau penyelia-penyelia termasuk pengurus PPR Padang Tembak supaya bekerjasama dengan pasukan saya kerana sejak tahun sudah kami telah membuka satu (1) *chat group* berkenaan isu perumahan PPR Padang Tembak tapi malangnya kebanyakan penyelia termasuk pengurus pada masa itu telah keluar, *exit* daripada *chat group* itu walaupun telah beberapa kali dimasukkan semula masih *exit*. Dan saya sendiri terpaksa membuat satu aduan terhadap pengurus yang berkenaan. Dan walaupun tindakan telah diambil ialah *transfer...*(dengan izin), Timbalan Speaker, *actually*, sebenarnya saya tak nak pengurus itu *ditransfer* keluar sebab *we are transferring a problem*. Tapi masalahnya masih belum selesai. Sememangnya I nak bagi dia tau bahawa kami sebagai satu *team* bersama-sama untuk memberi servis perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat kerana apa yang selalu berlaku, Timbalan Speaker, bukan saja hari ini tapi memang tiap-tiap minggu akan berlakunya lif rosak, lampu rosak, bekalan air terputus dan ini akan berulang. Apabila ini kecemasan berlaku, kadang-kadang penyelia yang bertanggungjawab kepada blok rumah pangsa itu tidak dapat dihubungi dan saya pun tidak ada akses kepada kontraktor yang berkenaan untuk datang menyelesaikan isu itu. So saya mintalah kalau boleh *supervisor-supervisor* yang ada, penyelia-penyelia *please work with us*. Kami bukan nak menyusahkan *supervisor-supervisor* tersebut tapi kita nak kerjasama demi rakyat. Itu yang saya minta, Timbalan Speaker.

Sekarang ini kepada topik pencemaran bunyi semasa perayaan perarakan. Yang di-Pertua Timbalan Speaker, suasana di jalan utama Jalan Air Rajah sekarang ini dikenali sebagai Jalan Tuanku Abdul Rahman kalau tak silap saya. Taman Jesselton, Lengkok Barat, Taman Gottlieb, Jalan Kebun Bunga, Kebun Bunga dan persekitarannya agak meriah dan riuh rendahlah apabila terdapatnya perayaan perarakan seperti mini Thaipusam dan Thaipusam, mini Thaipusam baru berlangsung dua (2) minggu sudah. Saya telah menerima banyak aduan daripada penduduk-penduduk yang terkilang dengan bunyi dan muzik pembesar suara yang berlarutan sehingga jam 12.00 tengah malam. Walaupun masa telah ditetapkan dalam permit Polis ialah 12.00 tengah malam, pencemaran bunyi yang amat kuat merisaukan dan menjejaskan ketenteraman hidup penduduk-penduduk di situ. Dengan izin, Timbalan Speaker, WHO, *World Health Organization* mengesyorkan 55 *decibel* pada waktu siang dan 45 *decibel* untuk waktu malam. Manakala garis panduan di Malaysia telah menetapkan kelantangan bunyi pada 65 *decibel* pada waktu siang dan 60 *decibel* pada waktu malam. Ini bukan soal toleransi ataupun sikap tidak menghormati perayaan agama tetapi melibatkan kesihatan mental dan ketenteraman fikiran dan kualiti hidup penduduk-penduduk yang terjejas semasa musim perayaan. Timbalan Speaker, sekarang ini saya ingin masuk ke dalam topik pengurusan sisa...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Kebun Bunga, sebelum itu, boleh saya mencelah?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Ya, boleh, boleh.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Kebun Bunga telah bawa perkara ini dan kita telah, mini Thaipusam ini ataupun satu perayaan *Chitraparuvam* yang baru-baru selesai ini. Bukan dianjurkan oleh Lembaga Wakaf Hindu seperti Thaipusam. Ia dianjurkan oleh satu NGO yang lain. Dan sepatutnya mereka selalunya akan meminta permit daripada pihak Polis. Pihak Polis perlu memainkan peranan kalau memang kita tak setuju, kalau mereka membuat bising, *you know*, dengan suara yang begitu tinggi tetapi saya rasa sesetengah keadaan, mereka pun perlu faham, penduduk pun

akan fahamlah, kebanyakan masa Thaipusam orang Penang ini, kita boleh panggil sempoilah, tak pernah komplek tentang bila ada Thaipusam, memang bertoleransi tetapi dalam kes-kes sebegini, bolehlah dirujuk kepada Lembaga Wakaf Hindu ataupun dirujuk terus kepada PDRM di mana mereka mengeluarkan permit dan mereka boleh mengawal *refreshment booth* yang memainkan lagu dengan suara yang tinggi tetapi ia bukannya kalau ia melibatkan perarakan agama, apabila mereka, *you know the chariot is going on and they have sound and music, I think it shouldn't be questionlah because we are living in Malaysia, multi-racial country, multi-religious country and our specialty is our tolerances.*

So I think we have understand that and also if we start to question each other then they will be some people question about permainan mercun during on Chinese New Year and the list will go on. So I hope mereka, saudara Kebun Bunga bolehlah menasihati mereka-mereka yang komplek, perbezaan antara kedua-duanya. Dan kalau betul-betul buat bising tanpa sebab bolehlah rujuk kepada pihak Polis terus. Pandangan saya ya, Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Okey, pandangan...(gangguan).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Kebun Bunga lagi tiga minit.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Tak cukup, boleh minta lebih lagi? Sebab saya banyak pencelahan tadi.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

You yang bagi jalan. Yang Berhormat yang bagi jalan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Kita demokrasi. Okey, terima kasih Bagan Dalam. Saya memang, saya faham juga, saya pandangan itu juga diambil berat oleh, memang penduduk, mereka duduk sana, di sana memang lama, sudah tau cuma keadaan yang tidak terkawal sehingga di rumah saya terdengar bunyi, walaupun tak sebegitu kuat, walaupun saya punya rumah jauh, jauh sikit tapi pun terdengar. So apabila terlalu bising, ini menjejaskan kehidupan penduduk-penduduk setempat di mana saya pun ada bangkitkan isu ini kepada PDRM. Walau bagaimanapun saya rasa masih belum dapat menurunkan bunyi itu. Okey, walaupun demikian, tak apa, kita akan maju ke depan seperti yang disebutkan oleh Bagan Dalam, *we Malaysian very tolerance, understanding.*

Yang di-Pertua Timbalan *Speaker*, ini bukan soal toleransi atau sikap tidak menghormati perayaan agama tetapi melibatkan kesihatan mental dan ketenteraman hidup, kualiti hidup, *so the mental things.*

Dato' *Speaker*, baru-baru ini, saya juga menerima aduan daripada rakyat mengenai tahap kebersihan di pasar dan pusat penjaja sementara *Fetish Park*. Saya difahamkan penjaja-penjaja di situ membuang sisa makanan ke dalam longkang dan pengadu turut menuduh pihak Kerajaan Negeri tidak menyediakan *facility* dan kawasan cuci pinggan untuk penjaja-penjaja tersebut. Sebagai perbandingan, longkang-longkang di negara Jepun adalah bersih sehingga boleh membela ikan di dalamnya. Apabila kita berhasrat menuju ke arah negara yang maju, kita mesti *benchmark*...(dengan izin), diri kita dengan yang terbaik di kalangan kita. Jepun infrastrukturnya termasuk sistem pengangkutan, sistem pengaliran, sistem pengurusan sisa dan lain-lain adalah sangat canggih dan teratur. Alangkah baiknya jika kita dapat mencontohi Jepun sebagaimana yang sering dilaung-laungkan oleh Perdana Menteri kita, Tun Mahathir, *let's us look to Japan.*

Di kawasan Kebun Bunga, dalam perbincangan untuk melaksanakan rancangan *recycle for life* dengan kerjasama sekolah-sekolah setempat, program ini telah dilaksanakan di beberapa kawasan di Seberang Perai terutamanya di Penanti dan Permatang Pauh tetapi

masih belum lagi dilaksanakan di sebelah Pulau setahu saya. Jadi saya berharap Penanti akan memberi sokongan padu kepada pihak Kebun Bunga dalam masa yang akan datang *for the recycle for life program*. Jadi saya berhasrat untuk sendiri melaksanakan program...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Boleh minta laluan? Pencelahan?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Saya masa tak cukup. Kurang masa. Jadi saya berhasrat untuk melaksanakan program sama iaitu *recycle for life* di kawasan Kebun Bunga sekiranya keadaan mengizinkan. Program *recycle for life* melibatkan proses sisa dikitar semula dan dikutip oleh syarikat yang menjalankan perniagaan pengitaran semula di mana syarikat swasta ini akan menyumbangkan pembayaran secara kredit melalui satu sistem iaitu *smart card*...(dengan izin), yang boleh digunakan di tempat-tempat tertentu seperti *hypermarket* dan sebagainya. Dan seterusnya saya membawa sini berkenaan satu topik yang cukup hangat, tapi kadang kala juga kontroversi. Ini adalah program *methadone*, Timbalan *Speaker*. Menurut mantan Ketua Polis Pulau Pinang, sejumlah 3,000 penagih dadah baru dikesan di Pulau Pinang setiap tahun. Yang mana 80% daripadanya adalah remaja berusia 20 tahun ke bawah. Walau bagaimanapun, pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah melaporkan jumlah penagih dadah di kawasan Padang Tembak sudah turun dengan kebanyakannya penagih dadah telah berusia. Namun tindakan proaktif perlulah diambil untuk membantu golongan ini. Pihak AADK juga mendedahkan 80% daripada penagih dadah di kalangan orang Melayu dan mendapati faktor kemiskinan dan tahap pendidikan menjadi punca utama mereka terjerumus dalam penyalahgunaan dadah.

Yang Berhormat Nurul Izzah telah menerajui satu program di mana sebuah van dimobilasi ke beberapa tempat yang terpilih seperti di surau dan masjid untuk memudahkan penagih dadah yang ingin mengatasi masalah penagihan mereka dengan pengambilan dos ubat *methadone*. Program *methadone* ini adalah terbuka kepada pesakit berumur 18 tahun dan ke atas dan bersetuju secara sukarela untuk mengikuti program sedar dan menandatangani borang persetujuan dan memenuhi kriteria seperti berikut. Pertama, pesakit mesti mempunyai diagnosis yang dikenali sebagai *opioid use disorder* atau kebergantungan kepada dadah jenis *opioid*. Kedua, pesakit bersedia mengikut *rules and regulations* yang akan ditetapkan oleh pihak masjid selain daripada peraturan sedia ada. Dalam program *methadone* di fasiliti, rawatan *medical, psychological* segera. Ketiga, pesakit tidak mempunyai alergic kepada *methadone* atau sejarah alergic.

Yang Berhormat Timbalan *Speaker*, saya pasti dengan program induk ini, kita dapat mengurangkan lagi jumlah penagih dadah di negeri Pulau Pinang dan *last* sekali, Timbalan *Speaker*, ialah berkenaan satu CSR program oleh satu syarikat yang dikenali sebagai *PM International*. Kawasan Kebun Bunga amat bertuah sekali kerana sebuah syarikat swasta yang dikenali sebagai *PM International, it's a Germany base company*...(dengan izin), yang memasarkan produk jenama *FitLine* telah menaja sebanyak RM40,000 untuk mendirikan satu pergola di Taman *Linear Park*, di Padang Tembak. *This is the one*...(dengan izin), Timbalan *Speaker*, ini adalah konsep *drawing*. Inisiatif ini adalah susulan daripada pembangunan Taman *Linear* di Padang Tembak semasa saya berkhidmat sebagai ADUN Kawasan dari tahun 2008 sehingga 2013. Pergola ini berukuran 6 meter dan 10 meter dengan ketinggian 3 meter dapat bertindak sebagai tempat berteduh daripada matahari yang terik dan hujan kepada para penduduk di kawasan Padang Tembak yang aktif dalam pelbagai tarian dan aktiviti kesihatan seperti *lion dancing, tai chi* dan sebagainya. Saya amat bersyukur kepada syarikat swasta tersebut yang sanggup menyumbang kepada pembinaan komuniti yang sihat.

Akhirnya saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan semua ibu, Selamat Hari Ibu yang bakal disambut pada 12 Mei dan selamat menunaikan ibadah Ramadan kepada semua yang beragama Islam.

Yang di-Pertua Timbalan *Speaker*, setakat di sinilah hujahan saya untuk hari ini, dengan ini saya menyokong penuh usul ucapan Tuan Yang Terutama. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Kebun Bunga. Dipersilakan Yang Berhormat Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail):

Terima kasih, Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbilalamin, wasolati wasola muala asyrafil anbiya hiwalmursalin, waala alihi wasahbihi wamanda abida awatihi watamasar kabilsunarti, wajahada fi saili lillahi yaumiddin waatala firman waanahar alasiratim mustaqimah fattabiluhuala tatabir usbul.*

"Dan inilah jalanku jalan yang lurus jangan kamu ikut jalan yang lain hendaklah kamu ikut jalanku ini jangan ikuti jalan yang lain, kerana mengikuti jalan yang lain menceraikan kamu dari jalan Ku ". Dato' Yang di-Pertua saya bangun untuk ikut membahas ucapan perasmian Dewan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri. Saya mendengar dan saya khatam membaca ucapan ini dan teksnya ucapan ini menyentuh pelbagai perkara tetapi berkisar sekurang-kurangnya di atas tiga (3) perkara paksi utama. Yang pertama adalah kestabilan politik. Yang kedua, tatakelola pemerintahan dan yang ketiga adalah kesejahteraan hidup rakyat. Justeru itu, perbahasan saya akan tertumpu kepada asas ini. Pertama, dari hal tatakelola pemerintahan saya sebagai wakil rakyat bahagian kawasan Pantai Jerejak boleh menyampaikan penghargaan tahniah kepada Kerajaan Negeri sejak 2008 mula menerajui Kerajaan Pulau Pinang.

Tatakelola ini ada beberapa kayu ukurnya untuk kita sukati yang pertama, dari segi sistem penyampaian semua perkhidmatan oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat. Yang kedua, dari segi integriti kerajaan yang telah diberikan amanah dan mandat. Dan yang ketiga, adalah dari segi pengurusan kewangan. Dalam ucapan Tuan Yang Terutama dan didokong oleh banyak dokumen rasmi kerajaan sama ada laporan ekonomi, laporan Ketua Audit dan seumpamanya menunjukkan bagaimana ini adalah merupakan kekuatan pada Kerajaan Negeri. Dari sudut penambahan hasil, dan setelah dibelanjakan untuk emolumen pentadbiran dan kemudiannya pembangunan lebih pendapatan negeri itu kemudiannya dikongsi dengan rakyat jelata.

Yang ini telah dapat dipertahankan seawal ianya diperkenalkan pada tahun 2008 sehinggalah sekarang dan ini Tuan Yang di-Pertua sangat berbeda kalau kita tengok pengalaman di peringkat Kerajaan Persekutuan pada Kerajaan yang lepas benar. Banyak pemberian tunai dan segala macam yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat. Tetapi sumbernya itu bukan lebih pendapatan. Sumbernya itu adalah daripada hutang.

Apabila kerajaan memberi tunai kepada rakyat, rakyat kemudian berbelanja pertumbuhan ekonomi berlaku tetapi pertumbuhan itu terjadi di atas keberhutangan. Dan itu menyebabkan kedudukan kewangan menjadi tidak sihat, bila hutang membengkak keadaan perancangan negara menjadi terjejas. Sebaliknya kalau kita tengok di Pulau Pinang ini ketika pengurusan hutangnya itu terkawal semakin mengecil angkanya bahkan yang paling kecil berbanding semua negeri di Malaysia, namun ia dapat pertahankan peningkatan hasil kemudiannya dapat dinikmati oleh rakyat dari segi lebih hasil. Dan ini Tuan Yang di-Pertua tidak sampai mengenyepikan pandangan saya sementara saya memberikan pandangan dan penghargaan kepada pemerintahan Kerajaan Negeri saya kemudiannya saya berganjak bahawa sementara tatakelola Kerajaan Negeri dari sudut integriti, sistem penyampaian dan

pengurusan kewangan itu dipertahankan dipertingkatkan. Kalau kita tengok pula dari sudut ekonomi negeri.

Sekarang, di peringkat negara Tuan Yang di-Pertua kekuatan kita ini tiga (3). Pertama, pada industri kelapa sawit kedua, pada sektor elektronik, ketiga, sektor perkhidmatan, perbankan Islam dan sebagai macam. Kelebihan Pulau Pinang adalah sektor elektronik ini. Sektor yang sudah lama bertapak kemudian menjadi nadi kepada sumbangan pada ekonomi negeri. Namun Kerajaan Negeri juga saya percaya sensitif dan peka dengan *trend* penjana hasil baharu dalam bidang ekonomi atau apa yang disebut sebagai zaman Industri 4.0 atau A,B,C,D. Ini adalah satu terma baharu sekarang yang diperkatakan di luar dan ada kaitan dengan dekat Pulau Pinang. Sementara pelaburan yang disebut dalam ucapan T.Y.T terus meningkat dan harap dapat dikekalkan. Namun yang menjana bidang baharu ekonomi sekarang ini lebih daripada keadaan pelaburan biasa ya.

A adalah *Artificial Intelligent*, B ialah *Big Data*, C ialah *Cloud* dan D- *Devices*. A, B, C, D ini adalah terma-terma semasa yang melonjakkan banyak syarikat-syarikat dunia yang membina reputasi tersendiri dari sudut penjana hasil dan meneroka potensi ekonomi yang luas. Kita tahu bahawa Pulau Pinang yang menyaksikan pertumbuhan KDNK yang kuat bahkan dianggap antara *top three* (3) dalam negara ya dan apabila kita pertahankan sektor dan bidang elektronik yang sudah lama pembuatan, pengilangan dan sebagainya. Saya suka menganjurkan agar dilakukan anjakan atau *realignment* melihat daripada potensi baharu ini, ya.

Di China misalnya Tuan Yang di-Pertua syarikat-syarikat peruncitan mereka sekalipun memang memanfaatkan terma bidang baharu ini ya. Ada satu syarikat namanya JD.com JD.com ya, satu lagi syarikat namanya Bordo. Bordo bukan bodoh, Bordo, BordoGroup ya, Bordo. Ini adalah dua (2) contoh bagaimana bila dia memanfaatkan A,B,C, D ni ya. JD.com ini adalah *online retailer's companies one of the biggest*...(dengan izin) kalau tidak di dunia pun di China besar. Mereka hari ini sudah sampai kepada tahap mengambil tempahan, *order* secara atas talian kemudiannya menyampaikan *order* itu ke rumah-rumah dengan menggunakan *drone* dan juga robot.

Jadi mekanismanya adalah membina *warehouse* atau gudang-gudang ya, yang menguruskan tempahan. Jadi dalam sektor ini penggunaan teknologi semasa ini menjadikan syarikat ini gah di persada antarabangsa dan baru-baru ini pun ketika kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China ikut melihat potensi mendatangkan syarikat-syarikat ini ke Malaysia. Bila saya tengok kelebihan Pulau Pinang ini, ini adalah sektor yang betul-betul ada kelebihan. Sebab itu sementara corak jenis sektor pelaburan yang sedia ada dikekalkan saya suka menganjurkan agar Kerajaan Negeri dapat melihat potensi untuk beralih dengan memanfaatkan bidang kelebihan-kelebihan ini. Dato' Yang di-Pertua tidak lengkap ucapan saya kalau saya tidak ikut menyentuh tentang beberapa isu setempat khususnya di kawasan saya.

Dato' Yang di-Pertua, apabila saya berdamping dengan pengundi dan rakyat di kawasan saya melalui siri dialog bulanan berjumpa dengan penghuni rumah flat dan sebagainya saya dapat mengesan dua (2) perkara, yang pertama adalah keadaan tempat tinggal yang sudah lama sama ada milik PDC ataupun milik persendirian. Kemudian dia akan ada struktur pengurusan dia ya, sama ada yang disebut JMB ataupun MC. Kemudian dia ada satu lagi agensi di bawah KPKT yang namanya COB. Saya lihat kelemahan yang agak ketara di antara fungsi kewujudan dan kawal selia di antara ketiga-tiga elemen ini.

Misalnya adanya MC atau JMB antara lain tugasnya adalah untuk penghuni membuat bayaran. Dan dengan yuran bayaran itu kerana itu, fi itu, mereka akan menggunakan untuk menyelenggarakan kemudahan, pendawaian, cat, membaiki bumbung, kebocoran ya, tangki air dan sebagainya. Memang kutipan fi itu tak pernah cukup kerana kos penyelenggaraan tinggi semakin tua usia flat semakin tinggi. Dan ini akan *compromise* kualiti kehidupan dan persekitaran. Kerana itu saya menyambut baik polisi Kerajaan Negeri, PDC khususnya Polisi 80:20 kalau ianya nanti membabitkan pembiayaan penyelenggaraan polisi

ini adalah 80% daripada keperluan kos itu ditanggung oleh PDC bakinya oleh penduduk sudah tentu melalui JMB ataupun MC.

Hakikatnya Dato' Yang di-Pertua, ramai yang tak dapat melunaskan bayaran. Jadi keadaan yang berlaku adalah baik JMB atau MC mereka bergantung sepenuhnya kepada dua (2) sumber sama ada PDC ataupun kepada peruntukan ADUN. Dan itu memang tak pernah cukup belanja cat sekalipun ataupun membaiki tangki yang sangat uzur. Bayangkan penghuni air itu keperluan utama dan kemudahan tangki air yang uzur perlu disegerakan tapi penduduk atau penghuninya masih bergantung kepada formula 80:20 dan peruntukan wakil rakyat. Ini saya fikir ada semacam sesuatu yang agak tempang di situ ya, kerana apa namanya sangat tidak munasabah kerana ianya akan melalui proses *red tape* karenah birokrasi yang panjang ya. Bila saya turun misalnya hatta ketika saya menawarkan formula *dollar to dollar* setiap 1 sen yang JMB atau MC kumpul saya akan *top up* 1 sen bagi setiap seringgit satu kutipan ya. Hakikatnya adalah keadaan ini tidak berlaku.

JMB dan juga MC ini kawal selianya di bawah COB ya, pemilihannya misalnya pemilihan dibuat COB kena pantau dan kawal selia. Namun ada juga yang ianya tak berlaku sudah bertahun-tahun. Jadi akibatnya struktur ini kekal tapi tak boleh bagi *command*. Jadi bila dia nak laksanakan tanggungjawab penghuni tak boleh bagi sokongan. Keadaan ini akan menyebabkan mutu penyelenggaraan itu sangat-sangat tidak memuaskan, ketidakcukupan dana akan sentiasa berlaku, keadaan penyelenggaraan yang lemah akan menyebabkan suasana flat tempat didiami itu menjadi sangat-sangat sedih. Jadi saya fikir sudah sampai juga masanya untuk ketika formula 80:20 dikekalkan namun *to empower* atau kembali memberikan istilah orang sekarang memperkasakan balik kewujudan JMB dan MC itu adalah satu kemestian. Dan COB sebagai fungsi kawal selia tak boleh melepas tangan ataupun dengan memberikan alasan biasa iaitu tidak cukup kaki tangan ini adalah trend saya tengok agak meluas dalam masalah penghuni rumah pangsa ini, rumah flat ini.

Yang kedua ialah, memang ada cadangan awalnya saya ikuti iaitu untuk PDC membangunkan semula flat-flat lama ini yang dipanggil *five point block* ya dengan satu daripada projek ini terletak dalam Pantai Jerejak iaitu Mahsuri. Saya dapati bahawa tak banyak maklumat sekarang apakah rancangan untuk membangunkan semula itu masih kekal ataupun ada perubahan atau ada penangguhan kerana pemakluman kepada penghuni itu *update* kemaskini itu hampir tidak berlaku, jadi barangkali platform di Dewan ini adalah platform yang terbaik untuk saya memohon nanti rakan saya yang bertanggungjawab dalam portfolio ini memberikan reaksi kerana ianya perlu ada satu *clarity* satu kepastian apakah diteruskan ataupun tidak dan seterusnya kerana ini penting untuk memudahkan kita nantinya berhubung langsung dengan penghuni yang memerlukan penjelasan-penjelasan ini.

Yang di-Petua perkara infra adalah perkara yang sangat kritikal kalau di kawasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan, Pantai Jerejak. Terima kasih Pantai Jerejak dan juga Timbalan Speaker beri laluan. Berkenaan dengan JMB, COB dan juga MC yang telah diperbincangkan oleh Pantai Jerejak adalah menyatakan sebelum ini kita ada Akta 663 sudah dimansuhkan dan sudah diganti dengan Akta 757 pada tahun 2013 dengan harapan ia dapat menyelesaikan masalah dan akan dapat memperkasakan ataupun *empower* (dengan izin) MC ataupun JMB tetapi kita lihat masalahnya tidak selesai dan mereka sering datang ke ADUN ataupun Kerajaan Negeri, kadangkala kita tidak pergi bantu, *I think* Sungai Pinang semalam telah beritahu 29 tingkat lif tak jalan, Pengerusi JMB sudah hilang tak tau ke mana, dia tak nak tandatangan program permohonan kepada Kerajaan Negeri, macam-macam masalah. Dan saya rasa penyelesaian untuk masalah ini sudahpun dimasukkan di dalam buku Harapan, iaitu dalam manifesto kita, Pakatan Harapan telah berjanji untuk rumah-rumah *flat* kos rendah dan sederhana rendah, Kerajaan Persekutuan akan ambil di bawah KPKT dan akan selesaikan masalah secara berperingkat dan kebetulan Pantai Jerejak juga merupakan menteri dalam Kabinet, so saya minta pertolongan sebab saya pun ada kawasan, *I mean*

bangunan strata, bangunan strata dan juga semua di sini mempunyai. Saya minta Pantai Jerejak juga membawa perkara ini dan kita boleh berbincang dan boleh minta Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan apa yang kita janjikan dalam manifesto. Itu permintaan dan pandangan saya, terima kasih YB.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifudin Nasution bin Ismail):

Terima kasih. Dato' Yang di-Pertua, saya hargai pandangan itu, saya *guided by* panduan yang diberi oleh Speaker sebelum sidang supaya ini tidak dijadikan Parlimen ataupun perbincangan PBT. Jadi saya *guided* betul-betul perkara itu, jadi saya tidak lajak, *I am aware of it* saya baca peruntukan-peruntukan yang berkaitan dan sebagainya. Sebab itu saya cuma angkat isunya adalah masalah itu benar-benar berlaku, ketidakcukupan dana itu *real*, kemudian fungsi JMB dan JMC yang perlu diperkemaskan dan ada peranan di situ melalui KPKT oleh COB dan sudah tentu bila saya menyampaikan panduan-panduan itu kerana ianya hasil daripada *engagement* saya...(dengan izin), dengan penghuni-penghuni yang merasakan itu adalah urutan permasalahan nombor satu yang mereka minta untuk saya bangkitkan dan suarakan. Jadi saya sampaikan itu sementara saya berlapang dada dan bersedia untuk berbincang dengan sahabat saya untuk kita memperhalusi lagi terma-terma yang berkaitan dengan komitmen, janji dan manifesto.

Dato' Yang di-Pertua, infra ini saya ucapkan terima kasih bagi pihak Pantai Jerejak kerana sebelumnya hujan dua jam, tiga jam memang akan mendatangkan banjir, walau pun air itu tak bertakung lama atau mengalir tapi menyusahkan kerana penempatannya padat. Jadi saya hargai kos RM20 juta untuk Projek Tebatan Banjir Bayan Baru yang telah diluluskan dan sedang berjalan. Tinjauan saya mendapati kelewatan pun berlaku sekitar 3%, masih boleh diterima, telah bermula pada Oktober tahun lepas dan dijangka siap pada Oktober 2020. Dan ini akan memberikan kelegaan kepada sebahagian besar daripada pengundi saya terutama di Jalan Mahsuri, Persiaran Mahsuri, Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Mayang Sari, Jalan Tengah, Jalan Datuk Ismail Hashim yang melibatkan banyak komponen pembinaan, rumah pam automatik, pembinaan longkang baru sepanjang 1,250 meter dari Sungai Relau ke Sungai Keluang, ada Sungai Keluang di sini, bukan di Johor, di sini Sungai Keluang, menambah baik longkang, membina *box culvert checking* saya tengok, saya bincang dengan jurutera dan sekarang ini mengikut jadual. Namun ada satu kerisauan saya, kalau nantinya kawasan yang terlibat itu melibatkan beberapa kemudahan *utilities*, selalunya kat sini yang tersangkut, selalunya kat sinilah yang tersangkut. Syarikat-syarikat *utilities* ini ada proses dia, kalau nanti dah dibuka jalan, ada kabel telekom kah, ada paip PBA, jadi yang ini saya mohon sangat untuk diberikan perhatian sementara Ahli-ahli Majlis di kawasan saya mengikut dengan dekat kalau tajuk ini diangkat di peringkat mesyuarat *Local Government*. Namun saya juga mengangkat perkara ini kerana kita boleh menjangkakan pengalaman projek-projek seumpaman ini kalau pada lokasi-lokasi tertentu, jajaran tertentu, wujud keadaan ini, dia akan melengahkan atau melambatkan.

Hal ini Tuan Yang di-Pertua, membawa saya kepada satu lagi projek di kawasan saya yang sedang berjalan, bahkan dah jalan lama sebelum daripada ini iaitu projek rangkaian paip pembedungan dan projek loji rawatan kumbahan Bayan Baru. Yang ini barangkali untuk perhatian JKR, EXCO JKR kita. Dia dah mula Mei 2016, kosnya RM400 juta. Jangka siap sebenarnya bermula Mei 2016 itu ialah Januari 2018 itu jangka siap. Sekarang sudah April, nak habis dah April, hari ini *last day* April 2019. Syarikat ini kontraktornya dah minta penanguhan, dah dapat dah, sambung sehingga Oktober 2018, Oktober pun berlalu, permohonan *extension* yang terbaru ialah Januari 2020. Jadi, ini bila siap nanti untuk manfaat 65,000 penduduk, sistem pembedungan ini penting. Namun kelambatan ini menyebabkan kesesakan trafik yang agak teruk terutama pada masa puncak dan ini barangkali memerlukan perhatian yang lebih teliti, lebih cermat di pihak agensi kawal selia. Projek Persekutuan tetapi dibina di Negeri, sudah tentu tugas kawal selia itu ikut libat, mendapatkan *extension* berkali-kali itu bukan isyarat yang bagus terutama kerana kelewatan masa itu akan menyebabkan keadaan yang sangat tidak selesa bagi penduduk dan antara aduan yang banyak sampai ke pejabat saya, inilah keadaannya. Jadi saya harus mengangkat balik, saya telah mengadakan

perbincangan dengan kontraktor berkenaan, sudah tentu alasan-alasan teknikal dan sebagainya diberikan namun saya rasa kekurangan di situ adalah dari sudut kawal selia supaya tidak sepenuhnya kepada kita bagi *wastage*, alasan meminta *extension* itu hanya kepada kontraktor terbabit. Jadi kalau faktor kawal selia itu ada juga di pihak kita, agensi mengendali yang saya percaya barangkali JKR, itu boleh membantu mengurangkan.

Jadi Yang di-Pertua, pembangunan ini datang dengan harga dia. Sebab itu saya berpendapat kalau tak ada keseimbangan, pembangunan yang berlebihan, infra kekal lama itu menyebabkan kesulitan yang parah. Sebab itu saya ingin mengangkat syor kepada Kerajaan Negeri sama ada melalui *State Planning Committee* atau Pejabat EXCO dalam memberikan kelulusan terhadap satu-satu projek perumahan. Sama ada perumahan ataupun *mixed development* atau *high end development* atau apa-apa saja istilahnya. Formula plot ratio ini harus dicermati betul-betul kerana kalau plot ratio kita berikan tanpa mengambil kira keadaan infra sedia ada itu akan menyebabkan kehidupan masyarakat setempat itu akan ikut terjejas kerana sistem jalan raya kekal, sistem *traffic light* sama, pembetulan juga sama, yang dah berjalan pun tertanggung, jadi pembangunan plot pantas berlaku, jadi akhirnya keresahan masyarakat itu memuncak. Kalau nanti plot ratio misalnya jikalau munasabahnya satu kepada 2.5. Kalau kita lonjak daripada 1 kepada 5 dia akan meningkatkan kepadatan, *density* itu. Jadi itu akan memberikan kesan kepada kehidupan masyarakat setempat terutama bangunan baru. Di kawasan Pantai Jerejak memang tertumpu banyak bangunan baru. Ia sebenarnya di luar daripada impian masyarakat terbanyak yang punya pendapatan yang kalau B40 langsung tak mimpilah, M40 *the lower bracket* pun tak rasa tempias dia. Saya tak fikir *top 20* pun mampu untuk mencecah pula kerana ianya sangat eksklusif keadaan itu. Jadi saya lebih merasakan bahawa berdasarkan kepada aduan masyarakat dan penghuni di kawasan saya, ini antara perkara yang saya tidak sifatkan sebagai *time bomb* tapi memang wajar kita bagi perhatian mulai sekarang supaya formula itu dapat kita susun dengan lebih cermat dan lebih memberikan perhatian kepada masyarakat terbanyak.

Dato' yang di-Pertua, itu membawa kepada *point* saya yang terakhir. Saya sebenarnya ucap terima kasih banyak kepada Kerajaan Negeri, pertama, pengalaman bertugas selama hampir dua (2) tahun yang lepas membolehkan saya menterjemahkan satu program yang asalnya sangat sederhana ideanya, bermula dengan perbincangan saya dengan ADUN sahabat saya ADUN Sungai Puyu yang menjaga potfolio Kebajikan masa itu, bila melihat masih ada *pocket of poverty* di kalangan masyarakat Pulau Pinang ini. Melalui inisiatif *Food Bank* yang kita buat ini, waktu itu saya ingat saya cerita dengan Sungai Puyu, saya kata YB, sebenarnya *Food Bank* ini pernah dibuat zaman Khalifah Umar Al-Khatib, saya pernah cerita dengan dia pada tahun 640 Sebelum Masihi, ketika itu kemarau panjang melanda Madinah, padang ragut tak ada yang hijau, binatang ternakan pun kurus, manusia pun tak cukup makan. Khalifah Umar kemudian meminta supaya kawasan yang tidak terkena kemarau dari Syria, dari Mesir waktu itu supaya didatangkan bantuan segera melalui unta dan segala macam. Dan kemudian dibuat satu khemah untuk memasak makanan, itu namanya *central kitchen*. Kemudian bijirin yang dimasak diagihkan *door to door* oleh khalifah dan kerana apa kena bencana. Kita tidak ada bencana tetapi masih ada *pocket of poverty*, masih ada yang kita tertinggal. Kita sebahagian besar di sini, *Alhamdulillah*, soal makan tengahari tadi enak, makan malam malam ni pun *InsyaAllah* tak *miss*, kelebihannya adalah bila makan perut lebih ke depan, jadi tak sihat. Tapi masih ada dalam pengalaman saya bertugas sekejap di Pulau Pinang ada lagi yang masih memerlukan dokongan kita. Jadi bila kita gerakkan ini tak pernah terfikir oleh kita ianya akan menerima sambutan yang sangat-sangat baik.

Hari ini, *Alhamdulillah*, model Pulau Pinang itu sokongan Kerajaan Negeri melalui peruntukan dana, saya terima waktu itu RM600 juta, kemudahan Kompleks Penyayang yang dekat dengan tempat kita untuk kita buat *central kitchen* dan pejabat operasi, persatuan-persatuan tuan punya hotel di Pulau Pinang, persatuan tukang masak Pulau Pinang, sejumlah sukarelawan daripada Jawatankuasa Masjid, JKKK untuk kita rekrut sebagai sukarelawan, kumpulan penerima yang kita sampai pintu ke pintu, kumpulan penyumbang yang terus meningkat. Hari ini dia menjadi satu *model* di peringkat Kebangsaan. Semuanya bermula di

Pulau Pinang, semuanya bermula di Pulau Pinang sehingga membawa kepada *Insyallah*, kalau tak ada apa-apa halangan, pada hujung tahun ini di peringkat Parlimen untuk makluman kita akan bantah satu rang undang-undang untuk *regulate* perkara ini. Tapi *Alhamdulillah* semua negeri sekarang ini sudah kita gerakkan dan kita telah sampai ke kampus-kampus kerana ada anak-anak kita yang juga ada kesempatan duit dan tak mampu makan. Di UITM Pulau Pinang, saya baru saja turun di situ, Naib Canselornya bagi saya senarai 800 pelajar yang tergolong kalangan keluarga pendapatan rendah. Kita datangkan *food pantry* di situ dan kita berikan mereka setiap hari untuk makan, politeknik dan sebagainya. Jadi *Alhamdulillah* pengalaman ini menjadikan ianya satu *model* yang sangat baik yang telah kita pelajari daripadanya.

Dato' Yang di-Pertua, faktor politik dan kemasyarakatan juga adalah sangat penting tetapi saya akan mengulangi pandangan saya pada ucapan saya yang sulung tahun lepas. Saya melihat Pulau Pinang dengan ciri masyarakat majmuknya tapi mampu wujud sebuah kerajaan yang *functional* dan mampu memberikan perkhidmatan yang baik dan rakyat pula secara umum dan secara relatifnya memberikan sokongan yang kuat pada sesi siri-siri pilihan raya yang bersilih ganti dan ini memberikan keyakinan kepada saya bahawa dalam Islam ini yang dituntut di atas satu pemerintahan ialah memastikan keadilan tertegak. Yang miskin dibantu, yang kaya dicukai, kemudiannya tak ada pembolotan kekayaan pada satu pihak, kawal ketirisan pembaziran, itu akan memberikan rakyat rasa lega dan kalau rakyat kasihkan pemimpin, pemimpin perihatin terhadap rakyat, kita ada semua ciri-ciri untuk menjadi sebuah kerajaan yang baik. Sebab itu pada saya, perbezaan kalau ada di sana sini, ianya tidak akan sampai menggugat teras kepercayaan agama kita.

Pada kita dalam agama, hukum-hukum yang qhotoi, yang jelas, yang putus, yang tak ada khilaf di kalangan para ulama itu kita pertahankan, namun dalam aspek pemerintahan, dalam aspek politik ianya terdedah kepada tafsiran yang pelbagai. Tafsiran yang pelbagai inilah, kadang-kadang kalau tak diurus dengan baik, perbezaan politik dijadikan sebagai perbezaan akidah. Yang ini sangat bahaya, kita tak mampu untuk mengujudkan suasana itu dalam konteks masyarakat kita. Perbezaan politik tak boleh dijadikan asas untuk mengkotak katik atau membezakan, mempetak-petakkan soal pandangan, soal akidah atau mempertikaikan kepercayaan, keimanan akidah seseorang.

Yang ini Pulau Pinang ini, majmuk sifatnya lebih daripada negeri-negeri lain. Sebab itu, keadaan yang ada ini, wajib kita pertahankan bersama. Saya dengan Dato' Speaker adalah saudara sesama Islam. Saya dengan Sungai Puyu, saudara sesama insan. Saya dan Sungai Puyu ada tanggungjawab pertahankan keamanan,elihara kemakmuran, pastikan kasih sayang wujud sesama kita dan rakyat. Ya, itu tanggungjawab bersama, tanggungjawab bersama. Ya, ketika inilah Dato' Yang di-Pertua saya tutup ucapan saya ini dengan menyampaikan satu mafhum hadis Nabi SAW. Nabi Muhammad sebut, "Kesejahteraan sesebuah negara bergantung pada 4 perkara :

- (i) Pemerintah yang adil;
- (ii) Ilmu para ulama, para cendekiawan, para intelektual. Dengan ilmu itu, bukan untuk dia bangga. Tapi dengan ilmu itu, dia memberikan kesedaran kepada masyarakat;
- (iii) Orang kaya yang dermawan dan pemurah;
- (iv) Rakyat biasa yang sentiasa redha dan mendoakan".

Kalau ada empat (4) perkara ini, *Insyallah* Pulau Pinang akan menjadi bumi yang sangat baik untuk kita diami bersama. Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Pantai Jerejak. Dipersilakan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Bismillah hirrohmaa nirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat serta pegawai-pegawai kerajaan yang turut bersama pada hari ini. Terima kasih kepada Tuan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana memberi kesempatan kepada saya selaku ADUN Telok Ayer Tawar untuk membahaskan ucapan Tuan Yang Terutama Tun Negeri Pulau Pinang. Segala puji dan sanjungan hanya berhak kita panjatkan kehadiran Allah SWT, yang melimpahkan kasih sayangNya, yang maha luas hingga tidak terbatas ruang dan waktu. Selawat dan Salam kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Baginda serta keluarga mereka.

Sekali lagi saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT, kerana limpah dan kurniaNya jugalah yang masih memberi kesempatan untuk saya berdiri di sini, bagi membahaskan ucapan yang telah dibuat oleh Tuan Yang Terutama Tun pada Majlis Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-14 pada Jumaat yang lalu.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, saya amat menyambut baik dan memberi sokongan yang penuh terhadap beberapa usul yang telah dikemukakan demi sebuah pembaharuan dan reformasi terhadap sistem politik yang diamalkan dalam memastikan Pulau Pinang ini sebagai negeri yang baik dan telus dibawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, di segi sektor pelancongan negeri seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Seberang Perai akan menuju kearah sebuah Bandaraya. Maka dengan itu, saya berpendapat pengiktirafan ini seharusnya selari dengan penambahbaikan infrastruktur di kawasan setempat melalui pembangunan. Bandaraya Hijau dan Pintar seperti contoh bangunan pintar, kecekapan penggunaan semula tenaga dan peralihan kepada perantis sambungan pintar (IQT), saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri melihat pasaran ini di negara-negara Timur Tengah.

Untuk mempromosikan pelancongan bersempena Tahun Melawat Pulau Pinang menjelang tahun 2020. Melalui Tahun Melawat Pulau Pinang ini, saya bersetuju dengan ucapan yang telah dibuat oleh Tuan Yang Terutama Tun. Produk pelancongan warisan dapat dipromosikan melalui sektor pelancongan yang lain seperti Agro Pelancongan, Aqua Pelancongan dan tambahan pula Pulau Pinang ini memilih *Celebrate Asia Diversity* sebagai *tagline* program tersebut yang merangkumi aspek kebudayaan, warisan, kesenian, makanan dan alam semula jadi.

Di segi sektor pertanian dan industri asas tani, teknologi masa kini telah banyak membantu mempertingkatkan hasil pengeluaran pertanian secara khususnya. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam berperanan penting sebagai pemangkin menerusi penggunaan teknologi-teknologi terkini. Dalam penghasilan produk-produk berasaskan pertanian, saya mencadangkan Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada teknologi-teknologi terkini, yang menyokong kepada peningkatan pengeluaran industri asas tani.

Dalam memangkin industri halal global, industri halal global pada tahun 2018, telah mencatatkan nilai pasaran sebanyak USD7 trilion. Angka ini amat menggalakkan. Permintaan berterusan terhadap barangan dan perkhidmatan yang berstatuskan halal, menjanjikan peluang-peluang kepada usahawan tempatan. Pulau Pinang boleh dijadikan sebagai salah satu lokasi yang strategik dalam menjadi hub halal di rantau ASEAN. Fakta ini disokong dengan kemudahan yang dapat ditawarkan oleh Pulau Pinang buat pengusaha industri halal di sekitar utara semenanjung. Pulau Pinang memiliki kemudahan seperti pelabuhan bagi laluan laut, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau

Pinang bagi laluan udara dan laluan kereta api berkembar bagi menghubungkan Pulau Pinang dengan negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura. Mohon Kerajaan Negeri pertimbangkan pelaksanaan rancangan ini bagi mewujudkan halal hub di Pulau Pinang.

Di segi sektor perumahan awam dan mampu milik, saya ingin ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kerana telah berjaya menyediakan perumahan mampu milik sebanyak 29,294 unit rumah kategori A, B dan C bagi golongan B40 dan M40. Saya mencadangkan, jumlah rumah mampu milik ditambah bilangan pada masa hadapan untuk memberi lebih peluang kepada pemohon yang sedang menunggu giliran. Saya mohon agar Kerajaan Negeri memperincikan syarat permohonan perumahan mampu milik Kerajaan Negeri bagi mereka yang berkelayakan minima.

Dari segi projek infrastruktur awam, Tuan Timbalan Yang di-Pertua, projek infrastruktur awam merupakan satu daripada aspek penting kepada rakyat. Saya menyokong usul yang dibangkitkan oleh Tuan Yang Terutama semasa ucapan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Jumaat yang lalu.

Di segi sektor pendidikan dalam negeri pula, secara umumnya kita dapat melihat pendidikan ini merupakan salah satu cabang untuk melahirkan insan-insan berpendidikan yang bakal menjadi pemimpin masa depan. Revolusi Industri 4.0 yang diperkenalkan tahun lalu, ini dapat menjadikan batu loncatan yang terbaik untuk mengikuti peredaran masa. Kita amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dibawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Mantan Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng yang telah mewujudkan Perpustakaan Digital di Pulau Pinang sejak tahun 2016. Sehingga kini telah, sehingga kini telah terdapat dua (2) buah perpustakaan digital dengan wujudnya perpustakaan digital ini, usaha Kerajaan Negeri untuk membentuk dan memperkasakan modal insan yang berpendidikan dan berpengetahuan akan tercapai.

Dewan yang mulia, sebagai cadangan saya berharap Kerajaan Negeri dapat memperbanyakkan program-program kesedaran di sekolah-sekolah Institut Latihan Perindustrian bagi golongan-golongan muda yang berdekatan dengan revolusi ekonomi baharu. Saya berpandangan agar meneruskan pelaksanaan Projek Free Wifi di seluruh negeri Pulau Pinang ini, bertujuan untuk mengamalkan gaya hidup yang berpaksikan kepada Revolusi Industri 4.0 iaitu Ekonomi Digital.

Dewan yang mulia dan Ahli-ahli Yang Berhormat, di segi pembangunan sukan dan belia. Pembangunan sukan dan belia seharusnya berpaksikan kepada lima (5) faktor utama iaitu kesihatan, perpaduan, komuniti, bakat sukan dan eksklusif. Bukan hanya sekadar mengfokuskan kepada amalan gaya hidup sihat, tetapi bagaimana kita menjadi sumber inspirasi kepada orang lain turut bersama-sama mengamalkan gaya hidup sihat melalui penganjuran aktiviti yang berasaskan *komuniti* seperti menubuhkan kelab-kelab sukan atau menjadikan sebarang program yang telah disediakan agar amalan kecergasan ini dapat diteruskan dengan lebih konsisten.

Saya ingin memaklumkan disini pada tahun ini, iaitu pada awal tahun DUN Telok Ayer Tawar telah mencatatkan ataupun telah memberi kebanggaan bagi DUN Telok Ayer Tawar di mana dua (2) orang pelajar di DUN Telok Ayer Tawar telah menjadi juara Muay Thai Dunia, bukan Malaysia. (*Ahli Dewan menepuk meja*). Dunia, iaitu dua (2) adik beradik sekaligus menjadi Juara Muay Thai Dunia dan juga Naib Juara yang diadakan di Bangkok dan diwakili oleh 60 buah negara. Jadi saya ingin maklumkan, saya difahamkan bahawa tidak ada insentif daripada Kerajaan Pulau Pinang untuk kedua-dua adik beradik ini, dan saya juga ingin meminta supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang ataupun memberi keistimewaan kepada dua (2) beradik ini untuk kita kekalkan kejuaraan ini ataupun juara ini di peringkat dunia ini pada masa-masa yang akan datang.

Di samping itu juga, Telok Ayer Tawar telah mencatatkan Juara Kumpulan Silat Peringkat Negeri Pulau Pinang iaitu di mana mereka inilah yang akan mewakili negeri Pulau Pinang untuk Sukan SUKMA yang akan diadakan di Negeri Sembilan pada akhir tahun ini.

Jadi di samping itu juga, saya juga ingin memohon kepada kementerian ataupun EXCO Belia dan Sukan, untuk menyediakan trek jogging dan juga trek *cycling*. Ini bermakna kita nak wujudkan trek jogging dan juga *cycling* di Taman Robina, sebab kita nak menaikkan taraf Taman Robina itu menjadi tempat ataupun kawasan sukan setempat. **Kita juga menyediakan pentas zumba, gelangang net ball, gelangang futsal, gelangang sepak takraw. Jadi kita nak jadikan Pantai Robina sebagai pusat sukan setempat.**

Jadi inisiatif ini perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri terutamanya EXCO Belia dan Sukan, bagi menyelenggarakan semula gymnasium rakyat yang terdapat di kawasan ini berikutan peralatan yang sedia ada sudah pun uzur. Jadi kita mohon kepada Kerajaan Negeri sebab kita baru ambil alih kawasan ini daripada pemerintahan yang terdahulu, dalam tempoh tiga (3) bulan yang lepas. Dan baru-baru ini, kita telah mengadakan Program Telok Ayer Tawar Sihat dan *Alhamdulillah*, lebih daripada 1,000 orang yang hadir dan terlibat dalam sukan-sukan yang kita sediakan.

Jadi kita harap dengan adanya peralatan yang baru ini, yang sudah uzur ini, kita perlukan satu peralatan yang baru untuk kita jadikan sebagai gym rakyat dan kita akan bagi kepada masyarakat di sekitar DUN Telok Ayer Tawar dan juga di sekitar Seberang Perai, untuk digunakan dengan secara yang percuma tanpa *charged*.

Pihak kerajaan juga harus memberi insentif kepada orang ramai dengan terbinyanya sukan setempat ini. Kita akan memberi insentif dengan tidak mengenakan sebarang bayaran perkhidmatan melalui kemudahan sukan yang kita sediakan ini. Di samping itu juga, dalam usaha kita dalam memperkasakan golongan belia. Tidak dinafikan bahawa golongan belia ini merupakan salah satu aset yang menjadi tulang belakang Kerajaan Negeri. Sebagai contoh yang boleh diambil melalui pendekatan yang digunakan oleh penggerak komuniti muda Pulau Pinang ataupun PEKA yang menjalankan aktiviti mendekati masyarakat tanpa mengira latar belakang. Sebagai contoh yang boleh diambil di mana peringkat ini dikelolai oleh golongan muda yang berusia bawah pada 35 tahun.

Free market adalah hasil daripada kutipan amal seperti pakaian, barangan, mainan bagi kanak-kanak, buku dan sebagainya yang telah digunakan untuk disalurkan kepada golongan yang tidak memerlukan. Seterusnya PEKA telah menjalankan program *stop the methness* satu kempen kesedaran mengenai bahayanya pengambilan dadah yang bercorak santai dengan melibatkan perkumpulan kenderaan bermotor dalam menjalankan kempen kesedaran. Penggerak Komuniti Muda telah memberi ruang dan memberi *platform* terutamanya golongan anak muda negeri Pulau Pinang turut bersama-sama menyertai program-program yang berkaitan dengan masyarakat.

Dari segi Pembangunan Wanita dan Keluarga, saya menyokong penuh penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di bawah MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga. Tahniah kepada Yang Berhormat Padang Lalang kerana telah menjayakan penubuhan ini. Sejak penubuhan JPWK kita telah banyak aktiviti-aktiviti yang dijalankan bagi pembangunan negara untuk mencapai kesesakmaan gender. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat membangunkan potensi dan mendaya usahakan golongan wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dan semua sektor sebagai agen perubahan kepada masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara. Saya juga berharap Kerajaan Negeri dapat menyediakan persekitaran yang kondusif, termasuk penggubalan dasar dan perundangan mesra wanita, bagi meningkatkan martabat dan kesejahteraan hidup wanita dalam semua aspek termasuk fizikal, ekonomi, sosial, politik, kesihatan, psikologi dan kerohanian. Bagi memastikan pandangan dan suara wanita diterima pakai dalam proses membuat keputusan di semua peringkat dan memberi peluang sama rata dengan kaum lelaki.

Dalam usaha memperkasakan Hal Ehwal Agama Islam di mana Islam merupakan agama rasmi bagi Persekutuan, bagi memperlihatkan komitmen Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sumber kewangan kepada setiap masjid dan surau sebagai pusat beribadah dan pusat pembangunan ummah. Untuk itu, kita seharusnya mengimarahkan masjid dengan menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan modal insan untuk mendekatkan golongan-golongan muda dengan institusi-institusi masjid. Konsep “Rahmatan Lil Alamin” telah dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran melalui ayat 107, surah Al-Anbiya’ yang bermaksud “*Tidaklah kami mengutuskan kamu wahai Muhammad, melainkan sebagai rahmat kepada sekalian alam*”. Seperti yang dibincangkan oleh ulama bermaksud sifat kasih sayang yang ada pada diri seseorang akan menghindarkannya daripada menganiaya atau menzalimi orang lain. Konsep ini harus ditafsirkan secara hikmah.

Sebagai kesimpulan, setelah hampir setahun pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan telah banyak perubahan yang telah, sedang dan akan dilakukan bagi membina semula negara. Saya percaya manifesto pilihan raya Pakatan Harapan akan menjadi satu (1) kejayaan dengan sokongan dan kerjasama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya bagi negeri Pulau Pinang untuk sama-sama kita “Menggapai Impian, Menjana Harapan”.

Tuan Yang di-Pertua saya menyokong penuh ucapan Tuan Yang Terutama dan saya akhiri perbahasan saya dengan *Assalammualaikum W.B.T.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, Yang Berhormat Telok Ayer Tawar. Dipersilakan Yang Berhormat Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Terima kasih, Timbalan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan bagi ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama TUN di Dewan yang mulia ini.

Perkara yang pertama yang saya ingin saya sentuhkan adalah pembangunan pusat pentadbiran kerajaan yang baharu. Saya mengalu-alukan dengan cadangan T.Y.T. dengan pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan yang baharu. Selain daripada isu keselamatan dan juga keperluan ruang kerja di bangunan KOMTAR. Bangunan KOMTAR juga tidak memenuhi kriteria untuk menjadikan kerajaan hijau yang merupakan hasrat Kerajaan Negeri yang selaras dengan Visi Penang2030. Menurut laporan *feasibility study*...(dengan izinnya) daripada Penang Green Council, *Overall Thermal Transfer Value (OTTV)* KOMTAR adalah 63.92 W/m² (watts per square meter) berbanding dengan Malaysian Standard 1525:2014 – *Code Of Practice on Energy Efficiency And Use Of Renewable Energy For Non-Residential Buildings* iaitu kawasan yang berhawa dingin dan keluasan melebihi 4,000 m² (Square Meters) tidak harus melebihi 50W/m². Pengiraan awal Building Energy Intensity (BEI) di KOMTAR adalah 188.23kWh/yr/m² (*kilowatt-hour per square meter per year*), iaitu jauh lebih tinggi dari *benchmark* BEI yang mana tidak tinggi daripada 150kWh/yr/m².

Walaupun tapak tebus guna akan dimiliki Kerajaan Negeri adalah lokasi yang strategik untuk pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Bangunan Dewan Undangan Negeri, tetapi saya memohon untuk mempertimbangkan agar pembangunan ini ditubuhkan di kawasan Seberang Perai untuk dijadikan pembangunan yang lebih seimbang di bahagian Pulau dan juga bahagian Seberang. Dengan pembangunan kompleks bangunan kerajaan ke tempat baharu, saya mencadangkan perancangan yang sempurna untuk kawasan tersebut dirancang dengan pelan sekurang-kurangnya dalam jangka masa 30 tahun ataupun 50 tahun jika boleh. Contohnya seperti pelan mengadakan MRT atau kapasiti ruang untuk *kabel* dan landasan dirancang terlebih dahulu, bagi mengelakkan masalah seperti selepas sepuluh tahun pembinaan dan MRT tidak yang MRT akan dibina tetapi tidak cukup ruang. Pembangunan kompleks bangunan kerajaan berkemungkinan besar akan dibangunkan sebagai bandar setelit yang akan menarik pembangunan seperti *shopping mall* dan kediaman

di sekeliling. Jika infrastruktur atau kemudahan asas (dengan izinnya)...*future plan* tidak dilakukan, masalah seperti susah untuk mencari ruang akan berlaku selepas pembangunan yang pesat di kawasan tersebut.

Timbalan Speaker, isu yang kedua yang saya akan bawa di sini adalah isu mengenai dengan warga asing yang hangat dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Kebanjiran warga asing dalam negeri khususnya di kawasan pekan Bukit Mertajam yang semakin serius membimbangkan masyarakat setempat. Kalau para YB. di sini boleh luang masa melawat Pekan Bukit Mertajam semasa hari Sabtu, Ahad atau hari cuti, anda seolah-olahnya berada di suatu tempat luar negara. Betul, Sungai Acheh memang ada selalu pergi Bukit Mertajam. Tempat yang seperti di mana? Di suatu mini Asia Tenggara di negara Myanmar atau Indonesia dan penuh dengan warga asing terutamanya di kawasan Bukit Mertajam daripada Summit Bukit Mertajam sampai ke Jalan Aston dan Jalan Besar. Hal ini semakin berleluasa, sehingga warga asing berniaga menjual baju di tepi jalan semasa hari cuti.

Saya menghormati hak asasi manusia termasuk hak asasi warga asing. Mereka yang memegang permit kerja di Malaysia adalah berhak berada di mana-mana termasuk pergi ke *shopping mall*. Tetapi masalahnya di sini adalah warga asing yang membanjiri kawasan Bukit Mertajam selalu menjadi satu (1) topik yang dikhuatiri oleh orang tempatan. Antara masalah yang mereka selalu dibincangkan adalah budaya kebersihan mereka adalah rendah. Membuang sampah sarap dengan sesuka hati, mencipta pencemaran bunyi dan tidak mematuhi peraturan jalan raya. Perkara ini juga selalu, perkara ini juga disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Dua di dalam ucapan beliau.

Saya difahamkan juga warga asing yang berniaga di sini ada yang berkongsi perniagaan bersama dengan pasangan mereka selepas kahwin dengan warga tempatan. Ini bukan menjadi satu (1) masalah bagi saya kerana selepas berkahwin mereka merupakan sekeluarga dan kita harus benarkan mereka mencari rezeki. Tetapi yang masalah di sini adalah orang tempatan yang menyewa lesen mereka kepada warga asing secara haram. Maksudnya warga asing bayar untuk mendapatkan lesen daripada warga tempatan supaya menjalankan perniagaan mereka secara tidak dibenarkanlah. Merekalah menjadi golongan peniaga yang tidak bayar cukai kepada kerajaan disebabkan mereka bukan pemegang lesen dan mencipta masalah sosial dan masalah sampah kepada masyarakat kita. Sampai ada yang mengatakan, mengkritik kenapa kerajaan mengambil tindakan atas penjaja yang tanpa lesen tetapi melepaskan peniaga warga asing yang tak ada lesen.

Timbalan Speaker, saya amat gembira masalah ini telah dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan ini menunjukkan Yang Berhormat di sini dalam jawatankuasa itu amat prihatin mengenai masalah warga asing tetapi dalam muka surat ketiga belas di Risalah Bilangan 6 yang ada di tangan saya menunjukkan pada tahun 2018 tindakan penguatkuasa rampasan barangan peniaga di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 Undang-undang Kecil Penjaja MPSP 1991, jumlah operasi pemeriksaan pada tahun lepas hanya 56 sahaja dan jumlah premis yang telah diperiksa adalah 182 dengan di bahagi dalam satu (1) tahun bermaksudnya hanya satu (1) premis diperiksa dalam dua (2) hari dan jumlah kompaun yang dikeluarkan adalah 137, pembatalan lesen adalah lima (5) dan tiada tindakan mahkamah diambil.

Saya rasa kalau katakan kawasan Seberang Perai ini begitu besar dengan tindakan operasi yang telah diambil adalah kecil sangat. Dahulu memang susah ada kesusahan bagi Kerajaan Negeri untuk menjalankan operasi bersama dengan jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan tetapi selepas 9 Mei 2018 semua kedua-dua pihak kita adalah di bawah satu (1) payung. Dengan ini saya dengan besar hati nampak MPSP telah menubuhkan satu (1) pasukan kerja penyelesaian masalah kedai warga asing di seluruh Seberang Perai pada 8 Januari 2019 menurut risalah yang saya terima. Walau bagaimanapun saya mencadangkan usaha ini bukan terhad kepada kedai sahaja tetapi termasuk dengan rumah kediaman.

Timbalan Speaker, kehidupan manusia tidak boleh lari daripada pakaian, makanan, kediaman dan perjalanan. Warga asing yang bekerja di sini tentu mereka perlukan tempat

untuk tinggal dan ini juga sering menjadi masalah kepada penduduk tempatan yang berkongsi satu (1) kawasan kediaman bersama dengan warga asing. Saya mencadangkan pasukan *one stop* untuk memeriksa tempat kediaman warga asing ditubuhkan dan pasukan ini harus diketuai oleh pihak Majlis dan agensi-agensi berkaitan. Dan satu (1) fi pengurusan perkhidmatan kediaman warga asing boleh dipertimbangkan kepada unit atau rumah yang disewa kepada warga asing yang memegang pas kerja. Rumah kediaman yang dijadikan asrama pekerja warga asing selalunya kapasitinya lebih daripada biasa. Atas, Yang Berhormat Sungai Dua kata ada 30, saya tidak pasti tetapi saya selalu apa yang kita tau adalah 20 lebih sehingga 30. Tapi kapasiti biasa untuk satu (1) keluarga biasa adalah enam (6) bagi satu (1) unit pangsapuri. Atas latar belakang yang berlainan, tempat kediaman yang selalu yang kalau dihuni oleh warga asing yang ramai menjadi satu beban kepada Majlis sebab memerlukan usaha yang lebih banyak. Misalnya katakan satu (1) unit rumah yang biasanya dihuni oleh enam (6) orang tetapi oleh warga asing adalah 20 hingga 30 orang. Menjadi satu, dia sudah mengakibatkan satu (1) kos sosial. Kos sosial itu seperti sampah domestik, kekotoran, pencemaran dan sampai penggunaan air. Dan semua beban ini ditanggung oleh siapa? Pihak Majlis perlu mengutip lebih sampah domestik. Ini menjadi satu beban kepada mereka dan tidak adil kepada penduduk tempatan sebab sumber perkhidmatan daripada Majlis telah dibahagikan kepada penduduk warga asing yang melebihi kapasiti biasa di satu (1) rumah. Cukai pintu yang dikutip setiap rumah adalah sama walaupun rumah tersebut dihuni oleh enam (6) orang atau 30 orang. Bila hendak mengambil kerja, pekerja warga asing, majikan membuat bayaran berkaitan kepada Kerajaan Persekutuan. Maksud Kerajaan Persekutuan sudah mendapat yuran tertentu. Tetapi semasa majikan mendapat pekerja warga asing, majikan itu mendapat manfaat supaya untuk mempertingkatkan produktiviti mereka. Dan semasa rumah disewa menjadi asrama kepada warga asing, pemilik rumah itu pula mendapatkan sewa tetapi kos sosial ditambah. Semasa kos sosial ditambah, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri yang menanggungnya. Jadi itu adalah tidak adil...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan sikit. Terima kasih kepada Berapit dan juga terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua. Cuma saya nak menyentuh tentang isu pekerja asing, saya nak kepastian dan juga jawapan daripada Berapit. Adakah Berapit setuju supaya satu tindakan yang lebih tegas di peringkat Kerajaan Negeri, di peringkat PBT berkaitan dengan rumah-rumah kawasan perumahan awam, rumah tempatan yang dijadikan asrama ataupun tempat pekerja asing duduk. Satu (1) kawasan rumah tu ada 100 biji, 100 buah, 30 dibuat asrama. Dalam kawasan perumahan yang sama. Adakah setuju kalau kita adakan satu (1) syarat yang khusus untuk ini supaya sekiranya nak buat asrama, mesti ada satu (1) kawasan yang, yang berpagar, yang dijaga khas dan sebagainya. Dan tak boleh diisi sampai 30 orang. Ini merupakan satu (1) perkara yang melanggar syarat dari segi asrama pekerja. Adakah Berapit bersetuju?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Sungai Dua, soalan Sungai Dua akan diadakan dalam teks ucapan saya nanti. Saya, tapi yang saya katakan, kalau katakan asrama Kerajaan Negeri memang sudah adakan satu (1) asrama untuk warga asing dan kalau tidak silap telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kita di Batu Kawan. Tetapi padalalnya kita tidak boleh adakan asrama sepenuhnya untuk warga asing. Jadi saya, cadangan saya adalah fi pengurusan perkhidmatan kediaman warga asing diadakan supaya tempat-tempat yang bukan asrama rasmi bagi warga asing tapi satu (1) tempat kediaman yang berkongsi dengan warga tempatan, fi itu diperkenalkan supaya kos sosial itu boleh dibahagikan kepada orang yang membuat manfaat atas sewaan itu. Saya tidak menafikan dengan sumbangan warga asing di Malaysia atas sumbangan mereka kepada pembangunan masyarakat. Ini sudah menjadi satu (1) fakta warga asing adalah penting bagi banyak sektor.

Dan memandangkan pengurusan warga asing bukan di bawah Kerajaan Negeri, kita tidak boleh, yang seperti yang tadi saya katakan tidak boleh bekalkan 100% asrama yang khas kepada mereka. Tapi bolehlah Kerajaan Negeri mengurus satu (1) tempat kediaman, supaya mengurus tempat kediaman supaya dapat menjadi, membawa komuniti kita yang lebih selesa dan tidak menyusahkan komuniti tempatan yang menghuni dengan warga asing di tempat yang sama. Fi pengurusan perkhidmatan kediaman warga asing ini tidak harus dipekenakan, dikenakan kepada warga asing yang memegang permit pelajar atau pasangan suami isteri yang berkahwin dengan warga tempatan dan juga kepada golongan pelabur yang melabur di sini. Tetapi kepada orang yang golongan memegang pas permit kerja sahaja...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih rakan saya daripada Berapit. Sememangnya saya bersetujulah dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Berapit tadi berkenaan dengan satu (1) fi pengurusan khas yang dikenakan ke atas unit-unit khususnya kediaman, saya percaya yang telah digunakan sebagai asrama pekerja. Namun kekuatiran saya sebenarnya adalah begini, sekiranya Kerajaan Negeri mengenakan satu fi, adakah ini bermaksud sama ada kita telah mengiktirafkan asrama tersebut dengan fi yang dikenakan tersebut ataupun sepatutnya kita perlu mengkaji isu ini secara lebih holistik sebab sememangnya Kerajaan Negeri telah memperkenalkan garis panduan untuk asrama pekerja dan di mana di negeri Pulau Pinang ini kita telah menyaksikan asrama yang pertama telah pun disiapkan. Cumanya saya rasa perkara ini mungkin kita perlu kaji lebih dengan holistik. Mungkin kita perlu melibatkan Kerajaan Persekutuan untuk menetapkan undang-undang yang perlu memastikan semua pekerja asing yang bekerja di negara kita perlu menetap di asrama sebagai satu ketetapan. Yang itu saya rasa sekiranya undang-undang ini dapat diperkuatkuasakan seperti mana yang diamalkan di Singapura, saya yakin banyak masalah sosial yang kita hadapi sekarang boleh diatasi.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Terima kasih kepada Pengkalan Kota. Saya setuju dengan satu kajian holistik, satu kajian penuh yang harus dilakukan sebelum fi tertentu diperkenalkan dan dijalankan. Tapi saya atas cadangan saya fi pengurusan perkhidmatan itu, dia seperti cadangan oleh Pengkalan Kota katakan Singapura. Kalau orang Malaysia pergi *Singapore* bekerja, kita juga merupakan adalah pekerja asing. Tapi adakah semua pekerja asing akan ditetapkan di dalam asrama? Sebenarnya tidak. Pekerja asing, warga asing yang akan ditetapkan di dalam satu (1) tempat yang tertentu merupakan mereka yang kerja mungkin dalam kilang atau *construction area* dengan satu (1) tapak pembinaan tapi juga macam mana dengan warga asing, pekerja warga asing yang kerja sebagai pembantu restoran dan tempat-tempat tertentu. Itulah mereka ada di merata-rata tempat. Ada yang berada di bandar dan juga *of course* luar bandar. Dengan ini kita tidak mungkin dengan sepenuh dengan 100% untuk menetapkan mereka di satu (1) tempat khas. Dengan ini satu (1) fi pengurusan diadakan supaya kita tidak menafikan hak asasi warga asing ini yang memegang permit mereka yang kerja di sini. Tetapi kita menghormati mereka dengan mengurus, dengan mendapatkan fi itu daripada orang yang menyewa tempat itu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Maksud Berapit, fi ini fi untuk dikenakan ke atas pekerja itu kepada Kerajaan Negeri ataupun fi itu.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Fi itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Fi untuk asrama atau untuk tinggal di rumah yang ada taman perumahan?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Fi itu diperkenalkan kepada tuan rumah yang menyewa rumah kepada warga asing. Sebab mereka merupakan golongan yang mendapatkan manfaat atas rumah mereka disewa. Tetapi orang-orang yang tinggal di tempat itu lebih kapasiti. Jadi kos ini mengakibatkan satu (1) kos sosial yang, yang ditanggung oleh MBPP atau MPSP.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Cuma saya tak setuju, bukan tak setuju. Kalau kita kenakan fi macam tu, kita macam terus mengalakkan rumah itu dijadikan tempat untuk pekerja. Kalau boleh saya setuju macam Pengkalan Kota, ditimbang, dipertimbangkan supaya satu kaedah, satu (1) fi yang lain dikenakan bukan untuk, khusus untuk rumah tu. Kalau dia buat untuk rumah makna kita macam mengalakkan rumah taman jadi asrama pekerja. Kita tak mau. Kalau boleh kita tak mau ada kawasan taman yang dijadikan asrama untuk pekerja. Ada kaedah lain perlu dibincang dengan lebih holistik tentang isu ini. Supaya selesai masalah masyarakat di kawasan taman.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Saya balik kepada matlamat, saya balik kepada apa yang saya sebutkan. Saya tidak menafikan hak asasi warga asing dan kita tidak ada undang-undang untuk menghadkan orang yang memegang permit sah untuk tinggal di Malaysia kecuali mereka yang lebih kapasiti atau mengakibatkan satu (1) kacau gangguan iaitu kita boleh ambil tindakan sahaja. Jadi apa yang disebut oleh Sungai Dua tempat kediaman orang tempatan tidak dibenarkan dihuni oleh warga asing iaitu saya tidak boleh setuju dengan 100% dan saya tidak boleh setuju sebab ini sudah melanggar kita menghormati hak asasi orang sama ada dia daripada negara yang mungkin budaya lebih rendah atau lebih tinggi. Kalau *standard* itu dikeluarkan bermaksudnya semua warga asing yang datang ke Malaysia tidak boleh berhuni bersama dengan orang tempatan. Kita tidak, kita tidak mengalakkan satu polisi dengan dua *standard*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Ia boleh kalau pekerja itu sendiri pergi sewa. Okey itu lain. Ini adalah satu syarikat yang uruskan sewa rumah tu. Dia dapat untung daripada bisnes ni. Syarikat tu bekalkan pekerja kepada syarikat Sony contohnya. Dia yang uruskan 15 buah rumah, dia sewa, duduk 30 orang satu (1) rumah, dia ambil RM100 untuk satu orang satu rumah 30 orang, potong daripada gaji pekerja, dia dah dapat RM3,000 sebulan. Dia sewa rumah mungkin RM1,000. Dia dah untung. Itu yang kita tak mau.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Yang itu kalau apa yang saya sebutkan di sini tidak ada had kepada syarikat atau *personal* atau persendirian. Jadi kalau yang katakan di sewa oleh syarikat itu kena dijawab oleh EXCO, Yang Berhormat EXCO. Jadi saya biarlah ini dijawab oleh EXCO Perumahan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Berapit dah lupa tajuk ka?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Ya, / kena nak cari balik. Dalam laporan Jawatan Kira-Kira Kerajaan ini, saya tengok dalam buku ini amat menarik sebab dia merangkumi 80% mengenai warga asing. Satu (1) topik yang sangat hangat. Dan yang, ada yang tanya tentang bagaimana warga asing boleh mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Imigresen yang bekerja di premis yang dimiliki oleh pasangannya iaitu orang tempatan. Yang ini selalu ditanya oleh penduduk di kawasan saya juga. Tetapi wakil Imigresen yang ber kata dalam jawapannya, saya rasa kena diterimalah seandainya undang-undang kita tidak berubah iaitu cinta itu buta. Kebenaran bekerja dalam premis pasangan akan diendos dalam passport. Itu sudah diadakan dalam akta kita. Memandangkan isu ini tidak boleh diselesaikan dengan satu kaedah. Jadi perlu ada satu kaedah yang lain untuk mengawal keadaan ini supaya mengelakkan daripada hilang kawalan.

Jadi apa itu yang saya katakan *fee* pengurusan itu diadakan sebab *since* kita tidak boleh selesaikan satu masalah dengan satu kaedah saja. Kita kena ada kaedah yang lain.

Bagi penyalahgunaan lesen perniagaan oleh warga tempatan dan yang tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan selain daripada tarik balik lesen daripada warga tempatan yang memajukan lesen kepada warga asing. Syarat keluar lesen yang juga harus lebih ketat bagi mengulang kali menyalahgunakan lesen perlulah dimasukkan dalam senarai hitam supaya lesen tidak dikeluarkan lagi bagi mereka yang membuat manfaat atau untung atas lesen ini.

MPSP menghadapi kekangan dalam menangani isu warga asing yang menjalankan perniagaan kerana tiada kuasa penutupan premis perniagaan. Memandangkan TNB dan PBA sekarang adalah ahli pasukan kerja penyelesaian masalah kedai warga asing. Saya mencadangkan MPSP boleh mengkaji satu cara untuk memutus supaya boleh putus boleh memotong bekalan air dan bekalan elektrik kepada mereka yang degil dan tidak mematuhi peraturan.

Timbalan Speaker, isu seterusnya saya akan sentuh tentang obor-obor dan akuakultur. Peningkatan aktiviti akuakultur boleh menyebabkan pencetusan pembiakan obor-obor di perairan dan pinggir pantai. Aktiviti akuakultur yang pesat yang melebihi *carrying capacity*... (dengan izin) di sesuatu kawasan akan membawa kesan negatif kepada persekitaran seumpama fenomena eutrofikasi iaitu pencetusan nutrient dan juga mengubahsuai sesuatu habitat.

Struktur buatan manusia seperti "*harbor*" iaitu pelantar pelancongan dan sangkar ternakan ikan menjadi tapak ideal untuk polip atau dikatakan benih obor-obor melekat dan berkembang. Kejadian ini semakin meningkat di perairan serta pinggir pantai di sekitar Pulau Pinang. Polip-polip ini membiak dalam bilangan berjuta-juta di bawah struktur buatan manusia dan akan menetas apabila keadaan optimal seperti suhu yang sesuai serta kewujudan makanan di persekitaran tersebut. Fenomena ini juga dikenali sebagai kesan *Trojan Horse*.

Pembinaan struktur buatan manusia perlu dikawal walaupun ianya dikenali sebagai *eco-engineering* kerana semua struktur buatan manusia termasuk rakit penternakan ikan di perairan pinggir berpotensi menyediakan tapak pembiakan obor-obor berbahaya. Struktur ini bersama dengan fenomena eutrofikasi merupakan gabungan ideal untuk pencetusan pembiakan obor-obor bukan sahaja di persisiran pantai Pulau Pinang tetapi ianya adalah faktor utama pencetusan pembiakan di seluruh dunia seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO Pelancongan.

Peningkatan pencetusan pembiakan obor-obor kemudiannya akan mengakibatkan kematian ikan dengan sengatan berbahaya pada insang ikan ternakan. Kejadian ini seolah-olah dalam satu kitaran yang di mana struktur buatan manusia serta penternakan ikan akan mencetuskan pembiakan obor-obor. Pencetusan pembiakan obor-obor ini seterusnya menyebabkan kematian ikan ternakan serta menjadi halangan kepada sangkar serta jaring ikan.

Saya berbangga dengan pencapaian Pulau Pinang yang menyumbang kepada sebanyak RM1.60 bilion daripada RM3 bilion daripada jumlah keseluruhan hasil akuakultur negara pada tahun 2017. Dalam ucapan belanjawan tahun 2019 oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada 9 November 2018, memandangkan negeri Pulau Pinang mempunyai potensi yang cukup besar dalam sektor akuakultur, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan untuk menjadikan industri penternakan ikan dalam sangkar sebagai salah satu daya tarikan akuapelancongan baharu negeri.

Sistem Akuakultur yang mampan atau *sustainable aquaculture* adalah penting dalam memajukan industri akuakultur terutamanya penternakan ikan dalam sangkar. Menurut kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pakar dunia, eko-sistem merupakan penternakan yang paling realistik dan kesan yang ketara dalam jangka masa yang panjang.

Penternakan ikan secara komprehensif melalui pelbagai jenis ikan yang berlainan boleh dikaji. Melalui kaedah ini ianya dapat memberikan satu ekosistem yang bagus. Sebagai contoh, penternakan udang bersama kerang, tiram dan ikan yang memakan tumbuhan supaya dapat mengimbangkan eko-sistem di dalam sangkar itu. Jenis tumbuhan yang menjaringkan rantai ekologi membawa persekitaran ekologi yang baik dan cara ini telah dibuktikan berkesan di sesetengah kawasan seperti di kawasan Tianjin, Dalian dan Liaoning di Negara China.

Menukar kawasan sangkar ternakan laut selepas sesuatu tempoh juga adalah berkesan. Menurut satu kajian, nutrisi dan bahan ternakan dalam sangkar ternakan laut akan mencemarkan laut selepas penternakan di laut dalam tempoh masa yang panjang tetapi kesan negatif lebih kecil kalau aktiviti akuakultur itu berada di dalam tempoh masa yang lebih pendek. Jadi adalah penting menukar tempat untuk sangkar ternakan laut selepas beberapa tahun dan memindahkan sangkar ke tempat yang baru supaya tempat asalnya dapat dipulih atau dirawat sendiri secara semulajadi. Sebagai contoh, saya sendiri ada pengalaman sebab saya sendiri merupakan penyelam atau *diver with certificate*. Cara ini juga dibuktikan berkesan di tempat pelancongan di bawah laut, iaitu industri menyelam (*diving*) yang ada tarikan karang (*coral*), tempat pelancongan tarikan karang itu akan dibuka kepada penyelam dalam beberapa tahun dan akan ambil giliran ditukar tempat, ini sudah dibuktikan karang itu di satu tempat A, selepas ia dipulihkan ia direhatkan beberapa tahun tempat itu akan dipulih. Jadi cara ini merupakan satu ekosistem yang bagus.

Dengan air rawatan atau (dengan izin)...*water treatment* yang ekosistem mesra, negeri Pulau Pinang dapat membangunkan industri penternakan ikan yang mampan. Hal ini juga boleh dijadikan kesedaran dan pendidikan kepada rakyat terhadap perlindungan kepada laut.

Timbalan Speaker, isu terakhir yang akan saya sentuh adalah isu keluarga mesra. Mengadakan satu sudut kanak-kanak selepas masa pejabat. Selaras dengan Visi Penang2030 yang menekankan berteraskan keluarga, saya mencadangkan Kerajaan Negeri menjalankan satu dasar keluarga mesra yang bermula daripada jabatan-jabatan negeri sendiri.

Negeri Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang menubuhkan taska di KOMTAR untuk kakitangan Kerajaan Negeri yang bekerja di KOMTAR pada tahun 2013 atas usaha Yang Berhormat Padang Lalang. Dasar keluarga mesra ini boleh dilanjutkan dengan menubuhkan *children corner* atau sudut kanak-kanak untuk ibu bapa yang bekerja di hari Sabtu dan Ahad atau semasa cuti umum. Semasa mereka bertugas di program kerajaan seperti Program Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar kepada IPT (iBita), Majlis Pembayaran Sumbangan Kepada Warga Emas, Program Mesra Rakyat dan sebagainya. Ini semua adalah program yang kita kendali dan selalunya diadakan selepas waktu pejabat iaitu hari Sabtu atau Ahad.

Bila terdapat program kerajaan yang memerlukan pegawai bertugas selepas masa pejabat adalah menyusahkan mereka iaitu pegawai yang mempunyai anak kerana mereka perlu mendapatkan pembantu, biasanya ahli keluarga atau mungkin ini boleh membawa konflik mungkin kepada pasangan. Siapa yang harus menjaga anak? Sama ada isteri atau suami sebab bapa tidak boleh lari daripada tanggungjawab menjaga anak juga. Mereka merupakan satu keluarga yang *complete*. Walaupun terdapat sesetengah pihak membawa anak ke tempat kerja yang saya selalu nampak ada di KOMTAR juga selepas masa pejabat ada pegawai bawa anak mereka sebab tidak ada orang jaga anak tetapi mereka terpaksa juga bertugas di pejabat dan ini seolah-olah mereka tidak dapat fokus 100% atas kerja mereka kerana perlu menjaga anak supaya tidak mengganggu rakan sekerja yang lain.

Dengan wujudnya sudut kanak-kanak di tempat kerja atau sesuatu majlis yang memerlukan ramai pegawai bertugas, ibu bapa boleh membawa anak mereka ke tempat kerja dengan selesa. Penjaga sudut kanak-kanak tersebut boleh dilantik antara pegawai pejabat tersebut. Cuba bayangkan, jika ada 10 orang pegawai yang harus bertugas di hari Sabtu di

satu program mesra rakyat Kerajaan Negeri antaranya hanya dua (2) orang saja yang perlu jaga budak-budak yang dibawa ke tempat itu di satu sudut kanak-kanak tetapi yang lagi lapan (8) orang pegawai boleh dengan fokus seratus peratus atas kerja saya percaya dengan cara ini produktiviti pekerja kita boleh dipertingkatkan demi tidak perlu melibatkan konflik kepada keluarga tersebut.

Kaedah ini bukan sesuatu yang baru, saya difahamkan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang sudah lama menggunakan kaedah ini, kaedah sudut kanak-kanak. Setiap kali Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang menganjurkan majlis makan malam besar-besaran, anak kepada peserta di bawa ke sudut kanak-kanak dan di jaga oleh ahli-ahli persatuan tersebut.

Untuk membekalkan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih sempurna, pejabat saya dibuka pada hari Sabtu sehingga tengahari seperti ramai Yang Berhormat juga pejabat dibuka pada hari Sabtu. Antara pegawai saya ada yang sudah kahwin ada anak jadi saya menggalakkan pegawai yang mempunyai anak membawa anak mereka ke tempat kerja. Saya sendiri telah mengadakan satu tempat *children corner* di bilik mesyuarat saya. Tidak ada apa-apa perbelanjaan yang sangat mahal diperlukan untuk mengadakan *children corner* ini tetapi dengan hanya alat mainan yang sesuai dan tempat yang selamat sahaja. Dengan ini ibu atau bapa kepada budak-budak boleh kerja dengan lebih senang hati.

Untuk menubuhkan taska di semua agensi atau jabatan kerajaan adalah satu idea yang bagus, tetapi memerlukan perbelanjaan yang sangat tinggi dan tidak dapat mencapai hasrat ini dalam jangka masa yang pendek. Jadi adalah tidak susah sekiranya Kerajaan Negeri menubuhkan sudut kanak-kanak kepada pegawai yang bertugas di luar masa pejabat. Saya percaya dengan kajian yang teliti kaedah ini dapat dilaksanakan dalam jangka masa tempoh yang tidak lama lagi dan ini adalah selaras dengan Visi Penang 2030. Dengan ini saya memohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Berapit. Dipersilakan Yang Berhormat Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. *Assamualaikum* dan Salam Sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan kali ini bagi membahaskan ucapan terima kasih di atas ucapan perasmian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Ucapan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang melancarkan *booklet* Penang2030 di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Padang Kota serta barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memimpin dengan baik pentadbiran Kerajaan Negeri setelah mengambil alih jawatan daripada Yang Berhormat Air Putih. Rakan-rakan Ahli Dewan, kakitangan kerajaan, rakan-rakan media serta yang lain-lain yang menonton *live* sesi persidangan DUN Pulau Pinang kali ini.

Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan, saya tertarik dengan ucapan Tuan Yang Terutama dalam pelbagai sektor termasuk dalam sektor pertanian dan industri asas tani. Semua sedia maklum Pulau Pinang walaupun salah sebuah negeri yang kecil, antara negeri yang kecil di Malaysia tetapi hasil daripada sektor ini memberikan gambaran yang baik bagaimana sebuah negeri yang kecil boleh menghasilkan pengeluaran yang banyak kepada pengeluaran hasil negara keseluruhannya. Saya mengambil contoh dalam industri ternakan akuakultur di mana lebih daripada 50% hasil pengeluaran seluruh negara adalah disumbangkan di negeri Pulau Pinang. Ini disebabkan pengusaha memindahkan teknologi dari luar negara ke Pulau Pinang bagi memaksimumkan pengeluaran hasil ternakan mereka. Walau bagaimanapun aktiviti ternakan ini kadang-kadang mendatangkan kerugian kepada pengusaha apabila hasil ternakan mereka mati akibat daripada beberapa faktor iaitu cuaca dan juga pencemaran. Saya mengambil contoh, pengusaha sering menyalahkan pencemaran

laut terutamanya di Seberang Perai Selatan adalah berpunca daripada tapak pelupusan sampah di Pulau Burung.

Tapi Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bukan tapak pelupusan ini semata-mata yang menyumbang kepada pencemaran air, maksud saya pada fasa lama sewaktu di bawah BN ia tak ambil berat berkaitan isu pencemaran yang akan berlaku kemudian hari tetapi juga saya mendapat maklumat bahawa ada industri-industri yang tidak merawat langsung sisa buangan, mereka tidak merawat sepenuhnya sisa buangan industri termasuk juga daripada buangan najis haiwan daripada ternakan ayam dan khinzir. Tahniah juga kepada EXCO Pertanian yang lebih ke hadapan walaupun Pulau Pinang masih tidak mempunyai enakmen unggas tetapi Pulau Pinang telah mewartakan Enakmen Babi bagi pengawalan pembuangan najis khinzir terus ke dalam saluran air yang seterusnya akan mengalir ke laut. Dalam maklumat yang saya terima itu juga pembuangan sisa najis khinzir ini adalah satu faktor terbesar penyumbang kepada pencemaran sungai di SPS yang mengalir melalui muara Sungai Changkat dan muara di Batu Kawan seterusnya mengalir masuk ke laut. Dan kelmarin juga disentuh Yang Berhormat Sungai Dua yang berlaku di kawasan Kampung Selamat.

Yang Berhormat Speaker, pengawalan yang tegas perlu diambil oleh agensi penguatkuasaan bagi penguatkuasaan Enakmen Babi yang telah diwartakan, saya juga mencadangkan supaya diwujudkan *task force* bagi memantau pembuangan sisa buangan najis ternakan terutamanya khinzir ini dapat di kawal. Dalam amalan ladang yang baik ternakan khinzir ini perlu mengadakan kolam sisa rawatan najis seperti yang termaktub (dengan izin)... Malaysian Good Agricultural Practice (myGAP). Kalau dalam industri akuakultur para penternak diminta mengikut Skim Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia atau (SPLAM), dalam industri ternakan khinzir ini pula pihak Kerajaan Negeri perlu mewajibkan kolam rawatan yang dipantau dengan serius oleh pihak sama ada Pihak Berkuasa Negeri atau pihak alam sekitar serta veterinar. Kalau najis manusia mengambil masa lima (5) hari terurai 90% tetapi sedarkah kita najis khinzir ini mengambil masa 20 hari untuk terurai. Kalau najis manusia dah masuk dalam tangka najis dan diuruskan oleh IWK tetapi masalah najis khinzir ini terus dibuang dalam saluran-saliran berdekatan hingga dibawa ke muara dan terus ke laut.

Saya pernah menerima video rakaman JKKK kawasan Valdor dan kawasan Lima Kongsu pada tahun 2010 sewaktu itu saya selaku pembantu khas Yang Berhormat EXCO Pertanian. Bila saya pergi bersama MPSP, ladang ternakan tersebut ada kolam rawatan. Tapi saya tengok kawasan sekitar kolam rumputnya nak sama tinggi dengan kami pada waktu itu. Siap ada biawak sekitar kolam tersebut. Apa yang saya nak maklum di sini, kolam rawatan tersebut. Apa yang saya nak maklum di sini, kolam rawatan tersebut hanya wayang untuk mengaburi mata penguatkuasa, tapi seperti saya sebut tadi video yang dikirimkan kepada saya direkodkan oleh JKKK waktu pukul 4 pagi dihantar kepada saya, di mana dibuang terus masuk ke saluran berdekatan dengan ladang ternakan seperti yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang kelmarin, saya rasa sudah sampai masanya kerajaan menubuhkan *task force* untuk kawalan pembuangan sisa ternakan khinzir ini dan saya juga suka mencadangkan serta mengesyorkan kedua-dua PBT diwajibkan menghantar pegawai di Jabatan Kesihatan untuk menerima kursus ataupun latihan ini di Jabatan Alam Sekitar untuk cara-cara mengambil air sisa buangan ke dalam saluran supaya mereka ini lebih *competent*...(dengan izin), jika ada kes-kes yang perlu dibawa ke mahkamah sekiranya terdapat penternak-peternak khinzir yang degil yang membuang terus sisa-sisa najis khinzir ini ke dalam parit. Jangan disebabkan industri penternakan ladang membuang sisa najis yang tak dirawat ini, ianya memberi kesan pula kepada industri ternakan ikan dan para nelayan pantai. Ini adalah gambar contoh yang terbaru pada tahun 2018. Ini penduduk yang ambil sisa buangan yang terus masuk ke dalam parit.

Yang Berhormat Speaker, ada sikit lagi perkara yang ingin saya ringkaskan dalam ucapan saya ini yang berkaitan dengan maslaah nelayan pantai daripada isu pencemaran yang telah saya sentuh sebentar tadi. Isu pencerobohan pukat tunda dua (2) bot dan

penggunaan bubu naga di perairan Pulau Pinang. Saya telah menghantar surat kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan saya harap tak menangis kot baca surat tu kerana perkara yang melibatkan, ini berkaitan nelayan tradisional dan kebanyakan nelayan tradisional Pulau Pinang ini kais pagi, makan pagi. Saya juga telah menyampaikan sewaktu lawatan kerja Yang Berhormat Menteri Pertanian ke Pulau Pinang pada bulan lalu dan harap mendapat perhatian yang serius oleh Yang Berhormat Menteri untuk saya berjumpa dengan beliau.

Yang Berhormat Speaker serta Ahli Dewan yang mulia ini, saya ingin membangkitkan isu yang cukup berleluasa sekarang ini iaitu perjudian haram dan juga perjudian di dalam talian ataupun *online*. Saya telah bangkitkan ketika sesi deqan yang lalu tetapi selepas penguatkuasaan yang dibuat oleh pihak berkuasa di atas serbuan di atas premis-premis yang menjalankan judi *online* ini, saya fikir ianya sudah berakhir. Rupa-rupanya perkara ini terhenti seketika sahaja. Bahkan suka saya memetik cadangan Yang Berhormat Pulau Tikus kelmarin dalam ucapan beliau yang ingin golongan muda yang berada di luar Pulau Pinang balik untuk berbakti di negeri Pulau Pinang tetapi anak muda yang berada di Pulau Pinang yang telah ada di Pulau Pinang menabur gaji setiap bulan di dalam judi haram dan *online* ini.

Dewasa ini *trend* sindiket perjudian haram tidak lagi berselindung di kedai-kedai nombor ekor secara gelap. Tetapi, sesuai dengan perkembangan teknologi, sindiket perjudian juga beroperasi di alam maya. Hasil pemerhatian dan penyelidikan saya, kini sindiket perjudian haram secara maya terbahagi kepada dua (2) kategori. Kategori pertama, sindiket perjudian haram yang beroperasi di premis. Premis yang sama, sama ada di siber kafe atau pun premis-premis yang menawarkan perkhidmatan lain, kedai runcit, kedai *sparepart*.

Yang kedua pula, sindiket perjudian siber melalui laman sesawang yang boleh dicapai hanya dengan menggunakan telefon bimbit. Bagi aktiviti perjudian haram yang beroperasi di premis-premsi, adalah menjadi harapan saya agar pihak penguatkuasaan sentiasa memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap pelaku-pelaku kesalah tersebut. Saya sedar Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis DiRaja Malaysia dan mungkin selepas ini boleh berkongsi dengan agensi-agensi seperti Tenaga Nasional Berhad serta Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang untuk mengambil tindakan terhadap premis-premis bagi memotong bekalan air dan elektrik daripada tindakan kompaun dan seterusnya mengheret mereka ke muka pengadilan.

Namun begitu, menurut kefahaman saya, terdapat juga premis-premis perjudian haram ini diusahakan di bawah tanah TOL. Sehubungan itu, saya mengesyorkan agar Pejabat-Pejabat Daerah menarik balik lesen-lesen TOL kepada mana-mana premis yang menawarkan aktiviti perjudian haram ini. Sementara, Pihak Berkuasa Tempatan perlu menarik balik lesen mana-mana premis yang menjalankan aktiviti yang berselindung dengan aktiviti-aktiviti perjudian haram. Saya ambil contoh di kawasan Sungai Acheh. Ada satu tanah TOL itu dibuat perniagaan kononnya membeli dan juga menjual udang. Tanah TOL tapi sebenarnya dia adalah tempat untuk nak *top-up* ataupun untuk perjudian haram, perjudian *online* ini. Jadi kita harap agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri ini dapat mengambil serius tentang perkara ini.

Saya juga menyeru agar pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) lebih proaktif dalam menyekat laman-laman sesawang berunsur perjudian ini. Saya menjadi amat terkejut apabila membuat penyelidikan di internet akan hal ini. Jika taip saja judi *online* Malaysia di Google, kita akan terjumpa satu laman sesawang yang membicarakan tips-tips bagaimana untuk main slot *game online* ni. Ia kelihatan lucu tetapi laman ini sangat berbahaya khususnya kepada anak-anak muda remaja kita kerana di dalam laman sesawang tersebut diajar bagaimana untuk berjudi di alam siber. Satu lagi modus operandi sindiket perjudian haram ini adalah dengan menggunakan iklan SMS atau (dengan izin)...SMS *Blasting*. Modus operandi ini cukup berleluasa dan seiring dengan perkembangan teknologi, hampir setiap rakyat memiliki telefon selular tanpa mengira umur. Seheinggakan anak-anak di bangku sekolah yang memiliki telefon selular menerima SMS perjudian *online* ini.

Yang Berhormat Speaker, Jika pengiklanan seperti ini terus dibiarkan, saya khawatir ia akan membuka ruang untuk anak-anak kecil terjerumus dalam kancah perjudian. Lebih hebat lagi, ada sindiket perjudian ini tidak memerlukan kita untuk pergi kepada premis sebaliknya cukup sekadar mempunyai sebuah telefon selular dan akaun bank, untuk memulakan transaksi perjudian. Lebih menggusarkan saya, ada operator sindiket perjudian ini yang menawarkan perkhidmatan pinjaman wang. Tanpa kawalan dan pemantauan yang berkesan, kita sebenarnya mengheret bukan sahaja orang dewasa bahkan kanak-kanak ke kancah perjudian. Saya juga menyedari pihak Polis DiRaja Malaysia telah membuka bilik gerakan khas di setiap negeri bertujuan untuk menerima aduan daripada orang awam mengenai aktiviti perjudian yang berlaku di dalam komuniti mereka, seperti arahan Ketua Polis Negara bertarikh 20 Julai 2018. Saya menghargai usaha murni PDRM ini bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Namun begitu, saya merasakan langkah ini tidak mencukupi. Tidak cukup sekadar tindakan hanya diambil apabila ada aduan atau menggantung dan membatalkan nombor telefon semata-mata kerana operator sindiket perjudian haram ini pasti akan mendapatkan nombor telefon baharu meneruskan aktiviti terkutuk merdeka. PDRM, SKMM dan Operator Rangkaian Telefon perlu melihat kepada aspek bagaimanakah operator-operator sindiket perjudian haram ini boleh memperolehi nombor-nombor telefon orang awam untuk menyebarkan iklan judi siber mereka. Saya juga ingin membangkitkan persoalan sama ada Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu *task force* yang melibatkan agensi-agensi bertanggungjawab seperti PDRM, SKMM, Operator Rangkaian Telefon, Tenaga Nasional Berhad, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya bagi memerangi sindiket perjudian haram ini? Jika masih tiada, saya sarankan agar Kerajaan Negeri boleh menubuhkan satu *task force* banteras sindiket perjudian haram dengan melibatkan agensi-agensi yang saya sebutkan tadi.

Task force ini bukan sahaja untuk mengambil tindakan bersepadu terhadap operas sindiket perjudian haram tetapi juga akan memperhalusi tindakan-tindakan lebih proaktif yang boleh diambil untuk jangka pendek, sederhana panjang dan membanteras sindiket perjudian haram di Pulau Pinang. Saya rasa sudah sampai masanya untuk kita sebagai Ahli Dewan sama ada di sebelah Kerajaan ataupun di blok Pembangkang, bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang, meletakkan titik noktah kepada aktiviti perjudian haram di negeri yang kita sayangi ini demi kesejahteraan dan keselamatan rakyat penduduk Pulau Pinang. (*Ahli Dewan menepuk meja*).

Yang Berhormat Speaker, perkembangan industri pelancongan negeri kita ini sangat baik apatah lagi setelah mendapat pengiktirafan dari UNESCO. Sekalung tahniah kepada Kerajaan Negeri atas usaha ini namun begitu limpahan ekonomi daripada aktiviti pelancongan perlu dimanfaatkan untuk rakyat di luar bandar. Berdasarkan kepada laman sawang *Treksoft.com* dalam Laporan Trend Pelancongan 2019, antara *trend* pelancong-pelancong dunia pada tahun ini adalah pelancong-pelancong seringkali mencari pengalaman-pengalaman baharu. Operator-operator pelancongan di seluruh dunia kini menerima banyak permintaan untuk merasai pengalaman unik dari para pelancong yang mahu mencuba yang mereka tidak dapat rasai di tempat mereka. *Trend* ini semakin berkembang di kalangan generasi millennium yang mula meneroka dunia yang berkongsi kisah, pengalaman dengan rakan-rakan mereka. Saya juga ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk memberi ruang sekiranya ada pengusaha-pengusaha untuk membawa kenderaan auto ataupun dipanggil sebagai 'tut-tut' seperti negara-negara kita jiran yang lain untuk dibawa ke Pulau Pinang supaya ianya menjadi satu sumber pelancongan selain daripada beca.

Satu lagi *trend* pelancongan yang menjadi tarikan utama tahun 2019 adalah pelancongan pendidikan (dengan izin)...*educational tours* dan pengalaman setempat. Pelancongan pendidikan ini bukanlah bermaksud rakyat asing datang belajar di universiti dalam negeri tetapi lebih kepada aktiviti pelancongan yang boleh memberikan mereka peluang untuk merasai pengalaman yang tidak pernah dirasai, yang membolehkan mereka mempelajari dan berkongsi maklumat mengenai sebuah kawasan dan bagaimana untuk

memelihara dan memulihara kawasan-kawasan tersebut. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri melihat dari aspek dalam usaha kita untuk meneruskan perkembangan industri pelancongan ini agar semua demografi rakyat Pulau Pinang dapat merasai limpahan ekonomi yang terhasil daripadanya. Kerajaan Negeri disarankan untuk memperbanyakkan promosi aspek agro-pelancongan dan aqua-pelancongan. Sesuai dengan dengan Experience Penang 2020 dengan *tagline* Celebrate Asia's Diversity.

Keistimewaan negeri kita mempunyai sawah padi, sungai-sungai, ternakan sangkar, kolam-kolam ternakan bagi dimanfaatkan sebagai satu lagi pakej pelancongan ikonik untuk Pulau Pinang. Kerajaan Negeri dengan bantuan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) perlu melihat semua *homestay-homeystay* yang wujud di negeri ini agar mereka bersedia untuk menawarkan bukan sahaja pakej-pakej penginapan semata-mata bahkan juga boleh menawarkan pakej-pakej pelancongan untuk pelancong khususnya antarabangsa merasai kehidupan dan suasana di bendang. Menangkap ikan di sungai dan kolam-kolam ternakan serta sebagainya. Kerajaan Negeri boleh memilih sebuah kampung di dalam kawasan Sungai Acheh untuk dijadikan sebagai *Desa Stay* atau *Kampung Stay* di mana, Kerajaan Negeri dan MOTAC boleh menjenamakan semula kampung tersebut sebagai destinasi pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan untuk pelancong-pelancong merasai kehidupan tradisional Pulau Pinang. Selain itu, aktiviti-aktiviti sebegini juga boleh melibatkan komuniti kampung sebagai operator pelancongan. Pasti sedikit sebanyak ia boleh membantu menjana ekonomi setempat dan mampu untuk memberdayakan masyarakat kampung serta mengelakkan penghijrahan anak muda ke bandar.

Kerajaan Negeri boleh menjadikan Kampung Morton di Melaka sebagai contoh bagaimana penjenamaan semula kampung tradisi yang terletak di tengah-tengah bandar Melaka itu menjadi menarik kepada pelancong-pelancong di dalam dan juga luar negara dengan tidak meminggirkan penduduk asal di mana penduduk asal terlibat sama dalam aktiviti pelancongan di kampung tersebut.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana telah mempelopori segmen Pelancongan Perkahwinan (dengan izin)...*Wedding Tourism*. Pada hemat saya, segmen pelancongan ini mampu menarik kehadiran orang luar untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi untuk mereka melangsungkan perkahwinan dan pastinya segmen ini akan memberikan impak ekonomi yang baik kepada negeri khususnya apabila mereka membawa saudara mara dan kenalan mereka ke Pulau Pinang.

Pun begitu, saya ingin bertanya. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk meneroka lagi satu segmen dalam pelancongan iaitu Pelancongan Perfileman seperti yang saya sebutkan mengenai keistimewaan kepelbagaian etnik dan juga sejarah warisan yang ada di Pulau Pinang ini, saya yakin Pulau Pinang mampu menarik kehadiran pembuat-pembuat filem daripada tempatan dan juga antarabangsa untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi penggambaran filem dan ini juga secara tidak langsung boleh membantu mempromosikan Pulau Pinang di mata dunia. Jikalau di Johor kita dapat Pinewood Studios, mungkin Kerajaan Negeri boleh mencari atau menawarkan peluang kepada studio-studio perfileman tempatan ataupun antarabangsa, pemain industri Hollywood dan Bollywood yang mempunyai berbilion peminat di seluruh dunia untuk membuka studio mereka di sini. Bukan sahaja segmen ini boleh membantu mempromosikan Pulau Pinang malahan berupaya membuka peluang pekerjaan, perniagaan kepada anak-anak negeri ini sebagai contoh tenaga kerja produksi, pelakon-pelakon tambahan dan juga persiapan *props* dan sebagainya.

Yang Berhormat Speaker, dalam peningkatan kos yang tinggi sekarang ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah membelanjakan sejumlah hampir RM40 juta sejak 2008 sehingga Mac 2019 untuk penyediaan bas percuma buat penduduk di Negeri Pulau Pinang. Saya harap cadangan CAT bas di DUN Sungai Acheh dapat diluluskan oleh Kerajaan Pulau Pinang. Saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberikan sedikit insentif kepada pengusaha-pengusaha bas sekolah yang

berdaftar bagi meringankan beban kepada ibubapa seluruh Pulau Pinang. Kalau bas percuma ini masih lagi ada bunyi-bunyi ataupun pertikaian bahawa bas tersebut digunakan oleh kebanyakan pendatang asing yang ini yang memonopoli perkhidmatan bas ini sudah pastinya inisiatif ataupun insentif yang diberikan kepada pengusaha bas akan dinikmati oleh sepenuhnya oleh ibubapa di Negeri Pulau Pinang yang juga warganegara Malaysia.

Yang Berhormat Speaker, akhir kata saya mendoakan Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Padang Kota dapat terus memacu negeri ini demi kebaikan rakyat Pulau Pinang tidak kira warna kulit, latar belakang agama serta pembangunan sosial ekonomi yang lebih baik untuk seluruh masyarakat Pulau Pinang. Saya mengucapkan selamat menyambut hari pekerja, esok dan mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al Mubarak pada seluruh umat islam moga ibadah kali ini dapat memberikan semangat yang jitu disamping melaksanakan tanggungjawab untuk bersama-sama membangunkan Pulau Pinang. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Acheh. Dipersilakan Yang Berhormat Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, barisan EXCO, sahabat-sahabat dalam sidang DUN Negeri Pulau Pinang juga para hadirin yang dirahmati Allah sekalian. *Alhamdulillah*, saya menjunjung kasih kepada ucap utama oleh Yang Berbahagia Tuan Yang Terutama Tun yang menyentuh pelbagai aspek pembangunan ekonomi dan pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta mengingatkan juga kerangka pelebagaan negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi berkonsepkan Islam Rahmatan Lil 'Alamin dan khaira ummah. Tiada gunanya setiap pembangunan yang dicapai tetapi masyarakat hidup tanpa pegangan agama dan bertoleransi dalam kehidupan dalam pelbagai bangsa dan agama. Kejayaan sesuatu kerajaan itu tidak hanya diukur dari prasarana material semata-mata yang hebat. Pesatnya pembangunan infrastruktur tetapi yang paling penting adalah peradaban insan itu sendiri.

Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Ketua Menteri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengambil langkah segera menghantar saya dan EXCO, YB. Phee Boon Poh ke Christchurch, New Zealand tempoh hari untuk mengiringi keluarga Rahimi Ahmad, mangsa yang ditembak oleh pegganas ketika beribadah di masjid. Kami berdua diutus untuk membantu rakyat Pulau Pinang yang terlibat dalam insiden tersebut malah kami juga telah membantu dua (2) keluarga lagi rakyat Malaysia yang terlibat dalam insiden tersebut yang membuktikan Kerajaan Negeri lebih cepat dan tepat menguruskan bantuan dan bertindak ketika konflik besar ini berlaku lantas menidakkan Kerajaan Negeri, lantas menidakkan Kerajaan Negeri atau parti memerintah dari dipalitkan dengan politik perkauman dengan sentimen agama. Tahniah Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bagi pihak keluarga Rahimi, saya menyampaikan ucapan jutaan terima kasih. Maklumat terkini saudara Rahimi, *Alhamulillah* beransur pulih. Kaki kananya sudah ada deria rasa, sebelum ini dia tidak terasa apa-apa dan difahamkan akan terus menjalankan fisioterapi selama sebulan lagi di hospital di sana. Marilah kita sama-sama doakan agar beliau pulih seperti sedia kala.

Dato' Speaker, hampir genap setahun saya diamanahkan untuk memikul tanggungjawab terhadap rakyat Bayan Lepas kursusnya dan warga Pulau Pinang amnya. Dan ini adalah ruang ketiga saya menyampaikan ucapan dalam sesi perbahasan. Pelbagai isu yang telah saya utarakan sebelum ini dan perlukan perhatian serius dari Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat yang masih ada lagi yang tidak dipenuhi pada sesi DUN yang lepas yang telah saya bawakan. DUN Bayan Lepas adalah kawasan panas yang melibatkan projek besar seperti tambakan laut melibatkan dua (2) pulau dan PIL 1 yang saya yakin akan

dilaksanakan juga. Saya adalah wakil rakyat dan saya juga adalah wakil kepada Kerajaan Pulau Pinang yang sudah tentu mahukan yang terbaik untuk rakyat dan negeri.

Perancangan ini di peringkat akhir sebelum dilaksanakan. Saya mohon supaya nasihat-nasihat yang telah diberikan oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara diberikan perhatian serius dalam menentukan nasib nelayan terutama seperti nasihat nombor sepuluh iaitu yang berbunyi "Menggambil kira impak tambakan laut ini kepada komuniti setempat yang mungkin terkesan daripada cadangan pembangunan ini termasuk 805 keluarga nelayan yang berjumlah 3,140 orang dalam konteks penyediaan peluang pekerjaan baru, penempatan semula dan juga peluang ekonomi baharu".

Syor ini ataupun nasihat ini sebenarnya jika diteliti lebih besar signifikannya daripada tuntutan nelayan untuk mendapatkan pampasan dengan nilai RM ataupun peralatan menangkap ikan yang lebih moden. Adakah syor ini menandakan nelayan akan hilang punca pendapatan? Di mana FIA atau MPFN melihat ianya dengan skop yang lebih besar supaya nasib nelayan atau bekas nelayan terus dibela dan diberikan perhatian yang sewajarnya. Saya menyerahkan kepada kebijaksanaan tersebut kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dengan kepakaran-kepakaran yang ada agar pembangunan yang dirancang tiada siapa yang disisih atau yang tersisih. *Insyallah*, semuanya akan menikmati kemajuan dan keharmonian negeri.

Tuan Speaker, saya menyokong penuh Penang Transport Master Plans (PTMP). Bagi saya ianya amat perlu untuk kemudahan menyeluruh bagi Negeri Pulau Pinang. Walaupun PTMP seiring dengan PSR, namun saya lihat jajaran laluan LRT ataupun lebuh raya tidak menyambungkan Pekan Bayan Lepas, Teluk Kumbar ke Balik Pulau. Bagi saya, ianya amatlah perlu memandangkan peningkatan projek perumahan yang perlu dirancang awal jajaran tersebut apatah lagi kenaikan jumlah populasi penduduk secara besar-besaran. Sekarang pun agak teruk apabila jalan utama, sekarang pun agak teruk keadaan trafik apabila jalan utama FT 6 menghubungkan Bukit Belah ke kaki Bukit Genting seolah-olah terputus pembesarannya seperti yang seperti yang telah saya bangkitkan dalam sidang DUN sebelum ini. Ada pihak yang menentang Projek PTMP ini sama ada sebab politik ataupun kesan alam sekitar ataupun kepentingan segolongan kecil penduduk yang tinggal berhampiran dengan laluan yang dicadangkan.

Prinsip asalnya Tuan Speaker, saya menyokong, namun pertimbangan-pertimbangan dan respons daripada rakyat. Saya yakin Kerajaan Negeri tidak akan sekali-kali menafikan tanpa kajian yang mendalam daripada pelbagai agensi bagi mendapatkan penilaian *assessment* yang baik.

Tuan Speaker, menyentuh pembangunan Islam di negeri ini. Syukur, walaupun bukan PAS dan UMNO yang memerintah. Agenda yang, agenda untuk memartabatkan syiar Islam terus dilaksanakan dengan jayanya. Tanpa ada diskriminasi. Azan masih berkumandangan malah enam (6) kali sehari ianya dikumandang melebihi daripada negeri yang ditadbir oleh pihak yang mendakwanya. Saya mencadangkan agar, saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri sama ada melalui MAIPP atau sebaliknya supaya bagi memastikan pentadbiran masjid-masjid dengan lebih baik dan menghargai jasa-jasa Iman tua atau Imam lama yang telah diberhentikan atas faktor umur agar mereka ini diberikan bantuan khas bulanan. Ketika ini mereka, ketika mereka menjadi Imam, mereka ini menerima bayaran sebanyak RM850.00 sebulan daripada JAKIM. Apabila mereka ditamatkan khidmatnya, maka hilanglah bayaran tersebut yang saya kira ianya memang membantu kehidupan mereka yang menjadi Imam berpuluh-puluh tahun. Selain diberikan pingat kebesaran, surat penghargaan. Situasi kehidupan mereka juga perlu diambil berat. Saya ingin menyentuh apa yang dibangkitkan oleh Permatang Berangan. Permatang Berangan ada menyebut elaun ataupun bantuan kepada Siak, Bilal dan penggali kubur. Sebenarnya Bilal telah menerima RM324.00 sebulan dan juga siak sebanyak RM360.00 sebulan. Penggali kubur tiada lagi, kalau ada *Alhamdulillah* dan apa yang paling penting lagi saya lihat bahawa imam-imam yang telah dipencenkan perlu diberikan pembelaan.

Dato' Speaker, sektor Pendidikan Islam juga telah disantuni oleh Kerajaan Negeri yang di bawah kementerian mahupun swasta bahkan institusi pondok yang menerima bantuan saban tahun namun saya ingin menyentuh Institusi Pengajian Islam yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri bersama iaitu Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang yang terletak di Masjid Negeri. Bagi saya, ianya perlu dipertingkatkan lagi prasarananya dan juga standardnya supaya ianya menjadi institusi pendidikan yang ulung sepertimana Kolej Universiti Islam Selangor iaitu KUIS. Pihak pengurusan KITAB perlu melangkah jauh pandangan ke depan supaya dapat menaiktarafkan imej KITAB, *Insyallah* ianya akan dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Pulau Pinang. Dengan sokongan dan usaha yang gigih ianya akan berlaku, *Insyallah*.

KITAB juga telah melangkah sehingga menawarkan kursus ke peringkat ijazah sarjana muda secara berkembar dengan institusi Agama Islam Negeri Sumatera Utara iaitu Medan yang telah diakreditasi pada 29 Mac 2017. Sebagai institusi pendidikan di bawah Kerajaan Negeri bersama keelolannya, bagi saya elok benarlah KITAB ini disenaraikan sebagai salah satu IPT yang layak diberikan Bantuan Awal Pendaftaran Pengajian Tinggi iaitu iBITA kepada pelajar-pelajarnya yang berjaya mengikuti pengajian di kolej tersebut sebagai tanda kita mengiktiraf atas usaha Kerajaan Negeri dan juga mereka-mereka yang terlibat untuk menaikkan atau mengelolakan kolej KITAB ini.

Dato' Speaker, Islam masih dipelihara di negeri Pulau Pinang mahupun di Persekutuan. Saya ucapkan jutaan terima kasih ke atas keperihatinan Kerajaan Negeri meningkatkan sumbangan kepada sekolah tahfiz bermula daripada tahun 2010 berjumlah RM25,000 meningkat kepada RM168,584.00 bagi tahun 2018. Manakala Kerajaan Pusat telah meluluskan RM50 juta untuk institusi tahfiz seluruh negara di mana negeri Pulau Pinang mendapat RM2 juta daripada jumlah RM50 juta tersebut. Saya juga menyambut baik peruntukan bagi membaiki dan menaiktaraf surau dan masjid jelas meningkat diperuntukan pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM5.5 juta berbanding RM3.6 juta sahaja pada tahun 2018. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang meluluskan bantuan pembinaan masjid di Sungai Nibong Besar di mana Kerajaan Persekutuan menyumbangkan RM1.82 juta dan pihak negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang menyumbangkan RM1.5 juta selain kewangan daripada kariah masjid tersebut RM4.65 juta bagi membina masjid tersebut dengan jumlah keseluruhan RM7.97 juta, *Alhamdulillah*.

Untuk Masjid Perai, kawasan TKM II, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan untuk menyumbang sebanyak RM3 juta, Kerajaan Negeri melalui JHEAIPP menyumbang RM1 juta dan kariah Masjid Perai RM1 juta dan akan menghasilkan masjid baru bernilai RM5 juta. Jadi inilah contoh ataupun zahirnya apa yang Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat di bawah Pakatan Harapan tidak sekali-kali menidakkan Islam itu sebagai agama rasmi negara kita dan juga tidak ada unsur-unsur kita untuk mengabaikan Islam di Malaysia.

Tuan Speaker, pengurusan bencana yang mampan bukanlah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat sahaja. Malah ianya perlu perhatian serius oleh Kerajaan Negeri bagi melihat kelompangan ataupun kekurangan dalam kita menguruskan situasi bencana. Tiada muka bumi yang selamat daripada bencana alam yang dijangka ataupun tidak. Rakyat mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada agensi penyelamat seperti APM, PDRM apatah lagi Jabatan Bomba dan Penyelamat. Akhir-akhir ini *trend* terjun jambatan menjadi-jadi selain daripada kemalangan negeri yang berlaku sehingga kenderaan terjunam ke laut daripada jambatan. Bagi kawasan DUN Bayan Lepas terletak di pesisir laut, yang kerap kali berlaku nelayan terjatuh ke dalam laut dan ada yang hilang di laut. Baru-baru ini ada yang lemas hanya berhampiran dengan pantai. Saya ingin menyentuh mengenai perlunya Jabatan Bomba dan Penyelamat ditambah baik bagi memantapkan khidmat mereka di lautan. Pulau Pinang adalah sebuah pulau yang dikelilingi air sudah tentulah memerlukan keupayaan sedia yang tinggi. Saya difahamkan hanya terdapat dua (2) buah balai sahaja yang mempunyai skuad air iaitu balai Bomba dan Penyelamat di Paya Terubong dan juga di Bandar Perda. Manakala keperluan peralatan mereka berpusat di Mak Mandin. Bayangkan

apabila suatu tragedi berlaku, berapa lamakah anggota tersebut akan sampai ke Teluk Kumbar ataupun Pulau Betong untuk *rescue* mencari dan menyelamatkan mangsa. Maksud saya, bukanlah operasi tersebut hanya mencari dan menjumpai mayat. Saya mengharapkan agar bahagian selatan pulau dicadangkan wujudkanlah unit skuad *rescue* di air ini agar dapat bertindak pantas menyelamatkan nyawa manusia. Saya juga memohon diadakan jeti ataupun *ramp* untuk Bomba ataupun PDRM menurunkan bot ke laut tanpa menunggu air pasang baru boleh bot diturunkan ke laut seperti apa yang berlaku di Gertak Sanggul tempoh hari apabila kehilangan nelayan di kawasan tersebut.

Tuan *Speaker*, selain daripada pasukan penyelamat agensi kerajaan yang saya amat berterima kasih dan menyanjung tinggi komitmen yang diberikan adalah Bomba Sukarela. Di DUN Bayan Lepas, Bomba Sukarela Gertak Sanggul memainkan peranan yang luar biasa serta sentiasa bersedia apabila diperlukan baik di masa kebakaran, banjir, ribut, pokok tumbang dan lain-lain bencana. Mereka sangat komited walaupun menggadai nyawa di kala tiada imbuhan satu sen pun yang diterima secara bulanan mahupun tahunan. Saya amat berharap agar Kerajaan Negeri memikirkan kebajikan mereka serta dapat melakukan sesuatu bagi membela mereka bukan setakat insuran kelompok sahaja malah bagi saya mereka ini amat wajar diberikan elaun bulanan sebagai pembelaan nasib mereka yang rata-ratanya meninggalkan rutin hidup seperti insan lain yang mencari rezeki tetapi mereka menyahut derita orang lain untuk dibela. Boleh kiranya syor saya ini untuk dicadangkan di peringkat negeri mahupun Kerajaan Pusat. Kita sedia maklum peranan besar yang telah mereka laksanakan tanpa jemu namun kita jangan biarkan pejuang wira ini bakti mereka ditagih tetapi dalam masa yang sama tiada pembelaan langsung kepada mereka melainkan sumbangan-sumbangan kepada unit-unit Bomba Sukarela tersebut, bukan secara ahli-ahlinya.

Dato' *Speaker*, program kebajikan Kerajaan Negeri adalah program yang memberi impak yang besar membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri kepada rakyat. Masih ada lagi janji-janji dalam PRU 14 tidak dapat lagi dilaksanakan. Sebahagian besarnya program iSejahtera diteruskan dan saya melihat negeri-negeri lain yang telah diambil alih oleh Pakatan Harapan turut melaksanakan elemen-elemen seperti iSejahtera seperti Kerajaan Perak dan juga Kerajaan Negeri Sembilan. Walaupun dalam masa yang sama, Kerajaan Pusat telah melancarkan program-program kebajikan seperti iSuri, Peka40, Rebat Bil Elektrik dan lain-lain. Pulau Pinang adalah pelopor program kebajikan rakyat. Oleh itu rakyat Pulau Pinang berharap ianya diteruskan walaupun ianya sudah tentu ada impak perbelanjaan negeri.

Program bantuan Pelajar Emas wajar diteruskan walaupun kerajaan pusat turut mempunyai program tersebut khusus untuk golongan B40. Bantuan pelajar emas ini saya cadangkan diteruskan dengan penambahbaikan meletakkan syarat seperti permohonan anak emas iaitu salah seorang penjaga atau waris ibu, ayah perlulah pengundi di Negeri Pulau Pinang. Begitu juga saya berharap program Agenda Ekonomi Saksama AES ini dapat diteruskan bagi membantu mereka yang benar-benar memerlukan kerana ada kes bantuan yang diterima daripada JKM dan ZPP tidak dapat menampung dan mengeluarkan mereka daripada kategori miskin tegar.

Tuan *Speaker*, saya sama juga seperti Sungai Acheh mengharapkan bas percuma, bas CAT seperti yang saya telah mohon dalam sidang yang lepas tetapi sampai sekarang masih lagi tiada pengkhabaran jadi saya mohon sekali lagi diberikan pertimbangan supaya bas CAT ini meliputi Sungai Ara, Teluk Kumbar, Gertak Sanggul. Saya mewakili mereka yang tinggal di sana, mohon sangat-sangat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali sidang DUN saya bangkitkan dan akan terus bangkitkan cadangan pembinaan *market* Teluk Kumbar yang telah lama dicadangkan. Pertandingan reka bentuk telahpun berlalu di mana pemenangnya telahpun menerima hadiah tunai RM50,000. Saya sekali lagi menegaskan bahawa projek pembinaan *market* tersebut bukanlah satu projek gajah putih seperti andaian segelintir pihak. Padahal dengan adanya *market* atau pasar tersebut, ianya akan merancakkan ekonomi setempat, boleh memasarkan produk tempatan dan hasil laut serta makanan yang enak-enak. Dengan

adanya pasar tersebut dapat membantu mengurangkan masalah peniaga yang tidak sah. Dalam jawapan bertulis yang saya terima memaklumkan bahawa pembinaan dijangka bermula akhir tahun 2019 dan siap sepenuhnya pada tahun 2021. Saya rasa amat sedih apabila bajet awal pembinaannya bernilai RM29 juta tetapi sekarang dikurangkan ke angka RM19 juta dan mungkin akan dikurangkan lagi. Jika pembinaan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang kita mengunjurkan dengan jumlah yang besar supaya kita tidak perlu mengubahsuai atau menaiktaraf dalam masa yang singkat, begitu jugalah pandangan saya dengan pembinaan *market* ini kita perlu lengkap sediakan dengan sesempurna mungkin memandangkan populasi setempat yang kian meningkat.

Tuan *Speaker*, Teluk Kumbar, Sungai Batu merupakan kawasan majoriti Melayu lantas itu membuka ruang untuk peniaga-peniaga mengambil peluang untuk berniaga di bahu-bahu jalan ataupun di tanah kerajaan secara tidak sah. Saya mohon apabila Notis 425 ataupun Notis 426 dihantar kepada mereka, mereka yang terlibat dikajilah secara mendalam terlebih dahulu kerana kesan terhadap nilai kemanusiaan amat tinggi di mana mereka yang telah beroperasi melebihi 10 tahun menanggung hutang dengan Ahlong, Tekun, Amanah Ikhtiar atau sebagainya termasuklah sebagai punca rezeki menyara keluarga. Ini bukan bermakna tiada tindakan boleh diambil kepada mereka tetapi berurusanlah dengan ADUN Kawasan supaya kita tidak tersilap bertindak keras kepada mereka yang layak dibantu.

Tuan *Speaker*, sememangnya kawasan Bayan Lepas kekurangan rumah kos rendah dan rumah *medium cost* ataupun rumah rendah sederhana terutamanya bagi kuota Melayu. Saya sangat mengharapkan tanah milik Perda seluas 47.62 ekar ini dapat dimajukan segera bagi membolehkan 450 unit rumah kos rendah dapat diwujudkan bagi membuka ruang untuk saya menempatkan penduduk-penduduk yang diarah pindah daripada projek-projek perumahan yang dalam proses Kebenaran Merancang iaitu pembangunan atau pembinaan rumah baru yang tak mampu atau tak disyaratkan untuk membina rumah kos rendah. Untuk pengetahuan, saya sedang mengendalikan kes ataupun sedang menguruskan setingan ataupun rumah sendiri atau tanah orang lain hampir 200 buah rumah untuk saya tempatkan setelah pemaju bersetuju memberikan pampasan yang sewajar. Bagi saya tanah Perda itu amatlah sesuai dan luas serta sesuai untuk dibangunkan segera tetapi Kerajaan Negeri perlulah bertindak tanpa menunggu Perda melakukannya sendiri kerana bila bincang dengan Perda, pelbagai cerita yang didengar, sekejap Perda *mention incubator handle*, Asta Gemilang, sat dah jual dan sebagainya, saya mohon Kerajaan Negeri memandang serius tapak yang telah ada, apakah salahnya kita segerakan pembangunan kawasan tersebut.

Tuan *Speaker*, saya meneliti jawapan bertulis yang diterima mengenai permasalahan pembinaan Sekolah Menengah Al-Itqan yang masih tidak dimulakan lagi walaupun telah ada perjanjian Kerajaan Negeri dengan *Ideal Properties* yang memperuntukan RM15 juta untuk pembangunan Lot 347 dan 348 di Teluk Kumbar. Kelewatan pembinaan sekolah ini dikaitkan dengan kelulusan projek Prima oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Bukit Gelugor. Saya melihat ada berlaku situasi tolak tarik dalam isu ini, yang menjadi mangsa adalah pengurusan Sekolah Al-Itqan yang terpaksa menyewa bangunan sekolah milik Masjid Al-Huda di Sungai Ara untuk dijadikan tempat belajar dan juga sebagai asrama kepada pelajar yang menelan belanja sebanyak RM12,000 sebulan. Mereka berpindah kerana projek pembinaan berkenaan seolah-olah memang benar terjadi bermula cuti hujung tahun 2018 seperti yang telah dibincangkan dengan mantan Timbalan Ketua Menteri ketika itu saya pun ada juga. Saya mohon agar Kerajaan Negeri ikuti rapat permasalahan ini supaya tidak berlarutan jauh dari jangkauan pengurusan Sekolah Al-Itqan. Kalau kita nak bina atau pun *Ideal Properties* nak bina bangunan 4 blok itu dah tentu makan masa paling takde dua (2) tahun, tapi sekarang projek tak dijalankan lagi, mereka telah menyewa dengan kadar RM12,000, kalau kali dengan setahun *costing* dah tinggi. Dan juga apa yang saya dimaklumkan bahawa RM15 juta tu hanyalah blok bangunan sahaja tanpa ada prasarana-prasarana atau kelengkapan dalam. Jadi, jika dapat dicepatkan proses ini sama ada permasalahan dengan MPPP ataupun dengan Kementerian Kerajaan Tempatan, menteri, mohonlah supaya Kerajaan Negeri dapat berurusan dengan KPKT supaya masalah ini dapat

diselesaikan dengan segera. Itu lah harapan rakyat. Lagi pun, jika disangkut pautkan dengan Projek PRIMA, Projek PRIMA itu jugalah adalah projek perumahan rakyat.

Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada barisan EXCO yang telah menjawab 30 soalan bertulis saya sebelum ini. Saya mohon maaf jika ada soalan-soalan yang agak kritikal untuk dijawab tapi yakinlah apa yang saya bawa dalam Sidang DUN ini melalui perbahasan ataupun soalan, hanyalah sebagai memenuhi amanah yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat untuk membawa suara mereka dan akhir sekali saya ucapkan selamat menyambut Hari Pekerja kepada semua kakitangan kerajaan, kakitangan swasta dan kita juga ADUN-ADUN pun sebenarnya golongan pekerja untuk rakyat.

Dan juga akhir sekali saya ucapkan selamat menyambut puasa Ramadan. Moga-moga puasa Ramadan tahun ini akan menjadi kita, akan membentuk kita, akan memupukkan lagi semangat yang muhibah antara satu sama lain, inshaallah, dan kita akan menempuh kejayaan di dunia dan akhirat. *Wabilahitaufik wal hidayah, wa assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Amat Berhormat Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Yang Amat Berhormat, *Alhamdulillah.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat Bayan Lepas. Saya ingat Bayan Lepas tak sentuh tentang *airport* Bayan Lepas. Pasal tu lari daripada Bayan Lepas. Minta maaf.

Dipersilakan Yang Berhormat Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. *Auzubillah minashaitan nirajeem. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah hirrobbil aalamin, Wassalatu Wassalamu Ala Asrafil Anbiya'i walmursalin, Aaala alihi wa sahbihij ajmain. Subhanaka, la 'ilma lana illa ma 'alamtana, innaka Anta'l 'Alimu'l Hakim.* (dan bacaan Surah Ta Ha Ayat 25-28).

Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, barisan EXCO-EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, pengarah-pengarah dan wakil-wakil jabatan dan agensi, seterusnya rakan media, tuan-tuan dan puan-puan muslimin muslimat yang saya hormati sekalian.

Terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang pada petang ini untuk turut serta dan mengambil bahagian dalam perbahasan di atas ucapan T.Y.T. Dato' Seri Utama Tun (Dr.) Hj. Rahman Abbas dalam ucapan perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kali ke-14 pada 26 April 2019. Ucapan yang sangat baik, ucapan yang bernas yang memperlihatkan komitmen dan harapan Tun untuk memastikan pembangunan dan kemajuan negeri Pulau Pinang akan bertambah baik dari semasa ke semasa agar Visi Penang2030 yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berjaya direalisasikan. Tidak sebagaimana Wawasan 2020 bagi negara kita yang gagal mencapai objektif yang ditetapkan seawal pelancarannya oleh Perdana Menteri ke-4 ketika itu.

Suka diingatkan selain daripada kita memacu pembangunan negeri yang pesat ini, kerajaan juga bertanggungjawab untuk membangunkan pembangunan modal insan. Tidak ada erti dan tidak ada makna kita berbangga dengan kepesatan dan kemajuan pembangunan negeri, tetapi dalam masa yang sama di sana ada masalah-masalah seumpama gejala sosial yang makin teruk, keruntuhan akhlak di kalangan anak-anak muda mudi khususnya di kalangan anak-anak muda-mudi Islam. Kes jenayah yang terus meningkat, kes pembuangan bayi yang berlaku termasuk kes bunuh diri sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat Bayan Lepas yang kita melihat menjadi-jadi di negeri kita termasuklah kes dadah dan hari ini, apa yang membimbangkan kita ada kes ketagihan air ketum. Air ketum ni pun satu masalah yang perlu diberi perhatian serius dan bagaimana cara untuk menanganinya. Saya turun baru ni di kawasan saya sendiri di Penaga, berjumpa dengan penagih-penagih dadah dan di sana ada rupanya penagih air ketum dan air ketum ni lebih mahal daripada air tebu. Kita beli air tebu 1 bungkus RM2, tapi air ketum sebungkus RM5. Boleh buat bisnes baru. Ini masalah yang perlu difikirkan bersama. Saya ambil gambar air ketum yang dibungkus dengan harga RM5. Ini belum diproses lagi, ditambah dengan *coke* ataupun *pepsi* dengan campuran-campuran yang lain, mungkin harga meningkat kepada RM10. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat boleh *try*. Ini masalah-masalah yang perlu difikirkan bersama. Sebagaimana yang saya sebut tadi termasuklah masalah judi yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Sungai Acheh. Judi siber, judi yang diberi lesen termasuklah arak sebagaimana yang dibangkitkan oleh sahabat saya, Bagan Dalam kelmarinnya, arak murah. Kalau boleh arak mahal pun diberi perhatian. Sebab kes yang berlaku, insiden yang berlaku di atas jambatan yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Bayan Lepas sehingga berlakunya *accident* dan kereta itu menjunam jatuh ke dalam laut, puncanya tidak lain dan tidak bukan adalah alkohol, disebabkan oleh alkohol. Perkara inilah yang perlu diberi perhatian juga untuk kita membangunkan masyarakat imbang di antara pembangunan fizikal dan juga pembangunan rohani yang saya kira ke semua agama-agama, lebih-lebih lagi agama Islam adanya pendidikan akhlak dan agama yang lain ada pendidikan moral yang perlu diterapkan, yang perlu setiap manusia ini berpegang dengan agama dan kepercayaan masing-masing untuk membina jati diri bagi kita memastikan negara dan negeri kita *Insyallah* terus bergerak ke hadapan dengan kita berjaya menyelesaikan masalah-masalah sebagaimana saya bangkitkan tadi.

Saya juga mengambil kesempatan dalam Dewan Yang Mulia ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan SPU yang telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Temu Seru Rawatan Terapi Gantian Methadone khususnya di kawasan Penaga. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kebun Bunga juga. Terapi Gantian Methadone ini. Sebab masalah dadah sebagaimana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Kebun Bunga. Statistik berlaku peningkatan, berlaku penambahan penagih daripada sehari ke sehari sehingga kini sangat membimbangkan kita. 3,000 kes atau penagih baru direkodkan setiap hari, sangat membimbangkan dan lebih membimbangkan kerana di kalangan majoriti penagih itu adalah orang-orang Melayu kalau nak dibandingkan dengan bangsa-bangsa yang lain. Sebab itu saya ambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan SPU yang mengambil inisiatif untuk mengadakan Program Temu Seru Rawatan Terapi Gantian Methadone ini. Mereka turun setiap bulan dua (2) kali di kawasan saya, di kawasan Penaga yang menyebabkan Kampung Kuala Muda, Kampung Bakau Tua dan kawasan-kawasan atau kampung-kampung sekitarnya.

Tuan Yang di-Pertua, projek tambakan laut PSR yang melibatkan tambakan seluas 4500 ekar, pulau buatan yang mampu mengubah landskap fizikal dan ekonomi negeri. Sebagaimana yang disentuh oleh T.Y.T. dalam ucapan perasmian. Maka di sini saya ingin memohon penjelasan adakah projek ini ataupun program ini, projek tambakan laut ini telah mendapat persetujuan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) atau sebaliknya kerana di sana ada kontra di antara kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita dengan kenyataan daripada Menteri Wilayah. Sebagaimana yang telah dibangkitkan juga oleh sahabat yang lain yang menafikan. Jadi perlu penjelasan supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan baik. Selain itu, nasib nelayan di sekitar kawasan projek tambakan laut ini juga perlu dibela dan diberi perhatian dengan paling tidak pemberian pampasan yang sewajarnya dan kebajikan-kebajikan yang lain. Termasuk juga kerajaan perlu mengambil kira isu alam sekitar yang telah dibangkitkan apabila projek ini berjalan khususnya di kalangan NGO-NGO sahabat alam ataupun NGO alam sekitar dan mereka juga ada di antara bertemu dengan saya dan minta supaya suarakan apa hasrat

mereka dan kebimbangan mereka berhubung dengan alam sekitar apabila projek tambakan laut ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu nelayan yang perlu saya suarakan juga, lebih-lebih lagi dalam Dewan pada petang ini ada yang Pengerusi LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) tahniah kepada adinda saya daripada Permatang Pasir. Ada surat dan ada NGO-NGO yang datang bertemu dengan saya untuk saya suarakan masalah nasib nelayan khususnya di kawasan Penaga juga majoriti rakyat ataupun masyarakat di sana adalah nelayan. Bagaimana keluhan para nelayan pantai, antara keluhan mereka yang pertama, ikan pupus akibat pukut tunda yang saya kira banyak kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Aceh, ikan pupus, anak-anak ikan juga pupus akibat daripada pukut tunda. Nelayan pantai susut hasil tinggal 50%. Kerajaan Persekutuan berjanji dan meletakkan tarikh Disember 2020 untuk menghapuskan pukut tunda ini dan saya kira supaya janji itu ditunaikan, dilaksanakan untuk memberi kebaikan kepada nelayan-nelayan pantai. Nelayan pantai tertekan kerana kawasan zon diceroboh pukut tunda. Boleh dikatakan setiap hari berlaku kes dan saya pernah terima video bagaimana bot pukut tunda ini menceroboh zon pantai dan saya telah panjangkan kepada Pengerusi LKIM untuk tindakan seterusnya. Dan begitulah juga kita melihat apabila nelayan pantai tertekan mengenai kawasan zon diceroboh pukut tunda setiap hari tahun 2017, lebih kurang 18.3 atau 267,893 metrik tan dari pendaratan ikan marin, sebanyak 1,465,113 metrik tan adalah ikan baja yang natijahnya memusnahkan ikan biasa, maknanya, sebanyak 18.3%. Yang ketiga antara rungutan mereka juga tangkapan ikan laut berkurangan akibat daripada pukut tunda dan di saja juga kita melihat tauke akuakultur bertambah. Ikan sangkar banyak perlukan ikan baja daripada pukut tunda, jadi tokey-tokey ini membeli ikan-ikan baja ini yang kita tahu ikan-ikan baja itu adalah anak-anak ikan yang kalau dibiarkan akan terus membesar dan memberi pendapatan ataupun hasil yang lumayan kepada nelayan suatu jangka masa yang panjang nanti.

Keperluan ikan negara juga terabai mengakibatkan kita terpaksa mengimport daripada negara luar dan kita melihat ekosistem laut tercemar, rosak dan terancam tanpa pemuliharaan, misi dan objektif industri perikanan yang nakkan industri ini moden, dinamik dan berdaya saing belum tercapai. Kita melihat dalam masa itu juga anak-anak ikan musnah akibat pukut tunda. Antara anak ikan musnah terperangkap dalam pukut tunda termasuklah anak ikan, bawal hitam, senangin, cencaru, kerapu, ketam, udang dan lain-lain. Habis jadi baja, maka negara yang habis jadi baja. Maka golongan yang menggunakan pukut tunda sebagai alat untuk menangkap ikan, amat rugi negara kita kerana membiarkan perkara ini berleluasa dan merosakkan serta mencemarkan ekosistem laut negara kita.

Dengan sebab itu saya mencadangkan sebagai wakil rakyat bagi DUN Penaga, saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri yang pertama supaya melaksanakan program pemuliharaan kawasan penetasan ikan pantai. Melalui tanaman hutan bakau dengan kerjasama mungkin boleh buat kerjasama dengan NGO-NGO termasuk NGO Jaring yang agak aktif di sebelah utara ini. Yang kedua, perlu bantuan *one off* paling tidak RM500 setahun kepada nelayan diteruskan. Kalau dulunya RM400 setiap nelayan untuk beli alat tangkap ikan kepada 2,900 nelayan yang layak dan miliki lesen tangkap ikan. Yang ketiga, saya mengharapkan supaya dikecualikan cukai SST ke atas semua input nelayan. Dan kalau kerajaan tidak mampu oleh kerana ini melibatkan Kerajaan Pusat, maka panjangkan kepada Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya Kerajaan Negeri pantau bulanan ke atas penguatkuasa laut terutama bagi kes ceroboh laut Zon A nelayan pantai yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan, Marin, Polis dan APNM melalui pemantau ini mesti dibuat melalui Mesyuarat MKN yang diadakan. Satu Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dipilih sebagai, dipilih oleh Kerajaan Negeri sebagai projek perintis dalam Industri Hiliran untuk dilaksanakan. Dan perlu juga dalam isu nelayan ini mengatasi monopoli orang tengah dalam menentukan kadang-kadang harga ikan. Orang tengah dapat untung lebih tinggi, orang tengah dapat untung yang lebih banyak nak dibandingkan dengan nelayan yang seawal jam 6.00 pagi telah pun turun ke laut untuk mencari rezeki, untuk menangkap ikan. Berapa jam mereka berada di laut. Kadang-kadang

sampai petang. Orang tengah yang menentukan harga dan kadang-kadang amat merugikan para nelayan.

Dengan sebab itu, cadangan yang saya berikan tadi supaya diambil perhatian dan termasuklah menyediakan Skim Takaful Berkelompok yang di bawah biayaan bukan diambil daripada para nelayan tetapi di bawah biayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *Insyallah*. Maka jika ini diberi perhatian saya kira nasib para nelayan negeri kita, *Insyallah* terus terbela dan dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga nak mengambil perhatian ataupun nak menarik perhatian berkaitan dengan Hospital Patuh Syariah yang telah pun dibangunkan di negeri Pulau Pinang ini, dalam soalan bertulis saya dan jawapan yang telah diberi, projek pembinaan Hospital Patuh Syariah ini telah pun memasuki fasa pembinaan setelah pelan kerja-kerja tanah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 19 September 2018 dan kontraktor yang dilantik telah mula menjalankan kerja-kerja persiapan tapak (*setting up*) pada 21 Februari 2019. Dan Hospital Patuh Syariah ini adalah hospital yang mematuhi piawaian *standard* yang telah ditetapkan oleh SIRIM MS 1900:2014 di mana sistem pengurusan kualiti yang diamalkan serta perkhidmatan rawatan hospital adalah mengikut prinsip syariah dan perspektif Islam yang dijangka projek ini dijangka siapnya pada tahun 2022. Maka selain daripada Hospital Patuh Syariah saya mencadangkan kalau boleh, di sana ada Hotel Patuh Syariah. Oleh kerana kita telah menerokai Hospital Patuh Syariah ini dan melihat kepada Pulau Pinang adalah merupakan tempat tumpuan pelancong khususnya dikalangan pelancong-pelancong muslim daripada negara-negara Arab. Daripada Kuwait, daripada Qatar, daripada Bahrain. Saya banyak berjumpa dengan pelancong-pelancong ini dan *Alhamdulillah* mereka boleh sememangnya mereka menguasai bahasa Arab dan kita pun boleh bercakap Arab, kan, dan di sana ada pandangan-pandangan yang diberi berkaitan dengan penginapan, berkaitan dengan hotel disarankan agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga melalui EXCO Agama ataupun lainnya melihat kepada cadangan untuk mewujudkan ataupun mengadakan Hotel Patuh Syariah sebagaimana yang baru diadakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Ini memberi kebaikan kepada pelancong-pelancong khususnya daripada negara Arab yang beragama Islam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan. Okey, Yang Berhormat Penaga bercakap tentang Hotel Patuh Syariah tapi saya tertarik dengan ucapan daripada saudara saya dari Penaga. Hotel Patuh Syariah itu bagaimana diklasifikasikan? Saya kurang faham. Saya nak dapatkan pemahaman sedikit. Dan kalau kita lihat hampir kesemua hotel 5 bintang atau 4 bintang di Pulau Pinang semuanya restorannya halal. Dia tidak, *they don't serve non-halal foods*, setahu sayalah. Apakah faktor yang boleh ditambah baik lagi untuk sesuatu hotel itu dinyatakan sebagai Hotel Patuh Syariah? Itu satu.

Keduanya adalah patuh syariah ini. Sekarang ini kita nampak, saya nampaklah ada sebelum *I think about four (4) years ago*. Ada satu *Airlines* patuh syariah, Rayani Air, dia *start* tetapi dia tak patuh aspek-aspek keselamatan dan sudah gulung tikar dalam masa tak sampai setahun. So, jangan jadi macam itu. Jangan orang gunakan patuh syariah itu untuk mengembangkan perniagaan mereka tetapi keselamatan tidak diberi keutamaan. Ini pandangan sayalah. Saya tidak mahu berucap bergcampur tangan dalam urusan syariah apa, *just* pandangan saya. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Sedikit tambahan jika diizinkan. *Just to add on* contoh yang diberikan, saya percaya di dalam menyediakan hotel di Pulau Pinang malah di seluruh negara, patuh syariah itu agak telah dipertingkatkan dengan adanya arah kiblat, ada sejadah dalam bilik. So saya bersetuju dengan soalan tadi, apa klasifikasi sebagai patuh syariah? Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih daripada Bagan Dalam dan juga sikit penjelasan yang telah diberi oleh adinda saya daripada Permatang Pasir dan saya rasa mungkin EXCO Agama boleh respon dengan lebih panjang lebar lebih lanjut lagi. Cuma itulah bagaimana yang disebut tadi beberapa perkara yang perlu diberi perhatian untuk meletakkan sesebuah hotel itu sebagai Hotel Patuh Syariah. Bagaimana kalau bank pun ada *Islamic Banking* dia ada ciri-ciri dia. Dan begitulah juga dengan Hotel Patuh Syariah termasuklah arah kiblat, termasuklah kalau sebagai contoh...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Sebagai, sebagai penjelasan apa beza dikatakan patuh syariah di Terengganu dengan klasifikasi hotel, servis hotel di Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Yang penting bagi patuh syariah itu dia tidak berlaku ikhtilat ataupun tidak berlaku isu khalwat. Kalau pasangan yang nak masuk untuk menginap di hotel tersebut, paling tidak dia adalah suami isteri. Bukan *couple*. Kalau hotel biasa, mana-mana yang nak masuk untuk menginap diberi. Hanya sekadar *registration* nama dan kemudian boleh masuk tidur. Boleh masuk buat apa sahaja tapi patuh syariah dia mesti paling tidak pun, dia mesti yang menginap itu kalau kata melibatkan lelaki, jantina lelaki perempuan adalah suami isteri. Adalah suami isteri.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Kalau saya nak bawa isteri saya, saya kena bawa sijil perkahwinan saya? *I mean, I'm a non-muslim so* itu yang saya nak tanyalah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Adakah, adakah cadangan, adakah ini cadangan ataupun kaedah yang disandarkan di Terengganu?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Ya itu antara yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Because saya baru *check-in* minggu lepas, tak minta pula sijil, apa-apa sijil dengan saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Adinda pergi dengan siapa?...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Tak, dia *because*...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Kalau adinda pergi seorang, sememangnya tak minta.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

No, because dia minta sijil perkahwinan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Bermakna.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Jadi tak minta pun sijil perkahwinan. Adakah ini cadangan atau pun memang mekanisme yang ditetapkan di Pulau Pinang, eh di Terengganu?...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Antara mekanisme yang ditetapkan termasuklah perkara itu juga diberi perhatian selain daripada suasana hotel itu juga memberi imej apa ini *Islamic, Islamic*, Sebagai contoh kalau kita pernah menginap saya pergi baru ini di Oman, di Oman. Bagaimana waktu solat azan dilaungkan. Makna dalam bilik itu kedengaran azan, dalam bilik itu. Ada mikrofon ataupun suara waktu azan dia laungkan azan. Jadi tak, maknanya yang berada dalam bilik itu dia tahu telah masuk waktu solat. Itu dikatakan sebahagian daripada ciri-ciri Hotel Patuh Syariah. Apapun ini cadangan daripada saya setelah melihat mungkin *Insyallah* kejayaan Kerajaan Negeri yang menubuhkan Hospital Patuh Syariah yang walaupun akan dijangka siapnya pada tahun 2022, paling tidak pun ada disana perancangan juga untuk mewujudkan Hotel Patuh Syariah di Negeri Pulau Pinang. Saya kira untuk memberi lebih keselesaan kepada pelancong-pelancong luar negara khususnya pelancong-pelancong yang beragama Islam.

Dato' Yang di-Pertua, mengambil apa yang telah diingatkan oleh T.Y.T dalam ucapan perasmian, dan juga melihat kepada beberapa senario dan insiden yang berlaku di negeri kita negeri Pulau Pinang, yang telah saya bangkitkan dalam sidang yang lepas termasuklah edaran risalah Bible di hadapan sekolah di Bukit Mertajam, edaran risalah Bible di rumah-rumah di Taman Kuala Bekah termasuklah apa yang dibangkitkan soalan lisan saya dan dijawab pagi tadinya oleh Datok Keramat berkaitan dengan lampu salib gergasi. Maka saya kira sudah sampai masa Kerajaan Negeri menggubal undang-undang ataupun enakmen dalam mendepani ancaman-ancaman terhadap Islam itu sendiri. Suatu penegasan, suatu penegasan perlu dibuat berulang kali bahawa Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan Islam adalah Agama Persekutuan. Walaupun Islam diiktiraf sebagai agama persekutuan, tapis secara harmoninya, penganut-penganut agama lain masih bebas untuk menganut dan mengamalkan agama mereka. Sungguhpun begitu, kebebasan yang diberikan itu tidaklah bermaksud agama-agama bukan Islam boleh menyebarkan agama mereka kepada penganut agama Islam. Ini adalah sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama tertinggi dalam negara. Maka Perkara 11(4) memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk menggubal undang-undang bagi mengawal atau menyekat penganut agama bukan Islam menyebarkan atau mengembangkan ajaran atau kepercayaan mereka kepada orang-orang Islam. Pulau Pinang adalah di antara empat (4) buah negeri yang masih belum menggubal enakmen kawalan dan sekatan penyebaran agama atau ajaran bukan Islam kepada orang Islam seperti dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid ketika menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan 2019 Peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat pada 22 November 2018. Maka undang-undang ini perlu demi kemaslahatan semua pihak. Ianya juga dapat menjamin keharmonian dalam negeri ini. Dibimbangi sekiranya tiada undang-undang demikian menyebabkan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan untuk mencetuskan ketegangan dan perbalahan antara agama.

Dengan sebab itu saya cadangkan dalam Dewan yang mulia ini, pada petang ini supaya isu ini diberi perhatian lebih-lebih lagi EXCO Agama yang bertanggungjawab. Maka saya kira Dato' Yang di-Pertua, ucapan ringkas saya pada petang ini, sebelum daripada saya mengakhiri saya juga mengambil kesempatan untuk saya mengucapkan Selamat Hari Pekerja. Sememangnya kita adalah pekerja. Beramallah, bekerjalah dan bagi orang Islam setiap amalan, setiap pekerjaan yang kita buat, dicatat oleh 2 malaikat maka bekerjalah dengan penuh tanggungjawab, dengan penuh amanah. Laksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin dan jangan kita buat perkara-perkara yang dilarang, yang ditegah kerana sememangnya setiap apa yang kita buat itu kita bertanggungjawab dan akan disoal di hadapan Allah S.W.T bahkan akan ditimbang dalam neraca Allah. "*Faman ya'mal mitsqaala dzaratin khairay yarah, waman ya'mal mitsqaala dzaratin syarray yarah.*"

Dan saya juga mengambil kesempatan pada petang ini untuk ataupun khusus kepada umat Islam yang akan menyambut kedatangan Ramadan Al-Mubarak pada Isnin depan, 1 Ramadan mengucapkan selamat menyambut Ramadan Al-Mubarak, melaksanakan perintah Allah S.W.T. Berpuasa dengan penuh keimanan, berpuasa dengan mengharapakan ganjaran

pahala di sisi Allah S.W.T agar *Insyallah* bulan Ramadan ini sememangnya adalah bulan yang sangat-sangat dinantikan oleh umat Islam. Bulan yang penuh dengan Rahmat, bulan yang penuh dengan barakah dan juga maghfirah daripada Allah S.W.T. Rahmatnya kedatangan Islam ini kita berpuasa dalam Ramadan di sana banyak pasar-pasar, gerai-gerai, bazaar-bazaar Ramadan yang dibuka yang bukan sahaja menyeronokkan orang Islam untuk membeli juadah bahkan orang-orang bukan Islam juga boleh membeli dan ada kadang-kadang kuih yang dibuat, yang dijual itu hanya terdapat dalam bulan Ramadan sahaja.

Insyallah, dengan ibadah puasa ini semoga umat Islam kita kesemuanya akan terus mendekatkan diri kepada Allah. Akan membentuk dan menjadikan kita insan, manusia yang benar-benar bertaqwa kepada Allah S.W.T.

Tuan yang di-Pertua, saya juga menyokong atas ucapan yang telah disampaikan oleh T.Y.T.

YB. Timbalan yang Di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Penaga. Dipersilakan yang Berhormat Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd. Tuah Bin Ismail):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera. Salam Reformasi. Salam Harapan. Salam Sayangi Malaysiaku. Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri I, Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah saya panjatkan dengan setinggi kesyukuran kepada *Allah Azza Wa Jalla* dengan limpah dan kurnianya diberi kesempatan berada dalam Dewan ini dan kesempatan diberi peluang usul ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Tun, tahniah diucapkan dan syabas kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan ADUN yang telah berjaya mentadbir negeri ini dalam tempoh setahun ini dan tidak dapat dinafikan *track record*...(dengan izin) Kerajaan Pakatan Harapan 11 tahun yang lalu telah berjaya menambat hati rakyat sehingga Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih lagi dinobatkan sebagai Kerajaan Negeri apabila Pilihanraya 9 Mei yang lalu, Pilihanraya ke-14.

Semalam dalam ucapan usul terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun telah mengimbas kembali rekod kesungguhan, ketelusan Kerajaan Negeri yang menyifatkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai Negeri Berkeadilan. Semalam Yang Berhormat Air Putih telah menyingkap kembali bagaimana prestasi kerja buat Kerajaan Pakatan Harapan dan saya telah menghayati ucapan beliau dan saya menyokong saranan beliau bahawa mengharapkan prestasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Kerajaan Pakatan Harapan terus dikekalkan dan dipertingkatkan demi kebajikan rakyat. Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan seperti yang dibangkitkan dalam ucapan semalam mengingatkan kita Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang supaya jangan mengabaikan manifesto yang dijanjikan. Inilah yang memberi kekuatan iaitu kepercayaan kepada Rakyat Negeri Pulau Pinang khususnya yang menobatkan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menerajui negeri Pulau Pinang ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan rekodnya yang mengekalkan kebajikan kepada rakyat kalau mengikut dalam buletin yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri saya dapat baca iaitu Buletin daripada 1 – 15 April yang muka suratnya 12 yang memaparkan kembali mengingatkan rakyat tentang kebajikan-kebajikan program-program emas kepada rakyat. Yang pertama Program Penghargaan Warga Emas RM130.00 setahun, sumbangan bantuan OKU RM130.00 setahun, yang ketiga Program Ibu Tunggal RM100.00 setahun, Program Anak Emas RM200.00 *one off*, Program Pelajar Emas yang direkodkan dalam Buletin Mutiara ini RM100 .00 setahun, Program Ibu Emas RM100.00 setahun, sumbangan pukut untuk nelayan dua kali setahun, Insentif Pemandu Teksi dan Operator Bas Sekolah RM600.00

setahun, Insentif Penarik Beca RM100.00, Pengurusan Jenazah *one off* sebanyak RM1,000.00 untuk Warga Emas dan Ibu Tunggal, Pelajar IPT Awam RM1,000.00 untuk pelajar di semenanjung dan RM1,200.00 untuk pelajar di Sabah dan Sarawak. Yang ke-12 yang dipaparkan di dalam akbar ini, pelajar vokasional tempatan RM300.00 *one off*. Soalan saya, bagaimana iaitu apa hubung kait dengan status pembayaran Pelajar Emas yang biasanya saban tahun di awal tahun telah berlaku pembayarannya sumbangan ini kepada Pelajar Emas di Pulau Pinang biasanya berlaku pada awal tahun, apakah skim ini masih ada? Saya mengharapkan supaya apa bentuk skim yang dipaparkan dengan Program Emas Kerajaan Negeri dapat berterusan mudah-mudahan ini akan menjadi keyakinan rakyat khususnya Pulau Pinang bahawa sentiasa konsisten dan istiqomah dengan skim-skim kebajikan yang sedia ada.

Ucapan tahniah kepada Ketua Menteri yang menengahkan visi Penang2030 dengan melancarkan *booklet Penang2030* semoga harapan visi 2030 dapat berkerjasama dan penglibatan semua pihak. Tahniah di atas usaha pembaharuan sistem politik negeri Pulau Pinang yang telah bersetuju untuk menghadkan tempoh jawatan Ketua Menteri dua (2) penggal merupakan usaha merupakan usaha ke arah amalan urus tadbir yang baik bagi terus telus agar dapat mencegah penyalahgunaan kuasa.

Timbalan Speaker, belanjawan berhemah merupakan pencapaian yang membuktikan bahawa dasar Kerajaan Negeri dalam pengurusan kewangan yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus, pencapaian rizab terkumpul Kerajaan Negeri pada akhir 2018 menunjukkan kedudukan kewangan negeri dalam keadaan stabil yang kukuh.

Timbalan Speaker, saya akan mengaitkan berhubung dengan projek infra. Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri iaitu projek infra yang berlaku di kawasan KADUN Pulau Betong di mana cerun bukit yang telah runtuh di lokasi Jalan Genting menghala ke Teluk Kumbar, terima kasih kepada Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.3 juta yang mana pada sidang DUN yang lepas saya telah bertanya soalan ini tentang bilakah akan siap usaha untuk baik pulih cerun ini? Saya ucapkan tahniah kerana tarikh yang telah diberikan oleh Pihak JKR iaitu dua (2) hari awal telah siap iaitu 26 April yang lalu. Pihak Yang Berhormat Tanjung Bunga telah melakukan perasmian *play off* jalan tersebut bermakna satu lagi kecekapan Kerajaan Negeri dalam urus tadbir untuk kepentingan rakyat khususnya yang menggunakan jalan laluan tersebut. Tarikh siap awal daripada yang ditetapkan dan harapan juga saya selaku wakil rakyat di Pulau Betong untuk meminta kepada Kerajaan Negeri untuk memberi perhatian kepada cerun-cerun di Jalan Tun Sardon supaya dibaiki, baik pulih jalan tersebut supaya memberi kemudahan, keselesaan kepada penduduk yang menggunakan Jalan Tun Sardon ke Paya Terubong dan saya juga mengharapkan supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian untuk menyegerakan baik pulih jalan tersebut.

Timbalan Tuan Speaker, sektor pelancongan negeri. Saya juga menyambut baik ucapan daripada Yang Berhormat Air Putih semalam tentang *Festival Food* yang kita mencadangkan supaya setahun dua (2) kali dan saya juga hendak membawa supaya *Festival Food* ini berlaku di kawasan Balik Pulau, saya nak *code* apa yang disebut oleh Ahli Parlimen Balik Pulau, Pulau Mutiara Pulau Pinang adalah Pulau Mutiara, apa yang ada mutiara itu di Pulau Pinang di sebelah Balik Pulau katanya ada mutiaranya sudah tentu di Balik Pulau. Jadi saya mengharapkan supaya *Festival Food* juga berlaku di Balik Pulau, kita ada di kawasan sekitar Stadium Kompleks Sukan Balik Pulau yang luas, ini juga dapat menjadikan kawasan sebagai *Festival Food* yang merupakan kawasan luar bandar ini untuk diketengahkan kepada masyarakat luar bandar di KADUN Pulau Betong supaya masyarakat di sana, rakyat di sana dapat menikmati untuk penambahbaikkkan ekonomi mereka dengan berhubung dengan wujudnya *Festival Food* ini.

Begitu juga dengan pelancongan negeri di Balik Pulau, kita telah banyak melihat tentang mural ataupun lukisan-lukisan dinding yang terdapat di Balik Pulau dan juga saya nak sebut di Balik Pulau juga merupakan laluan untuk kawasan trek basikal yang mana pihak Majlis Bandaraya pada setiap hujung bulan yang terakhir mengadakan kayuhan *sunsetnya* di

sekitar kawasan Pulau Betong yang melalui kawasan sawah yang treknya melalui kawasan hutan bakau yang tidak dapat dinikmati di tempat lain kecuali di Pulau Betong. Kita dapat menikmati, melihat kehijauan paya bakau, kehijauan sawah maka di sini juga saya mengharapkan kita boleh menanyakan kepada pihak pelancongan Kerajaan Negeri untuk kita membina satu mural boleh di kawasan sawah ini ataupun di *rooftop* kontena untuk kita jadikan dia sebagai tarikan di kawasan Balik Pulau ini.

Saya juga menyambut baik tindakan Kerajaan Negeri yang tidak bertolak ansur dengan isu pembuangan sampah yang mana kawasan hijau dan bersih kita nak kekalkan di Pulau Pinang ini. Saya juga menyambut baik tindakan Kerajaan Negeri dengan membuat semakan semula ke atas undang-undang yang sedia ada iaitu memberatkan hukuman ke atas pembuangan sampah secara haram supaya ia menjadi amaran kepada bakal pesalah yang melakukannya. Sesungguhnya apa yang berlaku pada sebulan yang lalu aduan daripada masyarakat begitu juga dengan pihak pelancong yang datang menaiki basikal di kawasan paya bakau terutamanya di kawasan Pantai Malindo, Sungai Burung yang melihat ada pihak yang tidak bertanggungjawab telah melakukan pembuangan sampah sebagai contoh kabinet ataupun perabot-perabot yang tidak digunakan, sisa-sisa bahan binaan telah dibuang di sekitar kawasan paya bakau ini dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang, pihak Pejabat Daerah Barat Daya kerana dengan segera telah mengambil tindakan yang pertamanya membersihkan kawasan tersebut dan yang keduanya mengenalpasti mereka di kawasan tersebut yang telah terlibat dengan pembuangan sampah dan yang ketiganya pihak Majlis Bandaraya telah memasang CCTV untuk mengecam ataupun untuk memberi satu kawasan itu supaya ia tidak menjadi tempat pembuangan sampah dan sebagainya.

Tuan Timbalan Speaker, saya juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah membawa satu isu iaitu kebersihan, kehijauan yang mana dipraktikkan dan mengajak rakyat bersama dengan penekanan kepada undang-undang dan untuk melihat balik supaya perkara ini dipandang serius dan kita tidak boleh mengabaikan aduan ini. Sebagai panduan kita sebagai penghayatan kita saya nak sebut di dalam Al-Quran, Allah berfirman berhubung dengan menjaga alam ini di dalam surah Surah Ar-Ruum ayat 41 Allah Berfirman (*bacaan ayat Al-Quran*), yang bermaksud sebagai penghayatan dan pengamatan kita kata Allah "Telah nampak kerosakkan kata Allah, telah nampak kerosakkan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan-tangan manusia. Kata Allah supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada akibat perbuatan mereka agar mereka kembali yakni kepada jalan yang benar". Mudah-mudahan Kerajaan Negeri merupakan kerajaan yang berprinsip yang mengajak masyarakat menjaga kebersihan, mengajak masyarakatnya menjaga alam sekitar Allah SWT 1,400 tahun yang lalu mesej ini telah mengajar kita bahawa dengan tangan-tangan manusialah yang menyebabkan kerosakan di darat dan laut ini merupakan kenyataan daripada Allah SWT dalam Surah Ar-Ruum ayat 41.

Tuan Speaker, perumahan awam dan perumahan mampu milik. Rumah adalah keperluan asas rakyat dan kediaman yang kondusif mampu membentuk keluarga serta komuniti sejahtera. Ini sejajar dengan Visi Penang2030 untuk memperkasakan institusi keluarga. Di kawasan Pulau Betong adalah kawasan yang melibatkan beberapa keluarga yang terpaksa dipindahkan kerana ada pihak tuan tanah telah memberi perintah untuk mengosongkan tanah mereka daripada dihuni dan dengan janji untuk membayar ganti rugi gantian kepada rumah kos rendah. Apa yang saya nak mengharapkan kepada Kerajaan Negeri, banyak keluarga di KADUN Pulau Betong berlaku di kawasan Kampung Pondok Upeh, berlaku di kawasan kampung Kuala Pulau Betong yang melibatkan lebih daripada 20 keluarga dan terpaksa berpindah mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Apa yang saya nak mengharapkan supaya janji tuan tanah untuk menggantikan rumah dengan kos rendah. Cuma kita mengharapkan Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada keluarga-keluarga ini yang terpaksa berpindah untuk mendapatkan rumah kos rendah kerana pihak tuan tanah akan menyediakan wang dengan kos untuk membiayai rumah kos rendah itu. Cuma kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada

mereka ini yang telah mendaftar dengan rumah Kerajaan Negeri untuk mendapat rumah sebagai rumah perlindungan seperti yang mana kita harapkan. Semoga dapat memenuhi cita rasa hasrat Kerajaan Negeri yang mana "Satu Keluarga Satu Rumah". Semoga mereka ini mendapat pembelaan khususnya daripada Kerajaan Negeri untuk memberi keutamaan kepada mereka ini dalam mendapatkan rumah kos rendah.

Seterusnya Tuan Timbalan *Speaker*, isu perobohan gerai berlaku juga di sekitar KADUN Pulau Betong, di sekitar DUN jiran iaitu KADUN Telok Bahang, yang mana pengundinya, yang mana masyarakatnya juga akan menghubungi pihak wakil rakyat KADUN Pulau Betong. Pelaksanaannya lebih berhemah, memberi perhatian kepada golongan B40 ini, isu perobohan gerai ini akan memberi gambaran yang buruk kepada Kerajaan Pakatan Harapan sekiranya pendekatan yang tidak baik maknanya pendekatan yang kita tidak guna, pendekatan yang lunak untuk kita memberi suatu pembelaan kepada mereka ini dan saya mengharap kepada pihak yang berkuasa di peringkat awalnya memantau kawasan-kawasan tanah kerajaan apabila berlakunya pembinaan gerai dan sebagainya peringkat awal hendaklah kita kenalpasti untuk kita meroboh ataupun memberi peringatan. Apabila berlaku dengan pemasangan bumbung, *plaster* dinding dan sebagainya, akan mengakibatkan satu gambaran yang tidak baik sekiranya berlaku perobohan. Sekiranya di peringkat awal penyusunan bata, tapak dan sebagainya, masa peringkat itulah Kerajaan Negeri mesti mengambil tindakan kerana pihak yang telah membina gerai dan sebagainya di tanah-tanah yang bukan mendapat kelulusan kerajaan akan dapat dirobuhkan, ini akan mendatangkan imej yang tidak baik kepada Kerajaan Negeri. Saya nak menyarankan bahawa, kepada semua agensi kerajaan, di peringkat awal ambil tindakan untuk kita nak mengelakkan perobohan gerai, perobohan rumah dan sebagainya. Sekiranya kalau perkara ini kita amalkan tidak akan berlaku perobohan dan sebagainya apabila bangunan tersergam indah.

Sektor pendidikan negeri. Tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memulakan transformasi sektor pendidikan dengan membangunkan Perpustakaan Digital pada tahun 2016. Operasi Perpustakaan Digital ini telah diperluaskan dengan penubuhan Perpustakaan Digital Fasa Dua 2019 dan *Insyallah* pada awal tahun 2020 akan wujud pula Perpustakaan Digital Butterworth yang bakal dibina. Setelah kajian dibuat, saya percaya dengan kajian tersebut pelaburan negeri dalam sektor Perpustakaan Digital amat berbaloi dalam memperkasakan modal insan negeri dan menjadikan rakyat berpengetahuan serta mempunyai mentaliti kelas pertama. Peruntukan RM3 juta Kerajaan Negeri kepada pendidikan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Machang Bubuk tadi RM3 juta ini, saya juga ingin menarik perhatian tentang sumbangan yang telah diberikan kepada Sekolah Kerajaan Jenis Cina bagaimana melibatkan ADUN-ADUN kawasan untuk kita bersama memantau tentang infra di sekolah tersebut. Dan saya mengharapkan supaya peruntukan RM3 juta Kerajaan Negeri ini supaya melibatkan juga wakil-wakil rakyat di kawasan supaya kita tidak mahu ada pertindihan di sana. Pihak sekolah seperti yang disebut oleh ADUN Bagan Dalam bagaimana pihak sekolah di kawasan Pulau Betong ada lebih daripada 10 buah sekolah telah datang untuk memohon sumbangan peruntukan dan kita mengharapkan supaya tidak ada pertindihan di dalam kita menyampaikan saluran sumbangan kepada pihak sekolah.

Timbalan *Speaker*, seterusnya isu pukut tunda, dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Penaga, Yang Berhormat Sungai Acheh berhubungan dengan isu pukut tunda. Isu pukut tunda masih berleluasa di perairan Pulau Betong dan menjadi semakin parah. Pada Tahun Baru Cina yang lalu, aduan ini dapat saya terima apabila perjumpaan dalam mesyuarat agong persatuan nelayan yang mana isu ini dibangkitkan semula dan isu pukut tunda ini telah saya bangkit dalam sidang DUN yang lalu dan selepas saya bertanya kepada nelayan khususnya di Pulau Betong, isu yang sama kata mereka, pada Tahun Baru Cina tu lagi hebat gerakan pukut tunda ini berlaku di perairan Pulau Betong. Saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian yang serius kepada aduan yang dibangkitkan oleh nelayan-nelayan supaya perkara ini dipandang serius dan kita tidak mahu bahawa apa yang

dilaporkan, apa yang diadukan oleh golongan nelayan kita pandang ringan dan mudah-mudahan ada jalan, ada pendekatan untuk menyelesaikan masalah isu pukut tunda ini.

Timbalan *Speaker*, berhubung dengan pembangunan sukan dan belia. Tidak dapat nafikan permainan futsal adalah permainan yang mendapat perhatian di kalangan orang belia di mana tempat dan saya nak sarankan di Balik Pulau ini adalah kawasan luar bandar semua gelanggang futsal telah diisi dengan aktiviti permainan futsal ini. Cuma yang saya nak mengharapkan daripada Kerajaan Negeri, apabila cuaca musim hujan, banyak gelanggang futsal adalah terdedah dengan gelanggang yang tidak berbumbung. Harapan saya, supaya di kawasan Pulau Betong ini, kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri memberi perhatian untuk membina bumbung ataupun kawasan gelanggang futsal yang bertutup bagi memudahkan pada pihak belia menjalankan aktiviti dalam suasana ataupun waktu cuaca hujan.

Timbalan *Speaker*, seterusnya Pembangunan Wanita dan Keluarga. Kalau kita melihat dalam Buletin Mutiara, usaha martabatkan wanita dipuji. Usaha dalam martabatkan wanita ini merupakan sesuatu yang baik dengan kewujudan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga ini. Tapi kewujudan JPWK ini bukan saingan kepada MPKK. Kita faham, Jawatankuasa Pembangunan Keluarga dan Wanita adalah satu jawatankuasa untuk mewujudkan aktiviti membangunkan keluarga, membangunkan masyarakat khususnya kaum wanita manakala MPKK adalah satu jawatankuasa untuk melihat infra, perkara yang lebih penting tentang jalan dan sebagainya. Tahniah, terima kasih kepada Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan saya mengharapkan supaya percubaan kewujudan Jawatankuasa Pembangunan Wanita ini dapat dilanjutkan kerana kita mendapat satu komentar yang baik khususnya daripada pelajar-pelajar daripada UiTM tentang kewujudan Jawatankuasa Pembangunan Wanita ini akan membantu Kerajaan Pakatan Harapan khususnya di negeri Pulau Pinang dan juga tidak dapat dinafikan bahawa bukan sekadar wujudnya Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, tapi dengan jawatankuasa ini boleh wujud iaitu Badan Koperasi Wanita. Ini juga membantu ekonomi wanita. Mudah-mudahan ia dapat membantu Kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan ekonomi kaum wanita dengan kewujudan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Pemeriksaan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang saban tahun memperuntukkan sumber kewangan kepada institusi masjid dan surau sebagai pusat ibadah dan pembangunan ummah. Di samping itu Kerajaan Negeri telah mengadakan program-program ilmu ke arah usaha memperkukuhkan konsep apa yang disebutkan sebagai *khairul ummah* dan juga *Rahmatan Lil 'Alamin* dalam urusan aspek pengurusan Islam. Dan kita juga dapat melihat di sekitar masjid Pulau Pinang ini, banyak program-program ilmu dan juga tidak dapat dinafikan juga bahawa ada program-program masjid kadang kala mencetuskan hubungan di antara jemaah dan juga ada masjid yang membangkitkan isu perkauman dan sebagainya.

Saya nak menegaskan kepada Kerajaan Negeri, untuk bersama kita melihat balik garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam untuk mana-mana pihak menganjurkan program ilmu dan sebagainya. Yang pertamanya, mestilah garis panduan itu menetapkan bahawa tidak menyentuh mana-mana peribadi ataupun mana-mana kaum. Yang keduanya tidak menyentuh benda-benda khilafiah. Boleh berbincang tetapi tidak membawa kepada sehingga perbalahan. Khilafiah ini maknanya perkara-perkara teknikal di dalam ibadah. Dan ketiganya kita memperingatkan bahawa tidak membincangkan perkara hal politik kepartian di dalam masjid. Ini di antara tiga (3) prinsip, garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama sekiranya semua masjid menggunapakai garis panduan ini sebagai peringatan kepada pihak penganjur, mudah-mudahan institusi masjid menjadi lebih harmoni dan menjadi tempat pusat pengajian, pemantapan akidah dan sebagainya.

Tahniah juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas pengukuhan dengan penubuhan majlis syura yang dianggotai oleh 20 ahli yang dilantik secara rasminya daripada golongan cendekiawan yang pakar dalam bidang masing-masing. Semoga dengan ini dapat

melahirkan masyarakat yang budi pekertinya baik dan mampu berdaya saing di masa yang akan datang.

Akhir kata saya mendoakan agar *Allah subhana wa ta'ala* sentiasa melimpahkan rahmat kepada kita semua dan menjauhi apa bentuk unsur negatif supaya kita hidup di dalam negeri Pulau Pinang ini terus maju, makmur dan mendapat perlindungan dari Tuhan yang Maha Esa. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengakhiri ucapan ini, ucapkan Selamat Hari Pekerja kepada semua warga di Pulau Pinang dan di Malaysia ini dan Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak kepada seluruh umat Islam di Malaysia dan di Pulau Pinang ini. Dan satu perkara lagi yang belum disebut oleh mana-mana wakil, saya nak ucapkan banyak terima kasih kepada pihak urusetia, sepanjang kita berkampung di sini menyediakan makanan yang cukup sedap, siapa pun tak *complain*. Satu tindakan urusetia yang baik sebab semua orang puji. Tadi bercakap dengan wakil daripada Bukit Tengah, di Parlimen pun tak sedap macam di Pulau Pinang. Maknanya memang Pulau Pinang adalah syurga makanan.

Saya mohon menyokong ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Tun. Sekian, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang kembali selepas makan malam iaitu pada pukul 8.00 malam.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Bolehkah kita habiskan yang *last* sahaja. Selepas itu baru pergi makan dan semua boleh balik selepas itu. Boleh?

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat pasal ada kita tak tau berapa minit dia nak bercakap itu nanti kalau setengah jam pun kita bermula hari ini pada pukul 2.00 bukan 2.30 dan yang duduk di atas ini pun saya duduk di sini pun sudah dekat lima (5) jam lebih kena faham masalah yang saya menghadapi jugakan. So, Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bermula bersidang selepas makan pada pukul 8.00 malam. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.50 petang.

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula dan saya nak silakan Yang Berhormat yang ingin menyertai sesi perbahasan. Sila YB. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Auzubillahiminashaitonnirajim, Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah rabbil Alamin, Assalamualaikum wabarakatuh. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya berbahas ucapan Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN Pulau Pinang

kali ke 14. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pimpinan Ketua Menteri, YB. Padang Kota di atas kejayaan melakar lagi satu wawasan baru hala tuju negeri Pulau Pinang yang tersebut Penang2030 berteraskan kepada konsep *Family Focus Green and Smart State that Inspires the Nation*. Di sini bagi saya jelas satu misi jangka panjang, satu pelan jangka panjang yang melestarian kemakmuran dan keharmonian kehidupan rakyat dengan meningkatkan kemajuan dan pembangunan negeri Pulau Pinang dan seterusnya mengimbangnya dengan kemakmuran kehidupan rakyat. Saya percaya disebutkan dalam Al-Quran (*bacaan ayat Al-Quran*) “negeri yang makmur dapat pengampunan daripada Allah S.W.T.”, *Insyallah*.

Berdasarkan kepada Buku Penang2030 yang telah diedarkan. Ia menjadi 4 Tema Utama dan 16 strategi yang melibatkan tema memperkukuhkan kualiti hidup, mempertingkatkan pendapatan isi rumah, memperkasakan perkhidmatan umum dan memacukan persekitaran infrastruktur kepada awam. Bagi tujuan mencapai 4 Tema ini sudah pasti negeri Pulau Pinang dan saya rasa perlu memberi perhatian kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi malah juga kepada pembangunan modal insan supaya pembangunan yang nak dilakukan ini akan diisi oleh insan-insan yang berpendidikan, berkecekapan untuk mengimbangi kemajuan yang akan dicapai pada tahun 2030. Inilah yang saya percaya eko sistem tatakola pentadbiran yang ingin dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang harus kita sokong sepenuhnya mencapai Penang2030.

Dari sudut ekonomi Dato' Yang di-Pertua, negeri ini telah ditadbir oleh Pakatan Rakyat dan kemudiannya disambung oleh Pakatan Harapan namun sejak pentadbiran Pakatan tahun 2008 sehingga kini ia menunjukkan prestasi ekonomi yang begitu baik, ia menjadi satu contoh negeri dalam Malaysia ini yang telah mencapai *benchmark* KDNK per kapita yang dirangkakan sebanyak RM43,560.00 di bawah RMK-11. Ini adalah satu kejayaan besar bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana berjaya mencapai *benchmark* yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat. Di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang kita terkenal sebagai *hub* pembuatan, destinasi pembuatan yang penting dalam Malaysia terutamanya dalam elektrik dan juga elektronik tempatan. Namun kejayaan negeri Pulau Pinang ini tidak harus terhenti setakat ini malah harus dipertingkatkan lagi. Sudah tiba masanya untuk sektor perindustrian Pulau Pinang diangkat pada tahap yang seterusnya. Kita tidak harus terlalu selesa dengan menjadi pembuat komponen atau *original equipment manufacturers* (OEM) sahaja. Pulau Pinang harus dipacu menjadi hub untuk pelaburan *high-tech*, dalam pembuatan produk berinovasi tinggi dan mampu mengeluarkan jenama teknologi sendiri ataupun *original brand manufacturing*...(dengan izinnya), Dato' Speaker.

Saya juga percaya bahawa Kerajaan Pulau Pinang sedang mengkaji pelaksanaan inisiatif Digital Penang untuk memantapkan pelaksanaan teknologi di negeri ini. Teknologi STEM ini amat dialu-alukan dan saya sarankan agar Kerajaan Negeri menyegerakan pelaksanaannya supaya lebih ramai rakyat mendapat manfaat dan pembangunan negara yang pesat ini berjalan lancar. Saya juga berharap agar kerajaan di bawah pimpinan Ketua Menteri dapat melancarkan satu *roadmap* untuk menggalakkan penguasaan teknologi *artificial intelligence machine learning* dan 5G di Pulau Pinang. Objektif utama *roadmap* ini seharusnya fokus kepada idea untuk mengintegrasikan operasi SME di negeri ini. Dengan teknologi yang saya sebutkan tadi, *Artificial Intelligence* dan Revolusi Industri 4.0, dan pada masa yang sama memastikan mereka tidak terbeban dengan kos yang terlalu tinggi. Untuk itu saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri bersama dengan syarikat teknologi ke muka dunia dalam bidang *artificial intelligence* ini seperti Adobe dan Microsoft untuk menubuhkan sebuah akademi bagi melatih SME-SME di negeri ini bertujuan untuk menaik taraf kemampuan teknologi mereka. Saya juga berharap agar bantuan geran sepadan atau inisiatif kewangan lain diwujudkan untuk menggalakkan syarikat-syarikat di Pulau Pinang untuk *adopt* teknologi industri 4.0, *artificial intelligence* dan sebagainya terutamanya mereka yang terlibat dengan perniagaan kecil dan sederhana terus diperkasakan.

Dengan izin Dato' Yang di-Pertua, selain mewujudkan *roadmap*, dengan saya sebutkan tadi ke arah *high-tech* Penang, Kerajaan Negeri juga harus menjadi pemacu utama dalam beberapa industri induk dengan memainkan peranan sebagai pelabur dan inkubator. Saya tidak mencadangkan subsidi kerana subsidi bukan penyelesaian jangka panjang tetapi sebaliknya Kerajaan Negeri Pulau Pinang disaran agar melabur dalam mewujudkan *environment* atau persekitaran yang sesuai untuk pembangunan industri. Misalnya Kerajaan Negeri boleh membiayai pembinaan *R & D centres* khusus bagi beberapa industri induk seperti elektrik dan elektronik dan sebagainya. Syarikat-syarikat di Pulau Pinang boleh menggunakan kemudahan R & D ini tanpa perlu menanggung *capital expenditure* ataupun perbelanjaan, modal yang besar, yang tinggi untuk meminda kemudahan berkenaan. Usaha sebegini penting untuk memastikan syarikat-syarikat di Pulau Pinang dapat bersaing secara sihat di peringkat antarabangsa. Inilah harapan saya supaya Pulau Pinang diangkat kekuatan ekonominya ke tahap antarabangsa, memandangkan pencapaian yang begitu baik telah ditunjukkan sepanjang tempoh 10 tahun pentadbiran ini.

Di kesempatan ini saya ingin menggesa Kerajaan Negeri untuk menggandakan usahanya untuk menarik lebih banyak pelaburan terutamanya FDI ataupun pelaburan langsung asing pada masa akan datang. Untuk rekod Dato' Yang di-Pertua, tahun 2018 jumlah *approved investment* Pulau Pinang dalam sektor pembuatan telah menurun mendadak sebanyak 46.5% ataupun dalam nilai RM5.78 bilion walaupun Malaysia secara keseluruhannya telah menerima jumlah *approved investments* yang lebih tinggi. Perkembangan ini adalah membimbangkan dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat menggariskan pendekatan yang akan diambil pada tahun 2019 untuk meningkatkan pelaburan langsung domestik dan luar negara ke paras yang lebih sihat. Walaupun sektor industri menjanjikan produktiviti dan pulangan yang tinggi berbanding sektor-sektor lain, saya berharap agar Kerajaan Negeri tidak terlepas pandang kepentingan bidang pertanian. Sudah tiba masanya kita merombak cara pertanian dilaksanakan di Pulau Pinang dengan mengintegrasikan teknologi dan usaha penanaman penjagaan, dan penuaian hasil tanaman. Kerajaan Negeri harus menjadi peneraju dalam teknologi terkini pertanian khususnya konsep pertanian pintar atau *smart farming*. Ini adalah salah satu bidang di mana kerajaan boleh memainkan peranan sebagai inkubator dan juga boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk generasi muda di samping mengukuhkan *food security* di negeri ini.

Selaras dengan cadangan ini saya juga menekankan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tidak meluluskan apa-apa permohonan perlingkungan semula yang mahu menukar syarat sawah, tanah sawah kepada tanah industri. Banyak permohonan dibuat di kawasan di Permatang Pasir dan saya bersama dengan rakan-rakan lain yang pegang kepada prinsip bahawa tanah sawah di Pulau Pinang harus kita pertahankan. Kami semua berpegang kepada satu prinsip bahawa pembangunan dalam negeri Pulau Pinang perlu seimbang antara Pulau dan juga di Seberang. Kita tidak bercakap tentang perkauman, tidak cakap tentang kemajuan mana yang lebih pesat tetapi kemajuan dan pembangunan itu perlu dibina mengimbangi kedua-dua geografi dan juga demografi. Memang ramai penduduk di Seberang Perai ini orang Bumiputera tetapi itu bukan faktor atau alasan untuk kita memilih-milih pembangunan atau kita memilih-milih *expenditure* kita. Apa yang penting adalah untuk kita membangunkan negeri ini seimbang antara kedua-dua geografi, kedua-dua wilayah supaya pembangunan ini dapat dirasai oleh rakyat secara keseluruhan. Saya percaya Visi 2030, Penang2030 Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberikan penekanan kepada pembangunan di Seberang Perai. Dalam keadaan ini kita seharusnya juga mengekalkan pertanian sebagai satu sektor ekonomi yang penting, jangan hanya kerana pembangunan kita menggadaikan segala hasil pertanian yang memberikan impak yang tinggi kepada ekonomi. Kita sedar bahawa sumbangan pertanian kepada KDNK negara hanya 8% dan MOA dalam bersama dengan Kerajaan Pakatan Harapan menyusun strategi untuk meningkatkan sumbangan kepada KDNK ini kerana pertanian memainkan sumbangan yang penting, peranan yang penting kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara. Dan sebab itu saya bersama dengan rakan-rakan menekankan bahawa dalam keadaan produktiviti padi yang semakin merosot ini di Negeri Pulau Pinang, kami, saya mendesak bersama rakan yang lain

supaya apa sahaja permohonan perlingkungan semula daripada tanah sawah kepada industri tidak dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Permatang Pasir. Terima kasih Dato'. Saya amat menghargai sebab ini yang Sungai Dua perjuangkan daripada dahulu supaya kawasan sawah dikekalkan dengan tanaman padi di bawah skim pengairan dan juga di bawah tali air. Cuma saya ingin bertanya pandangan Permatang Pasir, sektor pertanian bukan sektor yang penting untuk membekalkan makanan. Fokus yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dalam pertanian, banyak fokusnya kepada pembangunan KKPN dan juga pembangunan benih, penyediaan benih daripada Belanda, pelabur daripada syarikat dari Belanda. Jadi kalau boleh pelabur itu di, usahawan itu dilahirkan di kalangan tempatan, *anchor* dia adalah Belanda tetapi diwujudkan orang tempatan untuk menghasilkan benih-benih itu, tak boleh terus kita bagi kepada syarikat Belanda, teknikal dia kita masuk, mungkin dia ada kongsi syer, *sharing* dan sebagainya tapi mesti ada usahawan yang ada terlibat di situ.

Kedua, tentang peruntukan. Saya mendengar dan mendapat maklumat bahawa peruntukan di peringkat *Federal*, dari pihak Persekutuan, daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dikurangkan antara 50 ke 70% peruntukan tahunan untuk kementerian, untuk petani 50% untuk nelayan 50% peruntukan dikurangkan. Apakah langkah yang perlu diambil jika peruntukan itu dikurangkan, diambil oleh Kerajaan Negeri untuk terus membantu petani dan juga nelayan dan juga penternak dalam memastikan pertanian terus menjadi sektor yang penting dalam membekalkan makanan dan tidak dipinggirkan. Kalau boleh peruntukan ditingkatkan dari 7.9 meter setiap tahun kepada pertanian ditingkatkan mungkin kepada peruntukan yang lebih untuk kebaikan sektor pertanian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih Sungai Dua atas cadangan yang baik. Saya yakin EXCO Pertanian akan *respond* cadangan YB. Sungai Dua namun pada pandangan peribadi saya, apa saja *investment* yang hendak dibuat, apa saja pembangunan yang nak dibuat ia perlu melibatkan usahawan tempatan kerana kita menjadi tanggungjawab untuk membangunkan ekonomi negara bukan dari sudut angka pencapaian KDNK ataupun per kapita dan sebagainya tetapi juga untuk melihat kepada setiap usahawan, setiap individu yang terlibat dengan perniagaan ini juga menikmati, menumpang pelaburan yang dibawa masuk itu, barulah ekonomi kita akan membangun dengan lebih rancak. Kita tidak boleh ada kesenjangan ekonomi di antara pelabur besar ataupun kolomongerat besar, koperat besar sedangkan yang di bawah ini, rakyat di bawah masih tidak dibangunkan kekuatan ekonomi mereka, jadi sebab itu saya menyebut tadi soal keseimbangan pasaran ekonomi biar pembangunan, kemajuan yang nak kita lakukan di Pulau Pinang seimbang bukan saja dari sudut geografi malah juga sudut demografinya, dari sudut insaninya. Jadi saya setuju dengan cadangan Sungai Dua tentang peruntukan itu sudah pasti kita sebagai wakil rakyat nak yang lebih tinggi. Bukan saja sudut pertanian apa saja sudut bidang yang digariskan oleh Kerajaan Negeri sudah pasti kita nak kan satu bajet yang lebih tinggi. Apa yang penting dalam pertanian ini ialah bukan peruntukan secara langsung apa yang kita nak lakukan pada hari ini ialah memodenkan pertanian. Kalau benih itu bagus untuk memperbanyakkan produktiviti, meningkatkan produktiviti, menghasilkan produktiviti yang berkualiti yang mendatangkan pendapatan yang lebih kepada petani, ia lebih baik daripada kita memberikan satu peruntukan secara *direct* ataupun *instant cash* kepada petani, dan ini yang nak ditekankan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk kita memodenkan pertanian ini supaya kita dapat berdaya saing ataupun *at par* dengan negara-

negara pertanian lain. Kalau bukan di peringkat antarabangsa di dunia tetapi cukup kalau kita dapat bersaing di peringkat Asia Tenggara seperti di Thailand, Indonesia, di Filipina, Burma dan sebagainya. Ini yang nak kita lakukan pada hari ini, *Insyallah*.

Saya teruskan Dato' Yang di-Pertua kerana saya difahamkan saya ada dua jam untuk berbahas. Oh bukan?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

30 minit.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Pertanian ini luas di bawah pertanian kita ada pertanian itu sendiri, dan perikanan dan juga veterinar. Perikanan saya dengar tadi, ramai yang berbahas, saya ucapkan syabas dan setinggi penghargaan kepada rakan-rakan Yang Berhormat sama ada dari pihak kerajaan, parti dan juga pembangkang yang begitu *concern* pada nasib nelayan, pelbagai persoalan ditimbulkan dan nama saya disebut. Namun ini bukan premis untuk saya menjawab.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Faham.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Saya tidak ada punca kuasa untuk menjawab. Namun dalam perbahasan ini, *Insyallah* saya akan memasukkan elemen-elemen, fakta yang merupakan jawapan kepada persoalan-soalan yang dibangkitkan. Kita sedar bahawa perikanan ini satu penyumbang utama kepada pembangunan negara. Nelayan satu segmen pekerjaan yang bersifat 3D '*Dangerous, Difficult and Dirty*' dan mereka juga tergolong dalam B40.

Namun adakah kita nak membiarkan keadaan ini berlarutan. Memberikan *instant cash*, bukan jawapan kepada masalah ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan bajet untuk tahun ini RM1.2 juta sebagai dipanggil elaun pukut. Sorang RM400.00 akan memperolehi elaun pukut. Di peringkat Pusat, kita memberikan Elaun Sara Hidup RM200.00 sebulan. Kerajaan Pusat perlu membelanja hampir RM8 juta sebulan, untuk memberikan *instant cash* kepada nelayan. Tapi adakah pemberian-pemberian ini yang telah diberikan selama ini. Bukan baru, telah lebih 10 tahun menyelesaikan masalah kemiskinan nelayan.

Oleh itu, satu tindakan yang bersifat *holistic* perlu diambil iaitu memodenkan nelayan, daripada kita memodenkan petani. Nelayan juga perlu dimodenkan, dan usaha untuk memodenkan nelayan ini bukan hanya diperingkat Pusat. Perlu ada integrasi di antara Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri, kerana kedua-dua kerajaan ini mempunyai bidang kuasa yang berbeza. Mempunyai punca kuasa yang berbeza, mempunyai hak yang berbeza.

Jadi, jika tanamkan semangat *federalism* yang hendak diangkat hari ini oleh Kerajaan Pakatan Harapan, saya berharap agar satu hubungan yang lebih erat dapat di bentuk di antara agensi pusat dibawah MOA dengan Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran EXCO Pertanian. Banyak perkara yang diutarakan, namun bagi saya memodenkan nelayan itu adalah yang paling penting. Mereka perlu berani keluar daripada jadi zon nelayan zon A. Mereka perlu keluar untuk berubah, mempunyai *mentality* yang baru, ada anjakan paradigma di antara nelayan untuk memiliki bot-bot besar, *vessel-vessel* besar yang berani terjun, berani turun ke laut dalam laut zon C, zon C2 yang mana dengan sendirinya akan meningkatkan pendapatan nelayan dan juga membanyakkan lagi bekalan ikan.

Rakyat hari ini mengeluh, di mana kekuatan Pakatan Harapan untuk menyelesaikan masalah kos sara hidup. Rakyat mahukan harga ikan yang murah, yang lebih munasabah, yang lebih berpatutan. Dan inilah tugas kita di bawah satu payung Pakatan Harapan, untuk kita memodenkan nelayan. Kita tidak boleh lagi hanya bergantung kepada aktiviti konservatif, aktiviti konvensional, aktiviti tradisi yang hanya turun ke laut 5, 6 jam sehari. Apabila turun ke

laut, menggunakan bot-bot kecil yang tidak akan membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

Jadi untuk kita menyelesaikan masalah secara *holistic*, rakyat mahukan harga ikan yang murah, nelayan mahu pendapatan yang meningkat. Jadi, integrasi di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan harus dimulakan untuk memodenkan nelayan. Dan saya mencadangkan ada tanah kerajaan di kawasan Batu Maung di Kompleks LKIM Batu Maung untuk kita majukan sebagai satu hub perikanan yang moden. Di situ adanya pemilikan *vessel-vessel* yang besar, yang dimiliki oleh Persatuan Nelayan sendiri. Situ adanya *midstream* dan situlah adalah *downstream*. Ia satu hubungan yang berkait rapat di antara industri di antara perniagaan *up stream, midstream and down stream*.

Jika *the chain of business, the chain of supply* ini dapat diselesaikan, *insyaallah* saya yakin keluhan rakyat, keluhan nelayan ini dapat diselesaikan. Namun, perkara ini bukan perkara yang mudah, kerana ia memerlukan kerjasama juga daripada nelayan. Jadi kita bukan sahaja perlu berbicara tentang nasib nelayan, tentang kesusahan mereka. Ya, mereka susah, mereka perlu turun ke laut berhadapan dengan gelora laut yang tidak menentu.

Tapi, selagi mana kita tidak ada satu anjakan paradigma untuk memodenkan nelayan, memodenkan aktiviti perikanan ini, kita tidak akan ke mana-mana. Kita akan hanya habis di dalam Dewan ini, bicara tentang kemiskinan nelayan, tentang kekangan nelayan di laut, tapi itu bukan jalan penyelesaian yang melibatkan jangka panjang. Apa yang kita nak adalah kemodenan nelayan, supaya kita selagi lagi seperti saya sebut tadi menjadi sebuah negara yang berdaya saing, yang kompetitif dengan negara-negara lain yang memiliki industri perikanan yang cukup maju yang boleh dibanggakan sepertimana di Australia, di Norway, di Korea dan di Jepun...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pasir, yang tadi menyentuh tentang pemodenan khususnya dalam sektor perikanan. Ingin saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini, baru-baru ini kita boleh nampak ada satu fenomena yang agak menarik, khususnya di kalangan nelayan di mana melalui teknologi sosial media iaitu melalui *Facebook*, kita boleh nampak banyak di antara nelayan apabila hasil mereka tidak dapat habis dijual pada hari itu.

Dan demi untuk memastikan keuntungan dan juga kesegaran hasil ikan itu, mereka mengambil satu cara yang inovatif iaitu melalui *Facebook Live*, mereka membuat bidaan secara langsung. Jadi, mereka akan mempamerkan ikan-ikan melalui *Facebook Live* dan banyak sebenarnya saya nampak banyak yang pengguna *Facebook* ini juga turut membida ikan-ikan yang hasil tu. Jadi, dengan cara yang inovatif ataupun dengan kemajuan teknologi maklumat khususnya dalam sosial media ini, saya yakin mungkin kita boleh carikan benda ataupun cara yang inovatif berbanding dengan mungkin kita sediakan infrastruktur, kita boleh melalui kemajuan teknologi ini. Ini salah satu, saya rasa Revolusi Industri 4.0 yang patut kita lihat bukan saja di dalam sektor ekonomi, tetapi di dalam membantu nasib warga nelayan juga.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih. Satu cadangan yang baik memang di bawah MOA, kita telah merangka untuk memperkasakan *online business* ini. Dan sebab itu pada awal tadi, saya memberikan satu *narrative* tentang pembangunan di Negeri Pulau Pinang ni untuk *explore* lebih dalam *Artificial Intelligence Industry, Artificial Intelligence, Industry 5G* dan sebagainya. Yang mana hari ini kita berhadapan dengan satu cabaran Revolusi Industri 4.0. Tapi kalau kita tengok dari sudut realistiknya and *pedicle research* kalau dibuat di Malaysia ini, Revolusi Industri industri kita masih di peringkat 2.0. Kita *even not even reach 3.0...(dengan izin)* Dato' di-Pertua, jadi ya inilah antara kaedah-kaedah yang sepatutnya kita terokai, dan kita *Insyallah*

kita akan membantu nelayan bagaimana nak *explore business* ini supaya hasil mereka dapat dijual secara *direct* kepada pengguna.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon soalan kepada Permatang Pasir. Dato', *this is important* na. Kot dia dah ada data...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dia.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Semasa. Okey...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat sekarang berperanan sebagai Yang Berhormat Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya saya tahu. Saya tahu, bukan pasal. Saya tanya dia sebagai Permatang Pasir. Berapa tan kepala ikan salmon? *No, seriously* sebab semasa kita. ...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mempunyai majlis pelancaran *food bank* bersama Dato' Seri Anwar dan YB. Pantai Jerejak, kami dihidangkan dengan gulai ikan kepala salmon. *So*, sebab dia nak hidangkan kami makanan-makanan yang dibuang, 80% dari makanan yang dihidangkan kepada kami hari itu untuk *lunch* ialah makanan yang dibuang. Saya baru tahu rupanya kepala salmon dibuang. Maknanya ini makanan yang diselamatkan dan dihidangkan kepada kami. Permatang Pasir banyak bersebut tentang ikan, jadi sebab itu saya tanya soalan sebab kalau tak kalau Permatang Pasir ada...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kepala ikan salmon.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Contact dengan ikan-ikan yang apa orang yang tangkap ikan tapi dia tak mau kepala ikan, kami boleh gunakan untuk bantu orang-orang kampung untuk masak. Haa. Bukan *retort*, masak kari kepala ikan salmon yang dibuang...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Mana ada.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Betul?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

No. Saya nak tau sebab saya tak pernah tahu rupanya bila orang jual salmon, dia buang kepala dia. Saya baru tau.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yes, yes. That is a curry salmon.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Penanti. *Okey*, apa dia. Biasanya orang kaya ja makan salmon ni. *Okey*. Jadi balik kepada perbahasan tadi. *Ooh*. Ikan-ikan ni bergantung pada saiz. Saya tak boleh nak memberikan satu *figure* yang *defensive* yang, yang, yang betul bergantung pada saiznya baru kita tahu berapa beratnya. *So*, tapi jawapan saya salmon ni orang kaya-kaya je, orang ada-ada yang makan. Kami yang marhain ni tak merasa lagi kepala, kepala salmon ni. *Okey*.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Just to say that rupanya di *hypermarket* semua, mereka buang kepala ikan salmon. Mereka tak makan...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Ya, memang...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Maknanya benda tu benda yang dibuang. Saya nak katakan Permatang Pasir mungkin dengan ada *link-link* dengan LKIM kan, mungkin boleh bagi kepada kami. Kami Penanti jadi, kami boleh jadikan industri semua kepala ikan salmon yang dibuang ini. Ya, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Boleh. Boleh. Boleh. Tapi kita tak, kita tak bagilah ikan yang tak berkualiti, yang dibuang tu mungkin tidak berkualiti lagi. *Okey*, jadi kita juga perlu mendalam konteks....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Konteks, apa tadi...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambahan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Satu hub perikanan yang moden di Batu Maung. Kita boleh juga, *timing*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tak macam ni. Tadi pasal apa sebut nak modenkan nelayan. Saya terlibat dulu dalam modenkan petani. Tahun 82 terlibat modenkan petani selepas tanah terbiar. Tapi bukan mudah, bukan senang nak modenkan tukar *mentality* petani. Pada yang petani veteran, sistem lama nak tukarkan ke moden. Susah.

Tapi sekarang *Alhamdulillah*, dah ada kemodenan dalam tanaman padi. Tapi, industri lain dalam pertanian belum lagi, belum moden lagi. Seperti gasi tak popular, hidroponik tak popular, macam-macam. *So*, ini bukan satu yang mudah, nelayan juga macam tu. Pasal tu dia senang. Nelayan ni lagilah, macam-macam perangai. *Lawyer* banyak kan. *Lawyer* pun banyak dalam nelayan. Sebab tu yang senang, dan kalau nak ubah pergi ke laut dalam, bukan semua nelayan nak pergi. Had muda-muda pun tak mau pergi laut dalam ni. *So*, kena rancang sesuatu yang cukup berkesan. Kena rancang daripada bawah, libatkan anak muda yang ramai supaya pelapis tu ada dalam nelayan. Dan yang penting sekali macam dibangkitkan tadi untuk industri nelayan ni, sumber tu kena ada. Sumber ikan tu kena ada. Pantai ka, tengah sikit ka kena ada sumber yang cukup. Kena ada sumber yang cukup. Kalau sumber itu habis dengan pukuk-pukuk ini itu akan jadi masalah. Mai lah nelayan banyak mana pun sumber tiada, '*bo lio*' orang kata. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih kepada Sungai Dua. Cadangan yang baik sebab itu saya katakan tadi kita perlu modenkan nelayan cakap tadi tentang satu pusat hub perikanan moden di Batu Maung boleh dibangunkan dan kita memberikan mereka kuasa-kuasa besar untuk turun ke laut dalam. *Zone Exclusive Economy (ZEE)* itu yang kita mahukan sebab di situ ada sumber ikan yang banyak. Kita hari ini berhadapan dengan tambakan tiga (3) buah pulau dalam *Penang Transport Master Plan*. Jadi kita perlu bersedia untuk cabaran ini. Jadi apa yang saya hendak cadangkan adalah integrasi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di negeri Pulau Pinang untuk kita modenkan nelayan mereka perlu keluar daripada tembok pemikiran yang lama yang konservatif dan hanya mahu keluar ke laut yang dekat 5 batu nautika saja yang disifatkan zon A selama ini kerana pembangunan ini semakin pesat ini tidak boleh kita nafikan.

Jadi Kerajaan Negeri perlu bersedia Kerajaan Negeri mahu melaksanakan tambakan laut tapi apakah persediaan kepada nelayan, memberikan *instant cash* memberikan pampasan itu bukan penyelesaian jangka panjang wang ini akan dibelanjakan begitu sahaja tapi ke mana hala tuju mereka untuk mereka meningkatkan produktiviti mereka.

Sebab itu saya cadangkan dalam keadaan kita berhadapan dengan cabaran *rapid development* di Pulau Pinang ini dengan PTMP itu kita perlu sedia untuk bantu nelayan. Kerajaan Negeri perlu datang dengan satu penyelesaian yang *holistic* yang bersifat jangka panjang yang progresif bagi saya bukan sahaja ada konsultasi dengan persatuan nelayan untuk menyelesaikan masalah lain tapi juga perlu datang dengan satu mekanisme penyelesaian untuk memodenkan mereka jangan hanya memberikan *instant cash*, pampasan sepertimana yang berlaku di Tanjong Tokong sebelum ini sedangkan mereka tidak ke mana selepas itu. Itu akan merugikan nelayan dan juga aktiviti negara. Itu di peringkat nelayan dan cakap tentang kekangan yang dihadapi kita kekurangan sumber sebab itu kita tidak lagi memberikan, Kerajaan Pusat tidak lagi memberikan lesen-lesen bot, lesen-lesen biasa kepada pukut tunda. Tidak ada lagi lesen baru dikeluarkan malah untuk tahun ini sebagai persediaan kita menghapuskan pukut tunda 2020 Zon B pukut tunda telah dibatalkan. Tahun 2019 kita mulakan langkah pertama Zon B pukut tunda tidak ada lagi dibatalkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Permatang Pasir. Peringatan mesra.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Okey.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lebih daripada 30 minit cerita bersabit dengan ikan saja. Rasanya Permatang Pasir kawasan yang...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Ya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Macam buat penggulungan nanti Seberang Jaya tidak dapat berbuat penggulungan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Ini saya...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, saya cuma peringat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Itulah cadangan-cadangan saya Yang di-Pertua. Saya juga *consent* tentang masalah perubahan mampu milik di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang disarankan untuk meningkatkan rumah mampu milik yang lebih selesa dengan harga yang munasabah. Saya mencadangkan untuk melepaskan tanah-tanah milikan negeri pada *zero cost* atau harga yang paling minimum untuk dibina rumah mampu milik. Semua unit rumah mampu milik harus diwajibkan *built to sell* iaitu bina dahulu jual kemudian untuk pastikan tiada unit tidak terjual malah margin keuntungan boleh dijana oleh pihak pemaju untuk unit mampu milik juga harus dihadkan. Saya juga menyarankan agar tanah wakaf yang ada di Pulau Pinang ini dibangunkan mengikut kaedah ini untuk menggalakkan perbezaan rumah mampu milik sekiranya langkah-langkah ini dilaksanakan saya yakin harga rumah akan jadi lebih murah dengan kos *low rejection* akan berkurangan.

Selain daripada pembangunan ekonomi untuk mencapai *Vision 2030* kita juga perlu melihat kepada kepentingan modal insan kita baru-baru ini dikejutkan dengan insiden-insiden yang begitu menyedihkan mengejutkan berlaku pengeboman di tempat-tempat awam dan juga tempat-tempat ibadat berlaku dua (2) kejadian di peringkat antarabangsa iaitu pengeboman di dua (2) buah masjid di Christchurch New Zealand 2019 yang mengorbankan hampir 50 orang awam dan di Sri Lanka pada 21 April yang lalu, *dark day for me that was my birthday the accident happen on that day*. Hampir 359 orang awam meninggal, 50 daripadanya adalah kanak-kanak. Ini berlaku di rumah ibadat Kristian yang menyambut Hari *Easter*. Kita mengkritik kedua-dua kejadian kedua-dua insiden ini insiden tidak boleh diterima oleh mana-mana rakyat Malaysia yang mempunyai fikiran yang waras.

Apa situasi insiden ini dengan keadaan kita di Pulau Pinang. Insiden-insiden ini dikaitkan dengan keganasan *extremism*. *Extremism* ini ataupun *terrorism* ini lahir daripada pemikiran ataupun semangat *zenosfobia* yang tinggi. *Zenosfobia* ini boleh dikaitkan juga dengan *realism* ataupun *zeniosfobia* di mana sikap ganas pemikiran ganas itu menyelinap masuk ke dalam diri kita. Ini yang saya fikirkan yang membimbangkan saya apakah jadi jika budaya ini tidak dibendung. Ramai yang mengatakan bahawa *zeniosfobia* ini belum menular ke Malaysia tetapi bibik-bibik keganasan itu sudah wujud. Mungkin bukan sudut senjata namun kalau kita membaca penulisan tentang Islam *zeniosfobia* dan juga *radicalization* oleh Profesor dari Universiti Amerika Syarikat Jack Exposito yang begitu terkenal dalam bidang ini.

Beliau meletakkan Malaysia antara negara yang melahirkan *terrorist* iaitu ramai tangkapan dibuat oleh kerajaan terhadap mereka yang terlibat dengan kumpulan-kumpulan di Syria dan ini yang kita hendak elakkan. Kita hendak membina Pulau Pinang Maju 2030 tapi kita tidak boleh ada pemikiran ganas di kalangan rakyat. Saya mengharap kerajaan mengambil langkah yang proaktif untuk menubuhkan jawatankuasa khas menghalang pemikiran ini. Kita ada di peringkat EXCO, saya pohon supaya Kerajaan Negeri serius dalam hal ini kita mahu perpaduan di kalangan rakyat kita hidup dalam keadaan yang unik dan demografi negeri ini terbentuk daripada pelbagai kaum pelbagai agama sifat toleransi sifat menghormati kaum lain itu perlu ada dalam diri setiap individu rakyat Pulau Pinang dengan tahap yang cukup tinggi. Jika tidak ada toleransi saya bimbang apa yang kita impikan *vision Penang 2030* hanya melihat kepada pembangunan fizikal tapi modal insan itu tidak terbimbang.

Kalau permusuhan di kalangan rakyat ini semakin menebal semakin membarah semakin membengkak saya bimbang apa yang kita impikan tidak akan tercapai. Kita tidak akan mampu mengisi ruang-ruang kekosongan perjawatan ataupun lorong perniagaan, lorong ekonomi dalam pembangunan 2030 dengan banjiriran warga asing hari ini. Saya bimbang juga warga asing yang akan mengisi kekosongan ini. Jadi kita jangan lekakan rakyat dengan pemikiran keganasan dengan kita lekakan rakyat yang muda orang muda dengan keganasan ataupun kebencian kaum yang menebal ini. Wujud hasutan dan sebagainya dan antara faktor utama yang mendorong kepada wujudnya *zenofobia* ini ataupun *zionism* ini adalah penyebaran maklumat palsu.

Ini yang kita bimbang dan saya hendak bawa satu contoh, minta maaf saya mendengar khutbah di pelbagai masjid-masjid cuma saya tidak dapat rakam khutbah itu saya bawa satu keratan. Sebelum ini apabila berlaku kejadian pengusiran 22 orang penghuni flat PPR di Taman Manggis dikeluarkan dalam Harakah, "DAP halau rakyat". Apa kena mengena DAP dalam isu ini? *I'm not belong to DAP but we must be honest with fact* jangan kelirukan rakyat dengan auta dan emosi. Didik rakyat dengan fakta dan maklumat yang benar. Kenapa harus dipolitikkan perkara yang melibatkan kepentingan rakyat. Jangan mengambil kesempatan di atas rintihan rakyat. Jangan mengambil peluang politik di atas kemudaratan rakyat. Rakyat menderita, ya benar tapi kita bertanggungjawab kepada rakyat kita pembangkang kita bangkang atas fakta maklumat yang benar bukan atas emosi dan persepsi yang sengaja dibina untuk merenggangkan lagi hubungan kaum bukan saja merenggangkan malah mengapi-apikan perkauman di antara sesetengah kaum dalam negara. Adakah ini yang kita hendak bina? Tidak. Saya berdiri di sini di atas premis seorang Ahli Dewan Undangan Negeri untuk menjawab untuk memastikan negeri ini dibina secara seimbang fizikalnya dan juga pembangunan modal insan sebab itu sekejap dua minit lagi. Sebab itu saya menyarankan agar Kerajaan Negeri serius dalam hal ini. Bila saya bertanya tentang khutbah-khutbah bagaimana tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangani masalah khatib-khatib yang tidak membaca teks yang disediakan oleh Jabatan Mufti. Jawapan yang diberikan adalah pemantauan, itu yang diberikan pagi tadi. Terima kasih kepada jawapan TKM 1. Namun bagi saya itu tidak cukup kalau dibangkitkan perasaan benci di kalangan orang Islam di kalangan orang Melayu kaum lain juga akan bertindak sebab setiap kaum ini mempunyai perasaan sebab itu kita perlu menjaga perasaan orang lain, sebab itu Allah menyebut ini bukan saya yang sebut Allah menyebut (*bacaan ayat Al-Quran*). "Jangan hanya kebencian dengan satu kaum kamu berlaku tidak adil kena adil berlaku kerana adil itu dekat dengan taqwa".

Adakah adil dia tahu fakta bahawa pengusiran 22 orang itu bukan pengusiran meminta mereka kosongkan *apartment* itu flat itu kerana ramai lagi yang menunggu. Ada 1,137 pemohon lagi yang layak untuk menduduki premis-premis PPR ini tapi bagi mereka sudah tidak layak sudah melepasi kelayakan minima untuk mereka tinggal di PPR, mereka perlu mengosongkannya. Kalau kita adil kepada fakta kita adil kepada rakyat kita adil kepada masa depan generasi kita tidak akan sesekali menyelewengkan fakta hanya kerana keuntungan politik.

Disebab itu atas premis ini saya menyarankan kepada Kerajaan Negeri perlu satu jawatankuasa yang bersepadu yang melibatkan pendidikan kedua-dua ataupun ketiga-tiga kaum bukan hanya Melayu dididik untuk *tolerate* tapi kaum Cina kaum India juga kaum-kaum lain juga perlu dididik untuk *tolerate* perlu mencari satu mekanisma yang terbaik supaya perkara sebegini tidak akan berulang lagi...(gangguan). Dua minit baru seminit. Salah satu mekanisma terbaik adalah mendidik rakyat. Pendidikan adalah penting. *Tourist Penang2030*. Saya mengambil kata-kata Nelson Mandela tokoh revolusi Afrika Selatan yang dulu. "*Education is the best weapon in which you can change the world*". *You want to change Penang to more advance state want to make Penang as a advantage Vision Penang2030*. *Want to change Penang, want to change the world*. Saya tidak mahu kerana pemikiran yang ganas ini cuba ditanam hari ini kebencian kaum ini merencatkan pembangunan yang kita hendak lakukan sebab pembangunan ini perlu diisi oleh orang-orang kita. Warga tempatan perlu mengambil peluang ini, warga tempatan perlu dididik oleh pendidikan yang tinggi dari sudut teknologi, sudut kemahiran, sudut professional dan sebagainya untuk mereka mengisi pembangunan dan kemajuan ini dan saya berharap di pihak kerajaan cadangkan, di pihak Pembangkang ayuh *be fair and honest*. Itu sahaja yang saya minta. Sila.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Terima kasih kepada adinda saya, Yang Berhormat Permatang Pasir yang telah memberi laluan kepada saya untuk saya mencelah dalam sesi perbahasan ini. Saya sangat tertarik dengan kupasan berkaitan dengan isu keganasan, *terrorist* seperti mana yang dibangkitkan insiden yang berlaku di New Zealand, di dua (2) buah masjid dan di Sri Lanka di

gereja dan di Malaysia juga kita mesti dan saya sangat bersetuju untuk kita memastikan isu keganasan ini mesti dikawal daripada awal supaya tidak berleluasa dan supaya tidak ada fahaman ini dikalangan rakyat khususnya di Negeri Pulau Pinang ini.

Cuma kebelakangan ini agak membimbangkan apabila di sana ada perkara-perkara yang kita lihat, yang kadang-kadang boleh membangkitkan atau mencetuskan suasana tidak selesa atau suasana yang boleh menimbulkan kemarahan, yang boleh menimbulkan kita rasa tercetusnya sesuatu yang tidak baik, insiden yang tidak baik disebabkan oleh masyarakat kita ataupun rakyat yang tidak dididik. Sebagai contoh, saya nak bagi, tak pernah berlaku dalam sejarah negara kita apabila kereta Polis ditahan dan diperiksa tetapi ini berlaku ketika mana dalam pilihan raya PRK Rantau, sebuah kereta Polis yang ditahan kemudian diarahkan untuk dibuka bonet belakang, diperiksa. Ini sangat membimbangkan kerana kalau kita tidak memberi kepercayaan kepada PDRM ataupun anggota Polis untuk menjalankan tugas mereka menjaga keselamatan, siapa lagi yang kita nak beri kepercayaan ataupun tanggungjawab untuk memikul amanah ini? Jadi perkara ini perlu kita di era Malaysia baharu ini mesti tangani dengan sebaik mungkin supaya benda-benda ini tidak merebak mencetuskan suasana yang tidak baik.

Dan berkaitan dengan apa yang dibangkitkan dengan pengusiran 22 penghuni di PPR Taman Manggis, saya tak nak respon panjang dan saya dah tengok respon daripada Sungai Puyu juga berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Permatang Berangan. Cuma, bila dikaitkan dengan Harakah itu, dan sememangnya kita mengakui bahawa Kerajaan Pulau Pinang, Kerajaan Pakatan Harapan yang ditunjangi oleh DAP dan kalau itu tidak betul, akhbar yang melaporkan itu tidak betul, saya kira Pakatan Harapan mempunyai kuasa oleh kerana Kerajaan Pusat berada di tangan mereka, boleh mengambil tindakan. Jangan dibiarkan terus begitu. Boleh mengambil tindakan, dan isu PPR Taman Manggis ini pun kalau tengok dia daripada 22 keluarga ini berlainan kes. Kita tak boleh nak sekaligus. Satukan isu. Mereka perlu dikeluarkan oleh kerana ada pendapatannya melebihi RM1,500 sebulan. Tapi mungkin lihat juga isi keluarga ada yang keluarganya yang ada lima (5) orang anak, ada yang enam (6) orang anak dan saya sangat bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh sahabat kita juga, di kalangan Yang Berhormat yang mencadangkan tengok kepada per kapita. Kalau seorang kita letak RM300, kalau dia mempunyai lima (5) orang anak bermakna di situ perkapitanya adalah RM1,500 dan kalau lapan (8) orang, kita kali balik dengan 3, dia mencecah pada RM2,400 jadi perkara ini perlu di lihat dan ada yang tinggal di situ saya difahamkan walaupun dia bukan kawasan saya tapi oleh kerana dah beberapa malam mereka berada di hadapan KOMTAR itu, saya terpenggil juga untuk turun melihat. Ada yang diusir dia sebenarnya bukan dia menyewa tapi rumah ganti rumah yang difahamkan yang sebelum ini ada tanahnya diambil oleh kerajaan tak pasti sama ada kerajaan hari ini atau sebelum dan bila tapak rumah itu diambil untuk pembangunan maka rumah ganti rumah dan dia ditempatkan di situ.

Jadi perkara inilah yang perlu penjelasan sebab banyak kes yang kita dengar ketidakpuasan tindakan yang dibuat itu menyebabkan akhirnya selepas daripada beberapa malam mereka berada di hadapan KOMTAR ataupun di depan Kompleks KOMTAR itu dan akhirnya dibenarkan pula masuk semula ke PPR Taman Manggis.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Permatang Pasir, saya nak peringatkan lagi sekali. Anda tak ada masa yang panjang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Lima (5) minit. Ini betul. Berkenaan dengan isu tahan kereta Polis dan sebagainya, isu PPR, apa yang saya tekankan adalah bila kita berbincang soal, membicarakan isu ini jangan kaitkan dengan perkauman. Walaupun yang menahan kereta Polis itu lelaki India, itu urusan yang perlu dikaitkan dengan soal jenayah. Kenapa perlu dikaitkan dengan perkauman. Bila kita mengapikan isu itu dengan perkauman, ia akan menyemarakkan semangat perkauman

itu. Ia akan membarah lagi, membarah dan membarah dan membengkak yang akhirnya boleh mencetuskan permusuhan dan juga huru-hara. Kita telah melalui satu fasa yang begitu perit dalam negara kita. Selepas kita merdeka kita telah melalui fasa di mana keharmonian kaum tidak dapat dibentuk. Berlaku kejadian 13 Mei. Selepas 13 Mei kita telah wujudkan pelbagai kaedah untuk mendidik rakyat. Kita ada rukun tetangga, maaf, Rukun Negara dan sebagainya...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Jadi, ini ialah satu cara mendidik. Rukun Negara itu kita mendidik rakyat untuk hidup dalam keadaan harmoni, menghormati kaum lain dan sebab itu saya rasa di mana hari ini berlaku satu gejala Zerophobia yang begitu merbahaya yang bermula di Afrika Selatan menular pula kepada Eropah Timur dan serata Eropah. Sebab itu kita perlu menghalang ia menular ke negara kita. Perlu ada satu langkah *preventive* perlu diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang hari ini. Mengambil kata-kata seorang calon demokrat sebelum ini yang bertembung dengan Donald Trump ataupun Hillary dalam pemilihan demokrat sebagai calon Presiden menyebut "*we cannot allowed racism ZeroPhobia to get attraction*" bermaksud Zerophobia racialism ini, echoism apa sahaja *Islamophobia* apa sahaja *term* yang kita hendak gunakan yang membentuk keganasan ini bukan satu alat untuk kita menarik undi atau pun sokongan rakyat itu yang saya tekankan dan bercakap tentang...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Permatang Pasir, setengah minit. Boleh? Tentang Zerophobia.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Mau tunjuk ini sahaja. Tadi belum tunjuk. Kita nak tengok Penaga punya *stand* dalam Harakah, satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. Ini maksud saya. *I have to stressed again. I'm not belong to DAP. I belong to Amanah but we must be fair and honest with facts.* Itu yang penting. Kalau faktanya mereka tidak lagi layak duduk di rumah PPR, itu yang perlu yang kita bentangkan. Kita bantu mereka dapat rumah baru. Itu yang sepatutnya yang dibuat. Bukannya kita menyertai demonstrasi mengapi-apikan rakyat bahawa ini tindakan ganas DAP, tindakan ganas kerajaan yang tidak menghormati kaum Melayu. Itu yang kita tidak mahu berlaku dalam negara, dalam negeri Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Jadi itu yang saya mahu tekankan dan beri peluang pada Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya dulu. Permatang Pasir, bercakap mengenai *extremism* dan juga sifat perkauman, *rasisme*, semuanya berpunca daripada segelintir individu yang cuba mengapi-apikan perasaan rakyat untuk agenda mereka sendiri. Mungkin agenda politik, agenda ekonomi, kita tak tau apa agenda dia. Oleh itu, kerajaan *I think* Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan semuanya kena mengambil satu tindakan yang tegas dalam memerangi unsur-unsur atau pun anasir-anasir *extremism* ini di semua, saya tak katakan mana-mana agama atau kaum secara *specific*. Mereka cuba mengapi-apikan salah satu contoh mereka yang menghina agama tidak patut dibiarkan untuk terus buat. Kalau untuk saya, agama saya hebat. Untuk dia, agama dia hebat. Itulah yang sedang menjadi, kita boleh lihatlah bibit-bibit macam tadi cakap *extremism*, kita sudah boleh lihat. Kita jangan, kerajaan perlu bersikap tegas dan kita perlu ada satu mekanisma kalau nak bercakap tentang agama lain, kalau itu bukan agama saya, jangan saya cakap tentang agama itu. Saya cakap tentang agama saya sudahlah.

Jangan kita pergi mengapi-apikan, tentang agama saya sudahlah. Jangan kita pergi mengapi-apikan, *you know* cuba buat perbandingan. Itu semua tidak akan membawa kita ke mana-mana. Itu pandangan saya dan saya berharap kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan akan mengambil serius akan perkara ini.

Sebab *I think* selepas lahirnya Malaysia Baharu banyak orang yang sudah tidak ada kerja, tak ada cari makan lagi, so mereka mula main api perkauman, api ekstremis untuk *survival politic* mereka, *survival economy* mereka. Itu pandangan saya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Terima kasih atas pandangan tersebut. Cuma saya nak..(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Kali kedua. Tak apa lah. Dah kali kedua kekanda. Dato' Yang di-Pertua, 2 minit.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Janji perlu dikotakan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):

Jadi bercakap tentang *honest with the facts*, kita tahu Kerajaan Pulau Pinang telah menjaga Islam dengan baik. Islam bukan hanya terletak pada nama, Islam bukan hanya pada slogan tetapi pada *essencenya*, pada nilainya, pada *substancenya*, pada prinsip, pada etikanya. Kita memberikan peningkatan kepada peruntukan Hal Ehwal Agama Islam daripada RM54.8 juta kepada RM56.3 juta tahun ini. Kenapa ini tidak diwar-warkan? Dan kita menjaga kebajikan rakyat. Allah menyebut "*fastabiqul khairat*, berlumba-lumba dalam kebajikan" dan PAS juga dulu telah melancarkan agenda negara berkeadilan. Menunjukkan kebajikan itu salah satu prinsip dalam Islam, salah satu cabang penting pentadbiran sebuah Kerajaan Negeri dan kita yakin sepanjang 11 tahun Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini ditadbir di bawah Pakatan ini, pelbagai insentif kebajikan diberikan kepada rakyat. Ini yang kita perlu kita tegaskan kepada rakyat di luar sana bahawa jangan kaitkan perkauman ataupun sentimen agama dengan kerajaan tetapi lihatlah apa kebajikan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada keseluruhan rakyat Pulau Pinang. (*Ahli Dewan menepuk meja*).

Dan yang paling penting segala insentif, segala polisi kebajikan ini dirasai dinikmati oleh majoriti orang melayu Islam. Ini yang saya nak tekankan Dato' Yang di-Pertua. Soal isu yang ketiga, isu setempat sahaja. Saya ingin menyarankan agar Permatang Pasir walaupun kedudukannya begitu unik tersepit di antara dua (2) wilayah yang membangun, Seberang Jaya dengan Bukit Mertajam, membuatkan ianya begitu terkebelakang dari sudut pembangunan. Jadi saya hanya nak menegaskan di sini supaya Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyegerakan pembinaan dewan orang ramai Permatang Pasir dan juga baik pulih gelanggang futsal. Terima kasih kepada EXCO yang telah meluluskan dan saya juga nak menekankan bahawa terdapat sebuah projek lama yang masih tertangguh iaitu Sekolah Menengah Tok Elong yang saya dimaklumkan bahawa ia tidak disebut dalam RMK-11, maka saya menggesa untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memasukkan sekolah ini sebagai salah satu projek yang hendak dipohon di bawah RMK-12 dan saya juga memohon agar dibina sebuah rumah projek mampu milik di kawasan Permatang Pasir.

Terdapat tanah-tanah yang boleh dibangunkan dan saya yakin penduduk Permatang Pasir juga memerlukan rumah. Mereka juga susah seperti orang lain, mereka juga layak seperti orang lain dan mereka juga mahu sebuah projek mampu milik di Permatang Pasir. Memang tidak ada lagi projek sedemikian dan saya memohon agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan juga penumpuan kepada pembangunan di Permatang Pasir.

Saya ucapkan terima kasih lagi sekali kepada kesabaran Dato' Yang di-Pertua memberikan masa yang cukup *ample* kepada saya. Jadi akhir kata saya mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat, kepada pegawai-pegawai kerajaan, kepada birokrat juga kepada urusetia dan kepada semua Selamat Menyambut Ramadan. Kalau tak sempat jumpa lagi Maaf Zahir Batin untuk Aidil Fitri dan saya ucapkan terima kasih juga. Dan ucapkan hari *Labour Day* esok kepada semua kakitangan kerajaan yang hadir pada hari ini.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Dengan itu saya pohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pasir. Ahli-ahli Yang Berhormat, saat-saat yang ditunggukan. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menyertai dalam sesi perbahasan atas usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, yang telah pun berkenan melafaz di Dewan Undangan.

Dan saya juga ingin memberi maklum kepada Dewan bahawanya, kita akan sambung dengan sesi penggulungan pada 2 haribulan Mei, hari Khamis dan saya dalam kesempatan ini juga nak mengucap Selamat Menyambut Hari Pekerja dan Dewan ditangguhkan.

Kita bersidang semula pada 2 haribulan Mei, hari Khamis, 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 9.05 malam.